

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 PENGENALAN**

Awal tahun 1990-an dan seterusnya telah memperlihatkan pertumbuhan pesat Internet sehingga mampu menghubungi jutaan komputer di seluruh dunia melalui satu platform perangkaian multimedia yang dikenali sebagai World Wide Web (WWW) (Dzulkifli, 1995). Penyebaran maklumat dan komunikasi telah menjadi global dan tanpa sepadan. Perkembangan pesat dunia Internet menjadi pemangkin kepada gelombang baru yang digelar sebagai gelombang ketiga oleh Toffler (1980) dengan mencirikan proses intensif pengetahuan dan teknologi boleh mewujudkan kekayaan dengan hanya bergantung kepada pertukaran data, maklumat dan pengetahuan (Omar, 2003). Kemunculan teknologi baru membawa kesan kepada cara berorganisasi dalam tatacara kehidupan manusia hinggalah dikenali kini sebagai era ilmu (Halimah, 2000). Antara lain yang ditekankan dalam era ilmu ialah maklumat pelbagai disiplin, penyebaran maklumat secara global dan pengurusan maklumat. Kesemua ini perlu kepada perkembangan teknologi maklumat yang pesat. Kepesatan perkembangan teknologi maklumat meninggalkan kesan antara lainnya menurut Mohd Yusof (2001) adalah:- 1) membantu mempercepat dan memudahkan urusan kehidupan seharian seperti telefon bimbit universal dan komputer teraktivasi suara; 2) menolong dalam struktur pentadbiran dan pengurusan organisasi; 3) membantu dalam urusan pentadbiran organisasi seperti mesin faximili, fotostat, telefon, e-mail dan sebagainya yang berjaya membantu membuat keputusan akan lebih canggih dan mudah ; 4) menjana perniagaan baru terutama dalam sektor perkhidmatan; 5) menukar tradisi hidup

terutama dari sudut penggunaan sistem kawalan seperti sistem penderiaan jauh (*remote sensing*); 6) menukar budaya kerja manusia dan 7) merubah sistem pejabat dan budaya kerja manusia di pejabat. Sistem faksimili contohnya, merubah peranan pembantu pejabat yang dahulunya ditugaskan untuk menghantar surat. Malah akan lebih mempercepatkan sesuatu proses penyampaian maklumat, berkesan dan selamat.

Teknologi membolehkan manusia saling berhubung tanpa batasan dan sempadan malah berlaku secara pantas. Dengan bantuan teknologi, manusia boleh menyimpan, menyusun, memproses, mencari pelbagai bentuk maklumat yang banyak dalam masa yang singkat. Fenomena yang dinamakan ledakan maklumat oleh Irma dan Yushiana (2005) ini menyebabkan individu perlu menghabiskan masa yang banyak hanya untuk mencari maklumat yang benar-benar relevan.

## **1.2 LATARBELAKANG**

Idea tentang literasi maklumat (LM) muncul seiring dengan kemunculan teknologi maklumat di awal tahun 1970an dan ia telah dikatakan mengambil ruang bagi memenuhi dunia abad ke 21 (Bruce, 2002). Istilah LM mula diperkenalkan oleh Zurkowski (1974) dan mula mendapat perhatian pustakawan dan professional dalam bidang sains maklumat termasuk para pendidik di sekolah. Bagaimanapun, banyak tulisan-tulisan berkaitan LM ini datangnya daripada Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand. Kemudian perkembangan LM ini telah menyeluruh ke Kanada, China, Jepun, Mexico, Namibia, Singapura dan Afrika Selatan (Virkus, 2003).

Di rantau Asia, LM telah diperkenalkan melalui persidangan, seminar, bengkel dan aktiviti lain. Antaranya di Bangkok pada tahun 2003, 2004, 2005, di Colombo, Sri Langka pada tahun 2004, di Patiala, India pada tahun 2005, di Manila, Filipina pada tahun 2005, 2006 dan di Kuala Lumpur pada 2006 (Diljit, 2006). Persidangan mengenai LM yang terkini dianjurkan oleh Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya (Towards an information literate society, 2008). Bengkel dan persidangan tersebut telah dapat mencetuskan kegiatan dan kajian lanjut mengenai LM terutama bagaimana ia boleh diserapkan dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah dan di universiti (Faisal, 2006a, 200b; Siti Sumaizan, Imilia dan Huzaimah, 2008).

LM adalah keupayaan mengakses, menilai dan menggunakan maklumat dari pelbagai sumber (Doyle, 1992; 1994; Riedling, 1998). Seorang yang celik maklumat menurut Doyle (1994), mestilah pandai mengakses maklumat, berkemahiran dalam mengenalpasti keperluan maklumat, mengetahui kepentingan maklumat ketika membuat keputusan, tahu mengolah persoalan yang berkaitan keperluan maklumat, tahu mengenalpasti sumber maklumat, membina strategi carian dan mengakses maklumat serta merupakan seorang yang rajin membaca. Bagi *American Library Association* (ALA, 1989) pula, individu yang celik maklumat boleh mengenalpasti bila maklumat diperlukan dan berupaya untuk menentu, menilai dan menggunakan maklumat secara efektif. Mereka belajar bagaimana untuk belajar. Mereka tahu bagaimana pengetahuan itu diurus dan bagaimana untuk menggunakan maklumat. LM juga merupakan kebolehan mengetahui bila dan kenapa maklumat diperlukan, di manakah ia boleh didapati, bagaimana menilai, menggunakan dan menyampaikannya secara etikal (CILIP, 2004).

LM turut didefinisikan sebagai kebolehan mencari, mentafsir, menggunakan dan menghubungkan maklumat daripada sumber yang pelbagai (Chan, 2002). Menurut Juhana (2000) pula, LM ialah kemahiran yang membolehkan individu mengenalpasti keperluan maklumat, memformulasikan persoalan berdasarkan keperluan maklumat, menjana strategi pencarian dan mengakses, menilai, menggunakan, mengorganisasikan maklumat dan boleh mempersemprehend atau menyampaikan maklumat.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa LM merupakan kemahiran untuk:

- a) mengenalpasti keperluan maklumat;
- b) mengenalpasti dan mencari sumber maklumat;
- c) mengesan, memilih maklumat dan menilai maklumat;
- d) mengurus dan menyusun maklumat;
- e) menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika; dan
- f) mempersemprehend maklumat dengan efektif dan menghasilkan idea-idea baru.

Kemahiran mencari maklumat merujuk kepada keupayaan mengumpul maklumat secara berkesan termasuk mengenalpasti sumber maklumat, jenis bahan dan memahami kehendak tugasan. Kemahiran menilai pula lebih kepada keupayaan seseorang dalam menentukan kewibawaan maklumat iaitu menentukan kesahihan dan kesesuaian maklumat serta tahu membeza di antara pandangan atau fakta. Manakala kemahiran menggunakan pula ialah kebolehan seseorang dalam menyusun maklumat untuk diolah, mengintegrasikan maklumat baru dengan maklumat yang sedia ada serta menggunakan maklumat untuk kemahiran kritikal dan penyelesaian masalah (Zohra dan Siri, 2001).

LM merupakan asas bagi pembelajaran yang berbentuk elektronik ataupun bukan. LM bukan sahaja untuk melaksanakan kerja projek sekolah, malah ia menyeluruh kepada urusan harian, dalam perniagaan, kesihatan, rekreasi dan pelbagai aktiviti lain (Diljit, 2006). LM adalah kemahiran yang perlu dipelajari dan dimiliki oleh setiap individu sebagai prasyarat untuk melangkah ke era globalisasi maklumat. Di era ini, individu perlu menguasai maklumat bagi menjamin kejayaan hidup. Mereka perlu tahu membeza dan menilai kesahihan maklumat kerana maklumat akan sentiasa berubah dan semakin berganda dari hari ke sehari. Individu yang tidak celik maklumat akan ketinggalan kerana kemajuan dan perubahan dunia kini lebih berorientasikan maklumat. Malah ia telah menjadi ramuan penting sebagai penentu kualiti hidup seseorang. Kemahiran menulis, membaca dan mengira yang ditekankan dalam sistem pendidikan kini perlu ditambah dengan kemahiran LM agar individu itu mampu bersaing dalam era gelombang ketiga ini.

Idea Sekolah Bestari yang diperkenalkan dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-7 antara lainnya bertujuan melahirkan generasi baru Malaysia yang celik teknologi maklumat, kreatif dan inovatif serta berupaya membawa ekonomi ke era maklumat (Irma Indayu dan Yushiana, 2005). Ia turut merubah institusi pengajaran dari berpusat kepada guru kepada berpusatkan pelajar, semata-mata untuk membantu melengkapkan diri pelajar menghadapi cabaran era maklumat (Ambigapathy dan Suthagar, 2003; Ahmad Sarji, 2003). Malah menerusi cabaran ke 6 “Wawasan 2020”, Mahathir (1991), berharap agar dapat melahirkan sebuah masyarakat yang bukan sahaja dapat memanfaatkan teknologi kini malah turut menjadi penyumbang kepada pembentukan kemajuan sains dan teknologi pada masa hadapan. Oleh sebab itu, penggunaan komputer adalah langkah awal ke arah mewujudkan masyarakat berteknologi selaras dengan wawasan tersebut.

Bagi menghadapi tekanan globalisasi serta perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi, Malaysia telah merancang dasar pembangunan yang lebih berkesan dan mampan menerusi Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) 2001-2010 (Malaysia, 2001b). Antara lain, ia menggariskan:

- a) Pembangunan ekonomi berdasarkan pengetahuan sebagai satu langkah strategik untuk meningkatkan nilai tambah bagi semua sektor ekonomi dan mengoptimumkan daya pemikiran bangsa;
- b) Pengukuhan pembangunan sumber manusia untuk menghasilkan tenaga kerja yang cekap, produktif dan berpengetahuan.

Tenaga kerja yang cekap, produktif dan berpengetahuan mestilah mempunyai ciri-ciri:

- a) Berpengetahuan luas dan mendalam serta mempunyai kemahiran berfikir yang tinggi.
- b) Mempunyai kemampuan menggunakan teknologi dan bahan baru secara optimum serta menggabungkan daya cipta dan inovasi secara berkesan.
- c) Mempunyai kelayakan akademik dan teknikal yang tinggi, kepelbagaiannya kemahiran dan pengetahuan menggunakan ICT serta nilai-nilai dan etika kerja yang positif.

(Malaysia, 2001a)

Sejajar dengan itu, dalam usaha untuk membina insan seperti yang dihasratkan, ilmu yang disampaikan perlu sesuai dengan perkembangan semasa dan keperluan negara. Disebabkan maklumat dan pengetahuan kini telah berkembang setiap saat dan boleh diekses dengan cepat dan mudah dengan menggunakan kemudahan teknologi dan komunikasi (Irma Indayu dan Yushiana, 2005), maka pelajar amat perlu didedahkan kepada kaedah mencari maklumat yang meliputi kemahiran mengesan, menganalisa, menilai dan menggunakan maklumat. Pelajar perlu dididik agar dapat menggunakan sumber-sumber maklumat dan

teknologi maklumat secara beretika seterusnya menjadikan amalan mencari maklumat sebagai salah satu daripada aktiviti yang menyeronokkan dan berterusan.

Pembentukan komuniti sekolah yang berliterasi maklumat adalah dimainkan oleh guru perpustakaan sekolah. Keadaan ini akan jadi kenyataan sekiranya guru perpustakaan dan pengetua sekolah dapat menyepadukan antara falsafah pendidikan dengan prinsip LM (Oberg, 2001). Henri (2001) turut bersetuju dengan mengatakan bahawa pembentukan LM di sekolah bermula daripada guru yang berliterasi maklumat. Pelajar-pelajar akan menjadi celik maklumat sekiranya mereka didedahkan dengan kemahiran literasi maklumat (Foggett, 2003).

Guru perpustakaan sekolah perlu berperanan mengajar kemahiran LM kepada pelajar dan guru. Program LM bukan setakat menyediakan kemahiran LM tetapi lebih kepada pertambahan ilmu-ilmu baru (Yaacob & Samsuri, 2003). Guru perpustakaan perlu menyediakan program LM selaras dengan kehendak kurikulum sekolah dan keperluan maklumat pelajar.

Banyak kajian yang mengaitkan tentang LM dengan perlaksanaan kerja kursus sekolah (KKS) (Avann, 1985; Wray, 1985; Kuhlthau, 1993; Tan & Theng, 2006; Mokhtar & Majid, 2006a). Malah Nor Fariza & Azizah (2009) telah mendapati bahawa LM amat sesuai diajar melalui pembinaan KKS. Ini diperakui oleh Ungar (2010) di mana modul LM yang dibinanya untuk mengajar LM telah membantu pelajar melaksanakan kajian, menghindari plagiat dan menghasilkan pengetahuan baharu.

Oleh itu, pelbagai usaha perlu dilakukan bagi melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai ciri-ciri LM sebagaimana yang ditekankan oleh Juhana (2000) iaitu mereka:-

- a. boleh mendidik diri sendiri dalam persekitaran elektronik global dengan mengenalpasti tujuan maklumat diperlukan serta menyedari bahawa maklumat yang tepat, komprehensif dan lengkap merupakan dasar bagi pembuatan keputusan yang bijaksana;
- b. mempunyai strategi-strategi untuk mengakses sumber maklumat dan kebolehan mengembangkan dan mengurus pangkalan data;
- c. boleh menilai maklumat yang telah dikesan dengan membaca secara kritis dan membuat sistesis dan
- d. menggunakan maklumat untuk diaplikasikan dan diintegrasikan dalam ilmu yang sedia ada dan untuk tujuan menyelesaikan masalah,

### **1.3 PERNYATAAN MASALAH**

Isu LM telah disentuh semasa rancangan pelaksanaan Sekolah Bistari Malaysia (Malaysia, 1997) dan mula di perbahasan secara rasminya dalam konteks pendidikan di Malaysia pada tahun 2002, apabila menteri pendidikan ketika itu menggariskan antara salah satu penanda aras bagi menggalak dan menambahbaik budaya membaca di sekolah ialah kursus membaca dan LM untuk individu di Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) (Musa, 2002). Perlaksanaan LM secara menyeluruh di sekolah-sekolah kemudian bermula pada tahun 2004 melalui pekeliling KP(BTP-PSP)8810/11/1(03) bertarikh 06 Julai 2004 (Malaysia, 2004).

Melalui pekeliling tersebut, guru penyelaras pusat sumber sekolah/ guru perpustakaan dan media (GPM) sepatutnya mengajar subjek LM melalui aktiviti-aktiviti di Pusat Sumber

Sekolah (PSS) masing-masing (Malaysia, 2004). Walau bagaimanapun, kajian terbaru masih mendapati bahawa pelajar masih tidak dapat menguasai kemahiran maklumat dengan baik (Nor Hashimah, 2007) dan hasil KKS pelajar kurang memperkenan ciri-ciri LM (Abrizah, 2008).

Masalah utama berkaitan isu pelaksanaan literasi maklumat (LM) ini adalah kerana ketiadaan piawaian literasi maklumat kebangsaan (Yaacob & Samsuri, 2003; Edzan & Mohd Sharif, 2005) hingga menyebabkan isu LM disebut dan panduan dikeluarkan tanpa fahaman LM yang sebenar (Malaysia, 2002).

Kandungan buku garis panduan berkaitan perlaksanaan Program Kemahiran Maklumat yang dibekalkan kepada GPM (Malaysia, 2002) hanya membincangkan tentang skop kemahiran LM yang lebih luas seperti:

- a) Kemahiran perpustakaan yang meliputi antara lainnya lokasi bahan, sistem katalog, susunan bahan perpustakaan, memahami bahagian buku, glosari, indeks dan lain-lain, cara menggunakan bahan rujukan dan cara membuat nota kaki dan bibliografi;
- b) Kemahiran belajar iaitu meliputi kemahiran berfikir, membaca, mendengar, melihat, mencatat nota, mengorganisasi dan menyampaikan maklumat dan membuat kesimpulan dan rumusan;
- c) Kemahiran komunikasi iaitu meliputi kemahiran bertanya, menemuramah, memberi pendapat, berbahas, memberi ucapan, menyampaikan laporan; dan
- d) Kemahiran hidup yang melibatkan kecekapan mengurus masa, mengurus diri, berinteraksi dan etika dan pembelajaran sepanjang hayat.

Buku panduan tersebut tidak mencakupi keseluruhan elemen LM yang sebenar sebagaimana yang ditekankan oleh *American Association of School Librarian* (AASL, 1998) iaitu:-

- a) tahu maklumat apa yang diperlukan;
- b) tahu, cekap dan effisien dalam mengakses maklumat;
- c) tahu menilai maklumat, bersifat kritikal;
- d) boleh belajar secara sendiri/berdikari;
- e) tahu menganalisa maklumat;
- f) tahu pentingnya membuat petikan dan rujukan; dan
- g) memahami isu-isu semasa, memahami penggunaan etika maklumat dan undang-undang berkaitan.

Ditambah lagi dengan faktor kurangnya latihan yang diterima oleh guru pusat sumber sekolah/ guru perpustakaan dan media (GPM) berkaitan LM (Abrizah & Diljit, 2000; Yaacob & Samsuri, 2003; Yusof, 2006; Nor Hashimah, 2007; Tan & Diljit, 2008) telah menyebabkan kurangnya program-program LM dijalankan di Pusat Sumber Sekolah (PSS) (Yaacob & Samsuri, 2003; Tan & Diljit, 2008). Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Tan & Diljit (2008) terhadap guru-guru perpustakaan di kawasan Hulu Langat, Selangor telah mendapatkan bahawa 61.9% daripada responden tidak melaksanakan program LM di sekolah masing-masing. Begitu juga dapatan kajian Yaacob & Samsuri (2003) menunjukkan bahawa penguasaan LM pelajar rendah antara lain disebabkan oleh kurangnya program-program kemahiran maklumat yang dijalankan di Pusat Sumber Sekolah (PSS)

Walaupun telah ada usaha ke arah pembinaan piawaian LM kebangsaan, namun ia didasari oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sarawak (PPMKSAR) misalnya mulai 2006 lagi telah berusaha untuk menghasilkan piawaian LM

untuk seluruh perpustakaan di Sarawak termasuk perpustakaan akademik, perpustakaan sekolah dan perpustakaan awam (Siti, Imilia & Huzaimah, 2008), namun ia hanya terhad di Sarawak dan masih berbentuk kerangka. Begitu juga pengkaji-pengkaji LM seperti Edzan & Mohd Sharif (2005) telah mencadangkan satu agenda LM kebangsaan berpandukan piawaian-piawaian LM antara bangsa yang bersesuaian. Sedangkan piawaian LM kebangsaan ini perlu sebagai alat untuk mempiawaikan program-program LM di Malaysia (Yushiana, 2003; Mohd Sharif, Nor Edzan & Zainab, 2005).

Oleh sebab itu, kajian ini telah dijalankan bertujuan untuk membangunkan satu kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar berdasarkan piawaian-piawaian LM antarabangsa. Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau sejauh mana tahap LM pelajar dengan memetakan amalan-amalan LM mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS). Ini adalah berdasarkan kajian Todd (1995) dan Abrizah (2008) yang mengatakan bahawa kemahiran LM perlu dalam melaksanakan KKS. Malah penerapan LM amat sesuai dilakukan melalui penghasilan KKS (Wray, 1995; Nor Fariza & Azizah, 2009).

Seterusnya, melalui kajian ini juga penyelidik turut akan membangunkan satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) berdasarkan keperluan amalan LM pelajar dalam penghasilan KKS dan mengenalpasti kesesuaian MPPKLM dalam penghasilan KKS yang bercirikan LM. Ini adalah berdasarkan kajian Smith & Hepworth (2007) yang mendapati bahawa pelajar-pelajar adalah tidak bermotivasi untuk melaksanakan KKS disebabkan tenaga pengajarnya tidak menggunakan sebarang modul LM. Bondi (2002) turut menyokong agar memperbanyak kajian-kajian berkaitan modul-modul pengajaran LM yang bersesuaian.

Begitu juga saranan oleh International Federation of Library Associations and Institutions (IFLA, 2006) melalui buku garispanduan mengenai LM dan pembelajaran sepanjang hayat agar profesional dalam bidang sains maklumat perlu menumpukan masa mewujudkan strategi-strategi yang sesuai dalam mempromosikan LM. Oleh yang demikian, penyelidik berharap agar hasil kajian ini nanti merupakan sumbangan ke arah mempromosikan LM kepada umum.

#### **1.4 TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kaedah sistem lembut (soft system methodology (SSM) bagi mengenalpasti permasalahan yang wujud berkaitan pelaksanaan LM di dalam kerja kursus sekolah berpandukan kepada kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang dibangunkan berdasarkan piawaian-piawaian LM antarabangsa. Satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) akan dibangunkan sebagai cadangan penyelesaian masalah seterusnya dilaksana dan dinilai kesesuaianya.

## **1.5    OBJEKTIF KAJIAN**

Berdasarkan tujuan kajian, objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Membangunkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar berdasarkan piawaian-piawaian antarabangsa;
- ii. Meninjau tahap LM pelajar dengan memetakan amalan-amalan LM mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS) berdasarkan KLMP yang dibangunkan;
- iii. Membangunkan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) berdasarkan keperluan amalan LM pelajar dalam penghasilan KKS ; dan
- iv. Mengenalpasti kesesuaian MPPKLM dalam penghasilan KKS yang menyepadukan kemahiran LM.

## **1.6    PERSOALAN KAJIAN**

Berdasarkan objektif di atas, persoalan kajian telah dibentuk seperti berikut:

- i. Apakah piawaian-piawaian LM antarabangsa yang boleh dirujuk bagi membangunkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar?
- ii. Apakah tahap LM pelajar di sekolah berasrama penuh (SBP) berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS)?

- iii. Apakah keperluan pelajar berdasarkan amalan LM dalam penghasilan KKS kepada pembentukan satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM)?
- iv. Sejauhmanakah kesesuaian MPPKLM dalam membantu menghasilkan KKS bercirikan LM?

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Literasi maklumat (LM) merupakan kemahiran untuk mencari, mengesan, memilih, menilai, mengurus, menyusun, menganalisa, mengolah, mengulas, mengguna, mempersebah dan mengaplikasikan maklumat secara beretika. Kemahiran ini mudah dilihat dalam penghasilan KKS pelajar. Justeru itu, dapatan kajian ini dijangka dapat memberi input yang penting kepada Guru Perpustakaan dan Media (GPM), guru-guru subjek yang memerlukan pelajar melaksanakan kerja kursus sekolah (KKS), pelajar-pelajar, badan penggubal KKS dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Penghasilan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) boleh digunakan oleh GPM dalam membangunkan program-program LM di sekolah masing-masing. Modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) yang terhasil juga dapat membantu GPM mengelolakan program LM di sekolah. MPPKLM juga boleh dijadikan panduan kepada guru-guru subjek yang memerlukan pelajar melaksanakan KKS untuk membimbing dan memandu pelajar dalam melaksanakan KKS.

Menerusi MPPKLM ini juga, pelajar-pelajar terutama yang berada di sekolah berasrama penuh akan dipandu secara kendiri dalam menjalankan kajian KKS mereka sehingga berjaya menghasilkan KKS yang bercirikan LM. Bagi kelompok pelajar yang bukan berada di sekolah berasrama penuh, MPPKLM juga boleh digunakan sebagai panduan dengan sedikit pengubahsuaian oleh GPM atau guru subjek. Penghasilan KKS yang bercirikan LM ini penting kepada pelajar agar mereka sedar akan keperluan maklumat, tahu mencari, menemui, menilai dan mengguna maklumat secara betul dan beretika serta berupaya menjana ilmu baru.

Hasil kajian ini juga diharap dapat membantu badan penggubal KKS dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia untuk memikirkan perancangan yang sesuai bagi pelaksanaan LM di sekolah melalui KKS.

Akhirnya, kajian ini diharap dapat memberikan kefahaman menyeluruh berkaitan LM, kepentingan dan keperluannya dalam membina generasi baru. LM penting untuk kejayaan pembelajaran sepanjang hayat, pekerjaan dan komunikasi *interpersonal* harian individu seperti keperluan pelajar mendapatkan maklumat untuk menyiapkan tugasan, keperluan individu mendapatkan maklumat berkaitan perkhidmatan kesihatan untuk meningkatkan taraf penjagaan diri dan sebagainya.

## **1.8 SKOP DAN BATASAN KAJIAN**

Penyelidik telah menetapkan skop dan batasan tertentu bagi kajian ini yang mengambil kira faktor masa, kos, sempadan kesesuaian dan pengoperasian penyelidikan. Dalam menentukan tahap LM pelajar terutama dari aspek kebiasaan pelajar dalam menghasilkan kerja kursus sekolah (KKS) wujud beberapa batasan yang perlu diambil kira antaranya ialah:

a) Penentuan tahap literasi maklumat pelajar adalah berdasarkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang dibangunkan berdasarkan piawaian literasi maklumat antarabangsa dan hanya sesuai untuk penandaan aras LM pelajar di dalam kajian ini sahaja

b) Perlaksanaan Program LM di sekolah-sekolah baru bermula pada awal tahun 2005.

Oleh itu, sumber rujukan tempatan dalam menyediakan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) adalah amat terbatas. Penyelidik telah merujuk beberapa model pencarian maklumat seperti model yang dihasilkan oleh Kuhlthau (1987), Eisenberg dan Berkowitz (1990), Irving (1985), Halimah (2000), dan Herring (1999). Walau bagaimanapun, penyelidik telah mengadaptasi model pencarian maklumat *The Big Six* oleh Eisenberg dan Berkowitz (1990a, 1990b, 1996, 2001) dan model *Empowering 8* (Wijetunge, 2005). Model pencarian maklumat *The Big Six* oleh Eisenberg & Berkowitz (1990a, 1990b, 1996, 2001) digunakan kerana ia agak mudah digunakan dan lebih dikenali ramai (Woolls, 2006). Manakala model *Empowering 8* (Wijetunge, 2005) pula merupakan model LM terkini yang dibina berdasarkan tahap-tahap kemahiran kognitif dalam Teksonomi Bloom (Pemadasa, 2006).

- c) Kajian ini juga tertumpu kepada kelompok pelajar yang berada di sekolah berasrama penuh (SBP) sahaja. Dapatan kajian tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh pelajar lain di seluruh Malaysia.
- d) MPPKLM yang akan dihasilkan lebih sesuai digunakan dalam kalangan pelajar-pelajar SBP sahaja kerana pelajar-pelajar di sekolah ini adalah cemerlang dan telah terdedah dengan kaedah pembelajaran sendiri. Ia bersesuaian dengan dapatan Faisal (2006b) tentang penggunaan modul yang memberi lebih kelebihan kepada pelajar pandai.

## **1.9 RUMUSAN**

Bab ini telah membincangkan tentang perubahan yang berlaku kini sehingga terjadinya ledakan maklumat dan dunia tanpa sepadan. Situasi ini memerlukan kemahiran LM agar setiap individu berupaya mengenalpasti keperluan maklumat, mencari, mengesan, memilih, menilai, mengurus, menyusun, menganalisa, mengolah, mengulas, menggunakan, mempersemprehend dan mengaplikasikan maklumat secara beretika. Kemahiran LM mudah diterapkan melalui pendidikan di sekolah terutama dalam penghasilan KKS..

Kajian ini dijalankan untuk membangunkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar berdasarkan piawaian-piawaian LM antarabangsa. Ia juga bertujuan untuk meninjau tahap LM pelajar dengan memetakan amalan-amalan LM mereka dalam penghasilan KKS berpandukan

KLMP yang dibangunkan. Seterusnya satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) akan dihasilkan, dilaksana dan dinilai. Kajian terbatas kepada kelompok pelajar yang berada di sekolah berasrama penuh (SBP) sahaja. Bab seterusnya akan mengulas tentang hasil penulisan yang berkaitan.

## **BAB 2**

### **SOROTAN PENULISAN DAN KAJIAN LAMPAU**

#### **2.1 PENGENALAN**

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian para penyelidik dalam bidang sains perpustakaan dan lapangan yang berkaitan. Perbahasan menjurus kepada konsep dan definisi LM, sejarah perkembangan LM, perkembangan LM di rantau Asia termasuk Malaysia, LM dalam sistem persekolahan di Malaysia, keperluan kepada kemahiran LM, piawaian LM, model-model LM, LM dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan LM dalam kerja kursus sekolah (KKS).

#### **2.2 KONSEP DAN DEFINISI LITERASI MAKLUMAT(LM)**

Istilah LM mula dibahaskan pada tahun 70an (Behrens, 1994). Ia mula dikesan menerusi program kemahiran maklumat yang dianjurkan oleh para pustakawan. Secara rasminya istilah LM (*information literacy*) telah diperkenalkan oleh Zurkowski (1974) menerusi cadangannya kepada Suruhanjaya Nasional Sains Maklumat dan Perpustakaan (*National Commission on Librarians and Information Science* (NCLIS) (Bruce, 1997; Behrens, 1994). Selaku presiden kepada Persatuan Industri Maklumat, beliau mengesyorkan agar program kebangsaan ditubuhkan untuk mencapai LM yang universal pada dekad akan datang. Menurut Zurkowski, individu yang dilatih dalam mengaplikasikan sumber-sumber maklumat untuk kerja-kerja mereka boleh digelar sebagai celik maklumat. Mereka telah mempelajari teknik-teknik dan kepakaran untuk menggunakan peralatan maklumat dan

jugaberikut:  
juga sumber-sumber primer dalam pembentukan penyelesaian masalah informasi mereka (Behrens, 1994; Bruce, 1997). Melalui definisi ini, Zurkowski (1974) telah mencadangkan

- i. sumber-sumber maklumat adalah digunakan dalam pekerjaan;
- ii. teknik dan kepakaran diperlukan dalam menggunakan peralatan dan sumber maklumat primer dan
- iii. maklumat digunakan dalam penyelesaian masalah (Behrens, 1994).

Beliau juga mendedahkan bahawa penduduk Amerika Syarikat menghampiri 100% bermaklumat, namun hanya 1/6 sahaja boleh dikategorikan sebagai celik maklumat (Seaman, 2001). Sehingga tahun 1980 an, para pustakawan, professional sains maklumat dan tenaga pengajar telah menyumbang kepada pembinaan definisi LM. Dua set definisi dan piawaian telah dibentuk untuk peringkat sekolah dan peringkat pengajian tinggi. A *Nation of Risk*, terbitan 1983 oleh *National Commission on Excellence in Education* telah menjelaskan tentang perkembangan LM di peringkat sekolah. Sebagai respon, ahli-ahli NCLIS (*National Commission on Library and Information Science*) bersetuju bahawa kertas dasar perlu ditulis untuk mendefinisikan maksud kemahiran maklumat. Hasilnya, pada 1986 Mancall, Aaron & Walker (Spitzer, Eisenberg & Lowe, 1998) telah menerbitkan *Educating Students to Think: the Role of the School Library Media Program*. Kuhlthau (1987) pula melalui bukunya “*Kuhlthau's Information Skills for an Information Society: A Review of Research* telah merangkumkan kemahiran perpustakaan dan kemahiran komputer sebagai definisi LM malah menekankan bahawa LM bukannya kemahiran yang berbeza tetapi merupakan satu cara pembelajaran (Kuhlthau, 1987; Behrens, 1994; Spitzer, Eisenberg & Lowe, 1998). Eisenberg & Berkowitz (2001) kemudiannya telah membangunkan kemahiran *Big Six (Big Six Skills Approach)* selari dengan pembangunan pendidikan peringkat sekolah. Mereka menekankan kepentingan menggunakan modul

kemahiran maklumat bagi menyelesaikan masalah (Spitzer, Eisenberg & Lowe, 1998). Seaman (2001) berpendapat bahawa frasa LM sebenarnya tiada dalam kemahiran *Big Six*, namun komponen-komponen LM ada terkandung di dalamnya. Model *Big Six* lebih kepada menyepadukan pengajaran menggunakan perpustakaan (*library instruction*) ke dalam kurikulum persekolahan (Seaman, 2001).

Di peringkat pengajian tinggi, definisi LM dimulakan oleh Martin Tessmer dalam tahun 1985 di perpustakaan Auraria di University Colorado dengan menyatakan LM sebagai kebolehan untuk mengakses dengan efektif dan menilai maklumat yang diperlukan. Definisi ini digunakan dalam melaksanakan sebahagian daripada program LM kepada 30,000 pelajar yang mendaftar di Kampus Denver di Universiti Colorado (Breivik, 1985). Definisi ini telah mengariskan kemahiran-kemahiran sebagai ciri-ciri LM dan kemudiannya diuraikan pula oleh Behrens (1994) seperti berikut:

- i. satu kemahiran bersepadan yang melambangkan ciri-ciri LM. Kemahiran-kemahiran ini ialah strategi penyelidikan dan penilaian.
- ii. LM melangkaui lokasi maklumat termasuk pemahaman dan penilaian maklumat.
- iii. sumber maklumat bukan perpustakaan semata-mata
- iv. LM memerlukan sikap-sikap tertentu seperti kesedaran akan keperluan maklumat dan aplikasi maklumat yang tepat.

Irving (1985) sebelum itu telah mendefinisikan LM sebagai kemahiran maklumat berkaitan pendidikan yang diperlukan oleh pelajar untuk menyiapkan tugas sekolah. Seterusnya ada yang mendefinisikan LM sebagai pembelajaran sepanjang hayat (Candy, 2002; Gee, Hull, & Lankshear, 1996; Moore, 2002); sebagai satu konsep perkembangan literasi dalam masyarakat (Bruce, 2002; Stern, 2002); sebagai kemahiran teknologi maklumat (Mitchell, 1996; Mobley, 1996) dan sebagai kemahiran perpustakaan (Kuhlthau, 1990).

Walaubagaimanapun, definisi LM secara rasminya telah direkodkan pada tahun 1989 (Hannesdottir, 2002). Menerusi laporan oleh Persatuan Perpustakaan Amerika Syarikat (American Library Association (ALA) , 1989) LM didefinisikan sebagai:-

*To be information literate, a person must be able to recognize when information is needed and have the ability to locate, evaluate, and use effectively the needed information. Producing such a citizenry will require that school and colleges appreciate and integrate the concept of information literacy into their learning programs and that they play a leadership role in equipping individuals and institutions to take advantage of the opportunities inherent within the information society. Ultimately, information literate people are those who have learned how to learn. They know how to learn because they know how knowledge is organized, how to find information, and how to use information in such a way that other can learn from them. They are people prepared for lifelong learning, because they can always find the information needed for any task or decision at hand.*

[Untuk menjadi celik maklumat, individu itu mesti berupaya mengenalpasti bila maklumat diperlukan dan berkeupayaan mengesan, menilai, dan menggunakan maklumat yang diperlukan secara efektif. Bagi melahirkan warganegara seperti itu, sekolah-sekolah dan kolej-kolej perlu menerap konsep LM dalam sukanan pembelajaran agar mereka berperanan sebagai ketua dalam melengkapkan diri dan institusi masing-masing bagi merebut peluang ke arah masyarakat bermaklumat. Individu-individu yang celik maklumat adalah mereka yang telah mempelajari bagaimana untuk belajar. Mereka tahu bagaimana untuk belajar kerana mereka tahu bagaimana pengetahuan disusun, tahu bagaimana mencari maklumat, dan tahu bagaimana menggunakan maklumat itu agar orang lain dapat mempelajari daripada mereka. Mereka adalah individu yang bersedia untuk pembelajaran sepanjang hayat, kerana mereka kerap memperolehi maklumat yang dikehendaki untuk sebarang kegunaan atau keperluan]

Laporan ALA (1989) ini telah memberi kesan menyeluruh kepada individu, masyarakat dan negara serta menjadi teras kepada pembinaan LM (Behrens, 1994). Ia menegaskan bahawa

sekolah-sekolah dan kolej-kolej harus berperanan dalam melahirkan pelajar yang celik maklumat. Ia menekankan tentang pentingnya institusi pengajian tinggi membekalkan graduan dengan kemahiran LM bagi membantu mereka membina kemahiran kritikal, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran pembelajaran sepanjang hayat (Behrens, 1994). Pelajar-pelajar juga harus kompeten dalam 6 aspek: a) mengenalpasti keperluan maklumat; b) mengenalpasti maklumat yang sesuai untuk sesuatu permasalahan; c) mencari maklumat yang diperlukan; d) menilai maklumat yang diperolehi; e) mengurus maklumat dan f) menggunakan maklumat secara efektif untuk menyelesaikan masalah (ALA, 1989).

Spitzer, Eisenberg & Lowe (1998) mengatakan bahawa definisi LM yang dibawa oleh ALA (1989) memperluaskan konsep LM. Rentetan daripada itu, Doyle (1992) mentafsirkan LM sebagai kebolehan untuk mengakses, menilai dan menggunakan maklumat daripada pelbagai sumber. Lenox & Walker (1993) mengkarektorkan pelaku LM sebagai: individu yang mempunyai kemahiran analitikal dan kritikal untuk membentuk persoalan kajian, menilai keputusan dan berkemahiran untuk mencari dan mengakses maklumat yang perbagai untuk memenuhi keperluan maklumatnya. SACS (*Southern Association of Colleges and Schools*, 1996) pula mentakrifkan LM sebagai kemahiran untuk mengesan, menilai dan menggunakan maklumat untuk menjadi pelajar yang belajar sepanjang hayat secara kendiri.

Shapiro dan Hughes (1996), melihat LM dalam perspektif yang lebih luas iaitu meliputi kemahiran praktikal yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat dan sumber-sumber maklumat secara efektif. Maklumat harus dipandang sebagai sebuah "seni liberal baru yang melibatkan pengetahuan menggunakan komputer dan mengakses maklumat untuk tindakbalas kritikal terhadap maklumat tersebut".

Di peringkat sekolah, AASL (*American Association of School Librarians*) menghuraikan bahawa LM adalah keupayaan mencari dan mengguna maklumat yang merupakan kunci pembelajaran sepanjang hayat (ALA, 1989). Pelajar yang celik maklumat mengakses maklumat dengan cekap dan berkesan, menilai maklumat secara kritis dan cekap, dan menggunakan maklumat dengan tepat dan kreatif. Individu seharusnya mempunyai kedua-dua strategi pengumpulan maklumat dan kemahiran berfikiran kritikal untuk memilih, mengenepi, mensintesis, dan mempersebah maklumat dalam cara-cara baru bagi menyelesaikan masalah kehidupan sebenar (Byerly & Brodie, 1999).

Snavely dan Cooper (1997) telah menyatakan bahawa celik maklumat sebagai perhatian yang sedar dan sistemik dalam membentuk kemampuan untuk memberi maksud secara efektif terhadap keperluan maklumat, menggunakan alat-alat penyelidikan dan proses-proses untuk mengenal dan mengesan maklumat, mengakses, belajar daripadanya dan membentangkan analisis dan sintesis daripada maklumat bagi memenuhi keperluan.

Kemudian, Maughan (2001) telah mengertikan istilah LM sebagai kemahiran tahap tinggi seperti mengakses pencarian untuk hasil yang lebih berkualiti dan berkaitan, menilai keesahan, kesahihan dan kerelevanan maklumat dan mengaplikasikan kepada maklumat baru melalui projek-projek dan produk-produk yang dirancang dan dicipta oleh para profesional dan terpelajar.

Manakala Webber & Johnston (2005) mengertikannya sebagai perilaku yang sesuai untuk mendapatkan maklumat, melalui apa-apa siaran atau perantaraan, maklumat bersesuaian

dengan keperluan maklumat, seiring dengan kesedaran kritikal tentang kepentingan penggunaan maklumat secara etika dan bijak dalam masyarakat.

Persatuan Perpustakaan dan Maklumat New Zealand Aotearoa atau LIANZA (The Library and Information Association of New Zealand Aotearoa, 2002) turut memberi pengertian LM sebagai kebolehan untuk mengakses, memproses dan menggunakan maklumat secara efektif dan melihat ia sebagai kunci utama kepada masyarakat New Zealand keseluruhannya. Mereka menjadikan LM untuk membezakan di antara individu yang tiada dengan individu yang mempunyai pemahaman, kemahiran dan pengetahuan untuk berfungsi secara efektif dalam masyarakat. LIANZA (2002) menegaskan bahawa LM sepatutnya menjadi salah satu daripada tiga elemen penting dalam merangka polisi maklumat kebangsaannya dan tanggungjawab untuk menjadikan masyarakat celik maklumat adalah tanggungjawab bersama.

Definisi LM yang dipersetujui oleh CILIP (*Chartered Institute of Library and Information Professionals*, 2004) pula ialah mengetahui bila dan mengapa maklumat diperlukan, di mana boleh dijumpai dan bagaimana untuk menilai, menggunakan dan menyampaikannya secara beretika. Definisi ini menjurus kepada beberapa kemahiran yang memerlukan individu yang celik maklumat memahami perkara-perkara berikut iaitu:

- a) keperluan maklumat;
- b) sumber-sumber yang ada;
- c) cara mendapatkan maklumat;
- d) keperluan menilai maklumat yang diperolehi;
- e) mengurus maklumat yang diperolehi;
- f) menggunakan maklumat secara bertanggungjawab dan beretika;
- g) mempersebahkan hasil kajian kepada individu lain dan
- h) mengolah hasil kajian.

Antara penulis-penulis lain yang mengulas secara menyeluruh berkaitan konsep, pengertian dan model-model LM termasuklah Shapiro & Hughes, 1996; Snavely & Cooper, 1997; Bawden, 2001; Avery & Allen, 2002; Virkus, 2003; Big Blue Project, 2004 dan Webber & Johnston, 2005. Virkus (2003) contohnya, telah mengulas dengan panjang lebar berkaitan sejarah perkembangan LM bermula di rantau Eropah. Beliau juga mengulas pelbagai istilah-istilah yang telah digunakan oleh komuniti Eropah untuk mentakrifkan LM. Secara keseluruhananya beliau mendapati bahawa konsep yang dibawa oleh ALA (1989) adalah konsep yang diterima pakai umum.

Terdapat banyak persamaan terhadap definisi-definisi LM yang diberikan oleh para pustakawan dan para professional sains maklumat (Owusu-Ansah, 2003). Namun definisi ini masih merujuk kepada definisi LM oleh ALA (1989) (Rudasill, 1998; Plotnick, 1999). Apa sahaja semantik yang digunakan untuk menerangkan istilah LM, definisi ALA (1989) adalah cukup luas mencakupi seluruh spektrum kemahiran maklumat untuk diaplikasi pada masa kini dan dekad akan datang (Campbell, 2004). Namun perbincangan berkaitan definisi, piawaian dan kajian-kajian LM telah dibangunkan secara berasingan di antara peringkat sekolah dan peringkat pengajian tinggi (Seaman, 2001).

Individu yang celik maklumat telah dijelaskan oleh Doyle (1992) dalam laporan kepada Forum Kebangsaan LM seperti berikut:

- a) boleh mengenal pasti keperluan maklumat;
- b) boleh mengenal pasti bahawa maklumat yang tepat dan sempurna adalah asas untuk membuat keputusan secara bijak;
- c) boleh mengenal pasti sumber-sumber maklumat yang berpotensi;
- d) boleh membina strategi pencarian yang berjaya;

- e) boleh mengakses sumber maklumat, termasuk menggunakan komputer atau menggunakan teknologi-teknologi lain;
- f) boleh menilai maklumat;
- g) boleh menyusun maklumat untuk digunakan;
- h) boleh mengintegrasikan maklumat baru ke dalam ilmu pengetahuan yang sedia ada dan
- i) boleh menggunakan maklumat untuk pemikiran kritis dan penyelesaian masalah.

Menurut McKenzie (1997) pula, orang yang cekal maklumat berkebolehan:

- a) Menggali : Keupayaan mengesan maklumat berkaitan, untuk menyaring, menyisih dan memilihnya;
- b) Mentafsir: Keupayaan menterjemahkan data dan maklumat menjadi pengetahuan, wawasan, dan kefahaman dan
- c) Mencipta idea-idea baru: memajukan wawasan-wawasan baru.

Malah Bishop (2003) turut menekankan bahawa individu yang cekal maklumat perlu mempunyai kemahiran untuk:

- a) menentukan keperluan maklumat;
- b) mengenalpasti dan mencari sumber maklumat;
- c) mengakses maklumat melalui sumber-sumber tersebut;
- d) menilai kualiti maklumat yang diperolehi;
- e) mengurus dan mensintesiskan maklumat;
- f) menggunakan maklumat secara efektif dan
- g) menghasilkan maklumat baru.

Dalam taksonomi kemahiran maklumat yang dirangka oleh The Big Blue Project (2004) turut menyesuaikan ciri-ciri individu yang cekal maklumat sebagaimana yang diberikan di Amerika seperti Doyle (1992); Rader (1996) dan ACRL (2000), di Australia seperti CAUL (2001) dan Bundy (2002) dan di British seperti SCONUL (1999). Daripada taksonomi itu,

satu model individu yang celik maklumat adalah berdasarkan pewatakan- perwatakan tersebut:

- a) Mengenal pasti keperluan maklumat;
- b) Memfokus keperluan maklumat itu;
- c) Mengesan maklumat;
- d) Menilai maklumat secara kritikal;
- e) Mengadaptasi maklumat;
- f) Mengurus maklumat;
- g) Mempersebahkan maklumat dan
- h) Mengulas kembali maklumat.

Bishop (2003) menyimpulkan bahawa, kebanyakan konsep individu yang celik maklumat menekankan bahawa individu yang celik maklumat adalah seorang yang:

- a) sedar akan keperluan maklumat
- b) mengenalpasti dan menentukan sumber-sumber maklumat
- c) mengakses maklumat menerusi sumbernya
- d) menilai kualiti maklumat yang diperolehi
- e) mengurus dan sintesis maklumat
- f) menggunakan maklumat secara efektif
- g) menghasilkan ilmu baru

Pengkaji-pengkaji seperti Bruce (2002); Correia (2002); Mohd. Sharif & Zainab (2004); Szarinah et al. (2006) dan kebanyakan yang lain bersetuju mengatakan bahawa individu yang celik maklumat perlu tahu untuk:

- a) menentukan keperluan maklumat bagi tujuan tertentu;
- b) mencari dan memperolehi maklumat yang diperlukan secara efektif dan efisian;
- c) menilai maklumat dan sumber-sumbernya secara kritikal;
- d) menggabungkan maklumat-maklumat yang dipilih menjadi ilmu pengetahuan;
- e) menggunakan maklumat secara efektif bagi mencapai tujuan tertentu dan

- f) memahami maklumat yang digunakan dikelilingi isu-isu yang berkaitan dengan budaya, etika, ekonomi, sosial dan perundangan.

Di Malaysia, LM turut mendapat perhatian. Antara definisi yang diberikan ialah kebolehan mencari, mentafsir, mengguna dan menghubungkan maklumat daripada sumber yang pelbagai sumber (Chan, 2002); kemahiran yang membolehkan individu mengenalpasti keperluan maklumat, memformulasikan persoalan berdasarkan keperluan maklumat, menjana strategi pencarian dan mengakses, menilai, menggunakan serta mengorganisasikan maklumat dan kebolehan mempersesembah atau menyampaikan maklumat (Juhana, 2000).

Antara ciri-ciri individu yang celik maklumat menurut Juhana (2000) ialah:

- a) Boleh mendidik diri sendiri dalam persekitaran elektronik global dengan mengenalpasti tujuan maklumat diperlukan serta menyedari bahawa maklumat yang tepat, komprehensif dan lengkap merupakan dasar bagi pembuatan keputusan yang bijaksana;
- b) Mempunyai strategi-strategi untuk mengakses sumber maklumat dan kebolehan mengembangkan dan mengurus pengkalan data;
- c) Boleh menilai maklumat yang telah dikesan dengan membaca secara kritis dan membuat sintesis; dan
- d) Menggunakan maklumat untuk diaplikasikan dan diintegrasikan dalam ilmu yang sedia ada dan untuk tujuan menyelesaikan masalah.

Manakala Faisal (2006b) mengungkapkan LM sebagai satu set keupayaan yang membolehkan seseorang itu menggunakan sumber-sumber maklumat yang berkualiti untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Set keupayaan itu termasuk keupayaan mengenalpasti, mencari, mengesan, menilai dan menggunakan maklumat. Malah menurutnya, orang yang celik maklumat perlu mempunyai semua kemahiran yang diperlukan untuk meneroka ilmu pengetahuan secara bebas, kendiri dan aktif.

Daripada takrifan LM dan ciri individu yang celik maklumat, penyelidik meyimpulkan bahawa LM merupakan kemahiran untuk:

- a) mengenalpasti keperluan maklumat;
- b) mengenalpasti dan mencari sumber maklumat;
- c) mengesan, memilih maklumat dan menilai maklumat;
- d) mengurus dan menyusun maklumat;
- e) menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika;
- f) mempersebahkan maklumat dengan efektif dan
- g) menghasilkan idea-idea baru.

LM adalah kemahiran yang perlu dipelajari dan dimiliki oleh setiap individu sebagai prasyarat untuk melangkah ke era globalisasi maklumat. Era ini berkehendakkan manusia yang berkeupayaan memanipulasikan segala bentuk dan jenis maklumat dan penguasaan maklumat bagi menjamin kejayaan seseorang individu dalam bidang-bidang yang diceburi. Di samping penguasaan terhadap maklumat, individu ini juga perlu tahu membeza dan menilai kesahihan sesuatu maklumat kerana dengan bantuan teknologi yang semakin canggih, maklumat akan semakin berlipat ganda dan sukar untuk dipastikan di antara yang benar-benar sah atau palsu. Lantaran daripada itu individu yang tidak mempunyai kemahiran LM akan ketinggalan zaman kerana kemajuan dan perubahan dunia berlaku begitu pantas serta lebih berorientasikan kepada maklumat semata-mata malah menjadi penentu kualiti seseorang individu.

## **2.3 PERKEMBANGAN LITERASI MAKLUMAT**

Idea tentang LM muncul seiring dengan kemunculan teknologi maklumat di awal tahun 1970an. Ia telah dikatakan mengambil ruang bagi memenuhi dunia abad ke 21 (Bruce, 2002). Semenjak diperkenalkan oleh Zorkowski (1974) dalam laporannya di *National Commission on Libraries and Information Services*, istilah LM mula mendapat tempat di hati para pustakawan dan para profesional dalam bidang maklumat termasuk para pendidik di sekolah. Pelbagai definisi, penjelasan, terminologi telah diberi kepada LM (Kapitzke, 2003; Virkus, 2003).

Bagaimanapun, tulisan-tulisan berkaitan LM ini kebanyakannya datang daripada Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand. Kemudian ianya barulah menyeluruh ke Kanada, China, Jepun, Mexico, Namibia, Singapura dan Afrika Selatan (Bundy, 2002; Virkus, 2003).

Perkembangan LM di Amerika syarikat, telah dibahaskan oleh Behrens (1994); Doyle (1994); Breivik (1998); Spitzer, Eisenberg & Lowe, (1998); Seaman (2001); Mc Cartin & Feid (2001) dan di Australia oleh Bruce & Candy (2000); Bruce (2001) dan CAUL (2001) malah telah diperincikan oleh Negara itu sendiri (Virkus, 2003).

Di Amerika Syarikat, penubuhan Persatuan Perpustakaan Amerika dan Forum kebangsaan LM pada tahun 1987 yang dianggotai lebih 65 organisasi merupakan kesan lansung pembangunan LM. Kumpulan ini menerajui kepimpinan bidang perpustakaan dan pendidikan yang mahukan literasi bukan sekadar keupayaan untuk membaca dan mengingat suatu asas pengetahuan namun literasi perlu menekankan kepada

kebolehupayaan mencari dan menilai maklumat yang diperlukan dalam sebarang situasi (Pettersson, 2001). Kemudian AASL (*American Association of School Librarians*), bekerjasama dengan AECT (*Association for Educational Communications and Technology*) (1988) telah menerbitkan *Information Power: Guidelines for School Library Programs* iaitu panduan penerapan LM dalam kurikulum persekolahan. Berdasarkan garispanduan ini, Perpustakaan Sekolah perlu berhadapan dengan lima cabaran termasuklah:

- a) menyediakan akses intelektual dan fizikal ke atas maklumat dan idea untuk masyarakat yang memerlukan perubahan segera;
- b) memastikan ekuiti dan kebebasan mengakses maklumat dan idea tanpa batasan;
- c) mempromosikan literasi dan keseronokan membaca, memerhati dan mendengar untuk semua peringkat umur;
- d) menyediakan kepimpinan dan kepakaran dalam menggunakan maklumat dan teknologi dan
- e) mengambil bahagian dalam rangkaian yang dapat mengakses sumber di luar sekolah.

Garispanduan ini telah menukarkan perkembangan LM yang berfokuskan perpustakaan kepada kemahiran LM untuk pembelajaran sepanjang hayat (Spitzer, Eisenberg & Lowe, 1998; Seaman, 2001).

Melalui symposium yang diadakan di Leesburg, Virginia, pada bulan 1989, yang dibiayai oleh *U.S. National Commission on Libraries and Information Science* (NCLIS), AASL telah mula mengenalpasti untuk memasukkan LM dalam konteks pendidikan. Forum LM pertama bertajuk prosiding persidangan LM dan pendidikan abad ke 21 diadakan pada tahun 1989 (Spitzer, Eisenberg & Lowe, 1998; Seaman, 2001). Sehubungan dengan itu, dua

set piawaian LM untuk peringkat sekolah dan peringkat pengajian tinggi telah digubal (Seamans, 2001). Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat pula telah memasukkan LM sebagai salah satu daripada lima matlamat rancangan teknologi pendidikannya (Virkus, 2003). Definisi LM yang diberikan menerusi laporan oleh ALA (1989) turut disepakati dan diterima pakai oleh kebanyakan pengkaji-pengkaji bidang sains maklumat dan ia menjadi titik tolak kepada perkembangan LM seterusnya. Institut untuk LM kemudiannya telah ditubuhkan pada tahun 1998.

Amerika Syarikat telah menjadi peneraju kepada perkembangan LM. Pelbagai inisiatif untuk LM telah dibangunkan. Tiga orang pengkaji telah mengulas secara menyeluruh berkaitan sejarah perkembangan celik maklumat sehingga tahun 1996. Kuhlthau (1980), Doyle (1994) dan Bruce (1997). Loertscher and Woolls (1997) kemudiaanya telah meneliti perkembangan LM di perpustakaan sekolah. Mereka membentangkan secara menyeluruh tentang penulisan sejarah berkaitan LM termasuk perkembangan teori, penyelidikan dan latihan di perpustakaan-perpustakaan sekolah sejak akhir tahun 1980an.

Bahang LM ini terus menular ke Australia dan seterusnya ke New Zealand (Muir & Oppenheim, 2001) di mana CAUL (The Council of Australian University Librarian) telah mewujudkan satu piawaian LM yang telah diadaptasikan daripada piawaian LM oleh ACRL (*Association of College and Research Libraries*) (CAUL, 2001). Selepas 1992, satu persidangan LM telah diadakan oleh Universiti Australia Selatan dan ALIA (*Australian Library and Information Association*) dan dikendalikan setiap dua tahun sekali. Pada 2001 pula, gabungan antara Australia dan New Zealand telah menubuhkan ANZIIL (*Australian and New Zealand Institute for Information Literacy*) (CAUL, 2001). Kemudian perkembangan LM ini telah menyeluruh ke Kanada, China, Jepun, Mexico, Namibia, New

Zealand, Singapura dan Afrika Selatan (Whitehead & Quinlan, 2002; Spitzer, Eisenberg & Lowe, 1998; Muir & Oppenheim, 2001; Rader, 2002; Inoue, Naiti & Koshizuka, 1997; Morgan, 2000; Moore, 2000; LIANZA, 2001; Hepworth, 2000; Karelse, 2000).

Pada tahap antarabangsa, Persatuan Perpustakaan dan Institusi Persekutuan Antarabangsa (*International Federation of Library Associations and Institutions* (IFLA) telah menubuhkan Seksyen LM pada tahun 2002 melalui mesyuarat IFLA di Boston, USA. Objektif utama seksyen ini adalah untuk menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam pembinaan kemahiran-kemahiran pembelajaran maklumat dalam semua jenis perpustakaan (IFLA, 2002). Pada tahun 2004, Jesus Lau, pengurus Seksyen LM, telah membentangkan sebuah draf cadangan Garis Panduan LM Antarabangsa. Antara halatuju adalah untuk menyediakan satu rangka kerja pragmatik bagi profesional sains maklumat yang memerlukan dan berminat memulakan suatu program LM. Garispanduan ini akan membantu profesional sains maklumat yang terlibat dengan program pendidikan iaitu pendidikan asas dan tinggi, dalam usaha mereka untuk memenuhi keperluan maklumat semasa. Walau bagaimanapun, kebanyakan konsep, prinsip dan prosedur boleh digunakan dalam mana-mana persekitaran perpustakaan dengan sedikit penyesuaian. Para profesional sains maklumat yang bekerja dalam semua jenis perpustakaan harus mempermudahkan para pengguna untuk memperolehi kecekapan maklumat sebagai salah satu matlamat utama institusi. Kemahiran maklumat amat penting kepada kejayaan pembelajaran sepanjang hayat, pekerjaan, dan komunikasi *interpersonal* harian mana-mana warganegara, seperti ketika seseorang itu memerlukan maklumat mengenai perkhidmatan kesihatan untuk seseorang dalam penjagaannya, atau seorang pelajar memerlukan maklumat khusus untuk menyiapkan suatu penilaian (Lau, 2004). Secara umumnya, perkembangan LM di sekolah bermula pada tahun 80an, seiring dengan kemunculan idea-idea tentang pemikiran kritis, psikologi kognitif dan teknologi pendidikan

dalam dunia pendidikan (Behrens, 1994). Sejak itu muncul beberapa teori berkaitan LM hasil daripada penyelidikan yang giat dijalankan oleh pengkaji-pengkaji seperti Loertscher & Woolls (2002).

## **2.4 PERKEMBANGAN LITERASI MAKLUMAT DI RANTAU ASIA TERMASUK MALAYSIA**

Perkembangan LM di rantau Asia dipelopori oleh IFLA (*International Federation of Library Associations and Institutions*) (Moore, 2002). Disebabkan istilah LM lebih menggambarkan orientasi pendidikan maklumat maka IFLA telah menukar nama bahagian Pendidikan Pengguna kepada Seksyen LM. UNESCO (Gibson, 2004) turut menunjukkan minat dalam mempromosikan LM. Tahun 2003-2013 telah diisytihar sebagai United Nation Literacy Decade (UNLD). Banyak program telah dirancang bagi mempromosikan LM ke peringkat dunia. Deklarasi Prague: "Molahirkan Masyarakat Celik Maklumat" telah digubal pada bulan September 2003. Seramai 40 orang peserta dari 23 buah Negara telah berkumpul untuk berbincang dan berkongsi idea dan kepakaran bagi membentuk konsep LM bertepatan dengan kehendak Negara masing-masing (Edzan & Mohd Sharif, 2005).

LM di rantau Asia telah diperkenalkan melalui persidangan, seminar, bengkel dan aktiviti lain. Contohnya bengkel bertajuk "Regional Workshop on School Libraries Services in Southeast di Bangkok pada tahun 2003 menyeru agar langkah-langkah perlu diambil untuk menyepadan LM dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dengan menggunakan kemudahan dan perkhidmatan perpustakaan sekolah. Melalui bengkel di Colombo, Sri Langka pada tahun 2004 pula telah memperkenalkan model Empowering 8 iaitu model LM untuk kegunaan di rantau Asia (Diljit, 2006; Pemadesa, 2006). Penganjuran persidangan

jugalah berjaya menyebarkan pengkajian mengenai LM yang dijalankan di rantau Asia serta di Malaysia. Persidangan yang pertama mengenai LM di anjurkan oleh Perpustakaan Universiti Darussalam pada tahun 2004 (*Conference on Information literacy*, 2004). Dalam persidangan ini 22 kertas kerja telah dibentangkan mengenai berbagai aspek LM. Persidangan kedua pula telah dianjurkan oleh Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi Mara pada tahun 2006 (Information literacy, 2006). Sejumlah 29 kertaskerja dibentangkan dari rantau Asia Pasifik. Persidangan mengenai LM yang seterusnya telah dianjurkan oleh Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya (*Towards an information literate society*, 2008). Sejumlah 20 kertaskerja telah dibentangkan. Bengkel dan persidangan tersebut telah dapat mencetuskan kegiatan dan kajian lanjut mengenai LM terutamanya bagaimana ianya boleh diserapkan dalam pembelajaran dan pengajaran di sekolah dan di universiti (Faisal, 2006a; Siti, Imilia dan Huzaimah, 2008).

Singapura merupakan negara terawal yang menghasilkan polisi maklumatnya yang diterapkan dalam tiga dokumen penting yang dinamakan *IT 2000*, *Library 2000* dan *Masterplan for IT in Education* (Bishop, 2003). Dokumen ini sebagai percubaan untuk memastikan rakyat Singapura menjadi celik maklumat sejajar dengan LM yang dianggap sebagai elemen penting kepada kejayaan ekonomi masa depan pulau itu (Butterworth, 2000). *IT 2000*, bertujuan menjadikan Singapura sebuah pulau yang bijaksana dengan sambungan komputer yang lengkap sebelum tahun 2000. *Library 2000* pula merupakan penaksiran status quo dan pelan perancangan untuk merubah seluruh sistem perpustakaan awam di Singapura. Manakala *The Masterplan for IT in Education*, bertujuan untuk membentuk semula sistem pendidikan sebagai usaha meningkatkan celik maklumat. Sistem

pendidikan di Singapura akan digantikan dari kurikulum berasaskan kandungan kepada kurikulum berasaskan sistem bagi menghasilkan pemikir-pemikir yang kreatif.

Singapura telah membentuk program LM yang dikenali sebagai ILP (Information Literacy Programme) pada tahun 1998 (Narayanan & Munoo, 2003) dan telah melantik tiga orang pustakawan menjadi pasukan ILP yang akan menjadikan LM sebagai kemahiran pembelajaran sepanjang hayat kepada semua rakyat Singapura di mana mereka perlu mengenal pasti, mengurus dan menggunakan maklumat daripada bercetak maupun elektronik. Pasukan ILP ini telah membentuk tiga program LM untuk Lembaga perpustakaan Singapura yang dinamakan Program *Be InfoSmart* untuk orang awam dan pelajar-pelajar; Program *Basic Information Literacy Training* yang merupakan program penyelidikan; dan program *InfoPaths: Pathways to Information* untuk agensi korporat, kakitangan kerajaan, institusi-institusi lain dan orang awam yang memfokuskan pencarian dalam Internet dan LM. Beberapa orang pengkaji Singapura telah mengikuti perkembangan program ILP ini dari masa ke semasa. Misalnya Tan & Theng (2006) dan Mokhtar & Majid (2006a) yang mengkaji berkaitan penerapan LM dalam kerja kursus pelajar.

Di Malaysia pula, istilah LM mula dikenali pada tahun 1996. Namun istilah LM saling berkaitan dengan literasi teknologi maklumat (*Information Technology*, (IT). Dalam tahun 1996, Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (*National Information Technology Council* (NITC) melancarkan "Agenda Teknologi Maklumat Kebangsaan" (*National Information Literacy Agenda* (NITA), yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri. NITA menyediakan asas dan rangka kerja kepelbagaian teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara membangun, menggunakan ICT bagi menjadikan seluruh masyarakat Malaysia menjadi masyarakat bermaklumat, kemudian

kepada masyarakat berpengetahuan dan akhirnya menjadi masyarakat berpengetahuan berasaskan nilai. NITA menyediakan rangka kerja yang komprehensif selaras dengan zaman maklumat dan memfokus untuk mengubah masyarakat kepada masyarakat berpengetahuan berasaskan nilai menjelang tahun 2020 (Edzan & Mohd Sharif, 2005).

Pada tahun 1996, Karelse (2000) menggambarkan bahawa polemik LM di Malaysia lebih kepada literasi IT berbanding LM. Tengku Mohd Azzman (1997), telah membuat rujukan awal tentang masyarakat celik maklumat dalam konteks rakyat Malaysia. Katanya, “Sebuah masyarakat celik IT mesti memperoleh tahap celik maklumat yang lebih tinggi supaya seseorang itu boleh mengenalpasti, mengguna, dan memanipulasikan maklumat”. Menurut beliau, dengan berbantuan komputer banyak maklumat boleh dicapai di mana ia tidak boleh dilakukan oleh manusia, malah komputer juga mampu mengutip dan menyimpan maklumat serta pengetahuan cepat.

Reid (1998), seorang konsultan bebas di Teja Information Services berpangkalan di Malaysia, sekali lagi membuat rujukan terhadap Karelse, Tengku Mohd Azman dan LM di Malaysia dalam laporannya tentang Koridor Raya Multimedia Malaysia, yang dibentangkan di Sidang IATUL (*International Association of Technological University Libraries*) pada 1998. Beliau memerhatikan bahawa selain latihan yang dikendalikan beberapa pustakawan Malaysia, kebanyakkan program latihan IT tidak menyertakan kemahiran LM (Reid, 1998 dalam Edzan & Mohd Sharif, 2005). Beliau mengulas tentang pentingnya kemahiran IT dan LM dalam melahirkan pengguna maklumat elektronik yang efektif sejajar dengan limpahan maklumat menerusi media elektronik dan mencadangkan agar pustakawan perlu melatih penguna-pengguna tersebut.

Dalam laporan yang dibentangkan pada Forum Literasi Rantau Asia ke-2 di New Delhi, Kim (1998) menyatakan bahawa penekanan pendidikan literasi adalah untuk melahirkan rakyat celik maklumat dan pekerja berpengetahuan, disokong oleh teknologi maklumat baru. Beliau mengutarakan soalan tentang “Apakah perwatakan rakyat celik maklumat? Bagaimanakah perwatakan tersebut akan dipupuk? Bagaimanakah insan celik maklumat menyumbang sebagai pekerja berpengetahuan dalam masyarakat sivil pada abad ke-21? Bagaimanakah inisiatif pendidikan dan projek inovatif memacu perubahan dalam membentuk pekerja berpengetahuan dan masyarakat sivil untuk abad seterusnya?” Beliau mengatakan bahawa subjek literasi itu termasuklah kebolehan untuk meneroka kemahiran dan pengetahuan baru. “Proses mengumpul, menginterpretasi, dan menggunakan maklumat ini mula menerima kepentingan yang saksama sebagai penggerak aktiviti membaca dan menulis. Kepentingan teknologi maklumat dan kemahiran LM membolehkan pelajar menjadi pengumpul maklumat yang efektif dalam zaman digital ini”. Beliau merasakan bahawa pembelajaran kendiri sebagai bahagian penting dalam membangunkan pembelajaran LM dan hal tersebut menekankan kebolehan untuk bertanggungjawab dalam pembelajaran seseorang individu dan dilengkapi dengan strategi untuk senantiasa mengikuti perkembangan pembangunan mengguna dan menyebarkan informasi. Seorang individu yang celik ilmu mendekati maklumat secara kritikal; boleh mengimplementasikan pemprosesan maklumat, menggunakan sistem maklumat dan teknologi untuk mempertingkat perkembangan pembelajaran dan maklumat serta nilai yang menyumbang kepada penggunaan maklumat. Di samping itu, pemahaman tentang LM dikaitkan dengan idea kebolehan berfikir, lebih-lebih lagi kebolehan menyelesaikan masalah. Sebagai contoh, model yang diusulkan oleh Eisenberg & Berkowitz (1990a, 1990b) mengatakan bahawa terdapat peringkat seperti penerangan tugas, strategi mencari maklumat, lokasi dan peluang, penggunaan maklumat, penginterpretasian, dan penilaian maklumat.

Terdapat juga sumber lain yang turut menyumbang secara aktif kepada penciptaan masyarakat Malaysia yang celik maklumat. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) telah memainkan peranan aktif dalam program literasi, tetapi hanya fokus kepada membaca, memandangkan objektif nasional adalah untuk mencapai kadar 100% celik membaca menjelang 2010 (Siti Aishah, 2003). Dalam pelan jangka pendek dan panjang PNM, terdapat satu usul untuk menguruskan seminar LM semasa Bulan Membaca secara bersama dengan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM). PNM mempunyai rancangan untuk membangunkan pakej LM pada peringkat asas, pertengahan, dan tinggi yang boleh digunakan oleh pelatih di bengkel pencarian maklumat. Pada masa yang sama, PNM telah mewujudkan Polisi Pempromosian Membaca, yang mana mereka telah menggariskan sembilan program dan siri aktiviti (Perpustakaan Negara Malaysia, 2005). Daripada sejumlah 33 aktiviti, enam daripadanya adalah terarah kepada LM yang bermatlamat untuk:

- a) Membentuk jaringan rakan kongsi dalam mempromosi LM;
- b) Mencipta dan membangunkan program LM secara ‘online’ demi menggalak dan membentuk masyarakat dan budaya yang kaya dengan ilmu dan LM;
- c) Menguruskan program LM di perpustakaan dan institusi yang bersesuaian;
- d) Mengimplementasi program LM secara *online* dalam menggalak dan membentuk masyarakat dan budaya yang kaya dengan ilmu dan LM;
- e) Mencipta pengkalan data LM Malaysia berkaitan program membaca, kajian, kepakaran, dan aktiviti membaca yang dijalankan pada peringkat kebangsaan; dan
- f) Mengimplementasikan kursus serta bengkel carian secara *online* dan kemahiran informasi.

Kebanyakan pengkaji-pengkaji LM di Malaysia lebih menumpukan kajian mereka di peringkat universiti berbanding di peringkat sekolah. Kajian terbaru di peringkat universiti

telah dilakukan oleh Nor Edzan (2007) dan Mohd Sharif (2008). Mohd Sharif (2008) telah membentuk kerangka tingkah laku LM individu berpandukan piawaian LM *Association of College and Research Libraries* (ACRL) (2000), *Council of Australian University Librarians* (CAUL) (2001) dan *Australian and New Zealand Institute of Information Literacy* (ANZIIL) (2004). Kerangka tingkah laku ini digunakan untuk menentukan tahap LM pelajar-pelajar tahun akhir dalam melaksanakan kerja kursus. Kerangka LM yang dicadangkannya mengandungi 7 langkah iaitu keperluan maklumat, pencarian maklumat, penilaian maklumat, mengurus maklumat, menggunakan maklumat dan etika dalam menggunakan maklumat. Seramai 643 daripada pelbagai fakulti telah dipilih sebagai sampel kajian menggunakan soal selidik dan 14 orang yang lain telah mengambil bahagian sebagai sampel kajian kes menggunakan dairi dan soalselidik. Beliau mencadangkan agar setiap program LM yang dirancang perlu mengambil kira tentang model perilaku (*Behavioural Model*) yang telah beliau gubal.

Nor Edzan (2007) dalam kajiannya juga turut menggubal modul pengajaran LM untuk pelajar-pelajar tahun akhir menggunakan pendekatan SSM (*Soft System Methodology*). Dapatan kajian beliau mendapati bahawa pelajar-pelajar perlu pendedahan kepada program LM sebelum melaksanakan kerja kursus mereka agar mereka dapat melaksanakan kerja kursus secara sistematik. Beliau turut berpendapat bahawa SSM boleh digunakan dalam membantu mengenalpasti permasalahan dalam LM.

Secara keseluruhanya dalam rantau Selatan dan Asia Tenggara, LM “secara konsepnya masih tidak subur dalam majoriti negara dalam kawasan tersebut” (Wijetunge, 2005).

## **2.5 KEPERLUAN KEPADA KEMAHIRAN LITERASI MAKLUMAT**

Ledakan maklumat di abad ke 21 ini telah menimbulkan masalah dalam mencari maklumat dan menilai maklumat. Bagi menghadapi situasi ini manusia perlu menjadi celik maklumat (Seamans, 2001; Council of Australian University Librarians, 2001). Mereka perlu mengenalpasti keperluan maklumat dan mempunyai kemahiran untuk mengakses, menilai, mensistesis dan mengaplikasikan maklumat yang diperlukan (Bundy, 2002). Masyarakat akan datang perlu diadun menjadi masyarakat berilmu pengetahuan agar mereka boleh membina “*the building stone for a society that is equitable and possesses economic growth potential*” (Rader, 2002).

Sumber ilmu dan maklumat merupakan aset penting bagi pembangunan Negara dan kemajuan masyarakat kerana ia mempengaruhi individu untuk membuat keputusan strategik berkaitan perancangan hidup sehari-hari (Mohammad & Azizah, 2000). Pelajar perlu didedahkan dengan kemahiran LM bermula di peringkat awal persekolahan seterusnya dikukuhkan lagi di peringkat pengajian tinggi (Willison & O'Regan, 2005). Sekiranya proses ini berlaku maka impian untuk melahirkan masyarakat berpengetahuan akan terlaksana.

Namun realiti yang berlaku adalah berlainan. Kebanyakan pelajar kurang berpengalaman dalam mengendalikan maklumat dan bukannya seorang pelajar yang belajar sendiri (Virkus, 2003). Apa yang mengejutkan ialah berlakunya pemisahan perbincangan berkaitan LM di peringkat sekolah dengan peringkat pengajian tinggi (Seamans, 2001). Pihak universiti menjangkakan pelajar-pelajar telah mempunyai asas-asas LM apabila mereka memasuki universiti namun ianya tidak berlaku. Kajian-kajian yang dijalankan di universiti

(Hepworth, 1999; Caravello, Herschman & Mitchell, 2001; Clerehan & Walker, 2002; Ellis & Salisbury, 2004) mendapati bahawa pelajar bukan setakat memasuki universiti tanpa kemahiran LM malah sudah menjadi graduanpun masih belum berkemahiran LM. Kenyataan yang mengatakan pelajar akan menjadi celik maklumat apabila masuk universiti adalah mitos semata-mata (Bundy, 2004). Keadaan ini memerlukan kepada pembentukan program kemahiran perpustakaan bagi membantu pelajar menjalankan penyelidikan di universiti (Yushiana, 2003; Chan, 2003; Ellis & Salisbury, 2004; Che Norma, 2004, Edzan & Mohd Sharif, 2005).

Antara penyebab yang dapat dikenalpasti ialah guru kurang jelas untuk mengajar LM dan pelajar pula kurang jelas untuk mempelajarinya (Bundy, 2004b). Tanpa panduan mereka akan hilang punca. Satu pendekatan perlu diambil bagi membentuk satu model LM yang holistik sehingga menyumbang kepada pembelajaran sepanjang hayat (Behrens, 1994; Hepworth, 1999). LM perlu diajar secara berterusan bagi memastikan kesinambungannya. Bagi memastikan kesinambungan LM menjelang tahun 2020, Willison & O'Regan (2005) mencadangkan agar LM diterapkan dalam kurikulum persekolahan dan tidak dilaksanakan secara berasingan. Penerapan LM dalam kurikulum sekolah lebih menampakkan hasil berbanding pengajaran tradisional (Mokhtar & Majid, 2006b). Guru perpustakaan dan guru matapelajaran perlu bergerak seiringan. Dalam melaksanakan KKS misalnya, tugas diberi oleh guru mata pelajaran tetapi pihak perpustakaan patut mengajar langkah demi langkah untuk melaksanakan kajian tersebut (Bondi, 2002).

Bagi membentuk kerangka yang boleh menjelaskan konsep dan isi kandungan LM merupakan satu cabaran (Willison & O'Regan, 2005). Pakar-pakar LM perlu duduk semeja membincangkan konsep, skop, piawaian, kehendak dan keperluan LM agar ia bertepatan

dengan kehendak negara dan tidak menyimpang daripada matlamat dan falsafah pendidikan kebangsaan (Webber & Johnston, 2005). Sebagai contoh, IFLA (2006) telah menyediakan satu garispanduan LM untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Kasowitz-Scheer and Pasqualoni (2002) mencadangkan agar pengajaran LM tidak tertumpu kemahiran perpustakaan. LM bukan sekadar isu-isu keperpustakaan malah lebih meluas melibatkan kemahiran analitik dan kritikal dalam menggunakan maklumat yang diperolehnya. Individu yang celik maklumat sepatutnya berdikari, dinamik, kreatif dan efektif: mereka patut lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran mereka bukan hanya bergantung kepada penerangan guru semata-mata (Rockman, 2003; Mokhtar, Majid & Foo, 2008a).

Kemahiran LM juga dapat menyediakan pekerja-pekerja mahir dalam mencapai maklumat yang terkini dan efektif seterusnya melahirkan pekerja yang lebih efisian. Pekerja yang mempunyai pemikiran kritikal dan penyelesaikan masalah akan mampu membuat keputusan berdasarkan keupayaannya menyepatu dan mensistesis maklumat yang berada di persekitarannya (Lloyd, 2003). Pekerja yang berliterasi maklumat akan mempunyai motivasi kendiri yang kuat dan mampu membuat nilai tambah kepada organisasinya (Mokhtar, Majid & Foo, 2008a).

Oleh itu, kemahiran LM merupakan kemahiran yang sentiasa diperlukan dalam kehidupan seharian. Kemahiran LM ini akan menjadikan individu sentiasa sedar terhadap kehendaknya. Sebagai contoh pengguna yang bijak terlebih dahulu akan meneliti isi kandungan dan pengeluar sebelum membuat keputusan untuk membeli sesuatu barang (Mokhtar, Majid & Foo, 2008a).

## **2.6 PIAWAIAN LITERASI MAKLUMAT UNTUK PERINGKAT SEKOLAH**

Di bahagian ini hanya piawaian LM di peringkat sekolah sahaja yang akan dihurstai. Piawaian LM perlu sebagai kayu ukur tahap LM individu (Edzan & Mohd Sharif, 2005). Ia menggariskan perilaku-perilaku LM yang dikehendaki mengikut acuan yang dikehendaki (Siti Sumaizan, Imilia & Huzaimah, 2008). Amerika contohnya, telah mengkategorikan piawaian LM untuk peringkat sekolah dan universiti/kolej. Untuk peringkat sekolah menerusi AASL (1998) piawaian LM dibahagikan kepada tiga kategori iaitu a) LM; b) pembelajaran bebas; dan c) tanggungjawab sosial (Seaman, 2001). Antara pelaku LM yang digariskan dalam tiga-tiga kategori ini termasuklah pelajar yang celik maklumat boleh:

- a) Mengakses maklumat secara efisien dan efektif;
- b) Menilai maklumat secara kritis dan cekap;
- c) Menggunakan maklumat secara efektif dan kreatif;
- d) Mencari maklumat yang berkaitan minat sendiri;
- e) Menghargai dan meminati kesusasteraan dan lain-lain;
- f) Berusaha mencapai kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan pembinaan pengetahuan;
- g) Menyedari kepentingan maklumat dalam masyarakat demokratik;
- h) Mengamalkan etika yang baik dalam penggunaan maklumat dan teknologi maklumat; dan
- i) Mengambil bahagian yang efektif dalam kumpulan untuk mencari dan menjana maklumat.

AASL & AECT (1998) pula telah membentuk piawaian LM pelajar yang dinyatakan oleh Farmer (2001) sebagai garis panduan kepada perpustakaan sekolah untuk membantu pelajar dalam era digital. Antara garis panduan tersebut adalah:

- a) Pelajar yang celik maklumat mengakses maklumat secara efisien dan efektif. Mereka tahu bila nak cari maklumat yang diperlukan, bagaimana nak

membina soalan-soalan untuk mencapai maklumat dan di mana maklumat tersebut;

- b) Pelajar yang celik maklumat menilai maklumat secara kritikal dan kompeten. Mereka menimbangkan maklumat dengan teliti bagi menentukan kualitinya;
- c) Pelajar yang celik maklumat menggunakan maklumat secara tepat dan kreatif. Mereka mengurus maklumat secara mahir dan efektif dalam pelbagai konteks;
- d) Pelajar yang belajar sendiri adalah celik maklumat dan membahaskan maklumat yang diminati. Mereka mengaplikasikan prinsip-prinsip LM ketika mengakses, menilai dan menggunakan maklumat tersebut;
- e) Pelajar yang belajar sendiri adalah celik maklumat dan menghargai literatur dan kajian-kajian lain. Mereka mengaplikasikan prinsip-prinsip LM untuk mengakses, menilai, merasai, menghargai dan mencipta produk; dan
- f) Pelajar yang belajar sendiri adalah celik maklumat dan berusaha mendapatkan kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan salah silah ilmu pengetahuan. Mereka mengaplikasikan prinsip-prinsip LM untuk menilai dan menggunakan proses dan produk maklumatnya sendiri sebagaimana orang lain.

CAUL (*Council of Australian University Librarians*, 2001) menggubal piawaian LM yang boleh digunakan di peringkat sekolah dan pengajian tinggi. Piawaian tersebut menggariskan individu yang celik maklumat perlu:

- a) sedar akan keperluan maklumat dan dapat menentukan lokasi maklumat yang diperlukan;
- b) mengakses maklumat yang diperlukan secara efektif dan efisien;
- c) menilai maklumat dan sumber-sumbernya secara kritikal dan menyepadukan maklumat yang dipilih dalam pengetahuan asasnya;
- d) mengklas, menyimpan, mengguna dan melakar maklumat yang dikumpul;
- e) Memperluaskan, membentuk kembali atau mencipta ilmu baru berdasarkan maklumat sedia ada dengan pemahaman baru secara individu atau dalam kumpulan;

- f) memahami isu-isu persekitaran seperti budaya, ekonomi dan undang-undang dalam menggunakan maklumat, mengakses dan menggunakan maklumat secara beretika, sah dan bertanggungjawab; dan
- g) sedar bahawa pembelajaran sepanjang hayat dan warganegara yang berperanan diperlukan dalam LM.

ANZILL (*Australian and New Zealand Institute for Information Literacy*, 2004) juga telah menghasilkan piawaian LM yang diadaptasi daripada piawaian LM ACRL (2000) dengan menambah dua ciri perilaku LM iaitu menghasilkan maklumat baru dan pembelajaran sepanjang hidup (Bundy, 2004a). Individu yang celik maklumat adalah:

- a) sedar akan keperluan maklumat;
- b) menentukan lokasi maklumat yang diperlukan;
- c) mengakses maklumat secara efisien;
- d) menilai maklumat dan sumber secara kritikal;
- e) mengklasifikasi, menyimpan, memanipulasi dan melakarkan maklumat-maklumat yang diperolehi;
- f) menyepadukan maklumat yang dipilih dalam pengetahuan sedia ada;
- g) menggunakan maklumat secara efektif untuk dipelajari, menghasilkan ilmu baru dan membuat keputusan;
- h) memahami isu-isu yang berkaitan ekonomi, undang-undang, sosial, politik dan budaya dalam menggunakan maklumat;
- i) mengakses dan menggunakan maklumat secara beretika dan sah;
- j) mengambil bahagian dalam menggunakan maklumat dan pengetahuan sebagai sebagai tanggung jawab sosial; dan
- k) menjadikan LM sebagai sebahagian daripada pembelajaran kendiri dan pembelajaran sepanjang hayat.

Piawaian LM ANZIIL (2004) tidak membezakan penggunaan piawaian LM ke atas semua peringkat umur. Antara enam perkara yang dinyatakan dalam piawaian LM ANZIIL ialah pelajar yang celik maklumat :

- a) Sedar akan keperluan maklumat dan dapat menentukan keaslian maklumat;
- b) Boleh mencari maklumat secara efektif dan;
- c) Boleh menilai maklumat dan proses pencarian maklumat secara kritikal;
- d) Boleh menguruskan maklumat;
- e) Boleh mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep dan pemahaman baru; dan
- f) Boleh menggunakan maklumat tertakluk dengan budaya, etika, ekonomi, undang-undang dan isu-isu sosial.

Piawaian ini telah diterangkan secara terperinci dalam *Australian and New Zealand Information Literacy Framework: principles, standards and practice* (Bundy 2004a). Dalam tulisan Willison & O'Regan (2005) bertajuk: “*2020 Vision: An Information Literacy continuum for students primary school to post graduation*” mereka telah berpandukan piawaian LM ACRL, ( Association of College and Research Libraries, 2000), CAUL, (Council of Australian University Librarians, 2001) dan ANZIIL (*Australian and New Zealand Institute of Information Literacy*, 2004) dalam menentukan piawaian LM untuk model LMnya.

Piawaian LM yang dibentuk ini adalah mengikut kehendak masyarakat bersetujuan dengan ciri-ciri LM yang sepatutnya dikuasai. Piawaian ini penting sebagai garispanduan menentukan tahap LM warganya dan bagi tujuan penyediaan modul pengajaran LM (Edzan & Mohd Sharif, 2005; Siti Sumaizan, Imilia & Huzaimeh, 2008).

Menurut penyelidik, kebanyakan perilaku LM yang ditentukan dalam piawaian LM pelbagai negara dan pelbagai peringkat adalah menyamai di antara satu sama lain tetapi diungkapkan menggunakan istilah dan perkataan yang berbeza. Secara keseluruhan perilaku LM yang dimaksudkan ialah:

- a) Sedar akan keperluan maklumat;
- b) Mencari maklumat secara efektif, kreatif dan efisien;
- c) Menilai kerelevanan, keesahan dan kekinian maklumat;
- d) Mengurus maklumat yang telah diperolehi;
- e) Mengguna dan mempersempahkan maklumat secara beretika; dan
- f) Mengaplikasikan maklumat menjadi ilmu pengetahuan yang baru.

IFLA (2006) juga membentuk piawaian LM berpandukan kepada AASL, ACRL, SCONUL dan ANZILL. Piawaian LM IFLA dikelompokkan di bawah tiga komponen asas LM iaitu akses, penilaian dan penggunaan.

Akses: Pengguna mengakses maklumat dengan cekap dan berkesan.

- a) Definisi dan pernyataan keperluan maklumat
  - Mendefinisi atau mengenalpasti keperluan maklumat
  - Memutuskan untuk berbuat sesuatu bagi mencari maklumat
  - Menyatakan dan mendefinisi keperluan maklumat
  - Memulakan proses pencarian
- b) Pengesahan maklumat
  - Mengenalpasti dan menilai sumber-sumber maklumat berpotensi
  - Menghasilkan strategi pencarian
  - Mengakses sumber-sumber maklumat terpilih
  - Memilih dan mendapatkan semula maklumat yang dikesan

Penilaian: Pengguna menilai maklumat dengan cekap dan kritis.

- a) Pentaksiran maklumat
  - Menganalisis, memeriksa, dan mengekstrak maklumat
  - Membuat tanggapan umum dan mentafsir maklumat
  - Memilih dan mensintesis maklumat
  - Menilai ketepatan dan kerelevan maklumat yang didapatkan semula
- b) Penyusunan maklumat
  - Menyusun dan mengkategorikan maklumat

Mengelompokkan dan menyusun maklumat yang didapatkan semula  
Menentukan maklumat mana yang terbaik dan paling berguna

**Penggunaan:** Pengguna mengaplikasikan/menggunakan maklumat dengan tepat dan kreatif

a) Penggunaan maklumat

Mencari cara-cara baru untuk berkomunikasi, mempersemaht dan menggunakan maklumat

Menggunakan maklumat yang didapatkan semula

Mempelajari atau mendalami maklumat sebagai pengetahuan peribadi

Mempersemaht produk maklumat

b) Komunikasi dan penggunaan beretika maklumat

Memahami penggunaan beretika maklumat

Menghormati perundangan berkaitan penggunaan maklumat

Memperkatakan tentang produk pembelajaran dengan mengiktiraf harta intelek

Menggunakan piawaian gaya pengiktirafan yang relevan

Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sarawak (PPMKSAR) juga mulai tahun 2006 lagi telah berusaha untuk menghasilkan piawaian LM untuk kegunaan seluruh perpustakaan di Sarawak termasuk perpustakaan akademik, perpustakaan sekolah dan perpustakaan awam (Siti Sumaizan, Imilia & Huzaimah, 2008). Projek dikendalikan oleh sekumpulan pakar yang terdiri daripada pustakawan dan para profesional maklumat telah meneliti setiap aspek LM yang sesuai dengan 3 jenis perpustakaan yang dimaksudkan. Draf piawaian LM yang terhasil juga diadaptasikan daripada piawaian ACRL/AECT/AASL/ANZIL dan ia masih berbentuk kerangka.

Begitu juga Yusuf & Razmah (2002) dalam kajian bertajuk “Peranan Baru Pusat Sumber Pendidikan dalam zaman teknologi maklumat dan komunikasi turut menyebut bahawa

piawaian LM AASL/AECT (1998) boleh dijadikan penunjuk bagi mengukur standard LM bagi sesuatu program sumber pendidikan.

Menurut panelitian penyelidik, kebanyakan negara-negara yang masih belum, sedang atau ingin menggubal piawaian LM masing-masing akan merujuk kepada piawaian LM AASL (1998), ACRL (2000), CAUL (2001) dan ANZIIL (2004). Namun piawaian LM yang sesuai digunakan di peringkat sekolah menengah ialah AASL, CAUL, dan ANZIIL. Mokhtar, Majid & Foo (2008b) juga turut merujuk piawaian LM AASL dan ANZIIL ketika menggubal satu cadangan program LM untuk peringkat sekolah rendah dan menengah di Singapore.

Disebabkan Malaysia masih belum mempunyai piawaian LM kebangsaan (Yaacob & Samsuri, 2003; Edzan & Mohd Sharif, 2005) dan piawaian LM ini perlu sebagai alat untuk menstandardkan program-program LM di Malaysia (Yushiana, 2003; Mohd Sharif, Nor Edzan and Zainab, 2005) maka penyelidik dalam kajian ini telah merangka satu kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) untuk dijadikan penanda aras tahap LM pelajar dalam kajian ini. KLMP yang terhasil adalah adaptasi daripada piawaian LM AASL (1998) dan ANZIIL (2004).

## 2.7 MODEL-MODEL LITERASI MAKLUMAT

Sejak isu berkaitan LM diperbahaskan, terdapat model-model kemahiran maklumat telah dibentuk dan telah diaplikasikan di sekolah-sekolah (Herring, 2002). Persekutaran yang kaya dengan teknologi maklumat memerlukan kemahiran lain selain kemahiran asas membaca, menulis dan mengira terutama untuk tujuan penyelesaian masalah (Kuhlthau, 2001) Kemahiran lain yang dimaksudkan ialah Kemahiran mencari maklumat. Pelbagai model-model LM boleh digunakan dalam mengakses pencarian maklumat yang melibatkan kemahiran kognitif (Kuhlthau, 1993). Loerstcher & Woolls (2002) juga telah mengulas model-model yang boleh digunakan untuk merealisasikan konsep LM. Antara model LM dibahaskan oleh Woolls (2006) adalah seperti berikut:

- a) Model British (*The British Model*) (Marland, 1981);
- b) Model penyelidikan Strippling dan Pitt (*Strippling and Pitt Research Model*) (*Strippling & Pitt, 1988*);
- c) Model Kuhlthau (*The Kuhlthau Model*) (Kuhthau, 1990, 1993);
- d) Pendekatan Big Six (*The Big Six Approach*) (Eisenberg & Berkowitz, 1990a, 1990b, 1996);
- e) Model LM CSLA (*The CSLA Information Literacy Model*) (CLSA, 1997);
- f) Tipologi LM oleh McClure (*McClure's Information Literacy Typology*) (McClure, 1994);
- g) Kemahiran maklumat “Pathways to Knowledge” (*The Pathways to Knowledge Information Skills*) (Pappas & Tape, 1995);
- h) Kitaran pembelajaran oleh Stripling (*Stripling's Thoughtful Learning Cycle*) (Stripling, 1988);
- i) Model PLUS (*The Plus Model*) (Herring, 1999);
- j) Model Exit (*The Exit Model*,) (Wray & Lewis, 1997);
- k) Model Flip It (*The Flip It ! Model*) (Yucht, 1997);
- l) Model Netsavvy (*The Netsavvy Model*) (Juke, Dosej et al., 1998);

- m) Model ISTE (*The International Society for Technology in Education (ISTE) Model*) (ISTE, 1998);
- n) Model kemahiran literasi INFOhio Dialogu (*INFOhio Dialogu: Model for Information Literacy Skills*) (Byerly & Brodie, 1999) dan
- o) Model Empowering 8. (Wijetunge, 2006).

*The British Model* merupakan model yang terawal dan disarankan oleh Marland (1981) dalam bukunya berjudul *Information Skills in the Secondary Curriculum*. Sembilan langkah dalam model tersebut termasuklah:

- a) Apa saya mesti buat? (memformula dan menganalisa keperluan)
- b) Ke mana saya patut pergi? (kenalpasti dan menilai sumber-sumber)
- c) Bagaimana saya boleh dapat maklumat yang diperlukan? (mengesan sumber-sumber yang berkaitan)
- d) Sumber manakah yang perlu saya guna? (nilai, pilih dan buang sumber-sumber yang berkaitan)
- e) Bagaimana saya menggunakan sumber itu? (menganalisa sumber-sumber)
- f) Rekod apakah yang mesti saya wujudkan? (penyimpanan dan pengasingan sumber)
- g) Sudahkah saya perolehi maklumat yang saya kehendaki? (interpretasi, analisis, sintesis dan penilaian)
- h) Bagaimanakah saya akan membentangkannya? (pembentangan dan komunikasi)
- i) Apakah kejayaan yang saya sudah perolehi? (penilaian)

Sembilan langkah yang dikemukakan oleh Marland di atas adalah menumpukan kepada cara-cara untuk menjalankan kajian

Pelbagai model kemahiran maklumat telah wujud rentetan daripada model ini. Daripada model ini muncul sajana-sarjana seperti Irving (1985), Carol Kuhlthau (1985), Jamie Mckenzie (1999), Stripling & Pitts (1988) membincangkan tentang cara-cara untuk menjalankan kajian.

Manakala Model Penyelidikan Stripling dan Pitts (1988) pula mempunyai sepuluh langkah yang mengandungi gambaran point (reflection point) iaitu:

- a) Pilih topik yang luas;
- b) Dapatkan ringkasan topik yang berkenaan;
- c) Sempitkan topik pilihan (Adakah topik saya yang terbaik);
- d) Bentuk satu tesis atau pernyataan tujuan (Adakah tesis/ pernyataan tujuan saya menunjukkan konsep yang menyeluruh untuk penyelidikan saya);
- e) Bina persoalan sebagai panduan kajian (Adakah persoalan tersebut memberikan tapak kepada penyelidikan saya);
- f) Rancang satu kajian dan hasilan (Adakah rancangan kajian/hasilan tersebut boleh digunakan);
- g) Cari/ analisis/ nilai sumber-sumber (Adakah sumber-sumber saya oleh digunakan dan memadai);
- h) Menilai kembali (Adakah kajian saya lengkap);
- i) Membuat kesimpulan/Mengurus maklumat menjadi satu garis panduan (Adakah kesimpulan saya berasaskan kepada bukti-bukti penyelidikan? Adakah garis panduan saya logik mencakupi ..... dan
- j) Sedia dan bentang hasil dapatan (Adakah projek saya memuaskan).

Model Kuhlthau telah dikemaskini dan diterbitkan pada tahun 1989 (1990, 1993). Model ini sangat unik kerana ia dibentuk berdasarkan kajian yang dijalankan beliau bersama para pelajarnya dari beberapa sekolah menengah, yang akhirnya menjadi terkenal di kalangan pustakawan sekolah. Sehingga 1997, kajiannya digunakan sebagai bahan rujukan utama di kalangan pustakawan sekolah dan sains maklumat sebagai teks untuk menunjukkan bagaimana pengguna melaksanakan proses kajian. Langkah beliau mencakupi:

- a) Mengenal pasti tugasan;
- b) Pemilihan topik;
- c) Penjelajahan awa;
- d) Memfokus fomulasi;
- e) Pengumpulan maklumat;

- f) Penutupan kajian dan
- g) Mula menulis.

Pengalaman yang beliau lalui agak pelbagai iaitu dari kecelaruan untuk mengenal pasti tajuk pilihan/ memfokus formulasi tajuk kepada penutup kajian dan peningkatan kecenderungan dari pengumpulan maklumat kepada permulaan penulisan. Sepanjang proses kajian, beliau mendapati bahawa pelbagai proses kognitif berlaku dari mencari maklumat relevan hingga kepada maklumat yang sepatutnya.

Pendekatan Big Six, oleh Eisenberg dan Berkowitz (1990a, 1990b, 1996 & 2001), pula mempunyai 6 langkah antaranya:

- a) Definisi tugas (mengenalpasti tujuan dan keperluan maklumat)
  - Mengenal pasti permasalahan
  - Mengenal pasti kehendak mengenai masalah
- b) Strategi pencarian maklumat (menentukan pendekatan alternatif untuk memperolehi maklumat yang sesuai seperti yang dikehendaki)
  - Kenal pasti beberapa sumber yang sesuai
  - Nilai sumber yang sesuai bagi mengenal pasti keutamaan
- c) Lokasi dan akses (mengesan sumber-sumber maklumat dan maklumat di antara sumber-sumber)
  - Kenal pasti sumber
  - Kenal pasti maklumat dari sumber di atas
- d) Menggunakan maklumat (menggunakan sumber-sumber untuk mendapatkan maklumat)
  - Mencari (contoh, baca, dengar, lihat) maklumat dari sumbernya
  - Keluarkan maklumat daripada sumber
- e) Sintesis (menyepadukan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber)
  - Mengurus maklumat daripada pelbagai sumber
  - Mempersembahkan maklumat

- f) Penilaian (membuat penilaian berdasarkan kriteria yang ditentukan)
- Menilai produk (keberkesanannya)
  - Menilai proses penyelesaian masalah (kecekapan)

Seterusnya model LM CSLA (California School Library Association, 1997), mengandungi dua belas persoalan yang menjadi penanda aras dalam menentukan strategi dalam menjalankan kajian. Antaranya ialah:

- a) Mengapa saya perlukan maklumat?
- b) Apakah masalah, topik atau persoalan?
- c) Apakah masalah, topik atau persoalan yang saya sudah ketahui?
- d) Di manakah saya boleh perolehi maklumat yang saya perlukan? Adakah individu yang boleh saya tanya? Adakah maklumat itu terdapat dalam kelas saya atau pusat sumber? Adakah terdapat sumber-sumber maklumat di pusat komuniti saya?
- e) Bagaimana saya boleh memulakannya? Apakah perkataan utama/ topik/ idea?
- f) Apakah sumber yang boleh saya dapati? Yang manakah saya boleh guna?
- g) Bagaimanakah saya dapat guna/ kaji sumber tersebut? Bagaimanakah saya boleh dapat maklumat yang saya perlukan? Apakah strategi yang saya boleh guna?
- h) Apakah maklumat yang boleh membantu saya?
- i) Apakah yang perlu saya rekod? Apakah yang penting? Bagaimanakah cara saya merekodkannya? Bagaimanakah saya boleh menyusunnya?
- j) Sudahkah saya mendapat maklumat yang saya perlukan? Apakah saya perlu mencari maklumat tambahan?
- k) Bagaimanakah saya boleh menggunakan/ membentang maklumat yang diperolehi? Bagaimanakah audien saya? Dalam bentuk apakah saya boleh mempersembahkannya? Bagaimanakah saya boleh menyusunnya?
- l) Bagaimanakah hasil yang saya telah lakukan? ....pada pendapat saya? ...pada pendapat orang lain? Apakah pengalaman yang sudah saya perolehi? Apakah kemahiran yang saya telah pelajari? Bagaimanakah saya boleh memperbaikinya?

Tipologi LM oleh McClure (1994) menggunakan gambar rajah Venn untuk menerangkan pertalian antara kepelbagaian literasi dan konsep baru LM. Model beliau menerangkan LM dalam bentuk kemahiran penyelesaian masalah. Dalam kitaran kemahiran maklumat penyelesaian masalah, pendekatan beliau bertindan tindih antara beberapa konsep termasuk "Literasi Tradisi", "Literasi Rangkaian", "Literasi Komputer" dan "Literasi Media" dengan "LM".

Pappas dan Tape (1995) dari Syarikat Follett Software menghasilkan model yang dinamakan '*The pathways to Knowledge Information Skills*' pada 1995. Model ini mencadangkan beberapa strategi, bentuk ekspresi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang terkandung dalam model berkenaan. Antara kitaran yang terdapat dalam modul ini ialah:

- a) Penghargaan (appreciation) iaitu merasa (sensing), memerhati (viewing), mendengar, membaca, perasaan ingin tahu dan keseronokan;
- b) Pra pencarian (Pre-search) iaitu memberi tumpuan, membuat overbiu, dan mengenal pasti pertalian;
- c) Pencarian (search) iaitu merancang dan melaksana strategi pencarian termasuk mengenal pasti pemberi maklumat, memilih sumber maklumat dan perkakasan;
- d) Interpretasi (interpretation) iaitu mentafsir maklumat yang boleh digunakan sehingga membentuk makna yang diingini;
- e) Komunikasi (communication) iaitu satu konstruk untuk menyampaikan pengetahuan baru dengan mengaplikasi maklumat dan idea-idea baru dan
- f) Penilaian (evaluation) iaitu penilaian tentang proses dan produk yang telah dihasilkan.

Stripling pula memperbaharui modul konsep yang dibinanya pada tahun 1988 (Stripling & Pitt, 1988) kepada satu modul Kitaran Pembelajaran (Thoughtful Learning Cycle) pada 1995 (Stripling, 1995). Model ini berbentuk kitaran dengan semua aspek berpusat di tengah-tengah, yang merujuk kepada pemahaman peribadi (Personal Understanding). Bermula dengan keperluan untuk mengetahui/konsep/persoalan penting pada kedudukan jam 12.00, lingkaran itu bergerak mengikut arah jam kepada proses: inkir pada jam 1:00, maklumat jam 4:00, proses: sintesis/membuat keputusan jam 5:00, persefahaman baru jam 7:00, proses: ekspresi jam 8:00, penilaian produk jam 10:00 dan seterusnya. Model ini berdasarkan konsep pembelajaran konstruktisme di mana ia memberi peluang kepada pelajar menguasai pembelajaran mereka sendiri serta keluar dari kepompong pembelajaran biasa, selain mengikut arahan guru semata-mata. Melalui konsep ini pelajar dapat mengawal cara pembelajaran mereka sendiri, menunjukkan kemahiran penyelesaian masalah kendiri dan berkemampuan mempertahankan model ciptaan mereka.

Model Plus dibangunkan oleh Herring di England pada tahun 1996 (Herring, 1999). Herring menggunakan elemen kekunci sambil menekankan pada kemahiran berfikir dan penilaian kendiri. Beliau membahagikan langkah-langkah kepada empat bahagian, iaitu tujuan (purpose), lokasi (location), kegunaan (use) dan penilaian kendiri (self-evaluation) yang mengandungi aktiviti-aktiviti tertentu:

a) Tujuan (purpose):

- Kemahiran kognitif dalam mengenal pasti pengetahuan sedia ada
- Kemahiran berfikir seperti sumbang saran atau pembentuk konsep
- Kemahiran dalam mengenal pasti sumber maklumat

b) Lokasi (location):

- Kemahiran mencari lokasi maklumat seperti di katalog perpustakaan, buku, jurnal, CD-ROM dan sumber-sumber maklumat “online”.

- Kemahiran memilih dalam penilaian kesesuaian sumber maklumat
- Kemahiran IT dalam penggunaan sumber elektronik seperti Internet

c) Kegunaan (use):

- Kemahiran membaca, termasuk kebolehan membaca secara *skimming* dan *scanning* bagi mencari maklumat yang relevan
- Kemahiran interaktif, termasuk kemahiran memahami apa yang dibaca, melihat atau mendengar dan kemahiran menghuraikan pengetahuan yang baru diperolehi
- Kemahiran memilih bahan yang sesuai dan menolak maklumat mengikut tujuan penggunaan sumber maklumat
- Kemahiran menilai termasuk kebolehan menilai maklumat dan idea yang berkaitan dengan kekinian maklumat dan idea , kelayakkkan pengarang dan teks yang tidak bias.
- Kemahiran merakam termasuk kebolehan mengambil nota secara sistematik yang berkaitan dengan pemahaman dan tujuan
- Kemahiran membuat sintesis, termasuk kebolehan mengumpulkan dan menghubungkan idea, fakta dan maklumat yang berkaitan dengan pengetahuan sedia ada
- Kemahiran menulis dan menyampaikan maklumat termasuk kebolehan menulis esei atau melaporkan projek dengan elok dan teratur sehingga maklumat dan idea itu dapat disampaikan sebaik mungkin.

d) Penilaian kendiri (self-evaluation)

- Kemahiran penilaian kendiri, termasuk kebolehan membuat refleksi berkaitan proses kerja tugas dan mengenal pasti mana-mana ruang yang boleh dibaiki terutama dalam penggunaan sumber-sumber secara berkesan pada masa akan datang.

Model “The Exit Model” (Wray & Lewis, 1997), dengan mengadaptasikan modul Marland (1981) mencakupi usaha melangkaui interaksi dengan teks (ExTending Interaction with Text), dibentuk bagi membantu pelajar memahami struktur teks dari bahan yang dibaca. Ia meliputi sepuluh langkah dan mengandungi persoalan-persoalan yang berkaitan antaranya:

- a) Mengaktifkan pengetahuan lampau: Apakah yang saya ketahui mengenai perkara ini?
- b) Mengenal pasti tujuan: Apakah yang saya harus cari dan apakah tindakan saya terhadap maklumat yang diperolehi?
- c) Lokasi maklumat: Di mana dan bagaimanakah saya perolehi maklumat ini?
- d) Mengenal pasti strategi yang paling sesuai: Bagaimanakah saya menggunakan sumber untuk mendapatkan maklumat yang diingini?
- e) Berinteraksi dengan teks: Apakah yang perlu untuk saya lebih faham?
- f) Memantau pemahaman: Apakah tindakan saya sekiranya saya tidak faham?
- g) Merekodkan: Apakah catatan yang saya boleh buat daripada maklumat ini?
- h) Penilaian: Patutkah saya mempercayai maklumat ini?
- i) Meningkatkan ingatan: Bagaimanakah saya boleh membantu diri saya mengingat bahagian-bahagian yang penting?
- j) Maklumat komunikasi: Bagaimanakah saya boleh memberi tahu orang lain tentang maklumat ini?

Seterusnya model The Flip It (Yucht, 1997) memperkenalkan model ini bagi kegunaan pelajar-pelajarnya, namun ia mendapat sambutan menyeluruh dari segenap kawasan di Amerika Syarikat. Rajah 2.1 adalah menunjukkan model The Flip It.

<p>Focus:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• What did I REALLY need to do and/or find out?</li> <li>• What are the crucial question I need to answer?</li> </ul> <p><i>Specifying</i></p>	<p>Link:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• What connections can I use to get the information I need?</li> <li>• What is the best/most logical way to accomplish my goal?</li> </ul> <p><i>Strategizing</i></p>
<p>Input:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• What kinds of information do I need to fine/use?</li> <li>• What's the most useful way to organize and apply what I now know?</li> </ul> <p><i>Sorting, storing,sifting</i></p>	<p>Payoff:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• How can I best demonstrate what I've learned?</li> <li>• What is now the best solution to my original problem?</li> </ul> <p><i>Solving ,showing.</i></p>

**Rajah 2.1 Model Flip It (Yucht, 1997)**

Modul ini dibahagikan kepada 4 kotak iaitu:

Kotak 1: Fokus:

- Apa yang sebenarnya saya buat dan/atau kaji?
- Apakah soalan penting yang saya mesti jawab?  
(Membuat Pengelasan)

Kotak 2: Hubungan:

- Apakah pertalian yang harus saya lakukan bagi mendapat maklumat yang saya kehendaki?
- Apakah cara yang paling baik/ logik yang saya harus lakukan bagi mencapai matlamat saya?  
(Memilih strategi)

Kotak 3: Input:

- Apakah jenis makluamt yang perlu saya perolehi/gunakan?
- Apakah cara yang paling berguna untuk saya aplikasikan apa yang saya ketahui sekarang ini  
(Susunan, simpanan, alihan)

Kotak 4: Faedah:

- Bagaimanakah cara terbaik untuk saya menunjukkan apa yang saya telah pelajari?
- Apakah penyelesaian yang terbaik bagi mengatasi masalah asal saya? (Penyelesaian, paparan)

Model yang diterbitkan pada 1998 oleh Kumpulan Netsavvy (Jukes, Dosej et al., 1998) ini pula dinamakan Model Netsavvy yang mempunyai enam langkah menggunakan huruf awalan A:

- a) Awareness (Kesedaran);
- b) Asking (Penyoalan);
- c) Accessing (Pencarian);
- d) Analyzing (Penganalisaan);
- e) Applying (Aplikasi) dan
- f) Assessing (Penilaian).

Satu lagi model iaitu Model ISTE (*International Society for Technology in Education*, 1998), yang dihasilkan Persatuan Teknologi Pendidikan Antarabangsa menekankan tentang persekitaran pembelajaran yang terbentuk seharusnya menyediakan pelajar untuk:

- a) Berkomunikasi menggunakan pelbagai idea dan format;
- b) Mengakses dan bertukar maklumat dengan pelbagai kaedah dan cara;
- c) Menyusun, mengatur, membuat analisis dan sintesis maklumat;
- d) Membuat keputusan dan generalisasi berdasarkan maklumat yang diperolehi;
- e) Menggunakan maklumat dan memilih kaedah yang sesuai bagi tujuan penyelesaian masalah;
- f) Mengetahui isi kandungan dan berkebolehan mencari maklumat tambahan jika diperlukan;
- g) Membentuk pelajar yang boleh melakukan pembelajaran kendiri dan
- h) Berinteraksi dengan orang lain secara berhemah dan dalam keadaan yang sesuai.

Seterusnya, Byerly dan Brodie (1998) telah menghasilkan model yang diberi nama INFOhio Dialogue Model untuk kemahiran LM. Setiap komponen ialah huruf pertama bagi DIALOGUE, iaitu D (Define), I (Initiate), A(Assess), L (Locate), O (Organize), G (Guide), U (Use) dan E (Evaluate) dihuraikan dibawah:

**a) Define (Difinisi)**

- Terokai/ kenal pasti keperluan maklumat
  - Kenal pasti tugas
  - Fokus kepada topik
- Kenal pasti persoalan yang asas:
  - Sumbang saran
  - Penyertaan kelas/ pelajar

**b) Initiate (Usahakan)**

- Sikap tidak ambil tahu ( “*Distressing Ignorance*”)
  - Tugasan patut dihantar esok
  - Ini boleh menjelaskan gred saya
  - Saya sangat ingin tahu

**c) Assess (Nilai)**

- Kenal pasti perkataan penting, konsep dan sumber
- Fikirkan kemahiran LM
- Menggunakan pengalaman sedia ada dan kembangkan pengalaman lalu

**d) Locate (Lokasi)**

- Kenal pasti sumber maklumat yang berkemungkinan
- Wujudkan strategi carian
  - Perpustakaan OPAC vs Pangkalan data elektronik vs Laman web
- Cari dan keluarkan sumber-sumber yang boleh digunakan.

**e) Organize (Susun)**

- Kenal pasti sumber maklumat yang terbaik dan penting
- Buat penilaian tentang kaedah mendapatkan maklumat
  - Analisis, susun, pengkelasan, periksa, generalisasi, himpun, interpretasi, rujuk, gabung, pilih, membuat sistesis dan fikir

**f) Guide (Pandu)**

- Carian log atau jurnal
- Bantuan pelajar dan review
  - Kumpulan kolaboratif dan pembelajaran koperatif
- Bantuan Guru dan reviu

**g) Use (Guna)**

- Tentukan format pembentangan
- Bentangkan keputusan/ dapatan

**h) Evaluate (Penilaian)**

- Nilai keputusan projek
- Nilai proses
- Pantau pengajaran dan pembelajaran

Model yang terkini ialah Model Empowering 8 (Wijetunge, 2005; Pemadesa, 2006 & Diljit, 2006), bercirikan 8 tunggak yang berhasil daripada dua persidangan yang diadakan di Colombo, Sri Lanka sebelum ini dan ia mencakupi ciri yang berikut:

a) Kenal pasti (identify)

- Definisi tajuk/ topik
- Kenal pasti dan memahami audien
- Pilih format yang relevan bagi hasilan terakhir
- Kenal pasti kata kunci perkataan
- Rancang strategi penyelidikan
- Kenal pasti pelbagai jenis sumber bagi mendapatkan maklumat

b) Jelajah (explore)

- Kenal pasti sumber yang sesuai dengan tajuk
- Cari maklumat sesuai dengan tajuk
- Lakukan temu bual, lawatan dan kajian lapangan

c) Pilih (select)

- Pilih maklumat relevan
- Pastikan sumber mana yang senang, terlalu susah atau sesuai

- Simpan/rekod maklumat relevan menerusi nota atau visual organizer
  - Kenal pasti langkah-langkah dalam proses yang berkenaan
  - Kumpulkan rujukan yang sesuai
- d) Susun (organize)
- susun maklumat yang diperolehi
  - Bezakan antara fakta, pendapat dan fiksyen
  - Pastikan unsur berat sebelah
  - Susun maklumat mengikut logik
  - Gunakan maklumat visual untuk membuat perbandingan
- e) Bentuk (Create)
- Sediakan maklumat menggunakan bahasa sendiri
  - Semak dan buat pembetulan, secara sendirian atau berkumpulan
  - Kenal pasti format bibliografi
- f) Bentang (present)
- Latih aktiviti pembentangan
  - Kongsi maklumat dengan audien yang sesuai
  - Persembahkan maklumat dengan cara berkesan mengikut kesesuaian audien
  - Sediakan dan gunakan perkakasan dengan betul
- g) Nilai (Assess)
- Terima maklum balas daripada pelajar
  - Buat penilaian kendiri, bandingkan dengan maklum balas yang diberikan guru
  - Buat refleksi atas hasil usaha yang telah dilakukan
  - Pastikan kemahiran baru yang diperolehi
  - Fikirkan langkah-langkah ke arah menghasilkan yang lebih baik pada masa depan
- h) Aplikasi (apply)
- Kaji maklumat dan penilaian yang dibuat
  - Guna maklum balas dan penilaian yang diberi untuk aktiviti/tugasan akan datang
  - Gunakan pengetahuan baru yang diperolehi dalam pelbagai situasi baru

- Kenal pasti mata pelajaran lain yang boleh dimanfaatkan berasaskan kemahiran baru yang diperolehi
- Tambah produk dalam portfolio pengeluaran

Model-model di atas boleh dijadikan panduan dalam membentuk model LM yang lain (Woolls, 2006). Kesemua model mempunyai ciri-ciri yang sama, iaitu:

- a) Berfokuskan kepada pembelajaran/pencarian/penilaian pelajar
- b) Kemahiran menyelesaikan masalah
- c) Pencarian maklumat, bagaimana membuat refleksi terhadap apa yang diperolehi
- d) Kebolehan menilai maklumat
- e) Mengenal pasti bagaimana hendak menyampaikan maklumat
- f) Menilai proses dan produk

Manakala menurut Juhana (2000) pula, antara model-model pencarian maklumat yang boleh diterima pakai dalam menganalisa konsep LM ialah model oleh Kulthau (1990, 1993), Eisenberg dan Berkowitz (1990), Irving (1985), Halimah (2000), model PLUS oleh Herring (1999) dan model Program EDUCATE (1997).

## **2.8 LITERASI MAKLUMAT DI KALANGAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH**

Perkembangan teknologi komputer telah memberi impak kepada LM (Breivik (1998). Isu yang paling mencabar adalah untuk menentukan maklumat yang berkualiti, pencarian dan pengkomesialan maklumat dan pembangun ilmu pengetahuan. Disebabkan teknologi komputer, pengguna lebih percaya maklumat di hadapan skrin berbanding mencari maklumat melalui sumber lain. Justeru itu program pendidikan LM amat diperlukan.

Pembentukan komuniti sekolah yang berliterasi maklumat adalah dimainkan oleh guru perpustakaan sekolah. Keadaan ini akan jadi kenyataan sekiranya guru perpustakaan dan pengetua sekolah dapat menyepadukan antara falsafah pendidikan dengan prinsip LM (Oberg, 2001). Henri (2001) turut bersetuju dengan mengatakan bahawa pembentukan LM di sekolah bermula daripada guru yang berliterasi maklumat. Melalui panelitian beliau terhadap 91 guru-guru pelatih dan guru pelatih perpustakaan di Australia, didapati mereka mempamerkan tingkahlaku maklumat yang lemah. Mereka tidak menguasai model pemprosesan maklumat dan sukar membezakan antara maklumat yang berkaitan atau sebaliknya. Dapatan ini disokong oleh kajian Hart (2002) di sebuah sekolah rendah Galant, Cape Town, Afrika Selatan yang mendapati keseluruhan pelajar tidak diajar LM dalam melaksanakan kerja kursus sekolah (KKS). Kebanyakan guru tidak menerima latihan untuk mengendalikan KKS. Mereka bukannya mengajar LM tetapi sekadar memenuhi sukanan pelajaran semata-mata. Guru-guru juga kurang menggunakan sumber-sumber elektronik menyebabkan mereka kurang membantu pelajar meningkatkan tahap LM (Korobili at al., 2011).

Pelajar-pelajar akan menjadi celik maklumat sekiranya mereka didedahkan dengan kemahiran literasi maklumat (Foggett, 2003). Kajian Foggett (2003) di sekolah rendah di Australia telah mendapati bahawa pelajar-pelajar sekolah rendah telah mempunyai asas kemahiran LM iaitu faham menentukan lokasi dan memilih maklumat daripada sumbernya. Ini kerana mereka telah terdedah dengan kemahiran ini melalui perpustakaan sekolah.

Wujud juga kajian di luar negara yang menunjukkan guru-guru telah celik maklumat kerana minat mereka sendiri kepada maklumat serta suasana yang menggalakkan kepada LM. Pelajar-pelajar juga didapati mampu menggunakan pelbagai sumber untuk mencari maklumat namun kemahiran koqnitif dalam mencari maklumat masih belum berkembang disebabkan guru yang celik maklumat ini belum menyalurkan kemahiran LM kepada pelajar (Merchant & Hepworth, 2002).

Justeru itu, pusat sumber sekolah perlu bertukar peranan daripada sebuah koleksi maklumat kepada satu agensi intelektual yang akan membangunkan pengetahuan dan pemahaman (Todd, 2010). Program pusat sumber sekolah mesti lebih menjurus kepada mempromosikan LM. Program tersebut juga patut menekankan kepada penghargaan terhadap karya-karya yang digunakan dan membuat kesimpulan terhadap sesuatu (Oberg, 2001). Guru perpustakaan perlu berusaha mempromosikan perpustakaannya dan menjadi pengalir pusat sumber abad ke 21 bagi memenuhi kehendak guru dan pelajar (Williams, 2010).

Guru perpustakaan sekolah perlu berperanan mengajar kemahiran LM kepada pelajar dan guru. Program LM bukan setakat menyediakan kemahiran LM tetapi lebih kepada pertambahan ilmu-ilmu baru (Yaacob & Samsuri, 2003). Guru perpustakaan sekolah juga perlu bekerjasama dengan guru mata pelajaran dalam membina kemahiran LM kepada

pelajar. Guru perpustakaan perlu menyediakan program LM selaras dengan kehendak kurikulum sekolah dan keperluan maklumat pelajar. Pelajar mungkin tidak tahu maklumat yang sesuai dengan mata pelajaran mereka. Guru perpustakaan perlu mengajar pelajar ini (Adeoti, 1997). Todd (2001) mendapati konsep LM yang diterapkan dalam program-program perpustakaan sekolah dapat membantu meningkatkan keupayaan pelajar untuk berhubung, berinteraksi dan menggunakan maklumat bagi membentuk pemahaman mereka.

Kemahiran LM juga perlu dalam melaksanakan KKS (Todd, 1995; Abrizah, 2008) Sebelum itu, Hart (2002) dalam kajiannya di sebuah sekolah rendah Galant, Cape Town, Afrika Selatan telah mendapati keseluruhan pelajar tidak diajar LM dalam melaksanakan KKS. Guru-guru bukannya mengajar LM tetapi sekadar memenuhi sukanan pelajaran semata-mata. Kebanyakan mereka tidak menerima latihan bagaimana untuk mengendalikan KKS. Pelajar pula tidak melihat perlaksanaan KKS sebagai peluang mereka untuk belajar bagaimana untuk mencari, menganalisis dan mensintesis maklumat.

Kajian yang dijalankan di salah sebuah sekolah menengah di Derbyshire, UK juga mendapati bahawa pelajar-pelajar tidak bermotivasi untuk menjalankan kerja kursus yang diberi. Secara keseluruhan pelajar tidak jelas tentang elemen-elemen LM. Keseluruhan mengatakan bahawa mereka kurang berkemahiran LM dan mereka tidak yakin untuk meyempurnakan KKS mereka. Perkara yang mempengaruhi tahap motivasi mereka termasuk pemilihan tajuk, jumlah kerja kursus berkumpulan, tahap sokongan dan maklum balas ketika menjalankan kerja kursus dan persekitaran. Kajian juga mendapati pengajar tidak menggunakan sebarang model LM untuk mengajar pelajar dalam melaksanakan KKS (Smith & Hepworth, 2007). Bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Breivik (1998) di mana kajian dalam mengenalpasti atau menilai kaedah-kaedah terbaik mengajar LM

masih berkurangan. Oleh itu Bondi (2002) mencadangkan agar kajian berkaitan model-model pengajaran LM yang sesuai perlu dilakukan.

Walau bagaimanapun, pelajar ada yang sedar tentang kebaikan KKS dan telah termotivasi untuk melaksanakannya (Koh et al., 2009). Banyak kajian yang mengaitkan tentang kemahiran maklumat dengan perlaksanaan KKS (Avann, 1985; Wray, 1985; Kuhlthau, 1993). Sekolah Rendah di United Kingdom contohnya menghabiskan antara 20% to 50% daripada mingguan mereka untuk melaksanakan KKS (Long, 1988). Oleh itu LM perlu diajar melalui pembinaan KKS (Wray, 1985; Nor Fariza & Azizah, 2009).

Malah, Ungar (2010) menyatakan bahawa modul LM yang dibina untuk mengajar LM telah membantu pelajar melaksanakan kajian, menghindari plagiat dan menghasilkan pengetahuan baru.

## **2.9 LITERASI MAKLUMAT DALAM SISTEM PERSEKOLAHAN DI MALAYSIA**

Isu LM dalam konteks pendidikan umum mula disentuh pada 2002 (Musa, 2002) telah menghuraikan beberapa penanda aras yang telah diimplementasikan dalam menggalak dan menambahbaik budaya membaca di sekolah. Salah satu penanda aras tersebut ialah “kursus membaca dan LM untuk individu di Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) untuk mendedahkan mereka kepada cara membaca yang efektif dan kemahiran maklumat agar mereka boleh menjalankan kursus-kursus sedemikian di tempat-tempat domestik”. Fatimah (2002) dalam laporannya tentang perpustakaan sekolah di Malaysia turut mengutarakan

pernyataan yang serupa. Oleh yang demikian, boleh disimpulkan bahawa inisiatif tentang LM di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia telah bermula semenjak tahun 2002.

Dalam Rancangan Pelaksanaan Sekolah Bestari Malaysia (Malaysia, 1997), Kementerian Pelajaran, telah membincangkan hubungan LM dengan Sekolah Bestari Malaysia (Chan, 2002). Chan menyatakan bahawa terdapat sedikit perbezaan antara apa yang guru perpustakaan tahu tentang LM dengan apa yang patut diimplementasikan. Walaupun istilah LM tidak digunakan secara rasmi dalam kertas kerja Konsep Sekolah Bestari Malaysia, pustakawan dan guru perpustakaan serta koordinator media kesemuanya perlu berperanan terhadap LM di peringkat sekolah.

Chan (2002) melihat bahawa Sekolah Bestari Malaysia merupakan peluang untuk guru perpustakaan mengimplementasikan matlamat dan objektif LM di sekolah-sekolah. Lebih-lebih lagi apabila kertas kerja Konsep Sekolah Bestari Malaysia ada menekankan konsep LM dalam salah satu prinsip Sekolah Bestari Malaysia iaitu pelajar akan belajar memproses dan memanipulasi maklumat. Pelajar akan dilatih untuk berfikir secara kritikal dan menilai apa yang mereka telah pelajari. Dengan itu mereka dapat mengaplikasikan pengetahuan daripada pelbagai disiplin untuk digunakan dalam kehidupan seharian (Nor Edzan, 2007).

Pengkaji dari pelbagai disiplin turut memperkatakan LM lebih awal daripada itu. Contohnya Rozhan & Mohd Nain (1998) telah menggunakan istilah LM dalam penulisan dengan memetik ciri-ciri LM yang dikemukakan oleh Rakes (1996) iaitu tahu bila maklumat diperlukan; mengenalpasti maklumat yang diperlukan bagi menangani sesuatu masalah; mengenalpasti lokasi maklumat; menilai maklumat tersebut; mengolah maklumat

dan gunakan maklumat secara berkesan untuk menangani masalah. Zorkarnain (1998) menegaskan bahawa kemahiran meneroka, mencari dan menggunakan maklumat mestilah diberi panduan dan tunjuk ajar agar maklumat dapat menjana minda pelajar ke aras pemikiran kritis dan kreatif. Phillips (2001) turut menyebut tentang keutamaan kepada pengurusan maklumat yang berkesan dan efisyen. Phillips (2001) menekankan tentang maklumat perlu: a) tepat iaitu bebas daripada kesalahan, kesilapan dan bias; b) mudah diperolehi pada masa yang diperlukan dan c) relevan kepada pengguna dan dapat menjawab pertanyaan khusus seperti mengapa, apa, bila, di mana, siapa dan bagaimana.

Mohammad & Azizah (2000) pula mengulas tentang keperluan individu yang celik maklumat dalam membentuk tabiat pembelajaran sepanjang hayat. Dua kemahiran asas yang perlu dikuasai ialah kemahiran perpustakaan dan kemahiran maklumat. Kemahiran ini akan membantu individu tersebut lebih mahir dan cekap dalam urusan penyelesaian masalah. Mohammad & Azizah (2000) mencadangkan agar strategi pengajaran dan pembelajaran perlu berubah mengikut kehendak zaman. PSPN (Pusat Sumber Pendidikan Negeri), PSS (Pusat Sumber Sekolah), guru dan pentadbir sekolah harus berganding bahu dan bergerak seiring agar pengajaran LM dijadikan asas kepada proses pembelajaran hidup. Strategi pengajaran perlu membantu pelajar mengesan maklumat, menilai, menyusun dan menyampaikan maklumat dalam bentuk penulisan atau lisan. Strategi yang dicadangkan ialah melaksanakan pengajaran dan pembelajaran sumber (Mohammad & Azizah, 2000).

Dalam kajian yang lain, Saifuddin (2000) mendapati bahawa tahap LM dalam kalangan guru dan pelajar masih di tahap yang sederhana. Masing-masing menganggap bahawa LM adalah kemahiran mencari maklumat semata-mata. Yaacob & Samsuri (2003) pula mendapati bahawa masalah utama yang dihadapi oleh murid-murid di Malaysia ialah

penguasaan LM yang rendah disebabkan oleh; kurangnya program kemahiran maklumat dan pendidikan perpustakaan di sekolah; bahan bacaan yang berkaitan tidak memuaskan (bahan bacaan yang lapuk) tidak mengikut kehendak sukatan dan kurikulum; guru perpustakaan kurang memberi tumpukan untuk mempromosikan pusat sumber dan menjalankan program kemahiran maklumat kerana sibuk hak-hal pentadbiran; Pengajaran dalam bilik darjah lebih tertumpu kepada teks tanpa melibatkan pencarian maklumat lain; dan Malaysia belum mempunya piawaian LM.

Satu Konvensyen Pembacaan dan LM anjuran Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) Perak, telah dianjurkan cetusan dari Kursus Pembacaan dan LM Bahagian Teknologi Pendidikan tahun 2003 (Yunidzar, 2003). Dalam konvensyen tersebut, Fatimah (2003) ada memperkenalkan LM. Isu LM diulas berkaitan latar belakang, definisi dan konsep LM, ciri-ciri individu yang *information literate* dan keperluan serta kepentingan LM kepada Negara. Beliau mencadangkan agar Guru Penyelaras Pusat Sumber perlu bekerjasama dengan guru mata pelajaran supaya merancang dan mengajar kemahiran maklumat kepada pelajar.

Berpandukan surat pekeliling KP(BTP-PSP)8810/11/1(03) bertarikh 06 Julai 2004 (Malaysia, 2004) secara rasminya LM diperkenalkan di sekolah-sekolah. Melalui pekeliling tersebut, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengarahkan subjek LM diajar di sekolah-sekolah oleh guru penyelaras Pusat Sumber Sekolah (PSS) melalui aktiviti-aktiviti PSS. Satu buku garis panduan perlaksanaan Program Kemahiran Maklumat (Malaysia, 2002) telah dibekalkan. Kandungannya antara lain menyentuh tentang:-

- a) Kemahiran perpustakaan yang meliputi antara lainnya lokasi bahan, sistem katalog, susunan bahan perpustakaan, memahami bahagian buku, glosari, indeks dan lain-lain, cara menggunakan bahan rujukan dan cara membuat nota kaki dan bibliografi;
- b) Kemahiran belajar iaitu meliputi kemahiran berfikir, membaca, mendengar, melihat, mencatat nota, mengorganisasi dan menyampaikan maklumat dan membuat kesimpulan dan rumusan;
- c) Kemahiran komunikasi iaitu meliputi kemahiran bertanya, menemuramah, memberi pendapat, berbahas, memberi ucapan, menyampaikan laporan; dan
- d) Kemahiran hidup yang melibatkan kecekapan mengurus masa, mengurus diri, berinteraksi dan etika dan pembelajaran sepanjang hayat.

Kemahiran LM yang dimaksudkan oleh buku ini kurang menepati konsep LM yang sebenar dan aktiviti-aktiviti LM tidak dijelaskan sepenuhnya.

Kajian terhadap amalan LM sekolah rendah dan menengah kerajaan di kawasan bandar dan luar bandar kemudiannya dilakukan oleh pihak Kementerian melalui Bahagian Teknologi Maklumat dengan dibiayai oleh UNESCO (Malaysia, 2005a). Tujuannya adalah untuk menilai kesedaran dan amalan LM serta pendidikan LM di lapan buah negara Asia (Cambodia, Indonesia, Laos PDR, Myanmar, Filipina, Thailand, Vietnam) termasuk Malaysia (UNESCO, 2005). Hasil kajian dijadikan asas pelaksanaan Pendidikan LM di sekolah rendah dan menengah di negara yang terbabit. Antara objektif kajian adalah untuk

- a) meninjau tahap kesedaran LM;
- b) meninjau tahap pendidikan dan latihan mengenai LM;
- c) meninjau sejauhmana LM dilaksanakan di sekolah-sekolah;
- d) meninjau sejauh mana sistem sokongan membantu dalam LM;
- e) meninjau sejauhmana penglibatan kepimpinan dalam pelaksanaan program LM dan
- f) meninjau sejauhmana PSS memainkan peranan dalam pelaksanaan program LM.

Penyeragaman soal selidik telah dibuat menerusi bengkel

pertama pada 18-20 Oktober 2004 dan kajian telah dilakukan pada bulan April 2005. Dapatan kajian pula telah dibentangkan dalam bengkel kedua pada 19-22 September 2005.

Hasil kajian tersebut menunjukkan 75% responden mempunyai pengetahuan tentang konsep LM. Namun hanya 30% responden sahaja yang benar-benar faham tentang konsep LM. Walaupun 70% responden menyatakan tidak mendapat apa-apa latihan berkaitan LM namun LM telah dilaksanakan di sekolah dan guru telah pun mengintegrasikan LM dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini dapat membayangkan mengapa buku panduan perlaksanaan Program Kemahiran Maklumat (Malaysia, 2002) yang dibekalkan kurang menepati konsep LM sebenar.

Rentetan daripada hasil kajian di atas, pihak KPM telah mengeluarkan pula surat pekeliling Ikhtisas Bil 3/2005 KP(BS-DSR)8787/008/2(10) bertarikh 18 Julai 2005 (Malaysia, 2005c) dengan memperuntukkan jawatan Guru Perpustakaan dan Media (GPM) sebagai guru penyelaras PSS sepenuh masa dan hanya perlu mengajar antara 6-8 waktu seminggu. Kementerian berharap jawatan GPM dapat membantu meningkatkan keupayaan pengurusan dan kepimpinan pengurusan PSS yang lebih cemerlang dan berkesan. GPM boleh memberi tumpuan kepada aktiviti-aktiviti merancang, melaksana, menilai dan mempromosikan program-program PSS termasuk LM (Malaysia, 2005c). GPM akan menerima latihan secara berterusan daripada Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian pelajaran Malaysia melalui Pusat Kegiatan Guru (PKG) di daerah masing-masing.

Buku panduan tugas pengurusan PSS untuk GPM yang baharu kemudiannya telah disediakan (Malaysia, 2007) dengan memperincikan tugas GPM dan aktiviti-aktiviti LM

yang sepatutnya. Antara lain GPM perlu memberi penerangan LM kepada guru dan murid berkaitan:

- a) Definisi maklumat
  - kenal pasti maklumat yang diperlukan
- b) Strategi mencari maklumat
  - kenal pasti semua maklumat yang boleh digunakan dan memilih sumber maklumat yang terbaik
- c) Lokasi dan capaian
  - mendapatkan sumber maklumat yang sudah dipilih dan mencari maklumat di dalamnya
- d) Penggunaan maklumat
  - membaca, mendengar dan melihat maklumat yang sudah dicari dan mengambil maklumat yang relevan
- e) Pengumpulan maklumat
  - menyusun maklumat yang sudah diambil
- f) Penilaian
  - menilai proses pencarian dan hasil maklumat yang sudah diperolehi.

(Malaysia, 2007)

Namun realitinya, GPM kurang menerima latihan (Abrizah & Diljit, 2000; Yaacob & Samsuri, 2003; Nor Hashimah, 2007; Tan & Diljit, 2008). Satu tinjauan yang dilakukan oleh Tan & Diljit (2008) terhadap guru-guru perpustakaan di kawasan Hulu Langat, Selangor telah mendapati bahawa tahap LM di kalangan responden kajian berada di tahap sederhana. Sebahagian daripada mereka tidak menerima apa-apa latihan berkaitan LM. Manakala 61.9% daripada mereka tidak melaksanakan program LM di sekolah mereka. Keadaan inilah yang menyebabkan tahap LM pelajar masih sederhana (Saifuddin, 2000), pelajar tidak dapat menguasai kemahiran maklumat dengan baik (Nor Hashimah, 2007) dan hasil KKS pelajar kurang mempamerkan ciri-ciri LM (Abrizah, 2008). Menurut Hashimah

(2007), 72% daripada peserta kajiannya mengatakan bahawa mereka tidak dapat menentukan elemen untuk tulis rujukan, 67.3% tidak tahu menggunakan nombor panggilan, 93.7% tidak tahu maksud bibliografi dan 84% pula perlu bantuan dalam mencari maklumat. Kajian beliau juga mendapati bahawa program LM kurang dijalankan di PSS. Hanya 9% pelajar mengatakan bahawa wujud program yang berkaitan kemahiran perpustakaan. Itupun melalui guru subjek. Dapatan ini dapat mengesahkan dapatan Yaacob dan Samsuri (2003) di mana penguasaan LM pelajar adalah rendah disebabkan oleh kurangnya program-program kemahiran maklumat yang dijalankan di PSS. Nor Hashimah (2007) telah menyimpulkan kajian dengan mengatakan bahawa pelajar hanya dapat mengenalpasti keperluan maklumat, mengurus dan mempersebahkan namun sangat lemah dalam mencari dan memilih maklumat kerana mereka tidak mempunyai pengetahuan dalam kemahiran perpustakaan.

GPM sebenarnya masih kurang jelas berkaitan konsep LM. Mereka menganggap LM adalah kemahiran maklumat (Saifuddin, 2000). Ada yang menganggap individu itu telah celik maklumat apabila boleh mencari maklumat secara *online* dan tahu akan keperbaagan maklumat (Songsaechan, Chansawang & Prapipongsakorn, 2008).

Dalam satu bengkel pendedahan LM yang diadakan di Pusat Sumber Pendidikan Negeri Pulau Pinang yang melibatkan 20 orang GPM (Norhayati, Nor Azilah & Mona, 2006b) telah membahaskan beberapa topik yang merangkumi konsep LM; konsep *The Big Six* (Eisenberg & Berkowitz, 1990), kemahiran belajar, kemahiran komunikasi; kemahiran berfikir kritis dan kreatif, kemahiran ICT dan kemahiran pencarian maklumat secara konvensional mahupun digital. Modul pengajaran LM dengan rekabentuk pengajaran model Morrison, Ross & Kemp (2004) yang dihasilkan oleh Norhayati, Nor Azilah &

Mona (2006a) telah dibengkelkan. Penilaian bengkel yang diberikan oleh peserta antara lainnya konsep model *The Big Six* (Eisenberg & Berkowitz, 1990) yang digunakan kurang jelas dan perlu ada contoh kaedah perlaksanaan dalam bilik darjah.

Walau bagaimanapun, wujud satu projek LM yang diilhamkan oleh Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) Kedah dengan kerjasama Institut Pendidikan Darul Aman (Faisal, Nor Azian & Fadzillah, 2006) yang dinamakan Projek Semarak PSS. Projek Semarak PSS merupakan modul pengajaran LM merentas kurikulum yang melibatkan kolaborasi antara GPM dengan guru mata pelajaran Sains dan Bahasa Inggeris (Faisal& Nor Azian, 2006) dengan menggunakan 3 pendekatan iaitu a) pendekatan modul LM *The Big Six* oleh Eisenberg & Berkowitz (1990); b) Pengajaran berdasarkan sumber dan c) Pengajaran kolaboratif.

Modul *The Big Six* oleh Eisenberg & Berkowitz (1990) digunakan dalam Projek Semarak PSS kerana ia merupakan pendekatan penyelesaian masalah menerusi langkah-langkah yang tersusun yang perlu diikuti oleh guru dalam menyediakan proses pengajaran mereka. Pengajaran berdasarkan sumber pula dipilih kerana ingin memberi kebebasan kepada pelajar mendapatkan maklumat tanpa terikat dan memberi peluang pelajar memilih sumber-sumber yang sesuai dengan gaya pembelajaran mereka agar dapat melahirkan pelajar yang bermaklumat dalam proses pembelajaran sepanjang hayat. Manakala pengajaran kolaboratif dipilih kerana ia lebih berpusatkan kepada pelajar, memerlukan pelajar lebih banyak menggunakan pelbagai sumber dan mereka akan dilatih untuk menggunakan sumber secara sistematik dan berkesan (Faisal dan Nor Azian, 2006).

Hasil dapatan kajian Faisal terhadap Projek Semarak PSS mendapati modul LM untuk Projek Semarak PSS sesuai dan dapat membantu guru-guru melaksanakan pengajaran LM merentas kurikulum dengan capaian min tertinggi untuk item kemampuan modul dalam memberi peluang kepada guru untuk mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran (min= 3.60) (Faizal,2006b). Ini bertepatan dengan dapatan kajian Lim (2002), Curry (2001) dan Carol (1996) tentang pendekatan LM dapat memberikan sumbangan positif dalam usaha untuk meningkatkan kefahaman LM pelajar.

Justeru itu, latihan dan bimbingan berterusan amat diperlukan oleh GPM (Shahar & Yushiana, 2003) agar GPM faham konsep LM dengan jelas dan mampu menjadi agen penyebar LM ke seluruh masyarakat sekolah melalui aktiviti-aktiviti LM yang terancang. GPM juga perlu berperanan mengajar kemahiran LM kepada pelajar dan guru. Program-program LM yang dirancang perlu selaras dengan kehendak kurikulum sekolah dan keperluan maklumat pelajar kerana pelajar berkemungkinan tidak tahu maklumat yang sesuai dengan mata pelajaran mereka (Adeoti, 1997).

GPM juga perlu menjalin kerjasama dengan guru-guru matapelajaran dalam penghasilan KKS pelajar. GPM perlu memastikan pelajar menghasilkan KKS yang bercirikan literasi maklumat. GPM boleh merujuk modul-modul LM yang sesuai seperti modul LM Eisenberg & Berkowitz (1990) (Abrizah, 2008). GPM juga boleh berpandukan garis panduan mengenai literasi maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat (IFLA, 2006) dalam menguruskan PSS dan merancang program LM di sekolah masing-masing.

## **2.10 PENERAPAN LM DALAM KURIKULUM DAN PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK (PBL)**

LM telah menjadi satu elemen yang penting dalam masyarakat yang berdasarkan ilmu pengetahuan (American Association of School Libraries, 2007; Aharony, 2010; Huvila, 2011). Beberapa kajian menunjukkan generasi akan datang sangat perlu dilengkapi dengan kemahiran LM dalam mencari dan menilai maklumat secara kritikal (Livingstone & Lynch, 2000; Salovaara, 2005; van Aalst, Fung, Li & Wong, 2007). Mengajar kemahiran LM bukan sekadar mengajar kemahiran perpustakaan atau bibliografik semata-mata (Association of College and Research Libraries (ACRL, 2000). Ia juga meliputi pengajaran kritikal dan kemahiran berfikir secara analitik dalam menggunakan maklumat (Albitz, 2007; Kasowitz & Pasqualoni, 2002) keupayaan untuk menjana idea-idea baru daripada maklumat terkini dan pengetahuan sedia ada. Apa yang lebih penting ia mestilah boleh menjadikan pelajar itu tahu, berfikir dan boleh membuat keputusan ( Dugan & Hernon, 2001). Kemahiran LM juga tidak boleh di ajar melalui satu sesi latihan atau program-program (Ardis, 2005). Pengajaran LM boleh dijalankan samada melalui pembelajaran secara langsung, dimasukkan dalam kemahiran perpustakaan, diintegrasikan dalam projek sekolah atau secara pembelajaran kendiri melalui tutorial *online* (Kasowitz & Pasqualoni 2002). Dengan ertikata lain pengajaran LM perlu dijalankan merentasi kurikulum (Hart, 2000).

Beberapa parameter antara perpustakaan sekolah dengan kurikulum yang boleh dijadikan penggalak kepada LM menurut Todd (2001) iaitu:

- a) falsafah pendidikan bersama perlu dibentuk berdasarkan kehendak pembelajaran bersepadu ;

- b) perlu berasaskan kepada jangkaan yang jelas dan objektif yang boleh dicapai yang dibentuk berdasarkan maklumbalas yang sistematik dan bermakna daripada program-program perpustakaan sekolah sekolah yang berkesan dan
- c) penyertaan perpustakaan sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan boleh menarik sokongan pentadbir-pentadbir sekolah

Hubung kait antara kurikulum dapat menyokong pembentukan kemahiran LM pelajar. Namun, jurang antara polisi dengan proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dalam bilik darjah merupakan masalah perlaksanaan LM di sekolah. Minat guru hanya tertumpu kepada kurikulum semata-mata tanpa memberi perhatian kepada aspek-aspek LM (Julien & Baker, 2009). Pelajar juga lebih berminat terhadap isi kandungan pelajaran berbanding proses pencarian maklumat (Barranoik, 2001). Sedangkan kemahiran LM dengan subjek sains contohnya adalah saling berhubungan. Jika guru dan pelajar memahami inkuriri sains, mereka akan lebih memahami LM (Windschitl, 2008). Begitu juga kemahiran LM adalah merupakan kunci kepada perlaksanaan KKS yang efektif (Hart, 1999). Oleh itu, bagi memastikan kemahiran LM dapat dibina dalam bilik darjah, perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran guru perlu berubah. Bahan-bahan pembelajaran yang sesuai perlu disediakan. Pelajar perlu didedahkan dengan aktiviti pembelajaran yang aktif seperti menjalankan kajian agar mereka memperolehi maklumat melalui pengalaman mereka (Somerville, 2009).

Pelajar yang terikat dengan pembelajaran berasaskan projek (PBL), berkemungkinan agak mudah untuk memperolehi kemahiran mengkaji dan mendapatkan maklumat (Silen & Uhlin, 2008; Diekema, Holliday & Leary, 2011). Dalam erti kata lain, ia dapat

meningkatkan tahap LM mereka (Chu, Tse & Chow, 2011). Kemahiran membuat kajian telah memudahkan proses pembelajaran secara inkuiiri (Chu, Chow, Tse & Kuhlthau, 2008), di mana pelajar perlu mencari dan menemui jawapan bagi persoalan-persoalan mereka sendiri melalui kaedah sistematik dalam mengumpul dan menganalisis maklumat (Chu, 2009). Kajian Chow et al. (2007) membuktikan adanya peningkatan dalam pencarian maklumat dan kemahiran berfikir secara kritis di kalangan pelajar sekolah rendah semasa pelajar-pelajar menjalankan projek mereka (Chu, Mak & Tsang, 2011).

Konsep PBL telah digunakan dalam memperkenalkan pendekatan inkuiiri di sekolah (Marx et al. 1997). Konsep ini memberi peluang kepada pelajar untuk melaksanakan tugas dalam meningkatkan pembelajaran mereka (Mettas & Constantinou, 2007) di samping membina kemahiran penaakulan (David, 2008; Wilhelm, Sherrod & Walters, 2008). Pelajar biasanya dilibatkan dengan tugas dan diakhiri dengan laporan bertulis (Prince & Felder, 2006).

Kelebihan kaedah PBL telah lama diperbahaskan (Donham et al., 2001; Railsback, 2002; David, 2008). Banyak kajian mengesyorkan PBL diintegrasikan dengan pembelajaran berasaskan inkuiiri bagi menghasilkan pembelajaran yang lebih bermakna (Wilhelm, Sherrod, & Walters, 2008; Chu, 2009; Harada & Yoshina, 2004).

Kerjasama antara guru subjek, guru perpustakaan, guru bahasa dan guru IT penting bagi menjayakan kaedah PBL ini (Thousand, Villa, & Nevin, 2006; Kuhlthau, Maniotes & Caspari's, 2007; Chu, 2009, Montiel, 2009). Dengan kepakaran guru perpustakaan dalam kemahiran LM dan kemahiran mengkaji, mereka perlu memainkan peranan penting secara

kolaboratif dalam pembelajaran berdasarkan projek ini dengan melengkapi pelajar dengan kemahiran pencarian maklumat yang sesuai dalam menyiapkan projek inkuiiri mereka (Hui et al, 2010). Guru perpustakan perlu memastikan pelajar dilengkapi secukupnya dengan kemahiran-kemahiran LM seperti mencari, mengesan dan menggunakan sumber-sumber maklumat yang sesuai (Chu, 2009).

Sejajar dengan itu, kerajaan Malaysia turut meningkatkan usaha dalam pembangunan pendidikan dengan penekanan kepada pelbagai pendekatan pengajaran terutamanya yang mampu membantu pelajar lebih berdikari, mempunyai kemahiran berfikir dan bersifat inkuiiri bagi menyahut cabaran wawasan pendidikan negara. Oleh itu Kementerian Pelajaran Malaysia melalui "*Handbook- Project Based Learning*" telah menekankan kaedah ini sebagai strategi pembelajaran yang membawa pelajar mempelopori ilmu keluar daripada tradisi bilik darjah iaitu satu model pelaksanaan aktiviti berpusatkan murid merentas kurikulum. PBL di harap dapat menyediakan pelajar dengan kemahiran-kemahiran untuk hidup dalam masyarakat yang berasaskan ilmu pengetahuan dan teknologi tinggi (Malaysia, 2006c).

Justeru itu, penyelidik melalui kajian ini ingin membangunkan satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) bertujuan untuk membimbing pelajar-pelajar melaksanakan projek sekolah atau kerja kursus sekolah (KKS) secara berperingkat berpandukan ciri-ciri LM yang telah ditentukan. MPPKLM merupakan kaedah pembelajaran sendiri tanpa bimbingan guru dan mudah digunakan oleh pelajar pada masa-masa yang difikirkan sesuai (Shahrom, 1994 & 1996). Pembelajaran bermodul lebih berkesan kerana dapat memenuhi kehendak pelajar; boleh menepati konsep perbezaan individu; dan lebih bersifat kemanusiaan dari segi pendedahan. Pelajar juga dapat

menentukan matlamat secara lebih nyata dan belajar mengikut kemampuan (Rahim, 1990). Pengajaran dan pembelajaran bermodul jika direka bentuk dengan sempurna dapat memberikan beberapa faedah kepada guru dan pelajar. Faedah untuk guru ialah guru mempunyai masa untuk aktiviti-aktiviti pengayaan di samping dapat memberi tumpuan dan mengenal pasti kelemahan pelajar. Faedah untuk pelajar adalah dapat mengurangkan saingan dan tekanan, dapat berkongsi tanggungjawab bersama guru, mendapat maklum balas serta merta, dapat belajar mengikut kecepatan diri sendiri, meningkatkan motivasi, mendorong pencapaian objektif pembelajaran dan sebagai alat pengayaan dan pemulihan (Shahrom & Yap, 1991, 1992).

Antara sebab-sebab lain pemilihan pembelajaran kendiri menurut Rohana (1988) adalah:-

- a) Lebih banyak pengetahuan diperolehi atas daya usaha sendiri;
- b) Menajamkan pemikiran serta membolehkan pembacaan secara mendalam;
- c) Berusaha mengikut kecepatan sendiri dan belajar mengikut minat sendiri;
- d) Menimbulkan perasaan tanggungjawab terhadap pembelajaran tanpa bantuan orang lain; dan
- e) Kadar pemahaman mengikut kecepatan diri dan memotivasi pemikiran sendiri.

Kajian Koh (1977) mengenai penggunaan bahan pengajaran kendiri terancang dalam bentuk kad dan modul di kalangan murid darjah tiga dalam pembelajaran Bahasa Malaysia telah membuktikan kesesuaian bahan pengajaran kendiri sebagai bahan pemulihan. Begitu juga kajian Kamdi (1990) terhadap murid-murid pencapaian tinggi tahun lima berkaitan program pengayaan alam dan manusia secara bermodul, kajian Rosniza (1999) menggunakan modul pengajaran kendiri bagi klinik pemulihan Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Teknik Kuala Klawang, kajian Goh (2003) terhadap penggunaan mudul

pembelajaran kendiri dalam pembelajaran mata pelajaran perdagangan tingkatan empat di sebuah sekolah di Kuala Lumpur, kajian Chandrika (2003) menggunakan modul pengajaran kendiri untuk pelajaran pendidikan moral juga menunjukkan keberkesanan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat dalam meningkatkan prestasi pembelajaran.

## **2.11 RUMUSAN**

Dalam bab ini telah dibincangkan secara terperinci berkaitan konsep, definisi, sejarah perkembangan, piawaian dan modul-modul LM. Keperluan kepada kemahiran LM, LM dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan LM dalam KKS juga turut dibahaskan.

Daripada sorotan literatur ini, jelas menunjukkan bahawa piawaian LM maklumat di Malaysia masih belum digubal (Edzan & Mohd Sharif, 2005; Yaacob & Samsuri, 2003). Piawaian LM ini diperlukan sebagai kayu ukur tahap LM individu (Edzan & Mohd Sharif, 2005). Piawaian LM juga penting untuk menstandardkan program-program LM di Malaysia (Yushiana, 2003; Mohd Sharif, Nor Edzan and Zainab, 2005). Yang ada hanyalah panduan umum tanpa perincian yang jelas mengikut tahap-tahap LM yang sebenar (Malaysia, 2002; Malaysia, 2007). Bagaimanakah perlaksanaan LM harus dilakukan dalam bilik darjah terutama ketika mengendalikan KKS (KKS) sekiranya piawaian LM ini tiada?

Wujud kepelbagaian cara GPM mengendalikan program LM di sekolah iaitu mengikut panduan yang diberi atau tidak melaksanakan langsung (Tan & Diljit, 2008). Perlaksanaan LM di sekolah adalah lebih mudah melalui penghasilan KKS (Wray, 1985; Nor Fariza & Azizah, 2009). Disebabkan ciri-ciri LM mudah dilihat melalui penghasilan KKS dan syarat

lulus dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) untuk beberapa mata pelajaran memerlukan kepada perlaksanaan KKS, maka LM amat sesuai diterapkan di sekolah melalui perlaksanaan KKS. Oleh itu, penyelidik sangat bermotivasi untuk menjalankan kajian ini bagi mengenalpasti sejauhmana ciri-ciri LM diterapkan dalam penghasilan KKS pelajar. Penyelidik juga ingin membangunkan satu kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) berdasarkan piawaian-piawaian literasi maklumat antarabangsa sebagai penanda aras tahap literasi maklumat pelajar di dalam kajian ini. Akhirnya penyelidik ingin menghasilkan satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) untuk menghasilkan kerja kursus yang bercirikan LM yang sesuai.

LM penting kepada pelajar agar mereka tahu untuk mencari, menilai, mengurus, menganalisis, mengguna, mempersebah dan mengaplikasikan maklumat. LM membantu pelajar belajar bagaimana untuk belajar, membuat penerokaan-penerokaan dan mengaplikasikan ilmu untuk membina kefahaman baharu serta membina jati diri. Keadaan ini memenuhi matlamat Kementerian ke arah Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) di mana PSH telah dijadikan salah satu agenda nasional selaras dengan Model Baru Ekonomi (MBE), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Konsep 1Malaysia (Khaled, 2010).

## **BAB 3**

### **KAEDAH PENYELIDIKAN**

#### **3.1 PENDAHULUAN**

Bab 3 akan membincangkan kaedah kajian iaitu dari aspek reka bentuk kajian, populasi, sampel kajian dan tata cara yang akan dilaksanakan. Bab ini penting kerana ia melibatkan proses perancangan, mengumpul, menganalisis dan mentafsir data yang akan dijadikan bukti bagi mengesahkan tentang reka bentuk kajian dan kaedah yang digunakan dalam kajian ini termasuk proses pengumpulan, instrumen-instrumen yang digunakan dan kaedah penganalisaan data. Perbahasan dalam bab ini dibahagikan kepada beberapa bahagian; a) pendahuluan; b) pengenalan kepada kaedah sistem lembut (*Soft System Methodology*, SSM); c) rekabentuk kajian; d) populasi dan sampel; e) Kaedah kutipan data; f) analisis data; g) kesahihan data; h) prosedur kajian dan i) rumusan.

Dalam kajian ini, penyelidik telah menggunakan kerangka Pendekatan Sistem Lembut (*Soft System Methodology* (SSM). SSM sesuai digunakan dalam kajian ini kerana SSM membantu mengenalpasti permasalahan yang timbul dan permasalahan tersebut dapat dilihat daripada aspek semua pihak berkepentingan. Melalui SSM, penyelidik dapat menyelesaikan masalah secara tersusun dan berperingkat, merekabentuk dan menghasilkan model konseptual bagi menentukan perubahan kepada proses sedia ada, membuat perbandingan antara situasi sebenar dengan dunia sistem yang dicadangkan, seterusnya melaksanakan perubahan, dan membuat penilaian.

### **3.2 PENGENALAN KEPADA KAEDAH SISTEM LEMBUT (*SOFT SYSTEM METHODOLOGY* (SSM))**

Kaedah Sistem Lembut (*Soft System Methodology* (SSM) telah diperkenalkan oleh Checkland (1981) bertujuan untuk melihat situasi permasalahan yang berlaku daripada pelbagai perspektif pihak berkepentingan (Checkland & Scholes, 1990; Mason & Willcocks, 1994). Kaedah SSM telah dikenali ramai dan biasa diguna dalam rekabentuk sistem (Checkland, 1981) dan rekabentuk sistem maklumat (Checkland & Holwell, 1998; Winklhofer, 2002). SSM dibina untuk memahamkan situasi permasalahan yang kompleks menggunakan kaedah sistem yang dicadangkan menerusi situasi permasalahan yang sebenar. Ia merupakan satu pendekatan untuk memecahkan situasi permasalahan yang tidak terstruktur berdasarkan analisis holistik. Pendekatan SSM lebih bersifat humanis dan sangat menitik beratkan berbagai aspek dalam perilaku sama ada perilaku sistem atau perilaku manusia. Ia adalah berlandaskan teori sistem kerana fokus SSM adalah untuk mencipta satu sistem yang mungkin berbentuk aktiviti yang melibatkan hubungan manusia dalam sesbuah situasi dalam mengenalpasti permasalahan seterusnya membimbing kepada penyelesaian masalah secara berfokus. Menurut Zhou (2003) SSM adalah kaedah terbaik untuk mengetahui permasalahan daripada perbagai pihak berkepentingan setelah diperhalusi dan diperbincangkan. SSM bukan untuk menghasilkan satu set rekabentuk sistem maklumat tetapi lebih kepada satu set tindakan yang boleh diterimapakai bagi menyelesaikan situasi yang bermasalah (Gasson, 1999). Para penyelidik yang menggunakan kaedah ini boleh menggunakan mana-mana peringkat SSM dalam kajiannya dan tidak dimestikan mengikut kronologi peringkat SSM satu persatu. Ini kerana SSM merupakan salah satu kerangka kaedah kajian atau garis panduan melaksanakan kajian (Checkland, 1981).

Terdapat dua pendekatan di dalam SSM yang akan melibatkan 7 langkah iaitu menerusi dunia sebenar (*real world*) dan menerusi pemikiran sistem tentang dunia sebenar (*system thinking about the real world*). Pendekatan menerusi dunia sebenar mempunyai lima peringkat iaitu:


- a. situasi yang dianggap bermasalah (peringkat 1 SSM);
- b. situasi bermasalah disuarakan (peringkat 2 SSM);
- c. perbandingan model sistem yang dicadangkan dengan dunia sebenar (peringkat 5 SSM);
- d. perubahan yang diingini dan boleh dicapai (peringkat 6 SSM); dan
- e. tindakan untuk menambah baik situasi bermasalah (peringkat 7 SSM).

Manakala pendekatan pemikiran sistem tentang dunia sebenar mengandungi dua peringkat iaitu

- a. definisi asas tentang sistem aktiviti yang relevan (peringkat 3 SSM); dan
- b. model konseptual tentang sistem yang dinyatakan dalam definisi asas (peringkat 4 SSM).

Oleh kerana situasi tahap LM pelajar di sekolah ketika menjalankan KKS dianggap sebagai satu situasi yang sukar digambarkan dengan jelas, maka kaedah SSM ini didapati sesuai bagi penyelidikan dalam membantu meneroka masalah kajian ini.

Sistem dalam kontek kajian ini bukan menjurus kepada sistem teknologi tetapi lebih kepada aktiviti-aktiviti pihak berkepentingan yang berinteraksi dalam menyelesaikan masalah. Gambaran peringkat-peringkat dalam SSM adalah seperti Rajah 3.1 di bawah:



**Rajah 3.1: 7 Peringkat dalam SSM berdasarkan Model Checkland (1981)**

**Peringkat 1 dan 2 SSM: Situasi yang Dianggap Bermasalah dan Situasi Masalah yang Disuarakan**

Peringkat 1 dan 2 adalah untuk mengenalpasti situasi yang bermasalah. *Rich picture* (RP) atau gambaran terkini aktiviti digunakan sebagai alat untuk menggambarkan situasi permasalahan dari perspektif pihak-pihak yang terlibat. RP menggunakan grafik bagi menggambarkan pihak berkepentingan, isu dan masalah yang mereka hadapi, serta proses kerja mereka. Permasalahan-permasalahan yang timbul akan dipetakan dalam bentuk gambar. Melalui gambaran ini, permasalahan yang timbul dan mereka yang berkepentingan yang terlibat akan dapat dilihat dengan jelas termasuk rantaian yang berlaku di antara

keduanya. Hubung kait antara permasalahan yang timbul termasuk isu, perilaku, permasalahannya, proses, hubungan, konflik dan motivasi. Gambaran adalah dihasilkan menggunakan pelbagai simbol dan lakaran-lakaran bagi tujuan memudahkan semua individu memahaminya.

### ***Peringkat 3 SSM: Definisi Asas tentang Sistem Aktiviti yang Relevan***

Seterusnya peringkat 3 adalah untuk mengenalpasti mereka yang terlibat, proses transformasi, weltanschaung dan persekitaran bagi tujuan mendefinisikan gambaran aktiviti. Pembentukan gambaran adalah berdasarkan analisis CATWOE. Analisis CATWOE diguna bagi menjelaskan situasi yang berlaku yang bersesuaian dengan pandangan atau persepsi. CATWOE merupakan gabungan perkataan yang mengungkapkan pengertian berikut:-

#### **CATWOE:-**

- C** = Customers (Orang yang mendapat manfaat atau kerugian daripada transformasi).
- A** = Actors (Orang yang melakukan transformasi).
- T** = Transformation process (Perubahan Input menjadi Output).
- W** = Weltanschauung/worldview (Pandangan dunia luar).
- O** = Owners (Orang yang berkuasa menghentikan transformasi).
- E** = Environmental (Unsur persekitaran yang membantu transformasi).

Gambaran yang dilakar akan menunjukkan sasaran dan maksud kepada sistem aktiviti yang akan dibentuk, yang mengandungi cadangan-cadangan yang logik dan berpotensi. Gambaran perlu menyatakan 3 perkara:

- a) Apa = tujuan sistem
- b) Bagaimana = cara mencapai tujuan
- c) Mengapa = tujuan jangka panjang aktiviti transformasi.

Ungkapan definisi asas (*root definition* (RD) ini adalah seperti berikut:

Sistem \_\_\_\_\_ T \_\_\_\_\_ oleh \_\_\_\_\_ A \_\_\_\_\_ untuk \_\_\_\_\_ C \_\_\_\_\_ untuk mendapatkan  
\_\_\_\_\_ W \_\_\_\_\_, dengan menggunakan \_\_\_\_\_ E \_\_\_\_\_ yang dipunyai \_\_\_\_\_ O \_\_\_\_\_  
(Malaysia, 2005)

**( A system: owned by O : to do W : by A : by means of T : given the constraints of E : for C )**

#### ***Peringkat 4 SSM: Model Konseptual tentang Sistem yang Dinyatakan dalam Definisi Asas.***

Peringkat 4 pula adalah untuk membina model koseptual berdasarkan definisi asas (*root definition* (RD) yang telah dibentuk di mana ia merupakan satu kaedah menganalisa aktiviti-aktiviti yang sepatutnya dilakukan oleh pelaku ketika proses transformasi dilakukan. Dengan menggunakan kata kerja aktif (*active words*), model konseptual ini menggambarkan proses kerja sistem sesuai dengan situasi permasalahan yang berlaku. Sistem tersebut akan menerima input dan menghasilkan output dalam proses transformasi. Proses transformasi merupakan aktiviti yang sepatutnya berlaku dalam sistem.

### ***Peringkat 5 SSM: Perbandingan Model Sistem dengan Dunia Sebenar***

Peringkat 5 merupakan peringkat perbandingan model konseptual dengan dunia nyata. Pada peringkat ini, persoalan-persoalan berkaitan aktiviti-aktiviti model yang bersesuaian dan kaedah perlaksanaannya akan dipertimbangkan dan diperhalusi. Model konseptual ini hanyalah sebagai satu alternatif penyelesaian situasi yang bermasalah menggunakan kaedah yang lebih sempurna.

### ***Peringkat 6 dan 7 SSM: Perubahan yang Diingini dan Boleh Dicapai serta Tindakan untuk Menambah Baik Situasi Bermasalah***

Manakala peringkat 6 dan terakhir adalah proses menentu dan menetapkan perubahan yang diinginkan bagi mengatasi situasi yang bermasalah. Di peringkat ini, terhasil satu sistem yang dicadangkan (yang mengandungi proses dan produk) serta perlaksanaan sistem tersebut bagi penambahaikan kepada permasalahan yang berlaku.

### **3.3 REKABENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian merupakan teknik dan kaedah tertentu yang digunakan untuk memperolehi maklumat yang diperlukan bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti permasalahan yang wujud berkaitan pelaksanaan LM di dalam kerja kursus sekolah (KKS) berpandukan kepada kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang dibangunkan berdasarkan piawaian-piawaian LM antarabangsa. Pendekatan kaedah sistem lembut (soft system methodology (SSM) telah digunakan dalam kajian ini bagi mengenalpasti permasalahan yang wujud seterusnya membimbing kepada penyelesaian masalah secara berfokus. SSM merupakan satu garis panduan bagi

melaksanakan satu-satu kajian (Checkland, 1981) dan kaedah terbaik bagi mengetahui permasalahan daripada perbagai pihak berkepentingan setelah diperhalusi dan diperbincangkan (Zhau, 2003) serta boleh diterimapakai bagi menyelesaikan situasi yang bermasalah (Gasson, 1999).

Dalam mengenalpasti permasalahan yang timbul, kaedah campuran (*mixed method*) akan digunakan secara triangulasi. Triangulasi merupakan aplikasi dan kombinasi kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mengkaji fenomena yang sama di mana data yang diperolehi dapat menambah kekuatan dan menyokong dapatan satu sama lain (Creswell 2008; Plano & Creswell 2010). Instrumen yang digunakan dalam mengenalpasti masalah ialah analisis dokumen piawaian-piawaian LM antarabangsa, soal selidik berkaitan amalan pelajar dalam menghasilkan kerja kursus sekolah (KKS), analisis kandungan laporan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) dan analisis dokumen skima pemarkahan KST.

Melalui kaedah campuran secara triangulasi ini, penyelidik cuba menghuraikan masalah-masalah melalui langkah-langkah berikut:

- a. Mengkaji piawaian-piawaian LM antarabangsa yang boleh dijadikan penanda aras tahap LM pelajar dan modul-modul LM. Ini memerlukan panelitian kandungan bahan terbitan;
- b. Mengkaji tahap penguasaan LM pelajar di sekolah berasrama penuh (SBP) berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS) yang memerlukan pengumpulan data dari soal selidik dan panelitian kandungan laporan KST dan penelitian dokumen skima pemarkahan KST;
- c. Menghasilkan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) yang boleh membantu pelajar-pelajar SBP menghasilkan KKS yang bercirikan LM

- berdasarkan keperluan pelajar. Ini memerlukan pengumpulan data dari soal selidik dan panelitian kandungan laporan KST; dan
- d. Mengenalpasti kesesuaian MPPLM memerlukan kepada pengumpulan data dari panelitian kandungan borang penilaian MPPLM dan KKS pelajar kajian.

### **3.4 POPULASI DAN SAMPEL**

Kumpulan sasaran kajian ini ialah pelajar yang berada di jenis sekolah berasrama penuh (SBP). Rasional penyelidik memilih SBP sebagai lokasi kajian kerana:-

- a. penyelidik ingin melihat tahap LM pelajar di sekolah berasrama penuh (SBP) berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS) dan belum ada kajian LM yang dilakukan khusus untuk sekolah jenis ini;
- b. dapatan kajian adalah untuk menghasilkan satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) bagi menghasilkan KKS yang bercirikan LM. Penyelidik memerlukan sampel yang berkebolehan dan berkemampuan dari segi kognitif untuk menggunakan MPPKLM tersebut untuk tujuan menilai kesesuaianya. Melihat daripada syarat-syarat pengambilan pelajar-pelajar ke SBP, penyelidik mengandaikan bahawa kesemua pelajar di sekolah ini cemerlang dari pelbagai aspek dan berkemampuan untuk memahami dan mengikuti modul yang akan dihasilkan. Malahan mereka juga telah biasa terdedah dengan kaedah pembelajaran sendiri melalui kelas persediaan (preparation class);
- c. mudah untuk mengenalpasti mana-mana pelajar yang membuat plagiat hasil rakan sebaya kerana mereka adalah dalam kelompok yang sama.

Disebabkan kaedah pemilihan pelajar yang sama di antara SBP seluruh Malaysia , maka penyelidik telah memilih SBP yang berhampiran dengan tempat kediaman penyelidik ialah Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang (SBPIR) yang terletak di Bandar Tasik Puteri, Rawang, Selangor. Walaupun sekolah ini baru dibuka pada pertengahan tahun 2002 namun, kecemerlangan SBPIR ini telah terserlah dengan mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) setiap tahun.

Populasi kajian ini ialah keseluruhan pelajar di Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi Rawang (SBPIR). Manakala sampel kajian untuk menjawab soal selidik hanya tertumpu kepada keseluruhan pelajar tingkatan 2 dan 3 di di SBPIR. Keseluruhan pelajar tingkatan 2 seramai 90 orang manakala pelajar tingkatan 3 pula 120 orang. Daripada jumlah tersebut, nisbah antara lelaki dan perempuan di tingkatan 2 ialah 1:1 manakala di tingkatan pula adalah 1:1.

Bagi memilih 30 naskah laporan KST pelajar tingkatan 3 untuk tujuan analisis kandungan, penyelidik telah menggunakan persempelan bertujuan (*purposive*) dengan mengambil kira faktor keseragaman tahap keupayaan pelajar di SBP. Persempelan bertujuan ini dipilih kerana ia dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji (Burn, 1995). Penyelidik telah memilih salah satu kelas daripada tingkatan 3 dengan jumlah pelajarnya seramai 30 orang. Begitu juga ketika pemilihan kumpulan eksperimen menggunakan MPPKLM, penyelidik juga telah menggunakan persempelan bertujuan (*purposive*) ke atas salah sebuah kelas tingkatan 3 yang mengandungi 30 orang pelajar untuk menilai kesesuaian MPPKLM.

### 3.5 KAE DAH KUTIPAN DATA

Kaedah kutipan data yang dilakukan dalam kajian ini adalah dengan merujuk kepada SSM yang telah diterangkan secara terperinci di 3.2 lepas. Peringkat-peringkat SSM telah disesuaikan dengan peringkat kajian penyelidik sehingga membentuk tiga fasa kajian iaitu 1) fasa1 kajian: mengenalpasti masalah; 2) fasa 2 kajian: mencadangkan satu kaedah penyelesiaan untuk mengubah proses sedia ada; dan 3) fasa 3 kajian: melaksanakan perubahan, maklumbalas pengguna dan penilaian. Jadual 3.1 menunjukkan bagaimana SSM diterapkan dalam kajian ini.

**Jadual 3.1: Penerapan SSM dalam Kajian**

Fasa	Komponen Penyelidikan	Objektif	Peringkat dalam SSM
1	<p>Mengenalpasti masalah melalui:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sorotan literatur:           <ol style="list-style-type: none"> <li>Piawaian LM peringkat sekolah menengah</li> <li>Modul-modul LM</li> </ol> </li> <li>Pengumpulan data:           <ol style="list-style-type: none"> <li>Soal selidik terhadap keseluruhan pelajar tingkatan 2 dan 3 di sekolah kajian</li> <li>analisis kandungan terhadap 30 naskah laporan kerja kursus kajian sejarah tempatan (KST) tingkatan 3 bagi menentukan ciri-ciri LM</li> <li>analisis dokumen terhadap skima pemarkahan KST bagi menentukan ciri-ciri LM</li> </ol> </li> </ol>	<p>Untuk mengenalpasti permasalahan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti piawaian LM antarabangsa yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar.</li> <li>Mengenalpasti modul-modul LM yang sesuai digunakan bagi membina modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM).</li> <li>Mengenalpasti tahap LM pelajar sekolah berasrama penuh (SBP) berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan KKS berdasarkan kerangka literasi maklumat (KLMP) yang dibangunkan</li> </ol>	<p><b>Peringkat 1 dan 2:</b> Mengenalpasti dan menggambarkan permasalahan yang berlaku melalui lakaran gambaran terperinci (<i>rich picture</i> (RP))</p> <p><b>Output:</b> Kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) digubal sebagai penanda aras LM ketika menganalisis soal selidik, laporan KST dan skima pemarkahan KST.</p>

	RP akan dibentuk berdasarkan hasil analisis.	d. Menentukan sejauhmana aplikasikan elemen pemarkahan LM di dalam skima  e. Merumuskan keperluan pelajar kepada pembentukan MPPKLM bagi menghasilkan KKS bercirikan LM.	
2	Mencadangkan satu kaedah penyelesaian untuk mengubah proses sedia ada.  a. Membentuk definisi asas ( <i>root definitions</i> (RD) berdasarkan analisis CATWOE  b. Mencadangkan model konseptual/ aktiviti cadangan  c. Membandingkan aktiviti cadangan dengan aktiviti semasa.	a. Mencadangkan MPPKLM menghasilkan bercirikan LM. bagi KKS	<b>Peringkat 3 dan 4:</b> Mendefinisikan aktiviti asas tentang sistem aktiviti yang dianggap relevan dalam modul.  <b>Peringkat 5:</b> Membandingkan model dengan proses aktiviti masakini  <b>Output:</b>  MPPKLM bagi menghasilkan KKS bercirikan LM yang membayangkan aktiviti asas yang relevan
3	Melaksanakan perubahan, maklumbalas pengguna dan penilaian melalui:  a) Borang Penilaian MPPKLM b) Analisis laporan KKS pelajar yang menggunakan MPPKLM	a. Menentukan kesesuaian modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) yang dihasilkan.	<b>Peringkat 6:</b> Menilai keberkesanannya modul  <b>Peringkat 7:</b> Tindakan lanjutan untuk menambah baik situasi bermasalah

### 3.5.1 Fasa 1: Mengenalpasti Masalah

Teknik pengumpulan data yang dipilih dalam mengenalpasti masalah adalah melalui kaedah campuran kuantitatif dan kualitatif yang digunakan secara triangulasi. Data

kuantitatif di perolehi daripada soal selidik di sekolah kajian. Manakala data kualitatif diperolehi melalui sorotan literatur, analisis kandungan 30 naskah laporan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) dan analisis dokumen skima pememarkahan KST.

### **3.5.1.1      Sorotan Literatur**

Menerusi sorotan literatur, penyelidik telah mengenalpasti permasalahan-permasalahan berkaitan perlaksanaan LM di Malaysia. Penyelidik juga telah menganalisis dokumen piawaian-piawaian LM antarabangsa yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar di peringkat sekolah menengah menerusi sumber-sumber bercetak mahupun secara talian iaitu bagi menjawab persoalan kajian pertama: Apakah piawaian-piawaian LM antarabangsa yang boleh dirujuk bagi membangunkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar?

Melalui sorotan literatur ini, penyelidik juga telah menganalisis dokumen piawaian-piawaian LM antarabangsa bagi mengenalpasti piawaian-piawaian LM antarabangsa yang sesuai digunakan di peringkat sekolah. Di dapati piawaian-piawaian LM antarabangsa yang sesuai digunakan khusus untuk peringkat sekolah menengah ialah piawaian LM AASL (*American Association of School Librarians*, 1998) (Lampiran D) dan piawaian LM ANZIIL (*Australian and New Zealand Institute of Information Literacy*, 2004) (Lampiran E). Mokhtar, Majid & Foo (2008b) juga turut merujuk kedua-dua piawaian ini ketika menggubal satu cadangan program LM untuk peringkat sekolah rendah dan menengah di Singapore. Oleh itu penyelidik telah membangunkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) berdasarkan kepada piawaian LM AASL (1998) dan piawaian LM ANZIIL (2004)

agar lebih sesuai dan mudah untuk memahamkan tahap LM pelajar sekolah menengah. KLMP ini digunakan sebagai penanda aras tahap literasi maklumat pelajar dalam kajian ini.

Penyelidik turut mengenalpasti model-model LM yang sesuai digunakan untuk membina modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM). Daripada model-model yang telah dikenalpasti, penyelidik telah merujuk model LM oleh Eisenberg & Berkowitz (1990a, 1990b, 1996, 2001) dan model LM *Empowering 8* (Wijetunge, 2005). Pemilihan model pencarian maklumat *The Big Six* oleh Eisenberg & Berkowitz (1990a, 1990b, 1996, 2001) adalah kerana ia agak mudah digunakan dan lebih dikenali ramai (Woolls, 2006). Manakala model *Empowering 8* pula merupakan model LM terkini yang dibina berdasarkan tahap-tahap kemahiran kognitif dalam Teksonomi Bloom (Pemadasa, 2006).

### **3.5.1.2 Kajian Tinjauan Menggunakan Soal Selidik**

#### ***Penyediaan, Pembentukan dan Kandungan Soal Selidik:***

Bagi menjawab persoalan kajian kedua; Apakah tahap LM pelajar sekolah berasrama penuh (SBP) berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS)? Penyelidik telah membentuk satu set soal selidik mengandungi 23 soalan (Lampiran A). Dapatan daripada soal selidik ini turut diguna untuk menjawab persoalan kajian ketiga: Apakah keperluan pelajar berdasarkan amalan LM dalam penghasilan KKS kepada pembentukan satu modul panduan pembelajaran literasi maklumat (MPPKLM)? Kebanyakan soalan adalah berbentuk soalan tertutup bersesuaian dengan data yang ingin

diperolehi dan mencapai objektif kajian. Soalan berbentuk terbuka juga dibentuk bagi mendapatkan pandangan responden. Setiap soalan sama ada berbentuk terbuka atau tertutup, mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri (Froddy, 1996). Oleh itu bagi menentukan satu-satu soalan itu berbentuk tertutup atau terbuka, penyelidik berpandukan kepada:

- a) tujuan soalan tersebut diajukan kepada responden; dan
- b) pandangan daripada guru-guru penyelaras Pusat Sumber Sekolah (PSS) yang faham konsep LM.

Bagi soalan tertutup, penyelidik telah menyediakan pelbagai pilihan jawapan dan jawapan ‘lain-lain’ untuk memberi peluang kepada responden mengemukakan jawapan yang mewakili pernyataan sebenar dirinya. Bagi jawapan lain-lain yang dinyatakan oleh responden dikodkan semula bagi memudahkan pemprosesan dan analisis data. Ada juga soalan tertutup yang dibina berdasarkan skala Likert (1932).

Pembinaan item soal selidik adalah berdasarkan piawaian LM peringkat sekolah menengah yang digunakan oleh ANZIIL (*Australian and New Zealand Institute for Information Literacy*, 2004) dan contoh-contoh persoalan yang biasa diajukan oleh pengkaji-pengkaji lampau (Loertscher & Woolls, 1993). Jadual 3.2 berikut merupakan perincian piawaian LM ANZIIL (2004):

**Jadual 3.2: Piawaian LM ANZIIL, 2004**

Bil	Piawaian LM	Huraian
1	Orang yang celik maklumat menyedari keperluan maklumat dan menentukan bentuk dan tahap	<ol style="list-style-type: none"><li>a. Memahami dan menterjemahkan keperluan maklumat</li><li>b. Memahami tujuan, skop dan kesesuaian</li></ol>

	maklumat yang diperlukan	<p>pelbagai sumber maklumat</p> <p>c. menilai semula bentuk dan tahap maklumat yang diperlukan</p> <p>d. Menggunakan pelbagai sumber maklumat dalam membuat keputusan</p>
2	Orang yang celik maklumat mencari maklumat yang diperlukan secara efektif dan efisian	<p>a. Memilih kaedah atau alatan yang paling sesuai untuk mencari maklumat</p> <p>b. Membina dan melaksanakan strategi pencarian yang efektif</p> <p>c. Mendapatkan maklumat dengan menggunakan kaedah-kaedah yang ber sesuaian</p> <p>d. Menggunakan sumber maklumat, teknologi maklumat, perkakasan (peranti) untuk mengakses maklumat dan kaedah terkini penyelidikan.</p>
3	Orang yang celik maklumat menilai maklumat dan proses pencarian maklumat secara kritikal	<p>a. Menilai sama ada maklumat yang diperolehi adalah berguna dan relevan</p> <p>b. Mendefinisi dan menggunakan kriteria untuk menilai maklumat</p> <p>c. Melihat kembali proses pencarian maklumat dan memperbetulkan strategi pencarian jika perlu</p>
4	Orang yang celik maklumat mengurus maklumat yang telah dikumpul atau dijana.	<p>a. Merekod maklumat dan sumbernya</p> <p>b. Mengurus (menyusun, mengkelas, menyimpan) maklumat</p>
5	Orang yang celik maklumat mengaplikasikan maklumat sedia ada dan maklumat baru untuk membina atau mencipta pemahaman baharu	<p>a. Membandingkan dan mengabungkan pemahaman baru dengan pengetahuan sedia untuk menentukan nilai tambah, percanggahan, atau lain-lain ciri-ciri unik maklumat.</p> <p>b. Menyampaikan pengetahuan dan pemahaman baharu secara efektif</p>
6	Orang yang celik maklumat menggunakan maklumat dengan pemahaman dan pengiktirafan kepada budaya, etika, ekonomi, perundangan dan isu-isu sosial	<p>a. Mengiktiraf budaya, etika dan isu-isu sosioekonomi berkaitan dengan akses dan penggunaan maklumat.</p> <p>b. Menyedari maklumat bertunjangan nilai dan kepercayaan</p>

	yang merangkumi penggunaan maklumat	c. Menepati konvensyen dan etika berkaitan dengan akses dan penggunaan maklumat d. Memperolehi, menyimpan dan menyebarkan teks, data, imej dan bunyi secara sah.
--	-------------------------------------	---

Beberapa frasa mudah untuk menggambarkan LM telah dibentuk oleh penyelidik bagi melambangkan tahap LM yang patut dikuasai oleh pelajar. Berpandukan Piawaian LM ANZIIL (2004) di atas, frasa-frasa LM yang dimaksudkan adalah seperti Jadual 3.3 di bawah:

**Jadual 3.3: Frasa LM Penyelidik**

Piawaian LM ANZIIL	Frasa LM Penyelidik
Tahap 1: Orang yang celik maklumat sedar tentang keperluan maklumat dan dapat menentukan keaslian dan tahap maklumat yang diperlukan	➡ <b>Keperluan kepada maklumat</b>
Tahap 2: Orang yang celik maklumat mencari maklumat yang diperlukan secara efektif dan efisien	➡ <b>Kaedah mendapat dan mengumpulkan maklumat yang diperlukan</b>
Tahap 3: Orang yang celik maklumat sentiasa menilai maklumat dan proses pencarian maklumat secara kritikal	➡ <b>Penilaian sesuatu maklumat</b>
Tahap 4: Orang yang celik maklumat mengurus maklumat yang telah dikumpul dan dijanakkannya.	➡ <b>Pengurusan maklumat yang diperolehi</b>
Tahap 5: Orang yang celik maklumat mengaplikasikan maklumat baru untuk membina konsep-konsep baru atau mencipta pemahaman baru.	➡ <b>Penghasilan maklumat baru</b>
Tahap 6: Orang yang celik maklumat menggunakan maklumat tertakluk dengan budaya, etika, ekonomi, undang-undang dan isu-isu sosial.	➡ <b>Beretika dalam menggunakan maklumat</b>

Berdasarkan Jadual 3.4, terdapat 3 bahagian dalam instrumen soal selidik. Sasaran responden kajian untuk Bahagian A (B1: Latarbelakang responden); Bahagian B (B2: cara kebiasaan pelajar dalam menghasilkan KKS) dan Bahagian C (B3: tingkah laku pelajar berhubung maklumat). Soalan di B1 (soalan 1-4) berkaitan tingkatan, jantina, pemilikan komputer di rumah, penggunaan Internet dan pekerjaan ibubapa. Soalan B2 (soalan 5-13) berkaitan pemilihan topik, kebiasaan sebelum memulakan kajian, kebiasaan tempat membuat rujukan, cara kebiasaan ketika mengumpul maklumat, masalah yang dihadapi ketika mengumpul maklumat, cara kebiasaan menghasilkan tugas, dan kriteria-kriteria tugas yang baik. Manakala soalan B3 (16-22) berkaitan tujuan mencari maklumat, penilaian maklumat, pengurusan maklumat, persembahan maklumat dan etika menggunakan maklumat.

**Jadual 3.4: Instrumen Soal Selidik**

Bahagian	Kandungan	Perincian
Bahagian A (B1)	Latarbelakang responden	tingkatan, jantina, pemilikan komputer di rumah, penggunaan Internet, pekerjaan ibubapa.
Bahagian B (B2)	Cara kebiasaan pelajar dalam menghasilkan KKS (KKS)	pemilihan topik, kebiasaan sebelum memulakan kajian, kebiasaan tempat membuat rujukan, cara kebiasaan ketika mengumpul maklumat, masalah yang dihadapi ketika mengumpul maklumat, cara kebiasaan menghasilkan tugas, dan kriteria-kriteria tugas yang baik
Bahagian C (B3)	Tingkah laku pelajar berhubung maklumat	tujuan mencari maklumat, penilaian maklumat, pengurusan maklumat, persembahan maklumat dan etika menggunakan maklumat.

Pemilikan komputer di rumah dan penggunaan Internet ditekankan di B1 kerana komputer sangat berkait rapat dalam kebolehan menjalankan aktiviti LM individu. Komputer akan membantu individu mengenalpasti keperluan, memberi arahan atau pengajaran yang sesuai mengikut peringkat masing-masing, memantau dan melaporkan kemajuan, menjadi alat untuk menganalisis data, menulis laporan dan melayari internet untuk mendapatkan maklumat bagi meningkatkan pengetahuan (Tengku Mohd Azzman, 1997). Manakala faktor pekerja ibubapa pula akan menyumbang kepada kemampuan pemilikan komputer di rumah.

Penyelidik telah mereka cipta item-item soal selidik di B2 dan B3 berdasarkan frasa LM di Jadual 3.4 di atas bagi mendapatkan gambaran dan fahaman yang sesuai dengan tahap literasi maklumat yang dikehendaki. Pemurnian item soal selidik telah melalui proses penyemakkan dan pengesahan ahli pakar yang terdiri daripada beberapa orang penyelaras pusat sumber yang telah berkhidmat melebihi 10 tahun serta telah melalui kajian rintis yang sewajarnya. Jadual 3.5 merupakan perincian item soal selidik B2 dan B3.

**Jadual 3.5: Item Soal Selidik B2 dan B3 dan Kaitan dengan LM**

Frasa LM penyelidik	Item soalan	No soalan
<b>Keperluan maklumat</b> (LM tahap 1)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagaimakah cara anda untuk memilih topik untuk projek Sejarah?</li> <li>• Sebelum memulakan satu-satu tugasan/kajian/projek, apakah kebiasaan yang akan anda lakukan terlebih dahulu?</li> <li>• Kekerapan anda mencari maklumat?</li> <li>• Apakah sumber-sumber yang boleh memberikan anda maklumat?</li> <li>• Sejauh mana tahap kemahiran mencari maklumat yang anda miliki?</li> </ul>	<b>5</b> <b>6</b> <b>14</b> <b>15</b> <b>16</b>
<b>Kaedah mendapat dan mengumpulkan maklumat.</b> (LM tahap 2)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengikut kebiasaan anda <u>di manakah</u> anda akan pergi untuk mencari dan mendapatkan maklumat bagi satu-satu tugasan/ kajian/ projek anda?</li> </ul>	<b>7</b>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bagaimakah cara anda mengumpul maklumat bagi projek anda?</li> <li>• Adakah anda mengalami sebarang masalah untuk mendapatkan dan mengumpulkan maklumat bagi tugas/ kajian/ projek anda?</li> <li>• Sejauh mana anda berpuas hati dengan maklumat yang telah anda perolehi pada setiap kali pencarian (pencarian maklumat)?</li> </ul>	<b>8</b> <b>9</b> <b>17</b>
<b>Penilaian maklumat</b>  (LM tahap 3)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkara di bawah akan anda lakukan bagi menghasilkan tugas/ kajian/ projek anda.</li> <li>• Bagaimana cara untuk menentukan bahawa maklumat yang diperolehi itu adalah sah?</li> <li>• Apabila anda mencari maklumat, anda akan bertemu dengan pelbagai maklumat dan maklumat tersebut ada yang berbeza-beza dan ada yang mengelirukan. Apakah tindakan anda?</li> </ul>	<b>10</b> <b>19</b> <b>20</b>
<b>Pengurusan maklumat.</b>  (LM tahap 4)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Apabila anda mendapat maklumat / telah bertemu dengan maklumat yang anda kehendaki, apakah tindakan anda?</li> </ul>	<b>22</b>
<b>Penghasilan maklumat baru.</b>  (LM tahap 5)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pada kebiasaan anda apakah tujuan anda mencari sesuatu maklumat?</li> </ul>	<b>19</b>
<b>Beretika dalam menggunakan maklumat.</b>  (LM tahap 6)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Adakah anda pernah membuat petikan (memetik kata-kata pengarang) dalam teks anda?</li> <li>• Sekiranya pernah, apakah yang biasanya anda lakukan?</li> <li>• Bagaimakah cara penulisan bibliografi yang biasa anda lakukan?</li> <li>• Berikut adalah etika dalam menggunakan dan menghasilkan sesuatu maklumat</li> </ul>	<b>11</b> <b>12</b> <b>13</b> <b>23</b>

### **Pengedaran dan Pengumpulan Borang Soal Selidik.**

Pengedaran borang soal selidik ini telah dijalankan pada bulan November 2005 iaitu selepas tamat peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Borang soal selidik telah diedarkan kepada keseluruhan pelajar tingkatan 3 dan 2. Seramai 120 orang pelajar tingkatan 3 dan 90 orang pelajar tingkatan 2 telah mengambil bahagian. Bagi memudahkan pengedaran borang-borang ini, penyelidik telah mengedarkannya serentak kepada semua pelajar dalam dewan utama sekolah. Ini bertujuan untuk memudahkan penyelidik menerangkan kepada pelajar sekiranya terdapat soalan-soalan yang tidak difahami dan menjimatkan masa. Sebanyak 83 naskhah borang soal selidik telah dapat dikumpulkan daripada tingkatan 2 manakala 110 naskhah daripada tingkatan 3.

#### **3.5.1.3 Analisis Kandungan Naskah Laporan Kerja Kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST)**

Bagi mengukuhkan dan menghasilkan dapatan yang lebih bermakna, penyelidik telah menggunakan analisis kandungan terhadap tiga puluh laporan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) pelajar yang dipilih secara bertujuan (*purposive*) untuk dianalisa daripada sebuah kelas tingkatan 3. Pemilihan sampel secara bertujuan ini adalah mengambil kira faktor keseragaman (*homogeneous*) tahap keupayaan pelajar di SBP. Oleh itu penyelidik telah memilih salah satu kelas daripada tingkatan tiga yang mempunyai 30 orang pelajar.

Analisis secara mendalam berpandukan KLMP dilakukan bagi membongkar fenomena sebenar tahap LM yang terkandung dalam kandungan naskah laporan kerja kursus KST ini. KLMP digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan KKS. Dapatan analisis laporan kerja kursus KST ini digunakan

untuk menyokong dapatan dari soal selidik dan mengukuhkan lagi jawapan untuk persoalan kajian dua dan ketiga.

Dalam kajian ini, analisis kandungan hanya tertumpu kepada naskah laporan kerja kursus KST pelajar tingkatan tiga sahaja kerana wujudnya ciri-ciri LM yang terkandung di dalam matlamat perlaksanaan kerja kursus ini iaitu:

*Melalui pengkajian ini, kemahiran sejarah seperti mencari, mengumpul, mengelas, menganalisa, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod fakta sejarah dapat dinilai.*

(Malaysia, 2006a)

Hanya laporan kerja kursus KST tahun 2006 yang dipilih kerana mulai tahun 2006, format penghasilan kerja kursus KST berubah menjadi tiga elemen. Di Elemen 1 (pelajar perlu mendokumentasikan fakta sejarah yang telah dikumpul daripada pelbagai sumber), penyelidik dapat melihat pola penggunaan bahan rujukan pelajar. Di Elemen 2 (pelajar perlu melaporkan kajian mengikut aspek: tajuk kajian; senarai kandungan; penghargaan; objektif kajian; hasil kajian; rumusan; lampiran dan rujukan), penyelidik dapat melihat cara pelajar menentukan topik; penulisan objektif kajian; cara pelajar menggunakan kaedah kajian; gaya penulisan dan pelaporan dan gaya penulisan sumber rujukan. Di Elemen 3 (pelajar perlu menulis esei yang mengandungi unsur-unsur patriotisme berdasarkan soalan yang diberi), penyelidik dapat melihat bagaimana pelajar mengembangkan idea-idea baru dalam penulisan esei masing-masing.

### **3.5.1.4 Analisis Dokumen Skima Pemarkahan KST.**

Analisis dokumen dilakukan bagi mengesan sejauhmana isu LM diambilkira dalam penskoran markah KKS pelajar. Skima pemarkahan ini adalah merujuk kepada buku panduan perlaksanaan dan penilaian kerja kursus sejarah kertas 2 (Malaysia, 2006b) (Lampiran F). Analisis juga berpandukan turut berpandukan kepada tahap-tahap LM yang terdapat dalam KLMP. Dapatan analisis skima pemarkahan KST ini turut digunakan untuk menguatkan lagi dapatan dari soal selidik dan analisis laporan kerja kursus KST seterusnya mengukuhkan lagi jawapan untuk persoalan kajian dua dan ketiga.

Sebagai kesimpulan, fasa 1 kajian: mengenalpasti masalah melibatkan peringkat 1 dan 2 SSM. Permasalahan yang timbul akan digambarkan menggunakan gambaran terperinci (*rich picture* (RP)). Melalui RP hubungan antara permasalahan yang timbul termasuk isu, aktor, permasalahannya, proses, hubungan, konflik dan motivasi akan jelas kelihatan. RP dibentuk menggunakan pelbagai simbol dan lakaran-lakaran. Dengan itu permasalahan yang wujud mudah digambar dan semua dapat memahaminya.

### **3.5.2 Fasa 2: Mencadangkan Satu Kaedah Penyelesaian Untuk Mengubah Proses Sedia Ada.**

Fasa 2 kajian mengandungi peringkat 3, 4 dan 5 SSM. Ia melibatkan analisis CATWOE, penghasilan *root definition* (RD), pembentukan dan model konseptual dan perbandingan antara model konseptual dengan permasalahan yang timbul. CATWOE merupakan gabungan perkataan yang mengungkapkan pengertian dan telah diperincikan di bahagian 3.2 (peringkat 3) dalam bab ini.

RD akan dijelmakan kepada model konseptual yang merupakan cadangan aktiviti-aktiviti yang patut dilakukan oleh aktor ketika proses transformasi berlaku. Dalam model konseptual, perkataan kata kerja diguna bagi menerangkan situasi yang berlaku terhadap sistem. Modul tersebut dizahirkan dalam bentuk gambar atau carta alir agar hubungan di antara aktiviti-aktiviti jelas kelihatan. Model konseptual akan dibandingkan dengan dunia nyata. *Rich picture* juga akan digunakan dalam menggambarkan situasi perbandingan ini. Model konseptual ini hanyalah merupakan satu cadangan untuk menyelesaikan situasi yang bermasalah menggunakan kaedah yang lebih tersusun.

Secara ringkasnya fasa 2 kajian melibatkan aktiviti:

- a. Membentuk definisi asas (*root definitions* (RD) berdasarkan analisis CATWOE
- b. Mencadangkan model konseptual/ aktiviti cadangan
- c. Membandingkan aktiviti cadangan cadangan dengan aktiviti semasa.

### **3.5.3 Fasa 3: Melaksanakan perubahan, maklumbalas pengguna dan penilaian**

Dalam fasa 3 kajian pula merupakan gabungan SSM peringkat 6 dan 7. Ia melibatkan perubahan yang diingini dan boleh dicapai serta tindakan untuk menambah baik situasi yang bermasalah. Di peringkat ini, akan terhasil satu sistem aktiviti yang dicadangkan (yang mengandungi proses dan produk) dan perlaksanaannya. Situasi yang telah dikenalpasti untuk penambahbaikan di SSM peringkat 5 boleh digunakan di SSM peringkat 6. Pertimbangan berkaitan nilai, norma, pengalaman, aspek ekonomi perlu diambil kira terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan diambil. Di SSM peringkat 7 pula, perlu

ditentukan terlebih dahulu tentang tindakan yang wajar diambil, siapa yang perlu melaksanakan tindakan, jenis tindakan, di mana, bila dan mengapa ia perlu dilaksanakan.

Merujuk kepada kajian ini, fasa 3 kajian merupakan penjelasan terhadap pembentukan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat MPPKLM bagi menghasilkan KKS yang bercirikan LM. Perbahasan akan berkisar tentang:

- a) pembentukan MPPKLM bagi menghasilkan KKS yang bercirikan LM berdasarkan amalan keperluan LM pelajar dalam penghasilan KKS;
  - b) tatacara penghasilan MPPKLM dan isi kandungannya; dan
  - c) penilaian kesesuaian MPPKLM yang dihasilkan melalui:
    - Borang Penilaian MPPKLM
    - Analisis laporan KKS pelajar yang menggunakan MPPKLM
- a) Pembentukan MPPKLM bagi Menghasilkan KKS yang Bercirikan LM Berdasarkan Keperluan Pelajar.**

Keperluan pelajar dalam membina MPPKLM bagi menghasilkan KKS bercirikan LM dikenalpasti melalui analisis soal selidik (3.5.1.2), analisis laporan KST (3.5.1.3) dan analisis skima pemarkahan KST (3.5.1.4).

**b) Tatacara Pembentukan MPPKLM dan Isi Kandungannya**

Pembangunan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) adalah berdasarkan model literasi maklumat penyelidik (MLMP) hasil gabung jalin antara model LM *The Big Six* (Eisenberg & Berkowitz, 1990a, 1990b, 1996, 2001) dan model

*Empowering 8* (Pemadasa, 2005) yang disesuaikan dengan tahap-tahap LM yang terdapat dalam Kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP). Keperluanpelajar yang telah dikenalpasti (3.5.3.1) dijadikan sebagai panduan membina objektif dan isi kandungan MPPKLM. Disebabkan modul yang dibina ini lebih tertumpu kepada pembelajaran secara kendiri, maka penyelidik telah menggunakan rekabentuk pengajaran Dick & Carey (1990) dalam menghasilkan MPPKLM. Tatacara pembentukan MPPKLM dan isi kandungannya akan diperjelaskan dalam bab 5.

### **c) Penilaian Kesesuaian MPPKLM**

Modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) yang dibangunkan ini merupakan cadangan sistem sebagai penyelesaian kepada permasalahan yang timbul dalam konteks pelaksanaan LM dalam kerja kursus sekolah (KKS) pelajar sekolah berasrama penuh (SBP). Oleh itu modul ini hanya akan dinilai kesesuaianya sahaja dalam mengatasi masalah tersebut. Manakala penilaian keberkesanan modul telah dimasukkan ke dalam cadangan kajian lanjutan dan tidak termasuk dalam skop kajian ini. Penilaian keberkesanan modul adalah menggunakan 2 cara iaitu:

#### **a. Borang Penilaian MPPKLM**

Penyelidik telah mengedarkan borang penilaian MPPKLM (lampiran B) kepada 5 orang guru yang terdiri daripada 3 orang penyelaras PSS dan 2 orang guru subjek sejarah dan berpengalaman mengajar KST. Perincian lanjut dihuraikan di bab 6. Menerusi borang penilaian tersebut, guru-guru diminta mengulas dan memberikan cadangan untuk penambahbaikan modul. Borang penilaian ini mengandungi soalan-soalan berbentuk terbuka. Antara lainnya termasuklah:- a) Kesesuaian dalam setiap unit dalam MPPKLM; b) Adakah MPPKLM boleh membantu pelajar-pelajar melaksanakan kerja kursus KST?

Bagaimakah caranya?; c) Kelebihan, kekurangan, perbezaan dan persamaan MPPKLM dengan panduan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan d) Adakah borang refleksi kendiri (BRK) dapat membantu pelajar melaksanakan tugas KST dan menghasilkan laporan lebih baik? Bagaimakah caranya?

***b. Analisis Laporan KKS Pelajar yang Menggunakan MPPKLM***

Penyelidik telah meminta seorang guru Kajian Sejarah Tempatan (KST) (Guru A) menggunakan MPPKLM sebagai bahan bantu mengajar (BBM) ketika mengendalikan satu kelas KST seramai 30 orang pelajar. Keseluruhan laporan kerja kursus yang telah dihasilkan oleh kumpulan pelajar tersebut dianalisis sehingga mencapai tahap titik ketepuan bagi menentukan sejauhmana kesesuaian MPPKLM dalam menghasilkan KKS yang bercirikan LM.

### **3.6 ANALISIS DATA**

Dalam kajian ini kutipan data kuantitatif adalah menerusi soal selidik manakala kutipan data kualitatif adalah menerusi analisis kandungan laporan KST dan analisis dokumen skima pemarkahan KST. Hasil dapatan data menerusi kaedah campuran secara triangulasi ini dapat menguat dan mengukuhkan data seterusnya dapat memperjelaskan situasi permasalahan yang berlaku. Analisis kualitatif sekali lagi digunakan untuk menilai kesesuaian kepada penyelesaian masalah yang dicadangkan.

### **3.6.1 Data Soal selidik**

Data yang diperolehi menerusi soal selidik dianalisis menggunakan statistik deskriptif. Analisis deskriptif digunakan untuk melihat arah aliran umum taburan data (Creswell, 2008) serta untuk menerangkan atau merumuskan data (Kendrick, 2005). Dalam kajian ini, statistik deskriptif diguna untuk memberikan maklumat tentang taburan data mengenai demografi, cara kebiasaan pelajar dalam menghasilkan KKS dan tingkah laku pelajar berhubung maklumat. Statistik deskriptif digunakan untuk menjawab soalan kajian 2 iaitu: Apakah tahap LM pelajar di sekolah berasrama penuh (SBP) berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS)?; dan soalan kajian 3 iaitu: Apakah keperluan pelajar berdasarkan tahap penghasilan KKS kepada pembentukan satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM)?

Maklumat dipersembahkan dalam bentuk jadual. Data seterusnya dibandingkan dengan KLMP bagi menentukan tahap penguasaan LM pelajar melalui amalan-amalan mereka dalam penghasilan KKS.

Sebanyak 83 naskhah borang soal selidik telah dapat dikumpulkan daripada tingkatan 2 manakala 110 naskhah daripada tingkatan 3 menjadikan kesemuanya 193 naskhah. Soal selidik ini telah dianalisa menggunakan perisian komputer *Statistical Package of Social Science* (SPSS) versi 13.5 untuk windows. Setiap halaman set soal selidik ditandakan nombor siri pada muka hadapan bagi memudahkan proses memasukkan data dan memproses data ke dalam SPSS.

### **3.6.2 Data Analisis Kandungan**

Penganalisaan data analisis kandungan adalah mengikut langkah-langkah yang dinyatakan oleh Gay & Airasian (2003) ketika menganalisis data kualitatif iaitu: 1) membaca dengan tujuan untuk mengenali data dan mengidentifikasi tema-tema yang mungkin ada; 2) menerang iaitu memeriksa data secara mendalam untuk menyediakan penerangan yang terperinci mengenai responden, aktiviti dan persekitaran; 3) mengklasifikasi iaitu mengkategorikan dan mengkod data dan mengumpulkannya mengikut tema; dan 4) menginterpretasi, menganalisis, mengorganisasi data dan membuat kesimpulan. Bagaimanapun langkah-langkah ini tidak perlu dilakukan mengikut jujukan.

Dalam kajian ini, laporan kerja kursus KST dan skima pemarkahan KST dianalisis menggunakan borang analisis kandungan. Contoh transkripsi seperti dalam lampiran C Naskah laporan kerja kursus KST dikod menggunakan kod L1 untuk naskah 1 sehingga L30 untuk naskah 30. Sebanyak 7 tema yang muncul hasil analisis tersebut iaitu 1) kesesuaian topik dengan skop tugas, 2) pembentukan objektif kajian, 3) penggunaan kaedah kajian, 4) sumber-sumber rujukan, 5) gaya penulisan, pelaporan dan persembahan kerja kursus, 6) gaya penulisan sumber rujukan dan 7) penghasilan ese. Tema-tema ini diselaraskan dengan tahap-tahap LM yang terdapat pada KLMP. Hasil analisis kandungan naskah laporan KST dan analisis dokumen skima pemarkahan KST ini digunakan bagi mengukuhkan lagi dapatan soal selidik dalam menjawab soalan kajian 2 dan 3 seterusnya menghasilkan dapatan yang lebih bermakna.

Instrumen-instrumen yang digunakan oleh penyelidik dalam menentukan kesesuaian modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) iaitu borang penilaian

MPPKLM dan laporan KKS 30 orang pelajar yang menggunakan MPPKLM juga dianalisis sebagaimana menganalisis laporan KST dan skima pemarkahan KST. Borang penilaian MPPKLM dikodkan kepada G1 untuk borang 1 hingga G5 untuk borang 5. Tema-tema adalah berpandukan kepada soalan-soalan yang diajukan dalam borang tersebut iaitu 1) kesesuaian unit-unit dalam MPPKLM; 2) MPPKLM membantu pelajar-pelajar melaksanakan KKS; 3) Kelebihan, kekurangan, perbezaan dan persamaan MPPKLM dengan panduan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM); dan 4) kelebihan borang refleksi kendiri (BRK).

Manakala 30 laporan KKS pelajar telah dikodkan LP1 untuk laporan pelajar 1 hingga LP30 untuk laporan pelajar 30 dan analisis dilakukan mengikut tema-tema tahap literasi maklumat yang terkandung dalam MPPKLM iaitu: 1) mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk; 2) menstrategik pencarian; 3) mengesan, memilih dan menilai maklumat; 4) mengurus maklumat; 5) menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika; 6) mempersebahkan maklumat secara beretika; 7) membuat penilaian produk dan proses dan 8) menghasilkan ide-idea baru. Keseluruhan borang penilaian MPPKLM dan laporan kerja kursus tersebut dianalisis sehingga mencapai tahap titik ketepuan bagi menentukan sejahmana kesesuaian MPPKLM dalam menghasilkan KKS yang bercirikan LM, seterusnya menjawab soalan kajian 4 iaitu: Sejauhmanakah kesesuaian MPPKLM dalam membantu menghasilkan KKS bercirikan LM?

### **3.7 KESAHIHAN DATA**

Kaedah triangulasi yang digunakan dalam kajian ini dapat membina kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi kepada hasil kajian yang dijalankan (Chua 2006). Kombinasi antara kaedah kuantitatif dan kualitatif ini digunakan bagi mengkaji fenomena yang sama (tahap LM) di mana data yang diperolehi (analisis soal selidik, analisis kandungan laporan kerja kursus KST dan analisis dokumen skima pemarkahan KST) dapat menambah kekuatan dan menyokong dapatan satu sama lain (Creswell 2008; Plano & Creswell 2010) seterusnya mendapatkan kefahaman yang mendalam tentang masalah yang wujud berkaitan perlaksanaan LM di dalam penghasilan KKS (Chua 2006; Creswell 2008). Data dianalisis secara berasingan dan keputusannya dibandingkan dan interpretasi analisis dibuat bagi memastikan dapatan tersebut menyokong atau bertentangan antara satu sama lain. Teknik triangulasi ini berguna untuk mendapatkan pemahaman yang holistik mengenai permasalahan kajian dan ke arah mendapatkan pengesahan terhadap penjelasan yang munasabah mengenai masalah yang wujud berkaitan perlaksanaan LM dalam penghasilan KKS (Flick 1992). Menurut Lincoln & Gubba (1985), kreditibiliti sesuatu penyelidikan dapat dipertingkatkan dengan memberikan penerangan dan penjelasan yang kukuh serta keaslian kajian.

#### **3.7. 1 Kesahan Terjemahan Piawaian LM AASL(1998) dan ANZILL (2004)**

Bagi memastikan kesahan terjemahan yang dilakukan oleh penyelidik terhadap kedua-dua piawaian LM antara bangsa yang digunakan dalam kajian ini iaitu piawaian LM (1998) dan piawaian ANZIIL (2004), penyelidik telah meminta oleh seorang pakar bahasa yang berkelulusan ijazah dan sarjana dalam bidang pendidikan TESL yang terlibat sepenuhnya

dalam pengajaran dan pemeriksa kertas subjek Bahasa Inggeris di sekolah melebihi 9 tahun untuk menyemak dan mengesahkannya (Lampiran I). Maklum balas yang diberi adalah wajar dan telah diberi perhatian dalam pengubahsuaian terjemahan.

### **3.7.2 Kesahan Kandungan Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP)**

Kandungan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) juga turut melalui proses pengesahan yang sama. Seorang penyelidik yang mempunyai kepakaran dan telah menerbitkan 10 artikel serta telah menghasilkan tesis kedoktoran dalam bidang LM (Lampiran J) telah dipilih untuk menyemak kandungan KLMP ini. Pengubahsuaian kandungan telah dibuat mengikut apa yang disarankan oleh pakar-pakar berkenaan. Hasil daripada maklum balas yang diterima dijelaskan pada Jadual 3.6.

**Jadual 3.6: Maklum Balas Semakan Kandungan KLMP**

Kesalahan	Pembetulan
<b>LM Tahap 1</b> ....dapat menskopkan keperluan tersebut. <b>Ciri-ciri LM</b> .... faham, jelas dan minat terhadap ....	<b>LM Tahap 1</b> ....dapat menjurus kepada keperluan tersebut. <b>Ciri-ciri LM</b> .... faham, dan minat terhadap.....
<b>LM Tahap 3</b> .... secara kritikal dan kompiten. <b>Ciri-ciri LM</b> .... boleh menilai maklumat yang diperolehi sama ada maklumat berguna... .... menyemak strategi pencarian ....	<b>LM Tahap 3</b> .... secara kritikal dan cekap. <b>Ciri-ciri LM</b> .... boleh menilai sama ada maklumat yang diperolehi berguna.... ..... menyemak semula strategi pencarian ....
<b>LM Tahap 4</b> <b>Ciri-ciri LM</b>	<b>LM Tahap 4</b> <b>Ciri-ciri LM</b>

.... merekodkan maklumat tersebut berserta.... Mereka membuat penyusunan, pengklasan dan penyimpanan maklumat.	.... merekodkan maklumat berserta..... Mereka menyusun, mengklas dan menyimpan maklumat.
<b>LM Tahap 5</b> ....seterusnya menjadi ilmu pengetahuan baru.	<b>LM Tahap 5</b> ....seterusnya menjadikannya ilmu pengetahuan baru.
<b>LM Tahap 6</b> <b>Ciri-ciri LM</b> Mereka boleh membuat..... Mereka boleh memaparkan .... Mereka akan menghindari .... Mereka akan mengakses.....	<b>LM Tahap 6</b> <b>Ciri-ciri LM</b> Mereka membuat..... Mereka memaparkan .... Mereka menghindari .... Mereka mengakses.....


### **3.8 PROSEDUR KAJIAN.**

Sebelum memulakan kajian, penyelidik telah menghubungi pihak sekolah terlebih dahulu untuk memohon kebenaran bagi menjalankan kajian. Kemudian penyelidik telah meminta kebenaran daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD). Apabila pihak EPRD telah mengeluarkan surat kebenaran menjalankan kajian (Lampiran K), penyelidik kemudian telah memohon kebenaran daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dengan membawa surat kelulusan daripada EPRD. Setelah surat kebenaran diperolehi (Lampiran L), barulah penyelidik turun ke lokasi kajian untuk memulakan kajian tinjauan menggunakan soal selidik bagi mengenalpasti masalah pelaksanaan LM dalam penghasilan KKS pelajar. Tiga puluh naskhah laporan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) pelajar yang dipilih secara bertujuan (*purposive*) untuk dianalisa daripada sebuah kelas tingkatan 3 dan skima pemarkahan KST dianalisis bagi mengukuh dan menghasilkan dapatan yang lebih bermakna.

Penyelidik telah membangunkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) berdasarkan piawaian LM AASL (1998) dan ANZIL (2004) untuk digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar ketika menganalisis soal selidik, laporan KST, skima pemarkahan KST dan ketika membentuk MPPKLM.

### **3.9 RUMUSAN**

Pendekatan SSM telah digunakan dalam kajian ini bagi membantu mengenalpasti permasalah yang timbul seterusnya mencadangkan cara penyelesaian masalah secara terbimbing. Melalui SSM permasalahan yang timbul berkaitan tahap LM pelajar dan cadangan penyelesaian masalah dapat dinyatakan secara bersistem. Fasa 1 kajian: mengenalpasti masalah melibatkan peringkat 1 dan 2 SSM. Fasa 2 kajian: mencadangkan satu kaedah penyelesaian untuk mengubah proses sedia ada melibatkan peringkat 3, 4 dan 5 SSM. Manakala fasa 3 kajian: melaksanakan perubahan, maklumbalas pengguna dan penilaian melibatkan peringkat 6 dan 7 SSM. Rajah 3.2 menunjukkan model kerangka kajian yang digunakan dalam kajian ini.



**Rajah 3.2: Model Kerangka Kajian Perlaksanaan LM dalam KKS**

## **BAB 4**

### **FASA 1 KAJIAN: PERNYATAAN MASALAH**

#### **4.1 PENGENALAN**

Bab 4 ini akan membincangkan tentang fasa 1 dalam penyelidikan ini iaitu pernyataan masalah. Fasa 1 ini merupakan peringkat 1 dan 2 SSM iaitu mengenali situasi yang dianggap bermasalah dan situasi bermasalah disuarakan. Pernyataan masalah ini terhasil daripada: 1) hasil analisis dokumen piawaian-piawaian literasi maklumat antarabangsa (4.2); 2) hasil analisis borang soal selidik (4.3); 3) hasil analisis 30 naskah laporan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) tingkatan 3 (4.4); dan 4) analisis skima pemarkahan KST (4.5). Fasa ini turut membincangkan tentang keperluan dan pembentukan Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP). Permasalah yang telah dikenalpasti seterusnya digambarkan menerusi RP (*rich picture*).

#### **4.2 PERMASALAHAN YANG DIKENALPASTI DARIPADA SOROTAN LITERATUR**

Sebagaimana yang dinyatakan dalam permasalahan kajian di bab 1, walaupun pelaksanaan LM secara menyeluruh di sekolah-sekolah telah bermula pada tahun 2004 melalui pekeliling KP(BTP-PSP)8810/11/1(03) bertarikh 06 Julai 2004 (Malaysia, 2004), namun kajian terbaharu masih mendapati bahawa pelajar masih tidak dapat menguasai kemahiran maklumat dengan baik (Nor Hashimah, 2007) . Malah hasil kerja kursus sekolah (KKS) pelajar juga kurang mempamerkan ciri-ciri LM (Abrizah, 2008). Masalah utama berkaitan

isu pelaksanaan literasi maklumat (LM) ini adalah kerana ketiadaan piawaian literasi maklumat kebangsaan (Yaacob & Samsuri, 2003; Edzan & Mohd Sharif, 2005) hingga menyebabkan isu LM disebut dan panduan dikeluarkan tanpa fahaman LM yang sebenar (Malaysia, 2002).

Kandungan buku garis panduan berkaitan perlaksanaan Program Kemahiran Maklumat yang dibekalkan kepada GPM (Malaysia, 2002) hanya membincangkan tentang skop kemahiran LM yang lebih luas seperti:

- e) Kemahiran perpustakaan yang meliputi antara lainnya lokasi bahan, sistem katalog, susunan bahan perpustakaan, memahami bahagian buku, glosari, indeks dan lain-lain, cara menggunakan bahan rujukan dan cara membuat nota kaki dan bibliografi;
- f) Kemahiran belajar iaitu meliputi kemahiran berfikir, membaca, mendengar, melihat, mencatat nota, mengorganisasi dan menyampaikan maklumat dan membuat kesimpulan dan rumusan;
- g) Kemahiran komunikasi iaitu meliputi kemahiran bertanya, menemuramah, memberi pendapat, berbahas, memberi ucapan, menyampaikan laporan; dan
- h) Kemahiran hidup yang melibatkan kecekapan mengurus masa, mengurus diri, berinteraksi dan etika dan pembelajaran sepanjang hayat.

Buku panduan tersebut tidak mencakupi keseluruhan elemen LM yang sebenar sebagaimana yang ditekankan oleh *American Association of School Librarian* (AASL, 1998) iaitu:-

- h) tahu maklumat apa yang diperlukan;
- i) tahu, cekap dan effisien dalam mengakses maklumat;
- j) tahu menilai maklumat, bersifat kritikal;
- k) boleh belajar secara sendiri/berdikari;
- l) tahu menganalisa maklumat;
- m) tahu pentingnya membuat petikan dan rujukan; dan

- n) memahami isu-isu semasa, memahami penggunaan etika maklumat dan undang-undang berkaitan.

Ditambah lagi dengan faktor kurangnya latihan yang diterima oleh guru pusat sumber sekolah/ guru perpustakaan dan media (GPM) berkaitan LM (Abrizah & Diljit, 2000; Yaacob & Samsuri, 2003; Yusof, 2006; Nor Hashimah, 2007; Tan & Diljit, 2008) telah menyebabkan kurangnya program-program LM dijalankan di Pusat Sumber Sekolah (PSS) (Yaacob & Samsuri, 2003; Tan & Diljit, 2008). Sebagaimana kajian yang dilakukan oleh Tan & Diljit (2008) terhadap guru-guru perpustakaan di kawasan Hulu Langat, Selangor telah mendapati bahawa 61.9% daripada responden tidak melaksanakan program LM di sekolah masing-masing. Begitu juga dapatan kajian Yaacob & Samsuri (2003) menunjukkan bahawa penguasaan LM pelajar rendah antara lain disebabkan oleh kurangnya program-program kemahiran maklumat yang dijalankan di Pusat Sumber Sekolah (PSS)

Walaupun telah ada usaha ke arah pembinaan piawaian LM kebangsaan, namun ia didasari oleh kumpulan-kumpulan tertentu. Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Sarawak (PPMKSAR) misalnya mulai 2006 lagi telah berusaha untuk menghasilkan piawaian LM untuk seluruh perpustakaan di Sarawak termasuk perpustakaan akademik, perpustakaan sekolah dan perpustakaan awam (Siti, Imilia & Huzaimah, 2008), namun ia hanya terhad di Sarawak dan masih berbentuk kerangka. Begitu juga pengkaji-pengkaji LM seperti Edzan & Mohd Sharif (2005) telah mencadangkan satu agenda LM kebangsaan berpandukan piawaian-piawaian LM antara bangsa yang bersesuaian. Sedangkan piawaian LM kebangsaan ini perlu sebagai alat untuk mempiawaikan program-program LM di Malaysia (Yushiana, 2003; Mohd Sharif, Nor Edzan & Zainab, 2005).

Berkaitan model-model LM, selain model *The Big 6 Skill* (Eisenberg & Berkowitz, 1990b, 2001) model-model LM yang lain masih kurang popular dalam kajian-kajian di peringkat sekolah menengah. Dalam buku panduan pengurusan guru penyelaras PSS (Malaysia, 2007) misalnya, salah satu model LM yang dirujuk ialah model *The Big 6 Skill* (Eisenberg & Berkowitz, 1990a, 1990b, 2001). Begitu juga menerusi Projek Semarak PSS (Faizal & Nor Azian, 2006; Faizal at.al, 2006; Faizal, 2006a; Faizal 2006b) dan bengkel pendedahan LM di Pusat Sumber Pendidikan Negeri Pulau Pinang (Norhayati, Nor Azilah & Mona, 2006a, 2006b), turut berfokus kepada pendekatan modul LM *The Big Six*, *Eisenberg & Berkowitz* (1990b, 2001).

Walaupun model *The Big Six skill* , *Eisenberg & Berkowitz* (1990b, 2001) merupakan model LM yang popular digunakan dalam kajian-kajian di peringkat sekolah menengah (Norhayati, Nor Azilah & Mona, 2006a, 2006b; Faizal & Nor Azian, 2006; Faizal at.al, 2006; Faizal, 2006a; Faizal 2006b) namun konsep yang dibawa oleh model LM ini masih kurang jelas dan perlu ada contoh kaedah perlaksanaannya di dalam bilik darjah (Norhayati, Nor Azilah & Mona, 2006b).

Penyelidik juga masih belum menemui modul panduan pembelajaran LM yang boleh digunakan sebagai panduan menghasilkan KKS yang bercirikan LM terutama di peringkat sekolah menengah di Malaysia. Penyelidik hanya menemui Projek Semarak PSS yang diilhamkan oleh Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) Kedah dengan kerjasama Institut Pendidikan Darul Aman (IPDA). Namun projek ini merupakan modul pengajaran LM merentas kurikulum melibatkan kolaborasi antara GPM dengan guru mata pelajaran yang menekankan kepada pengajaran berdasarkan sumber.

Oleh itu, daripada tinjauan literatur ini, permasalahan-permasalahan yang dapat dikenalpasti antara lainnya ialah:

- a) bidang LM di Malaysia masih baharu diperbahaskan;
- b) belum wujud piawaian LM di Malaysia (Yaacob & Samsuri, 2003; Edzan & Mohd Sharif, 2005);
- c) isu LM disebut dan panduan dikeluarkan tanpa fahaman yang betul (Malaysia, 2002);
- d) Guru Perpustakaan dan Media (GPM) kurang mendapat latihan berkaitan LM (Abrizah & Diljit, 2000; Yaacob & Samsuri, 2003; Yusof, 2006; Nor Hashimah, 2007; Tan & Diljit, 2008);
- e) Hanya model LM *The Big 6 Skill* oleh Eisenberg & Borkowitz (1990) yang popular digunakan dalam kajian-kajian di peringkat sekolah menengah di Malaysia (Norhayati, Nor Azilah & Mona, 2006a, 2006b; Faizal & Nor Azian, 2006; Faizal at.al, 2006; Faizal, 2006a; Faizal 2006b);
- f) Konsep model LM *The Big 6 Skill* oleh Eisenberg & Borkowitz (1990) masih kurang difahami (Norhayati, Nor Azilah & Mona, 2006b) menyebabkan timbul masalah perlaksanaan LM; dan
- g) Belum wujud modul panduan pembelajaran LM yang boleh digunakan sebagai panduan menghasilkan KKS yang bercirikan LM terutama di peringkat sekolah menengah di Malaysia

#### **4.2.1 Pembangunan Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP)**

Bagi memenuhi objektif pertama kajian iaitu membangunkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar berdasarkan piawaian-piawaian LM antarabangsa, penyelidik telah membuat sorotan literatur berkaitan piawaian-piawaian LM antarabangsa. KLMP ini akan digunakan ketika:

- 1) menganalisis soal selidik, naskah laporan KST dan skima pemarkahan KST, dan 2) membangunkan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM).

Daripada sorotan literatur yang dilakukan, kebanyakan piawaian LM dibentuk berdasarkan perilaku-perilaku LM yang dikehendaki oleh sesebuah negara (Siti, Imilia & Huzaimah, 2008) dan kebanyakan perilaku LM ini walaupun diungkapkan menggunakan istilah dan perkataan yang berbeza, namun ia tetap menyamai satu sama lain. Kebanyakannya bersandarkan kepada definisi LM yang dikemukakan oleh ALA (1989) iaitu meliputi 6 aspek di bawah:

- 1) Sedar akan keperluan maklumat;
- 2) Mencari maklumat secara efektif, kreatif dan efisien;
- 3) Menilai kerelevanan, keesahan dan kekinian maklumat;
- 4) Mengurus maklumat yang telah diperolehi;
- 5) Mengguna dan mempersebahkan maklumat secara beretika; dan
- 6) Mengaplikasikan maklumat menjadi ilmu pengetahuan yang baru

Oleh itu, penyelidik juga telah memperincikan KLMP dengan merujuk kepada enam aspek tersebut dan berpandukan kepada piawaian LM AASL (1998) (Lampiran E) serta piawaian LM ANZIIL (2004) (Lampiran D). Piawaian AASL dan ANZIIL juga turut rujuk oleh Mokhtar, Majid & Foo (2008b) ketika menggubal satu cadangan program LM untuk peringkat sekolah rendah dan menengah di Singapore. Perincian piawaian LM AASL adalah seperti Jadual 4.1 dan ANZIIL (2004) adalah seperti di Jadual 3.2 lepas.

**Jadual 4.1: Perincian Piawaian LM AASL (1998)**

Bil	Piawaian LM	Huraian
1	Pelajar yang celik maklumat mengakses maklumat secara cekap dan berkesan..	<ul style="list-style-type: none"> <li>a. Menyedari keperluan maklumat:</li> <li>b. Menyedari maklumat yang tepat dan menyeluruh adalah asas untuk membuat keputusan yang cerdik.</li> <li>c. Membentuk soalan-soalan berdasarkan keperluan maklumat</li> <li>d. Mengenalpasti kepelbagai sumber maklumat yang</li> </ul>

		<p>berpotensi.</p> <p>e. Memperkembangkan &amp; menggunakan strategi-strategi yang baik dapat mengesan maklumat.</p>
2	Pelajar yang celik maklumat menilai maklumat secara kritikal dan kompeten.	<p>a. Menentukan ketepatan, kerelevan dan keseluruhan.</p> <p>b. Membezakan antara fakta, pandangan dan pendapat.</p> <p>c. Mengenalpasti maklumat yang tidak tepat dan yang mengelirukan.</p> <p>d. Memilih maklumat bersesuaian bagi masalah atau persoalan yang timbul.</p>
3	Pelajar yang celik maklumat menggunakan maklumat secara tepat dan kreatif.	<p>a. Menyusun maklumat untuk penggunaan yang praktikal</p> <p>b. Menyepadukan maklumat baru ke dalam pengetahuan persendirian</p> <p>c. Menggunakan maklumat dalam pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah.</p> <p>d. Menghasilkan dan membentangkan maklumat dan idea dalam format yang bersesuaian</p>
4	Pelajar yang belajar secara berdikari adalah celik maklumat dan mencari maklumat yang berkaitan dengan minat peribadi	<p>a. Mencari maklumat yang berkaitan dengan pelbagai dimensi kesejahteraan peribadi seperti minat kerjaya, penglibatan dengan komuniti, kesihatan dan rekreasi.</p> <p>b. Merekabentuk, membangun dan menilai produk dan penyelesaian yang berkaitan dengan minat peribadi</p>
5	Pelajar yang belajar secara berdikari adalah celik maklumat dan menghargai sastera dan lain-lain bentuk maklumat yang dihasilkan secara kreatif.	<p>a. Seorang pembaca yang kompeten dan bermotivasi kendiri.</p> <p>b. Memperolehi maksud daripada maklumat yang dipersembahkan secara kreatif dalam pelbagai format.</p> <p>c. Membangunkan produk kreatif dalam pelbagai format</p>
6	Pelajar yang belajar secara berdikari adalah celik maklumat dan berusaha ke arah kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan penghasilan pengetahuan.	<p>a. Menilai kualiti proses dan produk dalam pencarian maklumat peribadi.</p> <p>b. Membina strategi untuk menyemak, memperbaiki dan mengemaskini pengetahuan yang dihasilkan sendiri.</p>
7	Pelajar yang menyumbang secara positif kepada pembelajaran komuniti dan masyarakat adalah celik maklumat dan sedar tentang kepentingan maklumat kepada masyarakat demokratik.	<p>a. Mencari maklumat daripada pelbagai sumber, konteks, bidang dan budaya.</p> <p>b. Menghormati prinsip akses yang sama rata kepada maklumat.</p>
8	Pelajar yang menyumbang secara	<p>a. Menghormati prinsip-prinsip kebebasan intelek</p> <p>b. Menghormati hak harta intelek.</p>

	positif kepada pembelajaran komuniti dan masyarakat adalah celik maklumat dan mengamalkan tingkah laku beretika terhadap maklumat dan teknologi maklumat	c. Menggunakan teknologi maklumat secara bertanggungjawab.
9	Pelajar yang menyumbang secara positif kepada pembelajaran komuniti dan masyarakat adalah celik maklumat dan mengambil bahagian secara efektif dalam kumpulan untuk mencari dan menjana maklumat.	a. Berkongsi pengetahuan dan maklumat dengan orang lain b. Menghormati idea dan latar belakang orang lain serta mengiktiraf sumbangan mereka. c. Bekerjasama dengan orang lain sama ada secara peribadi atau melalui teknologi untuk mengenalpasti permasalahan maklumat dan mencari penyelesaiannya. d. Bekerjasama dengan orang lain sama ada secara peribadi atau melalui teknologi untuk merekabentuk, membangun, dan menilai produk serta penyelesaian maklumat.

Oleh itu, KLMP yang diringkaskan oleh penyelidik adalah seperti Jadual 4.2. Kerangka ini mengambil kira situasi yang dikaji iaitu penghasilan laporan KST di sekolah berasrama penuh (SBP).

#### **Jadual 4.2: Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP).**

Tahap LM (LM)	Ciri-Ciri LM (LM)
<b>LM Tahap 1:</b> Orang yang celik maklumat menyedari keadaan yang memerlukan maklumat dan dapat menjurus kepada keperluan tersebut.	i. Mereka faham dan minat terhadap keperluan maklumat;  ii. Mereka faham tentang tujuan, kepentingan dan skop keperluan maklumat;  iii. Mereka dapat menentukan bentuk dan batasan/had sesuatu maklumat yang diperlukan dan  iv. Mereka mempunyai kaedah yang sesuai untuk mencari maklumat.
<b>LM Tahap 2:</b> Orang yang celik maklumat akan mengakses maklumat	i. Mereka membina dan melaksanakan strategi pencarian yang efektif;  ii. Mereka berusaha mencapai kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan

yang diperlukan secara efektif dan efisiyen.	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Mereka sentiasa menggunakan pelbagai sumber maklumat, teknologi maklumat dan perkakasan (peranti) untuk mengakses maklumat.</li> </ul>
<p><b>LM Tahap 3:</b> Orang yang celik maklumat dapat menilai maklumat dan proses pencarian maklumat secara kritikal dan cekap.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka dapat menentukan keaslian maklumat;</li> <li>ii. Mereka boleh menilai sama ada maklumat yang diperolehi berguna, relevan dan sah;</li> <li>iii. Mereka mempunyai kriteria tersendiri untuk menilai maklumat dan</li> <li>iv. Mereka bertindak balas dan menyemak semula strategi pencarian sekiranya perlu.</li> </ul>
<p><b>LM Tahap 4:</b> Orang yang celik maklumat akan mengurus maklumat yang telah dikumpul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka merekodkan maklumat berserta sumbernya;</li> <li>ii. Mereka menyusun, mengklas dan menyimpan maklumat.</li> <li>iii. Mereka mudah untuk mendapat kembali maklumat.</li> </ul>
<p><b>LM Tahap 5:</b> Orang yang celik maklumat akan menganalisa, mengolah dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep-konsep dan pemahaman baru seterusnya menjadikannya ilmu pengetahuan baru.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka menggunakan maklumat secara efektif dan kreatif;</li> <li>ii. Mereka mengulas (termasuk mengkritik) pengetahuan dan pemahaman yang baru itu secara efektif;</li> <li>iii. Mereka menggabung jalin dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep dan pemahaman baru;</li> <li>iv. Mereka menghargai dan meminati jenis-jenis kesusastraan lain;</li> <li>v. Mereka menyedari kepentingan maklumat dalam masyarakat demokratik;</li> <li>vi. Mereka bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengenalpasti permasalahan maklumat dan mencari penyelesaiannya dan</li> <li>vii. Mereka mengambil bahagian yang efektif dalam ses sebuah kumpulan untuk tujuan mencari dan menjana maklumat.</li> </ul>
<p><b>LM Tahap 6:</b> Orang yang celik maklumat mengamalkan tingkah laku yang beretika terhadap maklumat dan teknologi maklumat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka membuat rujukan kepada bahan-bahan maklumat yang diguna;</li> <li>ii. Mereka memaparkan kenyataan rujukan dalam teks laporan;</li> <li>iii. Mereka menghindari amalan plagiat serta peniruan dan</li> <li>iv. Mereka mengakses, memperolehi, menyimpan dan menyebarkan serta menggunakan maklumat berupa teks, data, imej dan bunyi secara sah.</li> </ul>

### **4.3. PERMASALAHAN DARIPADA ANALISIS SOAL SELIDIK**

Tujuan dijalankan soal selidik adalah untuk mengenalpasti tahap LM pelajar-pelajar di sekolah menengah berasrama penuh (SBP). Sebanyak 200 set soal selidik telah diedar kepada seluruh pelajar tingkatan 2 dan 3 di sekolah kajian. Hanya 193 set soal selidik telah diterima dan dianalisa. Menerusi soal selidik ini, perilaku LM pelajar akan ditentukan berdasarkan berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS). Beberapa keperluan pelajar berdasarkan amalan LM dalam penghasilan KKS dikenalpasti bagi pembentukan satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM).

#### **4.3.1. Pemilikan Komputer dan Penggunaan Internet**

Daripada 193 pelajar yang menjawab soal selidik ini, 43% adalah terdiri daripada pelajar tingkatan 2 manakala 57% yang lain terdiri daripada pelajar tingkatan 3. Daripada jumlah keseluruhan, 46.6% (90 orang) terdiri daripada pelajar lelaki manakala bakinya pelajar perempuan. Jumlah pelajar lelaki yang memiliki komputer di rumah adalah sebanyak 85 orang (94.4%). Manakala pelajar perempuan pula adalah seramai 86 orang (83.4 %). Data menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pelajar mempunyai komputer di rumah (88.6%).

Daripada 88.6 % (171) pelajar yang memiliki komputer itu, rata-ratanya pernah menggunakan Internet (89.4%). Hanya 10.6% (18) sahaja yang memiliki komputer di rumah tetapi tidak pernah menggunakan Internet. Manakala daripada 22 orang pelajar yang tidak memiliki komputer, 15 orang (68.1%) daripadanya pernah menggunakan Internet.

Pemilikan komputer dan penggunaan Internet sangat berkait rapat dengan keupayaan melaksanakan aktiviti bercirikan LM di mana komputer akan membantu individu mengenalpasti keperluan, memberi arahan atau pengajaran yang sesuai mengikut peringkat masing-masing, memantau dan melaporkan kemajuan, menjadi alat untuk menganalisis data, menulis laporan dan melayari internet untuk mendapatkan maklumat bagi meningkatkan pengetahuan (Tengku Mohd Azzman, 1997). Responden kajian ini sejumlah besarnya telah menggunakan Internet dan diandaikan boleh mengakses maklumat di Internet. Jadual 4.3, Jadual 4.4 dan Jadual 4.5 menunjukkan taburan pelajar berdasarkan tingkatan dan jantina dan pemilikan komputer di rumah dan penggunaan Internet.

**Jadual 4.3: Taburan Pelajar Mengikut Jantina dan Tingkatan (n=193)**

Tingkatan	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	f	%	f	%	f	%
Dua	40	44.4	43	41.7	83	43.0
Tiga	50	55.6	60	58.3	110	57.0
Jumlah	90	100	103	100	193	100

f = frekuensi

**Jadual 4.4: Pemilikan Komputer di Rumah Berdasarkan Jantina (n=193)**

Pemilikan Komputer	Lelaki		Perempuan		Jumlah	
	f	%	f	%	f	%
Ada	85	94.4	86	83.4	171	88.6
Tiada	5	0.6	17	16.6	22	11.4
Jumlah	90	100	103	100	193	100

f = frekuensi

**Jadual 4.5: Penggunaan Internet Berdasarkan Pemilikan Komputer (n=193)**

Penggunaan Internet	Ada Komputer		Tiada Komputer	
	f	%	F	%
Pernah	153	89.4	15	68.1
Tak Pernah	18	10.6	7	31.9
Jumlah	171	100	22	100

f = frekuensi

#### **4.3.2. Amalan-Amalan Pelajar dalam Menghasilkan KKS**

Amalan-amalan pelajar dalam menghasilkan KKS meliputi cara menentukan topik kajian, persediaan sebelum memulakan kajian, tempat mencari maklumat dan membuat rujukan, cara-cara pengumpulan maklumat, cara-cara menghasilkan kajian, cara penulisan petikan, cara penulisan rujukan/bibliografi dan kriteria penilaian pelajar ke atas KKS

##### **a) Cara Menentukan Topik Kajian.**

Jadual 4.6 menunjukkan bahawa dalam menentukan sesuatu topik kajian, ramai pelajar telah memilih topik kajian berdasarkan minat (166, 86%) dan memilih topik yang telah diketahui (140, 72.5%). Cara pelajar menentukan topik kajian menunjukkan bahawa pelajar boleh membuat keputusan dalam menentukan topik kajian yang akan dijalankan. Ada pelajar yang mengambil jalan mudah dengan memilih topik yang pernah ditulis oleh abang/kakak (37, 19.2%) dan memilih topik yang dipilih oleh rakan-rakan (30, 15.5%) atau

yang dicadangkan oleh ibubapa. Kriteria lain yang digunakan oleh pelajar seperti memilih topik berdasarkan topik yang lebih mencabar, topik yang mudah dihirau, topik yang memberi faedah, topik yang mudah dan mempunyai banyak sumber rujukan, juga jelas menunjukkan bahawa pelajar tahu untuk menentukan skop topik yang menjadi pilihannya. Maklumbalas ini membayangkan bahawa pelajar telah menunjukkan perilaku orang yang berkemahiran maklumat asas iaitu boleh membuat pemilihan topik dalam jangka masa yang ditentukan.

**Jadual 4.6: Kriteria Pemilihan Topik Kajian**

Perkara	Kekerapan	Peratus
Memilih topik berdasarkan minat	166	86.0
Memilih topik yang telah diketahui	140	72.5
Memilih topik yang diberikan oleh guru	138	71.5
Memilih topik semasa	127	65.8
Memilih topik yang pernah ditulis oleh abang/kakak	37	19.2
Memilih topik yang dipilih oleh rakan-rakan	30	15.5
Memilih topik yang dicadangkan oleh ibubapa	30	15.5
Lain-lain pemilihan:		
a) topik yang lebih mencabar	1	0.5
b) topik yang mudah dihirau	1	0.5
c) topik yang memberi faedah	1	0.5
d) topik yang mudah dan banyak sumber rujukan	1	0.5

***b) Persediaan Sebelum Memulakan Kajian.***

Antara aktiviti kebiasaan pelajar sebelum memulakan kajian termasuk menyenaraikan keperluan, membina soalan-soalan, membuat rangka kajian, membuat pembacaan umum,

dan meneliti topik-topik yang sama untuk dinotakan. Jadual 4.7 menunjukkan sebilangan besar pelajar telah memilih untuk menyenaraikan keperluan sebagai pilihan pertama (83, 43%) atau telah memilih membuat rangka kajian sebagai pilihan pertama (47, 24.3%). Hanya sebilangan kecil sahaja memilih untuk membuat pembacaan umum sebagai pilihan pertama (25, 12.9%). Tidak ramai pelajar yang memilih untuk membina soalan sebagai pilihan pertama, kedua dan ketiga. Malah sebanyak 54.9% (106) tidak memilih untuk membina soalan sebagai persediaannya sebelum memulakan kajian. Hasil ini menampakkan bahawa pelajar telah menunjukkan perilaku boleh membentuk strategi. Strategi yang diambil ialah menyenaraikan langkah-langkah dan bahan yang diperlukan. Perilaku ini selaras dengan perilaku tahap pertama seseorang yang LM iaitu boleh membuat keputusan menentukan topik dan merangka strategi untuk memulakan pencarian maklumat

**Jadual 4.7: Taburan Strategi Pelajar Sebelum Memulakan Kajian (n=193)**

Strategi	Pilihan 1		Pilihan 2		Pilihan 3		Tidak Memilih	
	f	%	f	%	f	%	F	%
Menyenaraikan keperluan	83	43.0	50	25.9	17	8.8	18	9.3
Rangka kajian	47	24.3	42	21.7	45	23.3	22	11.3
Membuat pembacaan umum	25	12.9	50	25.9	50	25.9	15	7.7
Membina soalan	9	4.6	21	10.8	33	17.0	106	54.9
Lain-Lain:								
a) berbincang dengan guru	1	0.5	0	100	0	100	192	99.4
b) mencari bahan rujukan	1	0.5	0	100	0	100	192	99.4
c) melayari internet	1	0.5	0	100	0	100	192	99.4

f = frekuensi

**d) Lokasi Pencarian Maklumat dan Membuat Rujukan**

Dalam kajian ini pelajar lebih cenderung untuk mencari maklumat di Pusat Sumber Sekolah (PSS) dan mencari maklumat di Internet berbanding di Perpustakaan Awam seperti jadual 4.8. Hasil ini dapat dijangka kerana mereka tinggal di sekolah yang berasrama. PSS merupakan lokasi yang menjadi tumpuan utama kepada pelajar-pelajar untuk mencari maklumat. Walaupun tumpuan pelajar-pelajar ini lebih kepada PPS namun dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar memperlihatkan perilaku yang boleh menstrategik pencarian dengan mencari maklumat-maklumat yang diperlukan seperti mencari bahan di PSS (88%), melayari Internet (84.5%), dan menggunakan pelbagai sumber lain seperti melawat Perpustakaan Awam (39.8%) atau tempat-tempat lain seperti Arkib Negara (5.1%), kedai buku (4.1%) , rumah kawan (2.6%) dan Majlis Perbandaran (0.5%).

**Jadual 4.8: Lokasi Pencarian Maklumat dan Membuat Rujukan (n=193)**

Tempat Mencari Maklumat	Kekerapan	Peratus
Pusat Sumber Sekolah	170	88.0
Melayari Internet	163	84.5
Perpustakaan Awam	77	39.8
Lain-lain:		
Arkib Negara	10	5.1
Kedai buku	8	4.1
Rumah kawan	5	2.6
Majlis Perbandaran	1	0.5

**d) Jenis bahan yang dirujuk dalam Mengumpul Maklumat.**

Jadual 4.9 menunjukkan walaupun pelajar-pelajar telah menggunakan pelbagai sumber maklumat dalam kajian mereka namun tumpuan adalah lebih kepada mencari maklumat melalui buku (97.4%). Hanya 2.6% (5) pelajar sahaja yang tidak memilih cara ini. Di antara masalah-masalah yang dikemukakan oleh pelajar ketika mengumpul maklumat adalah berkaitan sumber maklumat yang tidak mencukupi di PSS seperti:-

- a) Bahan rujukan tidak mencukupi di PSS.
- b) Kesukaran mencari bahan,
- c) Kurang maklumat/maklumat tidak mencukupi,
- d) Tiada perkhidmatan Internet di sekolah,
- e) Tiada perkhidmatan Internet di rumah,
- f) Tidak mahir menggunakan Internet,
- g) Tidak memahami kehendak tugasan,
- h) Tidak tahu cara mencari bahan,
- i) Ibubapa tidak memberi sokongan.

Walaupun pencarian maklumat di Internet menjadi kegemaran pelajar-pelajar (83.4%), namun pelajar-pelajar menghadapi kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan ini. Sekiranya perkhidmatan Internet di sekolah tidak disediakan mengikut keperluan pelajar yang terhad kebebasannya untuk keluar sekolah, ditambah dengan situasi pelajar yang sentiasa sibuk menjalani rutin harian di asrama, maka peluang untuk pelajar menggunakan perkhidmatan ini adalah terbatas. Pelajar hanya berpeluang menggunakan perkhidmatan Internet apabila tiba giliran untuk pulang bercuti ke rumah masing-masing. Sekiranya di rumah tidak memiliki talian Internet, pelajar-pelajar akan terus kehilangan peluang untuk menggunakan Internet sedangkan sumber maklumat melalui Internet pada waktu ini adalah pelbagai. Ini bermakna kaedah pelajar mencari maklumat elektronik boleh diperbaiki

sekiranya pelajar-pelajar diberi kemudahan dan didedahkan dengan strategi pencarian maklumat yang betul.

**Jadual 4.9: Cara-Cara Pengumpulan Maklumat Pelajar (n=193)**

Perkara	Memilih		Tidak Memilih		Jumlah
	f	%	f	%	
Mencari maklumat daripada buku	188	97.4	5	2.6	193
Mencari maklumat daripada Internet	161	83.4	32	16.6	193
Mencari maklumat daripada keratan akhbar	133	68.9	60	31.1	193
Merujuk kamus/ ensiklopedia	125	64.7	68	35.3	193
Merujuk risalah, brosur dan pamphlet	85	44	108	56	193
Meneliti indek-indek	64	33	129	67	193
Melawat tapak kajian/soal selidik	46	23.8	147	76.2	193
Lain-Lain:					
a) bertukar maklumat dengan kawan	18	9.3	175	90.7	193
b) mencari buku di kedai buku	15	7.8	178	92.2	193
c) Meneliti kajian yang pernah dilakukan oleh orang lain	10	5.2	183	94.8	193
d) Merujuk topik yang berkaitan	8	4.2	185	95.8	193

f = frekuensi

**e) *Cara-Cara Menghasilkan Kajian***

Jadual 4.10, menunjukkan bahawa pelajar boleh mengesan, memilih, menilai, mengurus, menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat. Pelajar menyatakan bahawa mereka telah membandingkan maklumat daripada sumber yang berbeza (68.9%), menyusun maklumat mengikut kategori pendahuluan, isi dan penutup (91.1%), merumus maklumat dengan menghubungkait maklumat yang diperolehi dengan isu-isu semasa (73.5%) dan merumus maklumat yang diperolehi dengan menggunakan ayat mereka sendiri (69.6%). Perlakuan

ini adalah selaras dengan mereka yang disifatkan sebagai LM tahap 3, 4 dan 5. Walau bagaimanapun, dalam mempersembahkan maklumat, pelajar didapati gagal memperlihatkan perlakuan beretika. Ini berikutan kenyataan hanya 56.9% sahaja pelajar yang menulis rujukan/bibliografi terhadap sumber-sumber maklumat yang digunakan dan 33.1% sahaja yang membuat petikan (memetik kata-kata dari sumber maklumat) di dalam teks penulisannya.

**Jadual 4.10: Cara-Cara Pelajar Menghasilkan Kajian.**

Perkara	Kekerapan	Peratus
Menyusun maklumat mengikut kategori (pendahuluan, isi, penutup)	176	91.1
Merumus dengan menghubungkait maklumat yang diperolehi	142	73.5
Membandingkan maklumat daripada sumber yang berbeza	133	68.9
Merumus maklumat yang diperolehi dengan menggunakan ayat sendiri	117	60.6
Menulis rujukan/bibliografi terhadap sumber-sumber yang digunakan	110	56.9
Membuat petikan dalam teks.	64	33.1

#### *f) Cara Penulisan Petikan*

Berdasarkan Jadual 4.11, di dapatkan bahawa pelajar kurang pasti untuk menentukan cara penulisan petikan yang betul. Hanya 59.6% (71) pelajar yang menyatakan bahawa petikan dalam bahasa asing perlu ditulis dengan terjemahan dan seramai 27.7% (33) pula menyatakan petikan dalam bahasa asing tidak perlu ditulis terjemahannya. Ini menunjukkan

bahawa pelajar tidak dapat membezakan cara penulisan petikan sama ada petikan perlu dibuat terjemahan atau tidak sedangkan kedua-duanya adalah dibenarkan. Hasil ini membuktikan bahawa pelajar kurang berpengetahuan dalam mempersesembahkan maklumat seperti dalam Jadual 4.11 adalah disebabkan mereka kurang pasti berkaitan cara penulisan petikan dalam teks.

**Jadual 4.11: Amalan Pelajar Dalam Penulisan Petikan Dalam Teks**

Perkara	Kekerapan	Peratus
Menulis semula petikan dengan terjemahan sekiranya dalam bahasa asing	71	59.6
Petikan tersebut hendaklah ditulis dalam pembuka dan penutup kata	70	58.8
Mencatatkan nama pengarang dan tahun penerbitan selepas petikan tersebut	69	57.9
Judul petikan tersebut hendaklah ditulis condong	56	47.0
Menulis semula petikan tanpa terjemahan sekiranya dalam bahasa asing	33	27.7

**g) Cara Penulisan Rujukan/ Bibliografi**

Jadual 4.12 juga membuktikan bahawa pelajar kurang pengetahuan dalam menentukan cara penulisan senarai rujukan/bibliografi yang betul. Pelajar hanya akan mengikut panduan yang diberikan oleh guru dalam menulis senarai rujukan/bibliografi (63.2%) dan melihat contoh penulisan yang dilakukan oleh rakan (31.6%). Oleh itu, bagi mengelakkan situasi ini

berlaku, pelajar perlu diberi pendedahan kepada cara menulis rujukan dengan betul dan etika yang bersabit dengan penulisan rujukan/ bibliografi.

#### **Jadual 4.12: Cara Penulisan Rujukan/ Bibliografi**

Perkara	Kekerapan	Peratus
Mengikut panduan yang diberi oleh guru	122	63.2
Melihat contoh penulisan rujukan/bibliografi yang dilakukan oleh kawan	61	31.6
Cara penulisan dan penyusunan di antara nama pengarang, tahun terbit, judul, penerbit dan tempat terbit tidak dipentingkan dalam penulisan rujukan/ bibliografi	57	29.5

#### **4.3.3. Tingkah laku Pelajar Berhubung dengan Maklumat**

Beberapa perlakuan pelajar berhubung maklumat akan dikenalpasti di bahagian ini bagi memperlihatkan pengamalan LM dalam diri pelajar. Dapatan ini boleh digunakan untuk mengenalpasti cara kebiasaan pelajar dalam menghasilkan KKS dipengaruhi oleh pengamalan LM dalam diri pelajar itu sendiri. Tingkah laku pelajar yang akan dikenal pasti ialah berkaitan kekerapan pelajar mencari maklumat, sumber-sumber maklumat pelajar, tahap kemahiran pelajar mencari maklumat dan tahap kepuasan terhadap maklumat yang diperolehi, tujuan pelajar mencari maklumat, cara pelajar membuat penilaian ke atas maklumat-maklumat yang diperolehi dan pemahaman pelajar berkaitan etika-etika dalam menggunakan maklumat.

##### **a) Kekerapan Pelajar Mencari Maklumat**

Secara keseluruhannya, pelajar didapati gemar mencari maklumat. Keadaan ini dapat dilihat daripada jawapan pelajar ketika ditanya berkaitan kekerapan pelajar mencari maklumat. Kebanyakan mereka akan mencari maklumat setiap hari melalui pembacaan (41.4%) dan setiap kali timbul persoalan (36.8%) (Jadual 4.13). Mereka juga akan mencari maklumat bagi menyelesaikan tugas (11.4%) dan akan sentiasa mencari maklumat tambahan (10.4%). Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar sedar dan tahu bila sesuatu maklumat itu diperlukan. Ia bertepatan dengan Jadual 4.9 iaitu pelajar dapat mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk kajian (Perilaku LM tahap pertama).

**Jadual 4.13: Kekerapan Pelajar Mencari Maklumat.**

Perkara	Kekerapan	Peratus
Setiap hari melalui pembacaan	80	41.4
Setiap kali timbul persoalan	71	36.8
Hanya untuk menyiapkan tugas sekolah	22	11.4
Sentiasa mencari maklumat tambahan	20	10.4
Jumlah	193	100

**b) Sumber-Sumber Maklumat Pelajar**

Berkaitan sumber-sumber yang boleh memberikan maklumat kepada pelajar, data di Jadual 4.14 menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar lebih gemar memilih buku rujukan (92.7%) dan Internet (84.9%). Dapatan ini telah menyokong dapatan di Jadual 4.6, iaitu pelajar telah menggunakan pelbagai sumber dalam mencari maklumat dan pencarian maklumat namun mereka hanya tertumpu kepada buku (92%), Internet (84%), surat khabar (78%), majalah (75.6%) dan ensiklopedia (53%). Pelajar kurang mencari maklumat dari sumber-sumber lain seperti kamus (32.6%), atlas (31.6%), brosur (26.9%), jurnal (17.6%), catatan peribadi (dairy) (6.2%) dan abstrak (4.1%). Berkemungkinan pelajar ini kurang terdedah kepada keperluan dan penggunaan sumber-sumber lain dalam mencari maklumat. Disebabkan perkara ini, amat wajar pelajar didedahkan kepada sumber-sumber maklumat dan perlunya kepelbagaian maklumat disediakan di Pusat Sumber Sekolah.

**Jadual 4.14: Sumber-Sumber Maklumat Pelajar**

Sumber Maklumat Pelajar	Kekerapan	Peratus
Buku rujukan	179	92.7
Internet	164	84.9
Surat khabar	152	78.7
Majalah	146	75.6
Ensiklopedia	103	53.3
Kamus	63	32.6
Atlas	61	31.6
Pamflet/ brosur	52	26.9
Jurnal	34	17.6
Catatan peribadi (dairy)	12	6.2
Abstrak	8	4.1

**c) Tahap Kemahiran Pelajar Mencari Maklumat dan Kepuasan**

Untuk menentukan tahap kemahiran pelajar mencari maklumat dan kepuasan pelajar dalam mencari maklumat, soalan berskala likert lima mata telah diajukan. Soalan berbentuk terbuka juga dikemukakan bagi mengukuhkan data berkaitan tahap kepuasan pelajar. Jadual 4.15, menunjukkan bahawa 55.4% pelajar telah menyatakan bahawa mereka agak mahir dalam mencari maklumat dan agak berpuas hati dengan maklumat yang diperolehi (46.1%). Hasil ini menguatkan lagi kenyataan di Jadual 4.9 iaitu penguasaan pelajar menstrategikan pencarian belum memenuhi tahap yang tinggi. Perkara ini telah menimbulkan beberapa perasaan tidak puas hati pelajar pada setiap kali pencarian maklumat mereka. Daripada alasan-alasan yang dikemukakan, telah menguatkan lagi kenyataan bahawa pelajar perlu diberikan bimbingan yang mendalam dapat mengesan maklumat yang mereka perlukan dengan jayanya. Antara alasan-alasan tersebut termasuklah:

- a) Maklumat yang dikehendaki tidak ada
- b) Tidak dapat mencari maklumat
- c) Susah untuk mendapat maklumat
- d) Tidak tahu cara untuk mendapat maklumat
- e) Kurang mahir mencari maklumat di Internet
- f) Maklumat yang diperolehi tidak pelbagai

**Jadual 4.15 : Tahap Kemahiran Mencari Maklumat dan Kepuasan Pelajar**

Perkara	Kekerapan	Peratus	Min & Std Dev
Tahap kemahiran			
Sangat tidak mahir	0	0.0	
Tidak mahir	7	3.6	
Agak mahir	107	55.4	3.41+ 0.63
Mahir	71	36.8	
Sangat mahir	8	4.1	
Jumlah	193	100	
Kepuasan memperolehi maklumat			
Sangat tidak puas hati	11	5.7	
Tidak puas hati	77	39.9	3.54+ 0.74
Agak puas hati	89	46.1	
Puas hati	15	7.8	
Sangat Puas hati	193	100	
Jumlah			

***d) Tujuan Pelajar Mencari Maklumat***

Apabila diajukan persoalan berkaitan tujuan lazim pelajar mencari maklumat, kebanyakan mereka menyatakan tujuan untuk membuat tugas yang telah diberikan oleh guru (90.1%), menambah ilmu pengetahuan (85.4%), menyelesaikan sesuatu permasalahan (74.6%), ingin menjadi manusia yang serba tahu (64.7%) dan untuk memenuhi minat dan mengisi masa lapang (51.3%) (Jadual 4.16). Dapatan ini jelas menguatkan kenyataan bahawa pelajar telah menunjukkan perilaku LM tahap satu dan dua. Walau bagaimanapun dapatan ini juga memperlihatkan bahawa pelajar kurang menunjukkan perilaku LM tahap lapan. Hanya sebilangan kecil pelajar mencari maklumat untuk menghasilkan maklumat baru untuk

bacaan umum (31.6%), untuk memasuki peraduan menulis(11.9%), untuk mengambil bahagian dalam syarahan (10.8%) dan untuk menghantar artikel ke majalah (8.8%).

#### **Jadual 4.16: Tujuan Pelajar Mencari Maklumat**

Perkara	Kekerapan	Peratus
Membuat tugas yang telah diberikan oleh guru	174	90.1
Menambah ilmu pengetahuan	165	85.4
Menyelesaikan sesuatu permasalahan	144	74.6
Ingin menjadi manusia yang serba tahu	125	64.7
Memenuhi minat dan mengisi masa lapang	99	51.3
Menghasilkan maklumat baru untuk bacaan umum	61	31.6
Masuk peraduan menulis	23	11.9
Mengambil bahagian dalam syarahan	21	10.8
Menghantar artikel ke majalah	17	8.8

#### **e) Cara Pelajar Menilai Sesuatu Maklumat**

Jadual 4.17 menegaskan lagi kenyataan di Jadual 4.10 bahawa pelajar tahu untuk menilai maklumat. Pelajar tahu cara untuk menentukan kesahihan sesuatu maklumat dengan cara membandingkan maklumat yang diperolehi dengan sumber-sumber yang berbeza (91.1%) dan mendapatkan maklumat daripada sumber yang pelbagai (74%) serta menggunakan maklumat-maklumat yang telah diguna pakai oleh orang lain (39.8%). Walau bagaimanapun pelajar perlu didedahkan dengan cara-cara penilaian maklumat yang betul. Hanya 19.1% sahaja pelajar yang melihat keautorititian pengarang sebagai cara untuk menentukan kesahihan sesuatu maklumat dan sebilangan pelajar yang lain pula menyatakan bahawa mereka tidak tahu sama ada maklumat itu sahih atau tidak (4.5%).

**Jadual 4.17: Cara Pelajar Menentukan Kesahihan Maklumat**

Perkara	Kekerapan	Peratus
Membandingkan dengan sumber yang berbeza	176	91.1
Maklumat diperolehi daripada pelbagai sumber	143	74
Maklumat itu telah diguna pakai oleh orang lain	77	39.8
Melihat keauthoritian pengarangnya	37	19.1
Tidak tahu sama ada maklumat itu sahih atau tidak	9	4.6

Jadual 4.18 menguatkan lagi kenyataan bahawa pelajar tahu untuk menilai maklumat. Apabila berhadapan dengan maklumat yang mengelirukan, kebanyakan mereka akan mencari sumber-sumber lain untuk dibandingkan (89.1%) dan akan membuat kajian berkaitan maklumat tersebut (73%). Namun begitu dapatan ini dalam jadual ini masih menunjukkan bahawa pelajar kurang menunjukkan perilaku LM tahap ke lapan di mana pelajar agak kurang dalam menghasilkan maklumat baru bagi membetulkan maklumat yang mengelirukan (22.7%). Mereka juga kurang dalam mengkritik maklumat tersebut (16%). Keadaan ini jelas membuktikan bahawa pelajar-pelajar kurang kerap dalam menghasilkan idea-idea baru untuk dikongsi bersama. Bagi menghasilkan pelajar yang celik maklumat, pelajar-pelajar ini perlu diajar dan digalakkan untuk mengolah idea-idea sehingga dapat menghasilkan maklumat-maklumat baru untuk dikongsi bersama.

**Jadual 4.18: Tindakan Pelajar Apabila Berhadapan dengan Maklumat yang Mengelirukan.**

Perkara	Kekerapan	Peratus
Mencari sumber lain untuk dibandingkan	172	89.1
Membuat kajian berkaitan maklumat yang mengelirukan	141	73.0
Menghasilkan maklumat baru untuk membetulkannya	44	22.7
Mengkritik berdasarkan maklumat yang benar	31	16.0
Tidak tahu	9	4.6
Lain-lain tindakan:		
Merujuk kepada individu yang lebih tahu	5	2.6
Merujuk kepada guru, ibubapa dan rakan.	2	1.0
Meminta pandangan orang lain.	2	1.0

**f) Cara Pelajar Mengurus, Menganalisa, Mengolah, Mengulas dan Mempersembahkan Maklumat**

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan cara pelajar mengurus, menganalisa, mengolah, mengulas dan mempersembahkan maklumat, soalan berbentuk pilihan daripada senarai pilihan telah dikemukakan. Daripada maklum balas telah menyatakan bahawa mereka telah menyusun dan membahagikan maklumat kepada pendahuluan, isi dan penutup (66.8%) (Jadual 4.19). Hasil juga menunjukkan bahawa pelajar berupaya menganalisa, mengolah, mengulas dan mempersembahkan maklumat-maklumat yang diperolehi seterusnya membuat rumusan keseluruhan, mengolah dan melapor dengan menggunakan ayat sendiri (61.1%) serta merekodkan petikan yang diambil (53.8%). Namun dalam mempersembahkan maklumat, pelajar didapati kurang menunjukkan perlakuan beretika

kerana jumlah pelajar yang merekodkan sumber-sumber untuk tujuan penulisan rujukan/bibliografi agak berkurangan (40.9%). Malah pelajar juga didapati telah menyalin terus maklumat-maklumat yang diperolehnya tanpa tokok tambah (24.3%). Hal ini telah menguatkan kenyataan di Jadual 4.10 iaitu pelajar kurang menunjukkan perlakuan beretika dalam mempersebahkan maklumat dalam kerja kursus mereka.

**Jadual 4.19: Tindakan Pelajar Terhadap Maklumat yang Diperolehi.**

Perkara	Kekerapan	Peratus
Menyusun dan membahagikan maklumat kepada pendahuluan, isi dan penutup	129	66.8
Membuat rumusan keseluruhan, mengolah dan melapor dengan menggunakan ayat sendiri.	118	61.1
Merekodkan petikan yang diambil	104	53.8
Merekodkan dan menyimpan sumber-sumber untuk tujuan penulisan rujukan/bibliografi	79	40.9
Menyalin terus tanpa tokok tambah	47	24.3
Tidak tahu	7	3.6

**g) Pemahaman Pelajar Berkaitan Etika-Etika Penggunaan Maklumat.**

Pelajar kurang menunjukkan perlakuan beretika dalam mempersebahkan maklumat seperti di jadual 4.19 dan 4.10 adalah disebabkan kekeliruan dan kurang kefahaman mereka terhadap etika-etika yang sebenar. Hasil di Jadual 4.20 menunjukkan bahawa walaupun pelajar dapat memahami secara umum tentang etika-etika dalam menggunakan maklumat, namun sebahagian besar pelajar masih kurang jelas berkaitan penggunaan petikan di dalam teks dan etika ketika menggunakan idea orang lain. Malah sebilangan pelajar yang lain

masih tidak tahu berkaitan etika-etika tersebut (10.9%). Oleh itu, bagi mengelakkan perlakuan pelajar ini berterusan, sangat wajarlah pelajar ini didedahkan kepada etika-etika dalam menggunakan dan mempersebahkan maklumat dengan lebih mendalam.

**Jadual 4.20: Pemahaman Pelajar Berkaitan Etika Penggunaan Maklumat.**

Perkara	Kekerapan	Peratus
Tidak dibenarkan mencetak/ membuat salinan keseluruhan bahan tanpa keizinan	131	67.9
Tidak dibenarkan meniru hasil ciptaan orang lain	124	64.2
Tidak dibenarkan membuat salinan visual/audio tanpa izin	108	56.0
Dibenarkan menulis kembali sebarang kenyataan daripada sumber maklumat asal dengan syarat membuat “petikan”	81	42.0
Dibenarkan menulis kembali sebarang kenyataan daripada sumber maklumat asal tanpa membuat sebarang pindaan	75	38.9
Boleh menggunakan sepenuhnya idea dan kreativiti orang lain dalam menghasilkan maklumat	30	15.5
Dibenarkan mencetak/ membuat salinan 1/8 daripada bahan tanpa keizinan	28	14.5
Tidak tahu	21	10.9

#### **4.3.4. Ulasan dan Kesimpulan**

Secara keseluruhan, hasil dapatan daripada soal selidik ini apabila bandingkan dengan KLMP adalah seperti jadual 4.21 berikut.

**Jadual 4.21: Hasil Keseluruhan Analisis Soal Selidik berdasarkan KLMP.**

Tahap LM	Ciri-Ciri LM	Hasil Analisis Soal Selidik
<b>LM Tahap 1:</b> Orang yang celik maklumat menyedari keadaan yang memerlukan maklumat dan dapat menjurus kepada keperluan tersebut.	i. Mereka faham dan minat terhadap keperluan maklumat; ii. Mereka faham tentang tujuan, kepentingan dan skop keperluan maklumat tersebut; iii. Mereka dapat menentukan bentuk dan batasan/had sesuatu maklumat yang diperlukan dan iv. Mereka mempunyai kaedah yang sesuai untuk mencari maklumat.	a. <b>Pelajar tahu untuk menentukan topik kajian.</b> <b>b. Pelajar telah membuat rangka kajian, menyenaraikan keperluan dan membuat pembacaan umum sebelum menjalankan kajian.</b> <b>c. Pelajar telah sedar dan tahu bila maklumat diperlukan dan</b> <b>d. Pelajar kurang peka akan kaedah membina soalan sebelum menjalankan kajian.</b>
<b>LM Tahap 2:</b> Orang yang celik maklumat akan mengakses maklumat yang diperlukan secara efektif dan efisiyen.	i. Mereka membina dan melaksanakan strategi pencarian yang efektif; ii. Mereka berusaha mencapai kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan iii. Mereka sentiasa menggunakan pelbagai sumber maklumat, teknologi maklumat dan perkakasan (peranti) untuk mengakses maklumat.	a. <b>Pelajar dapat menstategik pencarian dengan mencari maklumat di Pusat Sumber Sekolah, melayari Internet dan Perpustakaan Awam.</b> <b>b. Pelajar agak mahir dalam mencari maklumat sama ada bahan cetak dan bahan elektronik.</b> <b>c. Pencarian maklumat pelajar terhad kepada buku, Internet, keratan akhbar, majalah dan insiklopedia dan</b> <b>d. Pelajar kurang menggunakan</b>

		<b>risalah, brosur, pamphlet, indek, soal selidik, melawat tapak kajian, kamus, jurnal, dairi dan abstrak.</b>
<b>LM Tahap 3:</b> Orang yang celik maklumat dapat menilai maklumat dan proses pencarian maklumat secara kritikal dan cekap.	i. Mereka dapat menentukan keaslian maklumat; ii. Mereka boleh menilai maklumat yang diperolehi berguna, relevan dan sah; iii. Mereka mempunyai kriteria tersendiri untuk menilai maklumat dan iv. Mereka bertindak balas dan menyemak semula strategi pencarian sekiranya perlu.	<b>Pelajar telah dapat membandingkan maklumat daripada sumber yang berbeza.</b> <b>a. Untuk menilai sesuatu maklumat, pelajar akan mendapatkan maklumat daripada sumber yang pelbagai tetapi cenderung kepada bahan cetak .</b> <b>b. Pelajar kurang melihat keautoiritian pengarang untuk menilai kesahihan sesuatu maklumat dan</b> <b>c. Terdapat pelajar yang menyatakan mereka tidak pasti sama ada maklumat itu sahih atau tidak.</b>
<b>LM Tahap 4:</b> Orang yang celik maklumat akan mengurus maklumat yang telah dikumpul.	i. Mereka merekod maklumat berserta sumbernya; ii. Mereka menyusun, mengklas dan menyimpan maklumat dan iii. Mereka mudah untuk mendapat kembali maklumat.	<b>a. Pelajar telah menyusun maklumat mengikut kategori pendahuluan, isi dan penutup.</b> <b>b. Pelajar kurang merekodkan petikan yang diambil dan</b> <b>c. Pelajar kurang menyimpan sumber-sumber maklumat yang diperolehi.</b>
<b>LM Tahap 5:</b> Orang yang celik maklumat akan menganalisa,	i. Mereka menggunakan maklumat secara efektif dan kreatif; ii. Mereka mengulas (termasuk	<b>a. Pelajar telah merumus maklumat yang diperolehi dengan isu-isu semasa dan dengan menggunakan ayat</b>

<p>mengolah dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep-konsep dan pemahaman baru seterusnya menjadikannya ilmu pengetahuan baru.</p>	<p>mengkritik) pengetahuan dan pemahaman yang baru secara efektif;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Mereka menggabung jalin dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep dan pemahaman baru;</li> <li>iv. Mereka menghargai dan meminati jenis-jenis kesusastraan lain;</li> <li>v. Mereka menyedari kepentingan maklumat dalam masyarakat demokratik;</li> <li>vi. Mereka bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengenalpasti permasalahan maklumat dan mencari penyelesaiannya dan</li> <li>vii. Mereka mengambil bahagian yang efektif dalam sesebuah kumpulan untuk tujuan mencari dan menjana maklumat.</li> </ul>	<p><b>sendiri.</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li><b>b. Pelajar telah merujuk kamus bagi mendapatkan istilah yang sebenar.</b></li> <li><b>c. Pelajar kurang mengkritik maklumat yang tidak sah berdasarkan maklumat yang benar.</b></li> <li><b>d. Pelajar kurang menghasilkan maklumat baru bagi membentulkan maklumat yang tidak sah dan</b></li> <li><b>e. Tidak ramai pelajar yang mencari maklumat untuk memasuki peraduan menulis atau syarahan.</b></li> </ul>
<p><b>LM Tahap 6:</b> Orang yang celik maklumat mengamalkan tingkah laku yang beretika terhadap maklumat dan teknologi maklumat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka membuat rujukan kepada bahan-bahan maklumat yang diguna;</li> <li>ii. Mereka memaparkan kenyataan rujukan dalam teks laporan;</li> <li>iii. Mereka menghindari amalan plagiat serta peniruan dan</li> <li>iv. Mereka mengakses, memperolehi, menyimpan dan menyebarkan serta menggunakan maklumat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>a. Pelajar kurang untuk menulis rujukan/bibliografi terhadap sumber-sumber yang digunakan.</b></li> <li><b>b. Pelajar kurang membuat petikan dalam teks.</b></li> <li><b>c. Terdapat pelajar menyalin sahaja maklumat yang diperolehi tanpa mengubah sedikit pun dan</b></li> <li><b>d. Pelajar keliru untuk menentukan cara penulisan</b></li> </ul>

	berupa teks, data, imej dan bunyi secara sah.	<b>petikan dan rujukan yang betul.</b>
--	---	--

Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar telah mempunyai asas LM iaitu mereka telah memiliki komputer (88.6%) dan pernah menggunakan Internet (89.4) (Jadual 4.5). Menurut Tengku Mohd Azman (1997), komputer akan membantu individu mengenalpasti keperluan, memberi arahan atau pengajaran yang sesuai mengikut peringkat masing-masing, memantau dan melaporkan kemajuan, menjadi alat untuk menganalisis data, menulis laporan dan melayari internet untuk mendapatkan maklumat bagi meningkatkan pengetahuan. Mereka juga telah menunjukkan perilaku LM tahap 1, 2, 3, 4 dan 5, namun perilaku LM ini adalah di tahap rendah. Berdasarkan cara-cara pengumpulan maklumat pelajar di Jadual 4.9 dan permasalahan yang dikemukakan oleh pelajar di Jadual 4.15 jelas menunjukkan bahawa mereka masih belum mempunyai kemahiran untuk mengesan maklumat yang diperlukan. Dalam membuat penilaian maklumat, mereka masih memerlukan pendedahan yang betul berkaitan kaedah penilaian maklumat yang sebenar (Jadual 4.17 dan 4.18). Mereka juga masih belum berkemahiran untuk menyusun, menulis dan mempersebahkan maklumat secara efektif, (Jadual 4.10, 4.11 dan 4.12). Mereka juga kurang menghasilkan idea-idea baru untuk dikongsi bersama (Jadual 4.16). Mereka hanya berupaya menyampaikan semula apa yang telah dinyatakan dalam bahan yang mereka gunakan.

Hasil analisis soal selidik ini juga telah mendapati bahawa pelajar belum menguasai perilaku LM tahap 6. Kebanyakan mereka kurang mengamalkan etika dalam mengguna dan mempersebahkan maklumat. Berdasarkan Jadual 4.22, dapatan soal selidik telah dikategorikan kepada tiga iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Kategori tinggi bermaksud

penampilan LM pelajar sangat baik. Kategori sederhana bermaksud pelajar ada menampilkan LM tetapi tidak menyeluruh manakala kategori rendah pula bermaksud pelajar sangat sedikit menampilkan LM atau langsung tidak menampilkan LM. Oleh itu Jadul 4.22 jelas memperlihatkan perincian tahap LM pelajar di tahap yang rendah.

**Jadual 4.22: Tahap LM Pelajar Sekolah Menengah.**

Tahap LM	Ciri-Ciri LM	Hasil Kajian		
		Rendah	Sederhana	Tinggi
<b>LM Tahap 1</b>	i. Mereka faham dan minat terhadap keperluan maklumat; ii. Mereka faham tentang tujuan, kepentingan dan skop keperluan maklumat; iii. Mereka dapat menentukan bentuk dan batasan/had sesuatu maklumat yang diperlukan dan iv. Mereka mempunyai kaedah yang sesuai untuk mencari maklumat.			✓ ✓ ✓
<b>LM Tahap 2</b>	i. Mereka membina dan melaksanakan strategi pencarian yang efektif; ii. Mereka berusaha mencapai kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan iii. Mereka sentiasa menggunakan pelbagai sumber maklumat, teknologi maklumat dan perkakasan (peranti) untuk mengakses maklumat.	✓ ✓ ✓		
<b>LM Tahap 3</b>	i. Mereka dapat menentukan keaslian maklumat; ii. Mereka boleh menilai sama ada maklumat yang diperolehi berguna, relevan dan sahih; iii. Mereka mempunyai kriteria tersendiri untuk menilai maklumat dan iv. Mereka bertindak balas dan menyemak strategi pencarian sekiranya perlu.	✓ ✓ ✓ ✓		
<b>LM Tahap 4</b>	i. Mereka merekodkan maklumat tersebut berserta sumbernya; ii. Mereka menyusun, mengklas dan menyimpan maklumat dan iii. Mereka mudah untuk mendapat kembali maklumat.	✓ ✓ ✓		
<b>LM Tahap 5</b>	i. Mereka menggunakan maklumat secara efektif dan kreatif; ii. Mereka mengulas (termasuk mengkritik)		✓	

	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. pengetahuan dan pemahaman yang baru itu secara efektif;</li> <li>iv. Mereka menggabung jalin dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep dan pemahaman baru;</li> <li>v. Mereka menghargai dan meminati jenis-jenis kesusasteraan lain;</li> <li>vi. Mereka menyedari kepentingan maklumat dalam masyarakat demokratik;</li> <li>vi. Mereka bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengenalpasti permasalahan maklumat dan mencari penyelesaiannya dan</li> <li>vii. Mereka mengambil bahagian yang efektif dalam sesebuah kumpulan untuk tujuan mencari dan menjana maklumat.</li> </ul>	√	√	
<b>LM Tahap 6</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka membuat rujukan kepada bahan-bahan maklumat yang diguna;</li> <li>ii. Mereka memaparkan kenyataan rujukan dalam teks laporan;</li> <li>iii. Mereka menghindari amalan plagiat serta peniruan dan</li> <li>iv. Mereka mengakses, memperolehi, menyimpan dan menyebarkan serta menggunakan maklumat berupa teks, data, imej dan bunyi secara sah.</li> </ul>	√	√	

Tinggi = penampilan LM pelajar sangat baik.

Sederhana = pelajar ada menampilkan LM tetapi tidak menyeluruh

Rendah = pelajar sangat sedikit menampilkan LM atau langsung tidak menampilkan LM

#### **4.4. PERMASALAHAN DARIPADA ANALISIS KANDUNGAN KERJA KURSUS KAJIAN SEJARAH TEMPATAN (KST) PELAJAR**

Sebanyak 30 buah naskah laporan kerja kursus KST pelajar tingkatan 3 telah dipilih secara bertujuan (*purposive*) untuk dianalisa. Memandangkan bilangan pelajar dalam setiap kelas di sekolah kajian berjumlah 30 orang dan tahap pencapaian pelajar diandaikan sama kerana mereka daripada kelompok yang terpilih untuk memasuki sekolah berasrama, maka penyelidik telah memilih salah satu daripada 3 kelas tingkatan 3. Analisis ini dilakukan bagi melihat sejauhmana tahap LM telah diterapkan dalam menghasilkan kerja kursus KST ini. Naskah laporan kerja kursus tersebut telah diringkaskan ke dalam borang catatan analisa kandungan. Daripada borang catatan analisa kandungan itu, berapa-berapa tema telah dikenalpasti iaitu:

- a) kesesuaian topik dengan skop tugasan,
- b) pembentukan objektif kajian,
- c) penggunaan kaedah kajian,
- d) sumber-sumber rujukan,
- e) gaya penulisan, pelaporan dan persembahan kerja kursus,
- f) gaya penulisan sumber rujukan
- g) penghasilan eseи.

##### **4.4.1. Kesesuaian Topik dengan Skop Tugasan**

Tajuk tugasan kerja kursus KST yang dipilih ini ialah “*mengkaji satu peristiwa bersejarah di Negara Kita*” (Malaysia, 2006b). Secara keseluruhan, pelajar-pelajar dapat menentukan topik kajian yang dijalankan. Antara topik-topik kajian pelajar adalah seperti Jadual 4.23 berikut:

**Jadual 4.23: Topik Pilihan Pelajar**

TOPIK	BILANGAN
Peristiwa 13 Mei	8
Pendudukan Jepun	7
Peristiwa Penubuhan UMNO	5
Kemerdekaan Tanah Melayu	4
Penubuhan Malayan Union	2
Darurat	2
Peristiwa Bukit Kepong	1
Penubuhan Malaysia	1
Jumlah	30

Kesemua pelajar juga telah dapat menulis isi kandungan dan penghargaan dengan baik. Isi kandungan telah disenaraikan mengikut sub topik dan disusun mengikut turutan dan dipadankan dengan muka surat yang betul. Kebanyakkan pelajar memberikan penghargaan kepada guru kelas, ibubapa, rakan-rakan dan pihak sekolah.

#### **4.4.2. Pembentukan Objektif Kajian**

Hampir kesemua pelajar tidak dapat menentu dan membentuk objektif kajian dengan baik dan tepat. Kebanyakkan objektif kajian yang dinyatakan pelajar adalah tidak tepat dan tidak boleh diukur seperti “*memupuk semangat kerjasama dan toleransi di kalangan orang yang terlibat dengan kajian*” (Pelajar L16), “*menyuburkan semangat nasionalisma/patriotik*” (Pelajar L3) “*menanamkan sikap ingin berbakti*” (Pelajar L9) “*menyemai nilai murni*” (Pelajar L27) dan “*persediaan menghadapi PMR*” (Pelajar L28). Pelajar keliru di antara kenyataan objektif dengan hasil tugasan seperti “*mengambil iktibar daripada kesan yang berlaku*” (Pelajar L2), “*mengenang kembali peristiwa sejarah yang berlaku di tanah Melayu*” (Pelajar L6), “*menghargai sumbangan dan pengorbanan yang telah*

*diperjuangkan demi masa depan generasi mendatang*” (Pelajar L1). Terdapat pernyataan objektif yang terlalu umum seperti “*memahami Persekutuan dengan lebih mendalam*” (Pelajar L29), “*memahami Malayan Union dengan lebih mendalam*” (Pelajar L26), dan “*mengetahui sejarah kemerdekaan*” (Pelajar L21). Objektif yang ditulis juga tidak mempunyai kaitan dengan tajuk kajian seperti “*dapat mengetahui sejarah Tanah Melayu*” sedangkan tajuk kajiannya ialah Penubuhan UMNO (Pelajar L20). Terdapat juga objektif yang tiada kaitan dengan tajuk kajiannya seperti “*memenuhi sukanan pelajaran tingkatan tiga/ syarat-syarat keperluan peperiksaan PMR*” (Pelajar L20). Dapat dikenal pasti juga objektif kajian yang ditulis oleh pelajar L20 tetapi tidak dilaporkan di dalam teks penulisannya.

Kebanyakan pernyataan-pernyataan objektif yang ditulis oleh pelajar perlu diperbaiki, sebagai contoh “*mengkaji apakah tentang yang dihadapi.....*” (Pelajar L26) kepada “*mengkaji bentuk-bentuk penentangan .....*”. Pelajar perlu diberi pendedahan dan bimbingan dalam membina dan membentuk seterusnya melaporkan objektif kajian secara tepat dan menyeluruh. Pernyataan objektif kajian yang jelas akan membantu pelajar memfokus tajuk kajian yang dilakukan. Tidak kelihatan sebarang pernyataan daripada pelajar berkaitan persoalan, kepentingan dan batasan kajian. Ini mungkin kerana ia tidak termasuk dalam format penghasilan bahan LPM.

#### **4.2.3. Penggunaan Kaedah Kajian**

Kebanyakan pelajar juga tidak dapat menentukan kaedah kajian yang digunakan dengan tepat. Kaedah yang seharusnya dinyatakan oleh pelajar ialah kaedah rujukan, lawatan, pemerhatian, soal selidik, temu bual, sumbangsaran dan bincian. Kebanyakan kaedah yang

paling digemari oleh pelajar ialah kaedah penyelidikan, diikuti kaedah pemerhatian, lawatan, temu bual dan soal selidik. Namun mereka tidak memahami kaedah yang mereka pilih. Contoh; pelajar L5 menyatakan bahawa kaedah pemerhatian ialah “memerhatikan maklumat” dan pelajar L1 menyatakan kaedah pemerhatian ialah “memerhatikan di serata Malaysia sebagai lokasi Peristiwa 13 Mei”. Sepatutnya pelajar L5 menggunakan kaedah kajian perpustakaan sekiranya pelajar ini mencari maklumat menerusi pembacaan. Manakala pelajar L1 pula perlu menggunakan kaedah lawatan sekiranya membuat lawatan ke lokasi berlakunya Peristiwa 13 Mei.

Kebanyakan pelajar menyatakan lawatan ke Arkib Negara sebagai kaedah lawatan. Ini bersalahan kerana lawatan ke Arkib Negara adalah untuk mendapat dan mengumpulkan maklumat. Bagi kaedah temubual, kebanyakan pelajar menyatakan bahawa mereka menemubual guru dan ibu bapa bagi mendapat idea dan nasihat. Contohnya L8 menyatakan ”kaedah yang kedua adalah dengan menemubual guru sejarah Tingkatan 3 untuk mendapatkan maklumat tambahan mengenai topik kajian”. L15 pula menyatakan kaedah temubual tetapi tidak dilaporkan dalam teks. Didapati juga pelajar L6 dan L30 tidak dapat membuktikan kaedah soal selidik yang telah dinyatakan kerana tiada keterangan di dalam teks penulisannya yang mereka menggunakan kaedah tersebut.

Secara keseluruhannya, hanya satu kaedah kajian sahaja yang dinyatakan oleh kebanyakan pelajar dalam kajian mereka dianggap tepat oleh penyelidik iaitu ”kaedah rujukan”; mereka merujuk sumber-sumber maklumat yang telah diperolehi. Bagi kaedah-kaedah lain, pelajar hanya menyatakan sahaja kaedah-kaedah tersebut tanpa mengetahui tata cara perlaksanaannya. Oleh itu, dapatan ini menegaskan tentang perlunya pelajar-pelajar ini diberi penerangan tentang kepelbagaiannya kaedah kajian dan tatacara perlaksanaannya agar

mereka dapat menjalankan kajian dengan menggunakan kaedah yang betul. Ini terbukti apabila hanya terdapat seorang pelajar iaitu pelajar L25 yang menggunakan kaedah pemerhatian tempat kejadian telah membuktikannya melalui gambar-gambar yang dikepulkan di dalam teks (Lampiran M). Diandaikan bahawa pelajar ini telah faham dan jelas dengan kaedah yang dinyatakan.

#### **4.4.4. Sumber-Sumber Rujukan**

Jadual 4.24 merupakan senarai semak di elemen 1 yang telah disediakan oleh pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) untuk dikepulkan bersama sumber-sumber maklumat yang telah diperolehi oleh pelajar.

**Jadual 4.24: Borang Senarai Semak Elemen 1**

Bil.	Sumber	Tandakan (/)
I	Buku Ilmiah	
Ii	Jurnal	
Iii	Akhbar	
Iv	Majalah	
V	Orang Sumber	
Vi	Melawat Tempat Kajian	
Vii	Internet	
Viii	Televisyen	
Ix	Radio	
X	VCD/DVD	
Xi	Sumber Lain	
	<b>MARKAH</b>	

Kesemua pelajar telah menandakan sumber-sumber maklumat yang telah diperolehi dan digunakan dalam kajian masing-masing. “Melawat tempat kajian” dan “orang sumber” yang terdapat di dalam senarai semak LPM pada pandangan penyelidik adalah merupakan kaedah kajian iaitu “melawat tempat kajian” adalah kaedah lawatan dan “orang sumber” adalah kaedah temubual. Oleh itu, didapati pelajar L1, L2, L12 dan L23 telah menandakan sumber “melawat tapak kajian” di ruangan tersebut tetapi tidak kelihatan dinyatakan dalam kaedah kajian mereka. Malah daripada 3 orang pelajar menandakan sumber “orang sumber”, hanya pelajar L25 sahaja yang terbukti melaporkannya di dalam teks (Lampiran O). Ini membuktikan bahawa kebanyakan pelajar tidak jelas berkaitan konsep dan penggunaan kaedah kajian yang sebenarnya.

Pelajar juga didapati tidak faham dengan maksud “sumber lain” yang dinyatakan di dalam borang senarai semak. Pelajar L6 dan L13 telah menandakan “sumber lain” tetapi tidak dapat dikesan sumber lain yang dimaksudkan di dalam kerja kursus masing-masing. Kebanyakan sumber maklumat digunakan oleh pelajar lebih tertumpu kepada buku, bab dalam buku, majalah dan Internet. Dapatkan ini bertepatan dengan dapatan yang terdapat dalam Jadual 4.13 di mana pelajar gemar menggunakan sumber maklumat daripada buku rujukan, Internet, surat khabar dan majalah sahaja. Terdapat juga pelajar yang menjadikan buku teks dan buku rujukan PMR sebagai sumber rujukan mereka (Pelajar L2, dan L25). Pelajar juga didapati mengambil sumber-sumber daripada Internet tanpa menilai kesahihan dan kewibawaan bahan tersebut seperti pelajar L21 telah melampirkan sumber dari blogspot.com dan pelajar L18 telah mengambil sumber dari geocities.com. Dapatkan ini sama seperti dapatan dalam Jadual 4.14 dan 4.15, di mana pada anggapan pelajar, mereka tahu untuk menilai maklumat namun realitinya mereka masih perlu didedahkan kepada cara-cara penilaian maklumat yang betul.

Apabila diteliti pada setiap bahan yang dilampirkan oleh pelajar, kebanyakan bahan-bahan tersebut tidak direkodkan sumber rujukannya. Hanya pelajar L16, L22, L23, dan L27 sahaja yang menyediakan satu senarai rujukan kepada bahan-bahan yang telah dikumpulkan. Pelajar L27 berjaya menyediakan muka surat kandungan kepada semua senarai rujukan yang telah digunakan. Dapatan ini juga sama seperti dapatan dalam Jadual 4.16 iaitu jumlah pelajar yang merekodkan dan menyimpan sumber-sumber untuk tujuan penulisan rujukan/bibliografi agak berkurangan. Pada anggapan penyelidik, keadaan ini akan menimbulkan kesukaran pelajar ketika mereka menulis senarai rujukan nanti.

Hampir kesemua pelajar tidak cuba mendapatkan sumber asal setiap maklumat yang diperolehi. Kebanyakan mereka menuliskan sumber “Arkib Negara” dan “Muzium Negara” di senarai sumber rujukan yang digunakan.

Dapatan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar perlu diberi penerangan, bimbingan dan contoh-contoh secara terperinci berkaitan sumber-sumber maklumat, cara-cara penilaian dan pengurusan maklumat agar mereka boleh memilih dan menggunakan sumber-sumber maklumat secara betul, sahih, relevan dan beretika.

Walau bagaimanapun, keseluruhan mereka telah mengemukakan sekurang-kurangnya 5 sumber untuk kajiannya dan daripada sumber tersebut sekurang-kurangnya 3 sumber adalah berbeza (buku, majalah, Internet). Hanya pelajar L25 sahaja yang telah mengemukakan lebih 10 sumber maklumat termasuk dua orang “orang sumber”. Ini secara langsung telah memenuhi kehendak yang disyaratkan oleh LPM.

#### **4.4.5. Gaya Penulisan, Pelaporan dan Persembahan Kerja Kursus**

Untuk menghasilkan pelaporan, pelajar telah diberi pilihan untuk menggunakan tulisan tangan atau menggunakan cetakan komputer dengan syarat-syarat tertentu. “*Hasil kerja kursus hendaklah ditulis tangan, ditaip atau menggunakan komputer. Penulisan menggunakan komputer hendaklah dengan fon Times New Roman, Saiz 12 dengan langkau 2.0*”. (Panduan perlaksanaan kerja kursus KST 2006). Oleh itu sebanyak 40% (12) pelajar telah menggunakan tulisan tangan manakala bakinya telah menggunakan cetakan komputer. Bagi pelaporan yang menggunakan cetakan komputer, beberapa kesalahan telah dapat dikenalpasti seperti salah ejaan, salah letak tanda bacaan (koma, noktah, pembuka dan penutup perkataan). Walaupun semua pelajar ini menggunakan font 12 jenis Times New Roman, namun pelajar telah menggunakan pelbagai jenis font, saiz dan warna bagi menyatakan tajuk-tajuk dan bahagian-bahagian dalam teks masing-masing. Kebanyakan pelaporan pelajar sekitar 15 ke 30 halaman dengan langkau dua baris, seperti yang disyaratkan oleh LPM ( pelaporan tidak kurang daripada 15 halaman). Pelaporan yang paling panjang menjangkau 64 muka surat (Pelajar L25) manakala pelaporan yang terpendek ialah 8 muka surat sahaja (Pelajar L21).

Hanya 16.6% (5) pelajar sahaja yang mempunyai pendahuluan iaitu pelajar L25, L29, L15, L5 dan L20. Didapati kebanyakan pelajar tidak boleh mengembangkan isi kandungan teks mereka. Isu perbincangan mereka hanya berfokus kepada garis panduan yang diberikan oleh LPM sahaja iaitu *Hasil kajian perlu mencakupi: 1) latar belakang peristiwa, 2) sebab-sebab peristiwa berlaku, 3) catatan peristiwa mengikut kronologi, dan 4) kesan peristiwa.* (Malaysia, 2006a).

Pelajar telah menggunakan garis panduan tersebut (“latar belakang peristiwa”, “sebab-sebab peristiwa berlaku”, “catatan peristiwa mengikut kronologi”, dan “kesan peristiwa”) sebagai tajuk-tajuk kecil mereka, tanpa ditukar kepada topik kajian masing-masing. Contohnya; tajuk kajian pelajar L19 ialah Pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Pelajar L19 menamakan topik-topik kecil sebagai “Latar Belakang”, “Sebab-sebab”, “Kronologi” dan “Kesan-kesan”. Hanya sebahagian kecil pelajar sahaja yang mampu menampilkan idea-idea lain selain garis panduan ini. Sebagai contoh pelajar L25 dengan tajuk Pendudukan Jepun di Tanah Melayu, telah menyusun idea-idea yang agak menarik. Antara tajuk-tajuk dalam hasil kajiannya ialah:

- a) Pendahuluan;
- b) Faktor-faktor Jepun terlibat dalam perang dunia kedua;
- c) Faktor-faktor Jepun menawan Tanah Melayu;
- d) Faktor-faktor luaran yang turut mempengaruhi Jepun menyerang Tanah Melayu khususnya dan Asia Tenggara;
- e) Strategi Jepun menawan Tanah Melayu;
- f) Strategi British mempertahankan Tanah Melayu;
- g) Serangan Jepun ke atas Tanah Melayu;
- h) Faktor kejayaan Jepun mengalahkan British di Tanah Melayu;
- i) Dasar Pemerintahan Jepun di Tanah Melayu;
- j) Reaksi Penduduk;
- k) Kekalahan Jepun;
- l) Kesan Pemerintahan Jepun dan
- m) Rumusan.

Terdapat sebahagian besar pelajar membuat pelaporan menggunakan pelbagai format. Contohnya dalam menerangkan kronologi peristiwa, pelajar telah menerangkannya dengan menggunakan jadual dan carta dengan baik (L7, L8, L16, L25, L26, L28, L30).

Sungguhpun demikian, didapati kebanyakan pelajar telah menceduk samada perkataan, ayat dan perenggan daripada sumber maklumat yang diperolehi tanpa menukarnya menjadi ayat atau idea sendiri. Mereka hanya memotong-motong perkataan, ayat atau perenggan untuk dijadikan teks masing-masing tanpa membuat sebarang petikan. Hanya seorang pelajar sahaja yang cuba untuk membuat petikan di dalam teks (Pelajar L24) namun tidak ditulis tahun dan tidak dicatatkan sumber maklumatnya di senarai rujukan. Penyelidik beranggapan pelajar ini juga hanya menyalin sahaja perenggan tersebut daripada rujukan asal. Terdapat pelajar yang melakukan “cut and paste” artikel dari Internet ke dalam karyanya (Pelajar L3). Malah pelajar L1 telah mendapat markah penuh dengan hanya melakukan “cut and paste” keseluruhan artikel di Internet untuk dijadikan karyanya (Lampiran N dan O). Tidak kurang juga yang meniru pelaporan rakan-rakan lain sehingga tidak dapat dikenal pasti siapa penulis asalnya (Pelajar L11, L12, L13, L14, L15, L 22, L23). Namun perlakuan-perlakuan ini tidak disedari oleh guru penilai malah mereka telah mendapat markah yang tinggi. Dapatkan ini telah menyokong dapatan dalam Jadual 4.10, 4.21 dan 4.22 yang menunjukkan bahawa pelajar kurang menunjukkan perlakuan beretika sewaktu mempersesembahkan maklumat. Kenyataan ini membuktikan bahawa pelajar-pelajar sangat perlu diberi pendidikan tentang etika-etika dalam menggunakan dan mempersesembahkan maklumat. Mereka tidak sedar bahawa mereka masih boleh merujuk kepada laporan pelajar lepas,tetapi perlu merakamkan laporan tersebut dalam teks dan dalam senarai rujukan

Di bahagian rumusan atau penutup, kebanyakan daripada teks pelajar tidak mempamerkan suatu rumusan kajian yang dianggap baik. Kebanyakan mereka tidak dapat membuat rumusan keseluruhan kepada hasil kajian masing-masing. Malah terdapat pula pelajar yang merumuskan kajiannya dengan luahan perasaan seperti pelajar L13 yang membuat rumusan

seperti berikut, “*Daripada kajian yang saya lakukan, banyak unsur-unsur patriotisme dan juga iktibar yang saya perolehi sebagai rumusan*”.

Tidak kelihatan juga di dalam teks pelajar tentang sebarang cadangan atau pendapat daripada pelajar sendiri berkaitan kajian yang dilakukannya. Ini mungkin disebabkan ia tidak termasuk di dalam format penghasilan bahan LPM.

Kebanyakan pelajar juga didapati tidak mengaitkan sumber yang dilampirkan seperti gambar, peta dan lambang dalam teks masing-masing. Ini juga mungkin kerana pelajar mematuhi arahan LPM agar hanya memasukkan perkara-perkara ini sebagai lampiran sahaja (L3, L5, L15, L17, L26, L27, L30). Terdapat juga sebilangan kecil pelajar yang memasukkan gambar, peta dan lambang ke dalam teksnya tetapi tidak menulis kapsyen (L6, L8, L14, L18, L19). Manakala sebahagian kecil yang lain telah menulis kapsyen pada gambar, peta dan lambang tetapi tidak disebutkan sumber rujukannya (L9, L10)

#### **4.4.6. Gaya Penulisan Sumber Rujukan**

Apabila dilihat sepantas lalu di bahagian rujukan, penyelidik mendapati bahawa kebanyakan pelajar tidak menulis rujukan dengan gaya penulisan rujukan yang betul. Pelajar telah menggunakan gaya penulisan rujukan yang pelbagai, gaya penulisan rujukan yang tidak konsisten dan maklumat yang dinyatakan tidak lengkap (L3,L9, L10, L16, L17, L18, L26, L27, L28, L29). Terdapat juga pelajar yang telah menyenaraikan senarai rujukan bahan yang digunakan dan bahan-bahan lain yang tidak dirujuk sebagai sumber

rujukannya (L8, L6). Ada juga pelajar yang langsung tidak tahu kaedah penulisan gaya rujukan. Contohnya L14 menyenaraikan rujukan seperti:

- [http://ms.wikipedia.org/wiki/peristiwa13\\_mei](http://ms.wikipedia.org/wiki/peristiwa13_mei)
- Arkib Negara
- Perpustakaan Muzium Negara
- Ramlah Adam ‘Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putera’, DBP,2004
- Tuanku Abdul Rahman Putra, ‘13 Mei- Sebelum dan selepas’
- Leon Chamber, ‘13 May 1969: A Historical Survey of Sino- Malay Relation, Heinemann Asia’

L30 pula menyenaraikan rujukan seperti berikut:

Arkib Negara

- Pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1994-1945
- Malaysia warisan dan perkembangan
- Simporium Perang Dunia ke-2
- Sejarah pendudukan Jepun di Tanah Melayu 1942-1945.

Manakala L15 telah menyenaraikan rujukan seperti berikut:

- a) Arkib Negara (tempat kajian)
- b) Berita Harian, m/s 1, 4 April 1956 (akhbar)
- c) M/S 18, 19, 32, 33, 34, 35, 41 dan 42 ( Konvensyen Ulang Tahun UMNO ke-50)
- d) [www.UMNO.com.my](http://www.UMNO.com.my) (internet)

Seterusnya L7 ada melampirkan bahan daripada laman web tetapi tidak dinyatakan URLnya. Dapatan ini telah membuktikan andaian penyelidik di 4.4.4 adalah benar iaitu sekiranya pelajar tidak merekodkan sumber rujukannya, pasti akan timbul kesukaran untuk menulis senarai rujukan. Oleh itu, pelajar juga perlu didedahkan kepada fungsi senarai rujukan dan cara gaya penulisan sumber rujukan sebenar agar ia dapat membantu pelajar mengguna dan menghasilkan maklumat secara beretika.

#### **4.4.7. Penghasilan Esei**

Daripada penelitian penyelidik ke atas eseи-eseи yang telah dikarang oleh pelajar di elemen 3, didapati bahawa kebanyakan pelajar tidak mengutarakan idea-idea baru yang diperolehi daripada hasil kajiannya untuk mengarang eseи tersebut. Ini menyebabkan karangan eseи tersebut tiada perbezaan di antara satu sama lain. Idea yang pelbagai pasti akan menghasilkan eseи yang pelbagai. Oleh itu, pelajar perlu digalak menghasilkan idea-idea baru untuk dikongsi bersama.

#### **4.4.8. Ulasan dan Kesimpulan**

Hasil analisis kandungan kerja kursus KST apabila dibandingkan dengan Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP) adalah seperti Jadual 4.25 berikut:

**Jadual 4.25: Hasil Analisis Kerja Kursus KST**

Tahap LM	Ciri-Ciri LM	Hasil Analisis Kerja Kursus KST
<b>LM Tahap 1:</b> Orang yang celik maklumat menyedari keadaan yang memerlukan maklumat dan dapat menjurus kepada keperluan tersebut.	i. Mereka faham dan minat terhadap keperluan maklumat; ii. Mereka faham tentang tujuan, kepentingan dan skop keperluan maklumat; iii. Mereka dapat menentukan bentuk dan batasan/had sesuatu maklumat yang diperlukan dan	a. Pelajar telah dapat menentukan topik kajian, isi kandungan dan penghargaan dengan jelas. b. Pelajar tidak dapat menulis objektif kajian dengan tepat. c. Objektif kajian tidak boleh diukur, terlalu umum dan tidak jelas d. Objektif kajian yang tidak dilaporkan dalam teks. e. Pelajar tidak menggunakan kaedah

	<p>iv. Mereka mempunyai kaedah yang sesuai untuk mencari maklumat.</p>	<p><b>kajian yang sesuai.</b></p> <p>f. <b>Kaedah kajian tidak dilaporkan dalam teks.</b></p> <p>g. <b>Pelajar keliru dengan konsep dan penggunaan kaedah kajian.</b></p> <p>h. <b>Pelajar tidak menyatakan persoalan, kepentingan dan batasan kajian (tidak termasuk dalam format penghasilan bahan LPM).</b></p>
<b>LM Tahap 2:</b> Orang yang celik maklumat akan mengakses maklumat yang diperlukan secara efektif dan efisiyen.	<p>i. Mereka membina dan melaksanakan strategi pencarian yang efektif;</p> <p>ii. Mereka berusaha mencapai kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan</p> <p>iii. Mereka sentiasa menggunakan pelbagai sumber maklumat, teknologi maklumat dan perkakasan (peranti) untuk mengakses maklumat.</p>	<p>a. <b>Sumber rujukan pelajar adalah terhad. Ia hanya tertumpu kepada buku, majalah, surat khabar dan Internet.</b></p> <p>b. <b>Pelajar menjadikan buku teks dan buku rujukan PMR sebagai sumber rujukannya.</b></p> <p>c. <b>Pelajar salah tafsir sumber maklumat. Contoh melawat muzium sebagai melawat tempat kajian sedangkan kajiannya berkaitan peristiwa 13 Mei.</b></p>
<b>LM Tahap 3:</b> Orang yang celik maklumat dapat menilai maklumat dan proses pencarian maklumat secara kritikal dan cekap.	<p>i. Mereka dapat menentukan keaslian maklumat;</p> <p>ii. Mereka boleh menilai sama ada maklumat yang diperolehi berguna, relevan dan sahih;</p> <p>iii. Mereka mempunyai kriteria tersendiri untuk menilai maklumat dan</p> <p>iv. Mereka bertindak balas dan menyemak semula strategi pencarian sekiranya perlu.</p>	<p>a. <b>Pelajar mengambil sumber maklumat di Internet tanpa menilai kesahihannya. Contoh pelajar mengambil bahan dari blogsport dan geocities.</b></p> <p>b. <b>Terdapat sumber maklumat yang tidak berkaitan dengan tajuk dikepulkan bersama</b></p>
<b>LM Tahap 4:</b> Orang yang celik	<p>i. Mereka merekod maklumat berserta sumbernya;</p>	<p>a. <b>Pelajar tidak merekodkan sumber asalnya pada maklumat yang</b></p>

maklumat akan mengurus maklumat yang telah dikumpul.	ii. Mereka menyusun, mengklas dan menyimpan maklumat dan iii. Mereka mudah untuk mendapat kembali maklumat.	<b>diperolehi.</b> b. Pelajar tidak cuba mendapatkan sumber asal. Contoh pelajar menyatakan sumber maklumat yang diperolehi dari Arkib Negara. c. Pelajar kurang menyenaraikan sumber maklumat yang diperolehi. d. Pelajar tidak menyusun maklumat mengikut kategori tertentu (pendahuluan, isi, penutup)
<b>LM Tahap 5:</b> Orang yang celik maklumat akan menganalisa, mengolah dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep-konsep dan pemahaman baru seterusnya menjadikannya ilmu pengetahuan baru.	i. Mereka menggunakan maklumat secara efektif dan kreatif; ii. Mereka mengulas (termasuk mengkritik) pengetahuan dan pemahaman yang baru secara efektif; iii. Mereka menggabung jalin dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep dan pemahaman baru; iv. Mereka menghargai dan meminati jenis-jenis kesusastraan lain; v. Mereka menyedari kepentingan maklumat dalam masyarakat demokratik; vi. Mereka bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengenalpasti permasalahan maklumat dan mencari penyelesaiannya dan vii. Mereka mengambil bahagian	a. Pelajar hanya menggunakan garis panduan LPM dalam pengembangan teks masing-masing. b. Garis panduan LPM ditulis sebagai topik-topik kecil tanpa dikaitkan dengan tajuk c. Terdapat pelajar yang “cut and paste” artikel di Internet ke dalam tulisannya. d. Terdapat pelajar yang meniru hasil kajian rakan. e. Pelajar menulis kembali perkataan, ayat dan perenggan dari sumber asal tanpa menggunakan ayat sendiri atau membuat petikan di dalam teksnya. f. Terdapat pelajar yang membuat petikan tetapi tidak lengkap. g. Terdapat pelajar yang tidak membuat pendahuluan dan penutup dalam penulisan teksnya. Kurang pelajar yang menggunakan graf, carta, jadual, rajah dalam mempersemprehankan kerja kursus.

	<p>yang efektif dalam sesebuah kumpulan untuk tujuan mencari dan menjana maklumat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>h. Pelajar tidak memasukkan gambar, peta, lambang dalam teks walaupun bahan mencukupi. (Arahan LPM supaya menjadikan gambar, peta, lambang sebagai lampiran sahaja)</b></li> <li><b>i. Pelajar gagal merumus hasil penulisannya dengan baik</b></li> <li><b>j. Pelajar tidak memberikan cadangan-cadangan dan pendapat dalam kajiannya (tidak termasuk dalam format penghasilan bahan LPM).</b></li> <li><b>k. Pelajar tidak menggunakan idea hasil kajiannya ketika menganalisis esei.</b></li> <li><b>l. Kebanyakan esei yang dihasilkan pelajar adalah sama.</b></li> </ul>
<b>LM Tahap 6:</b> Orang yang celik maklumat mengamalkan tingkah laku yang beretika terhadap maklumat dan teknologi maklumat.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka membuat rujukan kepada bahan-bahan maklumat yang diguna;</li> <li>ii. Mereka memaparkan kenyataan rujukan dalam teks laporan;</li> <li>iii. Mereka menghindari amalan plagiat serta peniruan dan</li> <li>iv. Mereka mengakses, memperolehi, menyimpan dan menyebarkan serta menggunakan maklumat berupa teks, data, imej dan bunyi secara sah.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><b>a. Ada gambar, lambang dan peta yang dimasukkan dalam teks tetapi tidak mempunyai kapsyen.</b></li> <li><b>b. Terdapat pelajar yang tidak menyenaraikan sumber maklumat yang digunakan dalam senarai rujukan kajiannya.</b></li> <li><b>c. Pelajar menulis senarai rujukan dengan gaya penulisan yang pelbagai.</b></li> <li><b>d. Pelajar menulis senarai rujukan dengan gaya penulisan yang salah dan tidak lengkap.</b></li> <li><b>e. Pelajar menulis senarai rujukan daripada sumber maklumat sebagai senarai rujukannya.</b></li> <li><b>f. Senarai rujukan pelajar berbeza dengan sumber maklumat yang</b></li> </ul>

		<b>disimpan.</b> <b>g. Sumber rujukan pelajar tidak dicatat di dalam teks.</b>
--	--	---

Daripada jadual 4.25 jelas memperlihatkan bahawa KKS yang dihasilkan oleh pelajar belum mempamerkan tahap LM yang dikehendaki. Dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar masih belum menguasai keseluruhan tahap LM yang dinyatakan. Tahap LM yang mereka kuasai hanya di tahap menentukan topik, menulis isi kandungan dan penghargaan sahaja iaitu tahap LM paling asas. Mereka masih memerlukan pendedahan dan bimbingan yang menyeluruh bagi menguasai keseluruhan tahap-tahap LM. Ini adalah bagi memastikan KKS yang dihasilkan adalah bercirikan LM sepenuhnya.

Untuk itu juga, pihak Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu mengambil kira beberapa perkara-perkara berkaitan persoalan, kepentingan dan batasan kajian serta cadangan-cadangan untuk kajian akan datang untuk dimasukkan dalam format penghasilan KKS. Ini kerana perkara-perkara tersebut merupakan sebahagian daripada kaedah penghasilan KKS yang bercirikan LM.

Berdasarkan Jadual 4.26, dapatan analisis laporan KST juga telah dikategorikan kepada tiga iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Kategori tinggi bermaksud penampilan LM pelajar sangat baik. Kategori sederhana bermaksud pelajar ada menampilkan LM tetapi tidak menyeluruh manakala kategori rendah pula bermaksud pelajar sangat sedikit menampilkan LM atau langsung tidak menampilkan LM. Oleh itu Jadul 4.26 jelas menunjukkan bahawa tahap LM yang diterapkan dalam penghasilan kerja kursus KST adalah di tahap rendah.

### **Jadual 4.26: Tahap LM dalam Penghasilan Kerja Kursus KST**

Tahap LM	Ciri-Ciri LM	Hasil Kajian		
		Rendah	Sederhana	Tinggi
<b>LM Tahap 1</b>	i. Mereka faham dan minat terhadap keperluan maklumat; ii. Mereka faham tentang tujuan, kepentingan dan skop keperluan maklumat; iii. Mereka dapat menentukan bentuk dan batasan/had sesuatu maklumat yang diperlukan dan iv. Mereka mempunyai kaedah yang sesuai untuk mencari maklumat.	✓  ✓  ✓		✓
<b>LM Tahap 2</b>	i. Mereka membina dan melaksanakan strategi pencarian yang efektif; ii. Mereka berusaha mencapai kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan iii. Mereka sentiasa menggunakan pelbagai sumber maklumat, teknologi maklumat dan perkakasan (peranti) untuk mengakses maklumat.	✓  ✓  ✓		
<b>LM Tahap 3</b>	i. Mereka dapat menentukan keaslian maklumat; ii. Mereka boleh menilai sama ada maklumat yang diperolehi berguna, relevan dan sahih; iii. Mereka mempunyai kriteria tersendiri untuk menilai maklumat dan iv. Mereka bertindak balas dan menyemak strategi pencarian sekiranya perlu.	✓  ✓  ✓		
<b>LM Tahap 4</b>	i. Mereka merekodkan maklumat tersebut berserta sumbernya; ii. Mereka menyusun, mengklas dan menyimpan maklumat dan iii. Mereka mudah untuk mendapat kembali maklumat.	✓  ✓		
<b>LM Tahap 5</b>	i. Mereka menggunakan maklumat secara efektif dan kreatif; ii. Mereka mengulas (termasuk mengkritik) pengetahuan dan pemahaman yang baru itu secara efektif; iii. Mereka menggabung jalin dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep dan pemahaman baru;	✓  ✓  ✓		

	<ul style="list-style-type: none"> <li>iv. Mereka menghargai dan meminati jenis-jenis kesusasteraan lain;</li> <li>v. Mereka menyedari kepentingan maklumat dalam masyarakat demokratik;</li> <li>vi. Mereka bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengenalpasti permasalahan maklumat dan mencari penyelesaiannya dan</li> <li>vii. Mereka mengambil bahagian yang efektif dalam sesebuah kumpulan untuk tujuan mencari dan menjana maklumat.</li> </ul>	<input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/>		
<b>LM Tahap 6</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka membuat rujukan kepada bahan-bahan maklumat yang diguna;</li> <li>ii. Mereka memaparkan kenyataan rujukan dalam teks laporan;</li> <li>iii. Mereka menghindari amalan plagiat serta peniruan dan</li> <li>iv. Mereka mengakses, memperolehi, menyimpan dan menyebarkan serta menggunakan maklumat berupa teks, data, imej dan bunyi secara sah.</li> </ul>	<input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/> <input checked="" type="checkbox"/>		

Tinggi = penampilan LM pelajar sangat baik.

Sederhana = pelajar ada menampilkan LM tetapi tidak menyeluruh

Rendah = pelajar sangat sedikit menampilkan LM atau langsung tidak menampilkan LM

#### **4.5. PERMASALAHAN DARIPADA ANALISIS DOKUMEN SKIMA PEMARKAHAN KST**

Skima pemarkahan yang telah digunakan oleh pihak LPM dalam menentukan skor pemarkahan hasil kerja kursus KST yang dihasilkan oleh pelajar ialah Skor Berdasarkan Elemen (SBE) (Lampiran F). Penyelidik telah menjalankan analisis kandungan ke atas SBE bagi melihat sama ada pihak LPM ada menekankan tahap LM dalam penentuan pemarkahan kerja kursus KST ini.

SBE adalah sistem penskoran markah ke atas kerja kursus KST yang dihasilkan oleh pelajar-pelajar tingkatan 3 yang merupakan calon Peperiksaan Menengah Rendah (PMR). SBE merupakan satu kaedah menyatakan prestasi calon berdasarkan penguasaannya dalam sesuatu elemen yang dinilai. Sistem ini menggunakan keupayaan calon sendiri dan tidak boleh dibandingkan dengan calon lain. Guru bertindak sebagai pembimbing bagi pelajar mencapai kecemerlangan setiap elemen (Malaysia, 2006b). Pelaporan tahap pencapaian calon dalam SBE menggunakan empat skor untuk setiap elemen iaitu gred elemen A mewakili 4 markah, B mewakili 3 markah, C mewakili 2 markah, D mewakili 1 markah. Jadual 4.27 menunjukkan penskoran tersebut.

**Jadual 4.27: Gred Elemen dan Markah**

GRED ELEMEN	MARKAH
A	4
B	3
C	2
E	1

Jumlah markah bagi ketiga-tiga elemen dikira bagi menentukan gred keseluruhan dan tahap pencapaian calon. Jadual 4.28 menunjukkan cara perolehan markah bagi menentukan gred dan tahap pencapaian kerja kursus yang dihasilkan pelajar.

**Jadual 4.28: Markah, Gred dan Tahap Pencapaian Pelajar**

MARKAH	GRED KESELURUHAN	TAHAP PENCAPAIAN
10-12	A	Cemerlang
7-9	B	Kepujian
5-6	C	Memuaskan
3-4	D	Mencapai tahap minima
1-2	E	Melaksanakan sebahagian kerja kursus
0	F	Tidak melaksanakan kerja kursus

#### **4.5.1 Kriteria Penentu Skor Markah Setiap Elemen.**

Dalam menentukan skor setiap elemen, SBE telah menentukan beberapa kriteria tertentu iaitu:

##### **A. Elemen 1: Mengumpul Fakta Sejarah.**

Pelajar perlu mengumpul fakta sejarah daripada pelbagai sumber yang terdiri daripada:-

- i. Buku ilmiah (perlu ditentukan nama pengarang, tahun terbit, nama buku, tempat terbit dan penerbit).
- ii. Jurnal (perlu ditentukan nama pengarang, tajuk, bilangan dan tahun).

- iii. Akhbar (perlu ditentukan nama akhbar dan tarikh).
- iv. Majalah (perlu ditentukan nama majalah dan tarikh).
- v. Orang sumber perlu ditentukan nama, umur dan alamat).
- vi. Melawat tempat kajian (perlu ditentukan nama tempat/bangunan dan alamat).
- vii. Internet (perlu ditentukan alamat laman web).
- viii. Televisyen (perlu ditentukan tajuk program, tarikh, masa dan rangkaian).
- ix. Radio (perlu ditentukan tajuk program, tarikh, masa dan rangkaian).
- x. VCD/DVD (perlu ditentukan tajuk program dan terbitan).

Penskoran markah adalah berdasarkan:-

- i. A = 4 markah sekiranya mengumpul bahan maklumat daripada empat atau lebih jenis sumber yang berbeza atau mengumpul bahan maklumat daripada empat orang sumber sekiranya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan
- ii. B = 3 markah sekiranya mengumpul bahan maklumat daripada tiga jenis sumber yang berbeza atau mengumpul bahan maklumat daripada tiga orang sumber sekiranya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan.
- iii. C = 2 markah sekiranya mengumpul bahan maklumat daripada dua jenis sumber yang berbeza atau mengumpul bahan maklumat daripada dua orang sumber sekiranya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan
- iv. D = 1 markah sekiranya mengumpul bahan maklumat daripada satu jenis sumber yang berbeza atau mengumpul bahan maklumat daripada seorang orang sumber sekiranya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan

#### **B. Elemen 2: Merekod Fakta Sejarah.**

Pelajar perlu mengelas, menganalisis, mentaksir dan merumus mengikut format berikut:-

- i. Tajuk kajian
- ii. Senarai Kandungan
- iii. Penghargaan
- iv. Objektif kajian

- v. Kaedah kajian (seperti temuramah, lawatan dan pemerhatian, analisis dokumen dan penyelidikan perpustakaan)
- vi. Laporan kajian (mengandungi tajuk, sub tajuk)
- vii. Rumusan (mengandungi nilai patriotisme tentang tajuk yang dikaji, iktibar kepada diri, bangsa dan Negara)
- viii. Lampiran (seperti gambar, peta dan dokumen –perlu ditulis kapsyen/penerangan di bawah gambar/peta/dokumen)
- ix. Rujukan.

Penskoran markah adalah berdasarkan:-

- i. A = 4 markah sekiranya hasil kajian mengandungi sembilan daripada aspek format termasuk laporan kajian. Laporan kajian lengkap (mengikut sub topik dan tersusun mengikut urutan yang sesuai).
- ii. B = 3 markah sekiranya hasil kajian mengandungi tujuh hingga lapan daripada aspek format termasuk laporan kajian. Laporan kajian lengkap (mengikut sub topik dan tersusun mengikut urutan yang sesuai).
- iii. C = 2 markah sekiranya hasil kajian mengandungi lima hingga enam daripada aspek format termasuk laporan kajian. Laporan kajian lengkap (mengikut sub topik dan tersusun mengikut urutan yang sesuai).
- iv. D = 4 markah sekiranya hasil kajian mengandungi tiga hingga empat daripada aspek format termasuk laporan kajian. Laporan kajian tersusun mengikut urutan yang sesuai.

### **C. Elemen 3 : Penerapan Nilai dan Patriotisme.**

Pelajar dikehendaki menulis esei sebanyak 150 patah perkataan yang menunjukkan pengamalan unsur patriotisme.

Penskoran markah berdasarkan:-

- i. A = 4 markah sekiranya menulis esei yang mengandungi empat atau lebih unsur patriotisme.

- ii. B = 3 markah sekiranya menulis eseai yang mengandungi tiga daripada lima unsur patriotisme.
- iii. C = 2 markah sekiranya menulis eseai yang mengandungi dua daripada lima unsur patriotisme.
- iv. D = 1 markah sekiranya menulis eseai yang mengandungi satu daripada lima unsur patriotisme.

Jadual 4.29 berikut menunjukkan dengan jelas kriteria penentuan skor markah bagi setiap elemen di dalam SBE.

**Jadual 4.29: Kriteria Penentuan Skor Markah Setiap Elemen**

Bil	Elemen	Aspek	Skor		Kriteria
1	Elemen 1: Mengumpul fakta sejarah	Mengumpul fakta sejarah daripada pelbagai sumber  i. Buku ilmiah - Nama pengarang - Tahun terbit - Nama buku - Tempat terbit - Penerbit  ii. Jurnal - Nama pengarang - Tajuk - Bilangan - Tahun  iii. Akhbar - nama akhbar - Tarikh  iv. Majalah - Nama majalah - Tarikh  v. Orang sumber - Nama - Umur - Alamat  vi. Melawat tempat kajian - Nama tempat/ bangunan - Alamat  vii. Internet	A	4	Mengumpul bahan maklumat daripada <b>empat</b> jenis sumber ATAU  Mengumpul bahan maklumat daripada <b>empat</b> orang sumber sekitanya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan.  Mengumpul bahan maklumat daripada <b>tiga</b> jenis sumber ATAU  Mengumpul bahan maklumat daripada <b>tiga</b> orang sumber sekitanya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan.  Mengumpul bahan maklumat daripada <b>dua</b> jenis sumber ATAU  Mengumpul bahan maklumat daripada <b>dua</b> orang sumber sekitanya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan.  Mengumpul bahan maklumat daripada <b>satu</b> jenis sumber ATAU  Mengumpul bahan maklumat

		<ul style="list-style-type: none"> <li>- Alamat laman web</li> <li>viii. Televisyen           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tajuk program</li> <li>- Tarikh</li> <li>- Masa</li> <li>- Rangkaian</li> </ul> </li> <li>ix. Radio           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tajuk program</li> <li>- Tarikh</li> <li>- Masa</li> <li>- Rangkaian</li> </ul> </li> <li>x. VCD/DVD           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tajuk program</li> <li>- Terbitan</li> </ul> </li> </ul>			daripada <b>satu</b> orang sumber sekiranya calon mengkaji tajuk yang belum diterbitkan.
2	Merekod fakta sejarah	<p>Pelajar mengelas, menganalisis, mentaksir dan merumus mengikut format berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tajuk kajian</li> <li>ii. Senarai Kandungan</li> <li>iii. Penghargaan</li> <li>iv. Objektif kajian</li> <li>v. Kaedah kajian           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Temuramah</li> <li>- Lawatan dan pemerhatian</li> <li>- Analisis dokumen</li> <li>- Penyelidikan perpustakaan</li> </ul> </li> <li>vi. Laporan kajian           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Tajuk</li> <li>- Sub tajuk</li> </ul> </li> <li>vii. Rumusan           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Nilai/patriotisme tentang tajuk yang dikaji</li> <li>- Iktibar kepada diri, bangsa dan Negara</li> </ul> </li> <li>viii. Lampiran           <ul style="list-style-type: none"> <li>- Gambar</li> <li>- Peta</li> <li>- Dokumen</li> </ul> </li> <li>Tulis kapsyen/ penerangan di bawah gambar/peta/ dokumen</li> <li>ix. Rujukan</li> </ul>	A           B           C            D	4           3            2            1	<p>i. Hasil kajian mengandungi <b>sembilan</b> daripada aspek format termasuk laporan kajian.</p> <p>ii. Laporan kajian <b>lengkap</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengikut sub topik</li> <li>- tersusun mengikut urutan yang sesuai.</li> </ul> </p> <p>i. Hasil kajian mengandungi <b>tujuh hingga lapan</b> daripada aspek format termasuk laporan kajian.</p> <p>ii. Laporan kajian <b>lengkap</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengikut sub topik</li> <li>- tersusun mengikut urutan yang sesuai.</li> </ul> </p> <p>i. Hasil kajian mengandungi <b>lima hingga enam</b> daripada aspek format termasuk laporan kajian.</p> <p>ii. Laporan kajian           <ul style="list-style-type: none"> <li>- mengikut sub topik</li> <li>- tersusun mengikut urutan yang sesuai.</li> </ul> </p> <p>i. Hasil kajian mengandungi <b>tiga hingga empat</b> daripada aspek format termasuk laporan kajian.</p> <p>ii. Laporan kajian tersusun mengikut urutan yang sesuai.</p>
3	Penerapan unsur patriotisme	Menulis esei sebanyak 150 patah perkataan yang menunjukkan pengamalan unsur patriotism	A	4	Menulis esei yang mengandungi <b>empat</b> atau <b>lebih</b> unsur patriotism.

			B	3	Menulis esei yang mengandungi <b>tiga</b> daripada <b>lima</b> unsur patriotisme.
			C	2	Menulis esei yang mengandungi <b>dua</b> daripada <b>lima</b> unsur patriotisme.
			D	1	Menulis esei yang mengandungi <b>satu</b> daripada <b>lima</b> unsur patriotisme.

Hasil analisis dokumen Skor Berasaskan Elemen (SBE) Lembaga Peperiksaan Malaysia ini mendapati bahawa:-

- i. Terdapat pernyataan LM tahap 2 pada penskoran markah di elemen 1: mengumpul fakta sejarah daripada pelbagai sumber. Namun kaedah penskoran markah agak longgar. Skor markah hanya berdasarkan jumlah jenis bahan rujukan. Penskoran markah tidak melihat kepada kesahihan, kerelevanan dan kekinian bahan rujukan yang digunakan oleh pelajar.
- ii. Wujud juga pernyataan LM tahap 1, 2, 4, 5 dan 6 di elemen 2: merekod fakta sejarah mengikut format yang telah ditetapkan seperti Jadual 4.30 di bawah:

### **Jadual 4.30: Tahap LM pada Format Penghasilan Kerja Kursus**

Bil	Format Penghasilan Kerja Kursus	Tahap LM
1	Tajuk kajian	
2	Senarai Kandungan	
3	Penghargaan	<p><b>LM Tahap 1:</b> “Orang yang celik maklumat menyedari situasi yang memerlukan maklumat dan dapat menskopkan keperluan tersebut”.</p>
4	Objektif kajian	
5	Kaedah kajian <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Temuramah</li> <li>ii. Lawatan dan pemerhatian</li> <li>iii. Analisis dokumen</li> <li>iv. Penyelidikan perpustakaan</li> </ul>	<p><b>LM Tahap 2:</b> “Orang yang celik maklumat akan mengakses maklumat yang diperlukan secara efektif dan efisiyen”.</p>
6	Laporan kajian <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tajuk</li> <li>ii. Sub tajuk</li> </ul>	<p><b>LM Tahap 4:</b> “Orang yang celik maklumat akan mengurus maklumat yang telah dikumpul”.</p>
7	Rumusan <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Nilai/patriotisme tentang tajuk yang dikaji</li> <li>ii. Iktibar kepada diri, bangsa dan Negara</li> </ul>	<p><b>LM Tahap 5:</b> “Orang yang celik maklumat akan menganalisa, mengolah dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep-konsep dan pemahaman baru seterusnya menjadi ilmu pengetahuan yang baru”.</p>
8	Lampiran <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Gambar</li> <li>ii. Peta</li> <li>iii. Dokumen</li> </ul>	<p><b>LM Tahap 4:</b> “Orang yang celik maklumat akan mengurus maklumat yang telah dikumpul”.</p>
9	Rujukan	<p><b>LM Tahap 6:</b> “Orang yang celik maklumat mengamalkan tingkah laku yang beretika terhadap maklumat dan teknologi maklumat”.</p>

Namun kaedah penskoran markah juga agak longgar. Skor markah hanya tertumpu kepada jumlah format yang telah diikuti oleh pelajar sahaja. Penskoran markah tidak berdasarkan kepada perincian setiap format yang telah ditetapkan.

- iii. Format yang dinyatakan itu tidak memasukkan persoalan, kepentingan dan batasan kajian, cadangan kajian lanjutan, penggunaan petikan dalam teks dan penggunaan grafik dalam persempahan maklumat. Kesemua ini termasuk dalam ciri-ciri LM.
- iv. Penghasilan eseai di elemen 3 tidak akan menggambarkan pelajar menghasilkan idea baru (pernyataan LM tahap 5). Ini disebabkan pelajar hanya dikehendaki menghasilkan eseai berdasarkan nilai patriotisme yang telah ditentukan.
- v. Pada keseluruhan penskoran markah SBE, tidak kelihatan pernyataan LM tahap 3 iaitu “orang yang celik maklumat dapat menilai maklumat dan proses pencarian maklumat secara kritikal dan kompeten”. Jadual 4.31 di bawah menunjukkan kewujudan tahap LM dalam SBE.

#### **Jadual 4.31 Kewujudan LM dalam SBE.**

Tahap LM	Ciri-Ciri LM	LM dalam SBE	
		Ada	Tiada
<b>LM Tahap 1</b>	i. Mereka faham dan minat terhadap keperluan maklumat;		✓
	ii. Mereka faham tentang tujuan, kepentingan dan skop keperluan maklumat;		✓
	iii. Mereka dapat menentukan bentuk dan batasan/had sesuatu maklumat yang diperlukan dan		✓
	iv. Mereka mempunyai kaedah yang sesuai untuk mencari maklumat.	✓	
<b>LM Tahap 2</b>	i. Mereka membina dan melaksanakan strategi pencarian yang efektif;	✓	
	ii. Mereka berusaha mencapai kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan		✓
	iii. Mereka sentiasa menggunakan pelbagai sumber maklumat, teknologi maklumat dan		✓

	perkakasan (peranti) untuk mengakses maklumat.		
<b>LM Tahap 3</b>	i. Mereka dapat menentukan keaslian maklumat; ii. Mereka boleh menilai sama ada maklumat yang diperolehi berguna, relevan dan sahih; iii. Mereka mempunyai kriteria tersendiri untuk menilai maklumat dan iv. Mereka bertindak balas dan menyemak strategi pencarian sekiranya perlu.		✓ ✓ ✓ ✓
<b>LM Tahap 4</b>	i. Mereka merekodkan maklumat berserta sumbernya; ii. Mereka menyusun, mengklas dan menyimpan maklumat dan iii. Mereka mudah untuk mendapat kembali maklumat.	✓	✓ ✓
<b>LM Tahap 5</b>	i. Mereka menggunakan maklumat secara efektif dan kreatif; ii. Mereka mengulas (termasuk mengkritik) pengetahuan dan pemahaman yang baru itu secara efektif; iii. Mereka menggabung jalin dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep dan pemahaman baru; iv. Mereka menghargai dan meminati jenis-jenis kesusastraan lain; v. Mereka menyedari kepentingan maklumat dalam masyarakat demokratik; vi. Mereka bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi mengenalpasti permasalahan maklumat dan mencari penyelesaiannya dan vii. Mereka mengambil bahagian yang efektif dalam sebuah kumpulan untuk tujuan mencari dan menjana maklumat.	✓        	✓ ✓ ✓ ✓ ✓ ✓ ✓
<b>LM Tahap 6</b>	i. Mereka membuat rujukan kepada bahan-bahan maklumat yang diguna; ii. Mereka memaparkan kenyataan rujukan dalam teks laporan; iii. Mereka menghindari amalan plagiat serta peniruan dan iv. Mereka mengakses, memperolehi, menyimpan dan menyebarkan serta menggunakan maklumat berupa teks, data, imej dan bunyi secara sah.	✓    	✓ ✓ ✓

Oleh sebab itu, bagi menghasilkan kerja kursus KST yang bercirikan LM, dicadangkan agar skor pemarkahan perlu mengikut tahap-tahap LM yang telah ditentukan. Perincian pemarkahan perlu dibuat mengikut setiap ciri-ciri LM yang dimaksudkan.

#### **4.6. PERMASALAHAN-PERMASALAHAN YANG TELAH DIKENAL PASTI**

Daripada sorotan literatur, analisis soal selidik, analisis laporan KST dan analisis skima pemarkahan KST, beberapa permasalahan telah dikenalpasti dan dikategorikan seperti di bawah:

- a) Masalah yang dikenalpasti menerusi sorotan literatur:
  - bidang LM di Malaysia masih baharu diperbahaskan;
  - belum wujud piawaian LM di Malaysia (Yaacob & Samsuri, 2003; Edzan & Mohd Sharif, 2005);
  - isu LM disebut dan panduan dikeluarkan tanpa fahaman yang betul (Malaysia, 2002);
  - Guru Perpustakaan dan Media (GPM) kurang mendapat latihan berkaitan LM (Abrizah & Diljit, 2000; Yaacob & Samsuri, 2003; Yusof, 2006; Nor Hashimah, 2007; Tan & Diljit, 2008);
  - Hanya model LM *The Big 6 Skill oleh Eisenberg & Borkowitz* (1990) yang popular digunakan dalam kajian-kajian di peringkat sekolah menengah di Malaysia (Norhayati, Nor Azilah & Mona, 2006a, 2006b; Faizal & Nor Azian, 2006; Faizal at.al, 2006; Faizal, 2006a; Faizal 2006b);
  - Konsep model LM *The Big 6 Skill oleh Eisenberg & Borkowitz* (1990) masih kurang difahami (Norhayati, Nor Azilah & Mona, 2006b) menyebabkan timbul masalah perlaksanaan LM; dan

- Belum wujud modul panduan pembelajaran LM yang boleh digunakan sebagai panduan menghasilkan KKS yang bercirikan LM terutama di peringkat sekolah menengah di Malaysia

b) Masalah yang dikenalpasti menerusi analisis soal selidik:

- Sumber rujukan pelajar terhad kepada bahan cetak;
- Pelajar belum mempunyai kemahiran untuk mengesan maklumat yang diperlukan;
- Pelajar perlukan pendedahan kepada kaedah penilaian maklumat yang betul;
- Pelajar kurang mahir dalam menyusun, menulis dan mempersembahkan maklumat secara efektif;
- Pelajar kurang menghasilkan idea-idea baru, hanya menyampaikan semula maklumat daripada teks asal; dan
- Pelajar kurang mengamalkan etika dalam menggunakan dan mempersembahkan maklumat:
  - kurang menulis rujukan terhadap sumber yang digunakan,
  - kurang membuat petikan dalam teks,
  - hanya menyalin maklumat daripada teks tanpa membuat petikan, dan
  - kurang menunjukkan gaya penulisan petikan dan rujukan yang betul.

c) Masalah yang dikenalpasti menerusi analisis kerja kursus KST:

- Tidak dapat menentukan dan menulis objektif kajian dengan tepat;
- Tidak menggunakan kaedah kajian yang sesuai;
- Tidak menyatakan persoalan, kepentingan dan batasan kajian;
- Sumber rujukan pelajar terhad dan tidak dinilai kesahihannya;
- Tidak mencari sumber asal dan tidak merekodkan sumber asalnya;
- Hanya menggunakan garis panduan LPM dalam mengembangkan teks;
- Tidak menyusun maklumat mengikut kategori tertentu;
- Melakukan “cut and paste” artikel di Internet dalam tulisannya;
- Meniru hasil kajian rakan;
- Menyalin kembali teks asal tanpa membuat petikan dalam teksnya;
- Membuat petikan tetapi tidak lengkap;

- Tidak membuat pendahuluan dan penutup dalam penulisan teksnya;
- Kurang menggunakan graf, carta, jadual, rajah dalam mempersembahkan kerja kursus;
- Tidak mengaitkan sumber yang dilampirkan seperti gambar, peta, lambang;
- Gagal merumuskan hasil penulisannya dengan baik;
- Tidak memberikan cadangan dan pendapat dalam kajiannya;
- Tidak menggunakan idea hasil kajiannya ketika menganalisis esei;
- Gambar, lambang dan peta dalam teks tidak mempunyai kapsyen;
- Tidak menyenaraikan sumber maklumat yang digunakan dalam senarai rujukan;
- Tidak dapat mengenal pasti gaya penulisan rujukan yang betul;
- Senarai rujukan pelajar berbeza dengan sumber maklumat yang disimpan; dan
- Sumber rujukan pelajar tidak dicatat dalam teks.

d) Masalah yang dikenalpasti menerusi analisis skima pemarkahan LPM:

- Kaedah penskoran markah agak longgar. Skor markah hanya berdasarkan jumlah jenis bahan rujukan dan jumlah format yang diikuti pelajar;
- Penskoran tidak menekankan kepada kesesuaian, kerelevan dan kekinian bahan rujukan;
- Penskoran tidak melihat kepada perincian tahap LM;
- Tidak memasukkan persoalan, kepentingan dan batasan kajian serta cadangan kajian lanjutan yang merupakan sebahagian elemen dalam ciri-ciri LM;
- Penghasilan esei menggambarkan penghasilan idea baru tertakluk nilai patriotisme yang telah ditetapkan; dan
- Tidak memperlihatkan pernyataan LM tahap 3 iaitu orang yang teliti maklumat dapat menilai maklumat dan proses pencarian maklumat secara kritikal dan kompeten.

Secara keseluruhannya, permasalahan-permasalahan tersebut boleh dikelompokkan kepada 3 kumpulan pemegang taruh (*stakeholder*).

**Kumpulan pertama: Guru mata pelajaran, Guru GMP, Pihak Kementerian:**

- i. Belum ada piawaian LM kebangsaan;
- ii. Isu LM disebut dan panduan dikeluarkan tanpa fahaman yang betul;
- iii. Latihan berkaitan LM kurang dijalankan;
- iv. GPM kurang mendapat latihan berkaitan LM;
- v. Modul-modul LM belum popular digunakan;
- vi. Model *The Big 6 Skill* oleh Eisenberg & Borkowitz (1990) yang digunakan kurang difahami; dan
- vii. Tiada modul untuk pelajar menghasilkan KKS bercirikan LM.

**Kumpulan kedua: Pelajar:**

- i. Kurang kemahiran mengesan maklumat;
- ii. Kurang kemahiran menilai kesahihan, kerelevanan dan keesahan maklumat;
- iii. Kurang kemahiran dalam menyusun dan menulis dan mempersesembahkan maklumat secara beretika
- iv. Kurang menghasilkan idea-idea baru;


**Kumpulan ketiga: Badan Penggubal KKS:**

- i. Kaedah penskoran tidak memperincikan tahap-tahap LM;
- ii. Tidak memasukkan persoalan, kepentingan dan batasan kajian serta cadangan kajian lanjutan dalam elemen yang dinilai;
- iii. Penskoran dalam penghasilan esei kurang menggambarkan penghasilan idea baru dan
- iv. Penilai berkaitan keesahan, kekinian dan kerelevanan maklumat serta proses pencarian maklumat tidak dimasukkan dalam penskoran markah.

#### **4.7. RICH PICTURE (RP)**

Peter Checkland telah menggunakan *Rich Picture* (RP) di fasa awal dalam *Soft Systems Methodology* (SSM). Ia menggambarkan bahawa sesuatu permasalahan tidak akan berasingan daripada orang yang terlibat malah menghargai pandangan mereka dalam permasalahan itu. RP merupakan kaedah yang digunakan bukan sahaja untuk menunjukkan fakta yang jelas mengikut situasi tetapi ia juga tentang sesuatu yang abstrak atau yang melibatkan emosi seperti persekitaran sosial setiap pelaku. Nilai RP menjadi lebih jelas apabila dikongsi bersama mereka yang berkepentingan, pengecaman daripada persepsi yang berbeza dan jangkaan terhadap apa yang akan berlaku. Apabila kesemuanya bercantum, permasalah dapat dilihat dengan jelas.


Hasil daripada maklumat-maklumat yang diperolehi menerusi kajian lampau dan hasil analisis borang soal selidik, analisis naskah laporan kerja kursus KST pelajar serta analisis skima pemarkahan/borang Skor Berasaskan Elemen (SBE) Lembaga Peperiksaan Malaysia, keseluruhan permasalahan yang wujud digambarkan melalui RP seperti Rajah 4.1 berikut. Daripada RP tersebut, penyelidik dapat melihat tahap LM pelajar sekolah menengah berasrama penuh ketika menghasilkan kerja kursus sekolah (KKS) belum melepas tahap KLMP yang dikehendaki. Untuk itu satu proses transformasi diperlukan bagi meningkatkan tahap LM pelajar terutama ketika menghasilkan KKS. Bagi mengenalpasti proses transformasi yang diperlukan, analisis CATWOE diperlukan bagi membentuk *root definition* (RD).



**Rajah 4.1: Rich Picture (RP) Pernyataan Masalah dari Sudut Pihak yang Berkepentingan**

## 4.8. RUMUSAN

Rajah 4.2 adalah lakaran rekabentuk kajian bagi tahap 1 dan 2 SSM yang menjadi panduan dalam kajian ini.



Rajah 4.2: Tahap 1 & 2 SSM

Fasa seterusnya akan membincangkan lebih lanjut berkaitan analisis CATWOE, definisi asas dan proses transformasi ini yang melibatkan fasa 3, 4 dan 5 SSM di bab 5.

## BAB 5

### FASA 2 KAJIAN: MENCADANGKAN SATU KAEDAH PENYELESAIAN UNTUK MENGUBAH PROSES SEDIA ADA

#### 5.1 PENGENALAN

Fasa ini merupakan fasa 2 penyelidikan iaitu mencadangkan satu kaedah penyelesaian untuk mengubah proses sedia ada yang merangkumi peringkat 3 ,4 dan 5 SSM. Fasa ini akan mengupas lebih lanjut berkaitan analisis CATWOE dan *root definition* (RD) seterusnya pembentukan model konseptual dan perbandingan model konseptual dengan dunia nyata.

#### 5.2 ANALISIS CATWOE DAN *ROOT DEFINITION* (RD)

Di dalam SSM (*Soft System Methodology*), Checkland (1981) telah menggunakan CATWOE sebagai alat untuk membantu memformulasikan *rood definition* (RD). CATWOE merupakan askara perkataan yang terdiri daripada C: *customers/ pelanggan*; A: *Actors/pelakon*; T: *Transformation* *Process/proses* transformasi; W: *Weltanschauung/pandangan dunia*; O: *Owners/pemilik*; dan E: *Environmental Constraints/batasan persekitaran*. Mnemonic ini digunakan untuk mengenalpasti dan mengkategori semua pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) yang terlibat. Kegunaan CATWOE ini adalah untuk aktiviti dan peranan pihak yang berkepentingan dalam sesuatu

situasi masalah. Dalam konteks ini, pihak yang berkepentingan ialah pelajar, guru subjek, Guru Perpustakaan & Media (GPM), KPM dan Badan Penggubal KKS.

Pelanggan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar sekolah yang terlibat dalam menghasilkan kerja kursus sekolah (KKS). Pelaku yang telah dikenalpasti pula ialah guru matapelajaran dan GPM. Bagi proses transformasi, input yang dikenalpasti ialah pelajar kurang celik maklumat manakala output ialah pelajar celik maklumat. *Weltanschauung* pula dimaksudkan sebagai cara penghasilan KKS yang mempunyai ciri-ciri LM mampu melahirkan pelajar-pelajar yang celik maklumat. Seterusnya pemilik ialah pihak Kementerian Pelajaran yang memberi arahan kepada perlaksanaan KKS kepada pelajar-pelajar untuk mewujudkan pelajar celik maklumat. Halangan persekitaran pula ialah tahap LM pelajar yang rendah. Jadual 5.1 merupakan analisis CATWOE yang terhasil.

**Jadual 5.1: Analisis CATWOE**

C	Customers	Orang yang mendapat manfaat atau kerugian daripada transformasi	Pelajar sekolah yang terlibat dalam melaksanakan KKS
A	Actors	Orang yang melakukan transformasi	Guru matapelajaran dan GPM
T	Transformation Process	Perubahan Input menjadi Output	Pelajar kurang celik maklumat → Pelajar celik maklumat
W	Weltanschauung	Pandangan dunia	Cara penghasilan KKS yang mempunyai ciri-ciri LM
O	Owners	Orang yang berkuasa memberhentikan transformasi	Pihak Kementerian Pelajaran memberi arahan melalui perlaksanaan KKS dan skima pemarkahan.
E	Environmental Constrains	Halangan persekitaran	Tahap LM pelajar yang rendah

RD yang terbentuk adalah seperti berikut:-

**“Satu Sistem yang dippunyai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi membantu menghasilkan KKS yang mempunyai ciri-ciri LM dengan penglibatan guru matapelajaran dan GPM dalam situasi tahap LM pelajar yang rendah ke arah melahirkan pelajar yang celik maklumat”.**


RD ini adalah berdasarkan persepsi penyelidik sebagai satu sistem yang berpotensi untuk menyelesaikan permasalahan yang wujud. RD ini kemudian akan diterjemahkan kepada satu model konseptual.

### **5.3. PENGHASILAN MODEL KONSEPTUAL.**

Rood definition (RD) yang terhasil akan diterjemahkan kepada model konseptual yang mengandungi aktiviti-aktiviti logik bagi mengatasi permasalahan yang berlaku. Aktiviti-aktiviti akan digambarkan menggunakan kata kerja yang ringkas dan mudah faham. Daripada panelitian kajian-kajian lampau dan hasil analisis kajian, berikut merupakan aktiviti-aktiviti yang dicadangkan bagi membentuk model konseptual yang dimaksudkan:-

- i. pilih model-model LM yang sesuai dan mudah difaham;
- ii. tentukan model pengajaran LM yang dianggap sesuai untuk persekitaran masalah;
- iii. tentukan kehendak dan keperluan pelajar;
- iv. pilih rekabentuk pengajaran yang sesuai; dan
- v. bentuk modul LM yang relevan.

Model konseptual yang dimaksudkan adalah seperti Rajah 5.1.



**Rajah 5.1: Model Konseptual bagi Penyelesai Masalah**

### 5.3.1 Pilih dan Tentukan Ciri-Ciri Model Pengajaran LM yang Dikehendaki

Bagi menentukan model LM yang sesuai dan boleh digunakan untuk pengajaran LM, penyelidik telah merujuk pelbagai model yang sesuai digunakan seperti yang terdapat di bab 2.5 lalu. Daripada model-model tersebut, penyelidik telah merujuk dua model LM iaitu model LM oleh Eisenberg & Berkowitz (1990a, 1990b, 1996, 2001) dan model LM *Empowering 8* (Wijetunge, 2005). Model pencarian maklumat *The Big Six* oleh Eisenberg & Berkowitz (1990a, 1990b, 1996, 2001) agak mudah digunakan dan lebih dikenali ramai (Woolls, 2006). Manakala model *Empowering 8* pula merupakan model LM terkini yang dibina berdasarkan tahap-tahap kemahiran kognitif dalam Teksonomi Bloom (Pemadasa, 2006).

Model LM *The Big Six* (Eisenberg & Berkowitz, 1990a, 1990b, 1996, 2001), mempunyai 6 langkah antaranya:

- a) Definisi tugas (mengenalpasti tujuan dan keperluan maklumat)
  - Kenalpasti permasalahan
  - Kenalpasti kehendak mengenai masalah
- b) Strategi pencarian maklumat (menentukan pendekatan alternatif untuk memperolehi maklumat yang sesuai seperti yang dikehendaki)
  - Kenalpasti beberapa sumber yang sesuai
  - Nilai sumber yang sesuai bagi mengenal pasti keutamaan
- b) Lokasi dan akses (mengesan sumber-sumber maklumat dan maklumat di antara sumber-sumber)
  - Kenalpasti sumber
  - Kenalpasti maklumat dari sumber di atas
- c) Menggunakan maklumat (menggunakan sumber-sumber untuk mendapatkan maklumat)
  - Mencari (contoh, baca, dengar, lihat) maklumat dari sumbernya
  - Keluarkan maklumat daripada sumber
- d) Sintesis (menyepadukan maklumat yang diperolehi daripada pelbagai sumber)
  - Mengurus maklumat daripada pelbagai sumber
  - Mempersempahkan maklumat
- e) Penilaian (membuat penilaian berdasarkan kriteria yang ditentukan)
  - Menilai produk (keberkesanannya)
  - Menilai proses penyelesaian masalah (kecekapan)

Manakala *Model Empowering 8* (Wijetunge, 2006) mencakupi ciri-ciri yang berikut:

- a) Kenalpasti (identify)
  - Definisi tajuk/ topik

- Kenalpasti dan memahami audien
- Pilih format yang relevan bagi hasilan terakhir
- Kenalpasti kata kunci perkataan
- Rancang strategi penyelidikan
- Kenalpasti pelbagai jenis sumber bagi mendapatkan maklumat

b) Jelajah (explore)

- Kenalpasti sumber yang sesuai dengan tajuk
- Cari maklumat sesuai dengan tajuk
- Lakukan temu bual, lawatan dan kajian lapangan

c) Pilih (select)

- Pilih maklumat relevan
- Pastikan sumber mana yang senang, terlalu susah atau sesuai
- Simpan/rekod maklumat relevan menerusi nota atau visual organizer
- Kenalpasti langkah-langkah dalam proses yang berkenaan
- Kumpulkan rujukan yang sesuai

e) Susun (organize)

- susun maklumat yang diperolehi
- Bezakan antara fakta, pendapat dan fiksyen
- Pastikan unsur berat sebelah
- Susun maklumat mengikut logik
- Gunakan maklumat visual untuk membuat perbandingan

f) Bentuk (Create)

- Sediakan maklumat menggunakan bahasa sendiri
- Semak dan buat pembetulan, secara sendirian atau berkumpulan
- Kenalpasti format bibliografi

g) Bentang (present)

- Latih aktiviti pembentangan
- Kongsi maklumat dengan audien yang sesuai
- Persembahkan maklumat dengan cara berkesan mengikut kesesuaian audien
- Sediakan dan gunakan perkakasan dengan betul

h) Nilai (Assess)

- Terima maklum balas daripada pelajar
  - Buat penilaian kendiri, bandingkan dengan maklum balas yang diberikan guru
  - Buat refleksi atas hasil usaha yang telah dilakukan
  - Pastikan kemahiran baru yang diperolehi
  - Fikirkan langkah-langkah ke arah menghasilkan yang lebih baik pada masa depan
- i) Aplikasi (apply)
- Kaji maklumat dan penilaian yang dibuat
  - Guna maklum balas dan penilaian yang diberi untuk aktiviti/tugasan akan datang
  - Gunakan pengetahuan baru yang diperolehi dalam pelbagai situasi baru
  - Kenalpasti mata pelajaran lain yang boleh dimanfaatkan berasaskan kemahiran baru yang diperolehi
  - Tambah produk dalam portfolio pengeluaran

Daripada model LM *The Big Six* dan *Empowering 8*, penyelidik telah merumuskan kedua-dua model ini berpandukan Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP) bagi membentuk satu Model Literasi Maklumat Penyelidik (MLMP) dengan menggunakan istilah dan bahasa yang mudah difahami seperti yang terkandung dalam Jadual 5.2 berikut:

**Jadual 5.2: Model LM Eisenberg & Berkowitz, Empowering 8 dan Penyelidik.**

Eisenberg/Berkowitz (1990)	Empowering 8 (2006)	Penyelidik (2007)
1. Mendefinisi Tugasan 1.1 Kenalpasti Masalah 1.2 Kenalpasti kehendak maklumat	1. Kenalpasti	<b>1. Mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk</b>
2. Strategi pencarian maklumat 2.1 Kenalpasti sumber-sumber 2.2 Mengutamakan sumber-sumber	2. Jelajah	<b>2. Menstrategik pencarian maklumat</b>
3. Mengesan dan mengakses 3.1 mengesan sumber 3.2 Mencari maklumat.	3. Pilih	<b>3. Mengesan, memilih dan menilai maklumat</b>
4. menggunakan maklumat 4.1 mengguna 4.2 Merumus maklumat	4. Susun	<b>4. Mengurus maklumat</b>
5. Sintasis 5.1 Mengurus 5.2 Mempersebah	5. Bentuk 6. Bentang	<b>5 Menganalisa, mengolah &amp; mengulas maklumat secara beretika</b> <b>6. Mempersebah maklumat secara beretika</b>
6. Penilaian 6.1 menilai produk 6.2 Menilai proses	7. Nilai	<b>7. Membuat penilaian produk dan proses</b>
	8. Aplikasi	<b>8. Menghasilkan idea-idea baru</b>


Model Literasi Maklumat Penyelidik (MLMP) apabila dirujuk kepada Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP) adalah seperti berikut Jadual 5.3.

### Jadual 5.3: Perbandingan antara KLMP dengan MLMP

KLMP	PERINCIAN KLMP	MLMP
<b>LM Tahap 1:</b> Orang yang celik maklumat menyedari situasi yang memerlukan maklumat dan dapat menjurus kepada keperluan tersebut.	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka faham dan minat terhadap keperluan maklumat;</li> <li>ii. Mereka faham tentang tujuan, kepentingan dan skop keperluan maklumat;</li> <li>iii. Mereka dapat membentuk soalan dan batasan/had sesuatu maklumat yang diperlukan dan</li> <li>iv. Mereka mempunyai kaedah kajian yang sesuai digunakan.</li> </ul>	<b>1. Mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk</b>
<b>LM Tahap 2:</b> Orang yang celik maklumat akan mengakses maklumat yang diperlukan secara efektif dan efisiyen	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka membina dan melaksanakan strategi pencarian yang efektif;</li> <li>ii. Mereka berusaha mencapai kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan</li> <li>iii. Mereka sentiasa menggunakan pelbagai sumber maklumat, teknologi maklumat dan perkakasan (peranti) untuk mengakses maklumat.</li> </ul>	<b>2. Menstrategik pencarian maklumat</b>
<b>LM Tahap 3:</b> Orang yang celik maklumat dapat menilai maklumat dan proses pencarian maklumat secara kritikal dan kompeten	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka dapat menentukan keaslian maklumat;</li> <li>ii. Mereka boleh menilai sama ada maklumat yang diperolehi berguna, relevan dan sahih;</li> <li>iii. Mereka mempunyai kriteria tersendiri untuk menilai maklumat dan</li> <li>iv. Mereka bertindak balas dan menyemak strategi pencarian sekiranya perlu.</li> </ul>	<b>3. Mengesan, memilih dan menilai maklumat</b>
<b>LM Tahap 4:</b> Orang yang celik maklumat akan mengurus maklumat yang telah dikumpul	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka merekodkan maklumat berserta sumbernya;</li> <li>ii. Mereka menyusun, mengklas dan menyimpan maklumat dan</li> <li>iii. Mereka mudah untuk mendapat kembali maklumat.</li> </ul>	<b>4. Mengurus maklumat</b>

<p><b>LM Tahap 5:</b> Orang yang celik maklumat akan menganalisa, mengolah dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep-konsep dan pemahaman baru seterusnya menjadi ilmu pengetahuan baru.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka menggunakan maklumat secara efektif dan kreatif;</li> <li>ii. Mereka mengulas (termasuk mengkritik) pengetahuan dan pemahaman yang baru itu secara efektif;</li> <li>iii. Mereka menggabung jalin dan mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep dan pemahaman baru;</li> <li>iv. Mereka menghargai dan meminati jenis-jenis kesusastraan lain;</li> <li>v. Mereka menyedari kepentingan maklumat dalam masyarakat demokratik;</li> <li>vi. Mereka bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam mengenalpasti permasalahan maklumat dan mencari penyelesaiannya dan</li> <li>vii. Mereka mengambil bahagian yang efektif dalam ses sebuah kumpulan untuk tujuan mencari dan menjana maklumat.</li> </ul>	<p><b>5. Menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika</b>  <b>6. Mempersembah maklumat secara beretika</b>  <b>7. Membuat penilaian produk dan proses</b>  <b>8. Menghasilkan idea-idea baru</b></p>
<p><b>LM Tahap 6:</b> Orang yang celik maklumat mengamalkan tingkah laku yang beretika terhadap maklumat dan teknologi maklumat.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mereka membuat rujukan kepada bahan-bahan maklumat yang diguna;</li> <li>ii. Mereka memaparkan kenyataan rujukan dalam teks laporan;</li> <li>iii. Mereka menghindari amalan plagiat serta peniruan dan</li> <li>iv. Mereka mengakses, memperolehi, menyimpan dan menyebarkan serta menggunakan maklumat berupa teks, data, imej dan bunyi secara sah.</li> </ul>	

Bagi memperlihatkan aliran proses berlaku LM, penyelidik telah menggambarkan MLMP dalam satu rekabentuk kitaran seperti Rajah 5.2.



**Rajah 5.2: Kitaran Model LM Mengikut Perspektif Penyelidik.**

Perincian MLMP adalah seperti Jadual 5.4.

**Jadual 5.4: Perincian Model Literasi Maklumat Penyelidik (MLMP).**

MLMP	PERINCIAN MLMP
1. Mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenalpasti skop tugas/topik;</li> <li>ii. Mengenalpasti permasalahan/ persoalan-persoalan asas; dan</li> <li>iii. Mengenalpasti kaedah kajian yang bersesuaian.</li> </ul>
2. Menstrategik pencarian maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mewujudkan strategi pencarian menggunakan OPAC, pengkalan data atau laman web;</li> <li>ii. Menggunakan pelbagai sumber maklumat dan perkakasan dalam mengakses maklumat;</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Mengenalpasti maklumat yang sesuai dengan tajuk; dan</li> <li>iv. Menjalankan kajian lapangan, temubual dan lawatan.</li> </ul>
3. Mengesan, memilih dan menilai maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengenalpasti sumber yang baik dan terpenting;</li> <li>ii. Menilai kerelevan, kekinian dan kesahihan maklumat;</li> <li>iii. Memilih maklumat yang relevan, terkini dan sahih;</li> <li>iv. Mengesan maklumat berdasarkan sumber asal; dan</li> <li>v. Mengeluarkan maklumat daripada sumber.</li> </ul>
4. Mengurus maklumat	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Merekod dan menyimpan maklumat beserta sumbernya dalam bentuk elektronik dan cetak;</li> <li>ii. Menyusun dan mengklas maklumat yang diperolehi mengikut kategori; dan</li> <li>iii. Menyenarai rujukan yang berkaitan.</li> </ul>
5 Menganalisa, mengolah & mengulas maklumat secara beretika	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menggabung jalin maklumat dari sumber yang berbeza melalui petikan dalam teks;</li> <li>ii. Mengeluarkan maklumat daripada sumbernya dalam bentuk jadual, rajah, peta minda dan sebagainya;</li> <li>iii. Menghubungkan idea, pandangan dan fakta dengan pengetahuan sedia ada; dan</li> <li>iv. Membandingbeza, mengolah dan mengulas maklumat menggunakan ayat sendiri.</li> <li>v. Mentafsir maklumat sehingga membentuk makna yang diingini;</li> <li>vi. Membahaskan maklumat berdasarkan bukti kukuh; dan</li> <li>vii. Membezakan antara idea, pendapat, fakta dan fiksyen.</li> </ul>
6. Mempersembah maklumat secara beretika	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Tentukan format pembentangan;</li> <li>ii. Persembahkan maklumat dengan cara berkesan mengikut format yang sesuai;</li> <li>iii. Kongsi maklumat dengan audien;</li> <li>iv. Kenal pasti gaya penulisan sumber rujukan;</li> <li>v. Memaparkan kenyatakan rujukan dalam teks;</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>vi. Menyediakan senarai lampiran; dan</li> <li>vii. Mengelakkan amalan plagiat.</li> </ul>
7. Membuat penilaian produk dan proses	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menilai produk dan proses ;</li> <li>ii. Refleksi terhadap produk dan proses kajian yang telah dilalui; dan</li> <li>iii. Memikirkan langkah-langkah penghasilan (produk dan proses) yang lebih baik pada masa hadapan.</li> </ul>
8. Menghasilkan idea-idea baru	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep/pemahaman baru;</li> <li>ii. Mengguna pengetahuan baru yang diperolehi dalam pelbagai situasi baru;</li> <li>iii. Berusaha memperbetulkan maklumat yang tidak benar;</li> <li>iv. Menilai, mengulas, mengkritik dan menambah baik maklumat sedia ada; dan</li> <li>v. Memberikan cadangan untuk kajian lanjutan.</li> </ul>

### 5.3.2 Kenalpasti Kehendak dan Keperluan Pelajar

Dapatan daripada analisis soal selidik dan analisis naskah laporan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) mendapati bahawa tahap LM masih di tahap sederhana (Jadual 4.22 dan 4.26). Bagi meningkatkan tahap penguasaan LM pelajar, beberapa kehendak dan keperluan mereka telah dikenalpasti bagi membentuk satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) menghasilkan KKS bercirikan LM. Jadual 5.5 berikut menunjukkan kehendak dan keperluan pelajar hasil daripada analisis soal selidik dan analisis naskah laporan kerja kursus KST pelajar.

**Jadual 5.5: Kehendak dan Keperluan Pelajar Berdasarkan Analisis Soal Selidik dan Analisis Naskah Laporan KST**

<b>KLMP</b>	<b>Hasil Analisis Soal Selidik</b>	<b>Hasil Analisis Kerja Kursus KST</b>	<b>Kehendak dan Keperluan Pelajar</b>
<b>LM Tahap Pertama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar tahu untuk menentukan topik kajian.</li> <li>ii. Pelajar telah membuat rangka kajian, menyenaraikan keperluan dan membuat pembacaan umum sebelum menjalankan kajian.</li> <li>iii. Pelajar telah sedar dan tahu bila maklumat diperlukan.</li> <li>iv. Pelajar kurang peka akan kaedah membina soalan sebelum menjalankan kajian.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar telah dapat menentukan topik kajian, isi kandungan dan penghargaan dengan jelas.</li> <li>ii. Pelajar tidak dapat menulis objektif kajian dengan tepat. Objektif kajian tidak boleh diukur, terlalu umum dan tidak jelas. Objektif kajian yang tidak dilaporkan dalam teks.</li> <li>iv. Pelajar tidak menggunakan kaedah kajian yang sesuai.</li> <li>vi. Kaedah kajian tidak dilaporkan dalam teks.</li> <li>ii. Pelajar keliru dengan konsep dan penggunaan kaedah kajian.</li> <li>ii. Pelajar tidak menyatakan persoalan, kepentingan dan batasan kajian (tidak termasuk dalam format penghasilan bahan LPM).</li> </ul>	<p><b>Pelajar perlu didedahkan kepada:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) cara memfokus dan menskop tajuk kajian dan</li> <li>b) cara menuis objektif, persoalan, kaedah, kepentingan dan batasan kajian.</li> </ul>
<b>LM Tahap Kedua</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelajar dapat menstategik pencarian dengan mencari maklumat di Pusat Sumber Sekolah, melayari Internet dan Perpustakaan Awam. Pelajar agak mahir dalam mencari maklumat dari segi bahan cetak tapi bukan bahan elektronik.</li> <li>ii. Pencarian maklumat pelajar terhad kepada buku,</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Sumber rujukan pelajar adalah terhad. Ia hanya tertumpu kepada buku, majalah, surat khabar dan Internet.</li> <li>ii. Pelajar menjadikan buku teks dan buku rujukan PMR sebagai sumber rujukannya. Pelajar salah tafsir sumber maklumat. Contoh melawat muzium sebagai melawat tempat kajian sedangkan kajiannya berkaitan peristiwa 13</li> </ul>	<p><b>Pelajar perlu didedahkan kepada:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) strategi pencarian maklumat yang betul dan tepat dari sumber cetak dan sumber elektronik;</li> <li>b) kepelbagaiuan sumber maklumat, jenis, kegunaan dan kepentingannya</li> <li>c) kepelbagai saluran (channel) yang boleh digunakan</li> </ul>

	iv. Internet, keratan akhbar, majalah dan insiklopedia dan Pelajar kurang menggunakan risalah, brosur, pamphlet, indek, soal selidik, melawat tapak kajian, kamus, jurnal, dairi dan abstrak.	Mei.	<b>untuk pencarian maklumat</b>
<b>LM Tahap Ketiga</b>	i. Pelajar telah dapat membandingkan maklumat daripada sumber yang berbez.a ii. Untuk menilai sesuatu maklumat, pelajar akan mendapatkan maklumat daripada sumber yang pelbagai tetapi cenderung kepada bahan cetak. iii. Pelajar kurang melihat keautoiritian pengarang untuk menilai kesahihan sesuatu maklumat dan iv. Terdapat pelajar yang menyatakan mereka tidak pasti sama ada maklumat itu sahih atau tidak.	i. Pelajar mengambil sumber maklumat di Internet tanpa menilai kesahihannya. Contoh pelajar mengambil bahan dari blogsport dan geocities dan Terdapat sumber maklumat yang tidak berkaitan dengan tajuk dikepikan bersama.	<b>Pelajar perlu didedahkan kepada:</b> <b>a) cara-cara menentukan kesahihan, kekinian dan kerelevan maklumat (cara menilai maklumat)</b> <b>dari segi bahan cetak dan bahan elektronik.</b>
<b>LM Tahap Keempat</b>	i. Pelajar telah menyusun maklumat mengikut kategori pendahuluan, isi dan penutup. ii. Pelajar kurang merekodkan petikan yang diambil dan iii. Pelajar kurang menyimpan sumber-sumber maklumat yang diperolehi.	i. Pelajar tidak merekodkan sumber asalnya pada maklumat yang diperolehi. ii. Pelajar tidak cuba mendapatkan sumber asal. Contoh pelajar menyatakan sumber maklumat yang diperolehi dari Arkib Negara. iii. Pelajar kurang menyenaraikan sumber maklumat yang diperolehi dan iv. Pelajar tidak menyusun maklumat mengikut	<b>Pelajar perlu didedahkan kepada:</b> <b>a) cara-cara merekodkan maklumat;</b> <b>b) cara penyimpanan maklumat dalam bentuk elektronik dan cetak;</b> <b>c) cara-cara penyusunan dan pengklasan maklumat mengikut kategori dan</b> <b>d) cara-cara menyenaraikan</b>

		kategori tertentu (pendahuluan, isi, penutup).	rujukan yang berkaitan.
<b>LM Tahap Kelima</b>	<p>i. Pelajar telah merumus maklumat yang diperolehi dengan isu-isu semasa dan dengan menggunakan ayat sendiri.</p> <p>ii. Pelajar telah merujuk kamus bagi mendapatkan istilah yang sebenar.</p> <p>iii. Pelajar kurang mengkritik maklumat yang tidak sahif berdasarkan maklumat yang benar.</p> <p>iv. Pelajar kurang menghasilkan maklumat baru bagi membetulkan maklumat yang tidak sahif dan</p> <p>v. Tidak ramai pelajar yang mencari maklumat untuk memasuki peraduan menulis atau syarahan</p>	<p>i. Pelajar hanya menggunakan garis panduan LPM dalam pengembangan teks masing-masing.</p> <p>ii. Garis panduan LPM ditulis sebagai topik-topik kecil tanpa dikaitkan dengan tajuk. Terdapat pelajar yang “cut and paste” artikel di Internet ke dalam tulisannya.</p> <p>iv. Terdapat pelajar yang meniru hasil kajian rakan.</p> <p>v. Pelajar menulis kembali perkataan, ayat dan perenggan dari sumber asal tanpa menggunakan ayat sendiri atau membuat petikan di dalam teksnya.</p> <p>vi. Terdapat pelajar yang membuat petikan tetapi tidak lengkap.</p> <p>vii. Terdapat pelajar yang tidak membuat pendahuluan dan penutup dalam penulisan teksnya. Pelajar gagal merumus hasil penulisannya dengan baik</p> <p>ix. Kurang pelajar yang menggunakan graf, carta, jadual, rajah dalam mempersembahkan kerja kursus</p> <p>x. Pelajar tidak memasukkan gambar, peta, lambang dalam teks walaupun bahan mencukupi. (Arahan LPM supaya menjadikan gambar, peta, lambang sebagai</p>	<p><b>Pelajar perlu didedahkan kepada:</b></p> <p>a) cara membandingbeza, mengolah dan mengulas maklumat menggunakan ayat sendiri</p> <p>b) cara menggabungjalin maklumat dari sumber yang berbeza melalui petikan dalam teks;</p> <p>c) format persembahan menggunakan pelbagai bentuk grafik;</p> <p>d) teknik persembahan yang berkesan dan mengikut format;</p> <p>e) cara membuat rumusan hasil pembelajaran;</p> <p>f) cara membuat refleksi terhadap produk dan proses yang dilalui;</p> <p>g) cara penghasilan idea baru dalam pelbagai format dan</p> <p>h) cara penulisan cadangan untuk kajian lanjutan</p> <p>i) cara membuat lampiran.</p>

		<p>xi. lampiran sahaja.)</p> <p>ii. Pelajar tidak memberikan cadangan-cadangan dan pendapat dalam kajiannya (tidak termasuk dalam format penghasilan bahan LPM).</p> <p>iii. Pelajar tidak menggunakan idea hasil kajiannya ketika mengarang esei.</p> <p>iv. Kebanyakan esei yang dihasilkan pelajar adalah sama.</p>	
<b>LM Tahap Keenam</b>	<p>i. Pelajar kurang untuk menulis rujukan/bibliografi terhadap sumber-sumber yang digunakan.</p> <p>ii. Pelajar kurang membuat petikan dalam teks.</p> <p>iii. Terdapat pelajar menyalin sahaja maklumat yang diperolehi tanpa mengubah sedikit pun dan</p> <p>iv. Pelajar keliru untuk menentukan cara penulisan petikan dan rujukan yang betul.</p>	<p>i. Ada gambar, lambang dan peta yang dimasukkan dalam teks tetapi tidak mempunyai kapsyen.</p> <p>ii. Terdapat pelajar yang tidak menyenaraikan sumber maklumat yang digunakan dalam senarai rujukan kajiannya.</p> <p>iii. Pelajar menulis senarai rujukan dengan gaya penulisan yang pelbagai.</p> <p>iv. Pelajar menulis senarai rujukan dengan gaya penulisan yang salah dan tidak lengkap.</p> <p>v. Pelajar menulis senarai rujukan daripada sumber maklumat sebagai senarai rujukannya.</p> <p>vi. Senarai rujukan pelajar berbeza dengan sumber maklumat yang disimpan dan</p> <p>vii. Sumber rujukan pelajar tidak di catat di dalam teks.</p>	<p><b>Pelajar perlu didedahkan kepada:</b></p> <p><b>a) cara penulisan petikan dalam teks;</b></p> <p><b>b) cara penyenaraian senarai rujukan berdasarkan petikan dalam teks;</b></p> <p><b>c) cara penulisan kapsyen dan</b></p> <p><b>d) gaya penulisan sumber rujukan yang betul dan kosisten.</b></p>

### **5.3.3 Pilih Reka bentuk Pengajaran yang Sesuai,**

Reka bentuk pengajaran/ instruksi (*Instructional Design*) ialah satu sistem prosedur untuk program pembangunan pendidikan dan latihan dalam gaya yang konsisten dan anjal (Gustafson & Branch, 2002). Reka bentuk pengajaran juga merupakan suatu cara yang sistematik bagi mereka bentuk, membina, menggunakan seluruh proses pengajaran dan menentukan ciri-ciri serta keperluan pembelajaran dengan mengambil kira perubahan sistem dan pengaruh alam sekeliling (Seels & Richey, 1994). Ia merupakan proses kompleks yang mengaplikasi pendekatan sistem bagi menyelesai masalah secara berkesan. Sistem ini merujuk kepada integrasi set elemen yang berinteraksi sesama sendiri berdasarkan ciri-ciri berikut: 1) *interdependent*, iaitu tiada elemen yang boleh terpisah daripada sistem tersebut; 2) *synergistic*, iaitu gabungan kesemua elemen mampu mencapai lebih objektif berbanding dengan satu elemen sahaja; 3) dinamik, iaitu sistem tersebut boleh diubahsuai bagi mengubah persekitaran, dan 4) sibernalistik, iaitu setiap elemen berinteraksi antara satu sama lain (Gustafson & Branch, 2002).


Reka bentuk pengajaran dibangunkan bertujuan untuk menjadikan pengajaran lebih efektif, efisyen, menyerlah dan menjimatkan kos seterusnya memudahkan proses pembelajaran berlaku (Gagne et.al., 2005). Rekabentuk pengajaran juga adalah untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bagi membolehkan pelajar memperolehi kemahiran, pengetahuan dan sikap yang diharapkan. Pemilihan reka bentuk pengajaran yang sesuai dan secara sistematik dapat menghasilkan hasil pengajaran yang berkesan dan relevan (Gustafson & Branch, 2002).

Terdapat pelbagai model reka bentuk pengajaran telah dihasilkan oleh pengkaji-pengkaji silam. Model reka bentuk pengajaran hanya membantu menyediakan kerangka prosedur bagi menghasilkan satu-satu bentuk pengajaran. Belum wujud satu model reka bentuk pengajaran yang terbaik yang dapat memenuhi keperluan semua situasi pembelajaran. Gustafson & Powell (1991) telah mengenalpasti 12 model rekabentuk pengajaran yang telah diklasifikasikan dalam tiga kumpulan: i) model berorientasikan bilik darjah; ii) model berorientasikan produk; dan iii) model berorientasikan sistem.

- i. Model Berorientasikan Bilik Darjah seperti Model Kemp (1985); Model Gerlanch & Eley (1980); dan Model Dick & Reiser (1989) lebih memberi fokus kepada pengajaran guru dalam kelas.
- ii. Model Berorientasikan Produk seperti Model Van Patten (1989); Model Leshin, Pollock & Reigeluth (1990); dan Model Bergman & Moore (1990) lebih memberi fokus kepada membina bahan untuk pengguna tertentu atau pasaran komersial.
- iii. Model Berorientasikan Sistem seperti Model Dick & Carey (1990); Model Seels & Glasgow (1990); dan Model Dimond (1989) lebih kurang sama seperti model berorientasikan produk, namun ia lebih kompleks dan memerlukan kepada taksiran keperluan serta penilaian yang lebih meluas.

Memandangkan dalam kajian ini, keperluan dan kehendak pelajar kepada pembinaan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) bagi menghasilkan KKS bercirikan LM telah dikenalpasti dan ia merupakan satu cadangan kepada penyelesaian masalah kajian ini, maka penyelidik merasakan reka bentuk pengajaran model Dick & Carey (1990) sesuai digunakan sebagai panduan dalam membentuk MPPKLM yang dimaksudkan berdasarkan langkah-langkah dalam model pengajaran ini (Rajah 5.3) sesuai digunakan dalam menganalisis, merekabentuk, mengembangkan,

mengimplementasi serta menilai bahan pembelajaran yang dihasilkan terutama dalam bentuk kendiri (Yusup, 1998). Setiap langkah dalam model tersebut akan menerima input daripada langkah-langkah sebelumnya dan memberi output bagi langkah yang seterusnya (Yusup, 1998).



**Rajah 5.3: Model Pengajaran Dick & Carey (1990)**

MPPKLM yang dicadangkan dalam kajian ini merupakan satu modul panduan pembelajaran kendiri tanpa bimbingan guru dan mudah digunakan oleh pelajar pada masa-masa yang difikirkan sesuai (Shahrom, 1994 & 1996). Pelajar juga dapat menentukan matlamat secara lebih nyata dan belajar mengikut kemampuan (Rahim, 1990). Pengajaran dan pembelajaran bermodul jika direka bentuk dengan sempurna dapat memberikan beberapa faedah kepada guru dan pelajar. Faedah untuk guru ialah guru mempunyai masa untuk aktiviti-aktiviti pengayaan di samping dapat memberi tumpuan dan mengenal pasti

kelemahan pelajar. Faedah untuk pelajar adalah dapat mengurangkan saingan dan tekanan, dapat berkongsi tanggungjawab bersama guru, mendapat maklum balas serta merta, dapat belajar mengikut kecepatan diri sendiri, meningkatkan motivasi, mendorong pencapaian objektif pembelajaran dan sebagai alat pengayaan dan pemulihan (Shahrom & Yap, 1991, 1992).

Antara sebab-sebab lain pemilihan pembelajaran kendiri menurut Rohana (1988) adalah:-

- f) Lebih banyak pengetahuan diperolehi atas daya usaha sendiri;
- g) Menajamkan pemikiran serta membolehkan pembacaan secara mendalam;
- h) Berusaha mengikut kecepatan sendiri dan belajar mengikut minat sendiri;
- i) Menimbulkan perasaan tanggungjawab terhadap pembelajaran tanpa bantuan orang lain; dan
- j) Kadar pemahaman mengikut kecepatan diri dan memotivasi pemikiran sendiri.

Disebabkan keberkesanan reka bentuk pengajaran kendiri ini telah diakui oleh ramai-penyelidik silam (Koh, 1977; Kamdi, 1990; Rosniza, 1999; Goh, 2003; Chandrika, 2003), dan lebih berkesan kerana ia dapat memenuhi kehendak pelajar serta boleh menepati konsep perbezaan individu (Rahim, 1990), maka penyelidik telah memilih reka bentuk pengajaran kendiri untuk membentuk modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) bagi menghasilkan KKS bercirikan LM. Penggunaan MPPKLM mampu menggalakkan pelajar mengusai ilmu dengan cepat berbanding dengan teknik kuliah (Shaharom, 1994). Melalui kuliah, masa yang amat terhad bersama guru akan membataskan pelajar menguasai sesuatu tajuk. Manakala melalui MPPKLM, pelajar dapat menguasai sesuatu mata pelajaran secara individu dengan mengikut langkah demi langkah yang ditunjukkan dalam MPPKLM. Oleh itu, MPPKLM turut sesuai digunakan dalam

kajian ini, lebih-lebih lagi pelajar sasaran dalam kajian merupakan pelajar sekolah berasrama penuh, mereka boleh merancang untuk menggunakan MPPKLM pada bila-bila masa yang difikirkannya sesuai (Shahrom, 1994 & 1996). Melalui MPPKLM, pelajar boleh belajar mengikut tahap kebolehan masing-masing serta memilih cara pembelajaran yang paling sesuai untuk diri mereka (Shaharom & Yap, 1991). Ia juga amat berkesan dan memenuhi kehendak pelajar kerana bersifat lebih kemanusiaan (Gagne et al., 1992).

Dalam mereka bentuk MPPKLM, penyelidik telah berpandukan kepada peringkat-peringkat dalam reka bentuk pengajaran. Model Dick & Carey (1990) melibatkan sembilan peringkat pengajaran. Namun hanya 8 peringkat pengajaran sahaja yang akan ditekankan dalam pembinaan MPPKLM ini iaitu: i) menetapkan matlamat pengajaran; 2) membuat analisis pengajaran; 3) mengenal pasti kelakuan masuk dan ciri-ciri pelajar; 4) menulis objektif kelakuan; 5) membina item-item ujian rujukan kriteria; 6) membina strategi pengajaran; 7) membina dan memilih bahan-bahan pengajaran; dan 8) membina dan mengendalikan penilaian formatif. Peringkat 9 dalam modul Dick & Carey (1990) iaitu bina dan kendalikan penilaian sumatif, tidak digunakan dalam kajian ini kerana MPPKLM yang disediakan ini hanya sebagai panduan pelajar-pelajar melaksanakan KKS bagi menghasilkan KKS bercirikan LM. Oleh itu ujian sumatif tidak perlu dikendalikan kerana MPPKLM ini bukan bertujuan untuk membandingkan pencapaian antara pelajar.

Memandangkan penghasilan MPPKLM ini hanya sebagai bahan panduan dan bimbingan kepada pelajar-pelajar yang akan menjalankan KKS, maka peringkat kelima dalam modul Dick & Carey (1990) iaitu membina item-item ujian rujukan kriteria, juga turut diubahsuai oleh penyelidik dengan menggantikannya dengan borang refleksi kendiri (BRK) sebagai

ganti kepada ujian rujukan kriteria dan disediakan secara berasingan dengan MPPKLM. BRK berfungsi sebagai bahan bimbingan untuk pelajar-pelajar melaksanakan KKS mengikut peringkat demi peringkat berbanding ujian rujukan kriteria yang hanya berfungsi untuk mengukur tahap kefahaman pelajar semata-mata. Melalui BRK, pelajar dapat dibimbing dalam menentukan keperluan-keperluan dan isi kandungan KKS yang sepatutnya mengikut peringkat demi peringkat sebelum pelajar menghasilkan laporan KKS yang sebenarnya.

### ***Peringkat 1: Mengenalpasti Matlamat-Matlamat Pengajaran.***

Peringkat ini bertujuan mengenalpasti matlamat-matlamat pengajaran. MPPKLM ini dibentuk untuk membantu pelajar menghasilkan KKS bercirikan LM. Untuk menentukan matlamat-matlamat pengajaran dapat dicapai kelak, penyelidik telah menjalankan kajian tafsiran keperluan untuk:

- a) Mengenalpasti model pengajaran LM yang akan digunakan;
- b) Menentukan tahap-tahap dalam MLMP sebagai unit-unit kecil dalam modul; dan
- c) Mengenal pasti keperluan dan kehendak pelajar kepada pembentukan modul pengajaran kendiri menghasilkan kerja kursus bercirikan LM.

Untuk itu, penyelidik telah melaksanakan:

- a) Sorotan literatur untuk mengenalpasti model-model pengajaran LM yang bersesuaian.
- b) Kajian tinjauan menggunakan soal selidik kepada semua pelajar tingkatan 2 dan 3 di sekolah kajian.
- c) Analisis kandungan naskah laporan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) pelajar.

- d) Analisis kandungan skima pemarkahan KST.

Hasil analisis soal selidik dan naskah laporan kerja kursus KST telah mendapati bahawa tahap LM pelajar masih belum memuaskan (Jadual 4.22 dan 4.26). Analisis skima pemarkahan KST juga menunjukkan ciri-ciri LM belum diterapkan sepenuhnya dalam penskoran markah (Jadual 4.31). Oleh itu matlamat pengajaran yang ditetapkan dalam MPPKLM adalah untuk membantu pelajar-pelajar menghasilkan KKS bercirikan LM. Kehendak dan keperluan pelajar bagi menghasilkan MPPKLM ini telah digambarkan di Jadual 5.5.

### ***Peringkat 2: Membuat Analisis Pengajaran***

Di peringkat ini, kesemua tahap LM yang terkandung dalam Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP) perlu dikuasai oleh pelajar bagi menghasilkan KKS yang bercirikan LM. Tahap-tahap LM dalam Model Literasi Maklumat Penyelidik (MLMP) adalah bersesuaian dengan tahap LM dalam KLMP (Jadual 5.3). Oleh itu tahap-tahap LM dalam MLMP akan di sesuaikan dengan kehendak dan keperluan pelajar (Jadual 5.5) untuk dijadikan isi kandungan MPPKLM. Isi kandungan pembelajaran yang telah dikenalpasti adalah seperti Jadual 5.6 berikut:

**Jadual 5.6: Isi Kandungan Pembelajaran Berdasarkan MLPM dan Kehendak serta Keperluan Pelajar**

MLMP	Kehendak dan Keperluan Pelajar	Isi Kandungan Pembelajaran
1.Mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk	Pelajar perlu didedahkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. cara memfokus dan menskop tajuk kajian dan</li> <li>ii. cara menulis objektif, persoalan, kaedah, kepentingan dan batasan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Penentuan skop/tajuk kajian.</li> <li>ii. Penulisan isi kandungan.</li> <li>iii. Penulisan penghargaan.</li> <li>iv. Penulisan objektif.</li> <li>v. Penentuan kaedah kajian.</li> <li>vi. Penulisan persoalan,</li> </ul>

	kajian.	kepentingan dan batasan kajian.
2. Menstrategik pencarian	Pelajar perlu didedahkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. strategi pencarian maklumat yang betul dan tepat dari sumber cetak dan sumber elektronik;</li> <li>ii. kepelbagaiannya sumber maklumat, jenis, kegunaan dan kepentingannya dan</li> <li>iii. kepelbagaiannya saluran (channel) yang boleh digunakan untuk pencarian maklumat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Strategi pencarian maklumat.</li> <li>ii. Sumber-sumber maklumat.</li> </ul>
3. Mengesan, memilih dan menilai maklumat	Pelajar perlu didedahkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. cara-cara menentukan kesahihan, kekinian dan kerelevanannya maklumat (cara menilai maklumat) dari segi bahan cetak dan bahan elektronik.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kaedah penilaian maklumat.</li> </ul>
4. Mengurus maklumat	Pelajar perlu didedahkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. cara-cara merekodkan maklumat;</li> <li>ii. cara penyimpanan maklumat dalam bentuk elektronik dan cetak;</li> <li>iii. cara-cara penyusunan dan pengklasian maklumat mengikut kategori dan</li> <li>iv. cara-cara menyenaraikan rujukan yang berkaitan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Kaedah menyusun dan mengklaskan maklumat.</li> <li>ii. Kaedah merekod dan menyimpan maklumat.</li> </ul>
5. Menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika	Pelajar perlu didedahkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. cara membandingbeza, mengolah dan mengulas maklumat menggunakan ayat sendiri</li> <li>ii. cara menggabungjalin maklumat dari sumber yang berbeza melalui petikan dalam teks;</li> <li>iii. cara penulisan petikan dalam teks;</li> <li>iv. format persempahan menggunakan pelbagai bentuk grafik;</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Cara membuat petikan dalam teks.</li> <li>ii. Teknik Pengembangan idea-idea.</li> <li>iii. Penggunaan jadual, raja dan peta minda.</li> </ul>
6. Mempersempahkan maklumat secara beretika	Pelajar perlu didedahkan kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>i. teknik persempahan yang berkesan dan mengikut format;</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Format pembentangan/persempahan yang berkesan.</li> <li>ii. Cara menyenaraikan rujukan.</li> </ul>

	<ul style="list-style-type: none"> <li>ii. cara penyenaraian senarai rujukan berdasarkan petikan dalam teks;</li> <li>iii. cara penulisan kapsyen</li> <li>iv. gaya penulisan sumber rujukan yang betul dan konsisten.</li> <li>v. cara membuat lampiran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>iii. Gaya penulisan sumber rujukan.</li> <li>iv. Gaya penulisan kapsyen.</li> <li>v. Penyediaan lampiran.</li> </ul>
7. Membuat penilaian produk dan proses	<p>Pelajar perlu didedahkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. cara membuat refleksi terhadap produk dan proses yang dilalui;</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Cara membuat refleksi terhadap produk kajian.</li> <li>ii. Cara membuat refleksi terhadap proses kajian.</li> </ul>
8. Menghasilkan idea-idea baru	<p>Pelajar perlu didedahkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. cara membuat rumusan hasil pembelajaran;</li> <li>ii. cara penghasilan idea baru dalam pelbagai format dan</li> <li>iii. cara penulisan cadangan untuk kajian lanjutan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Cara membuat rumusan.</li> <li>ii. Cara membuat cadangan-cadangan.</li> <li>iii. Format-format penghasilan idea baru.</li> </ul>

### ***Peringkat 3: Mengenapasti Kelakuan Masuk dan Ciri-Ciri Pelajar.***

Peringkat ini bertujuan untuk menentukan ciri-ciri, pengetahuan sedia ada serta masalah asas pelajar dalam menghasilkan KKS bercirikan LM. Data daripada analisis soal selidik dan analisis kandungan naskah laporan kerja kursus KST telah membantu mengenalpasti ciri-ciri dan kelakuan masuk pelajar-pelajar. Kelakuan masuk dan ciri-ciri pelajar telah diuraikan dalam bab 4 lepas iaitu pengamalan terhadap LM pelajar ketika pelajar menghasilkan KKS (KKS) masih rendah (Jadual 4.22 dan 4.26).

#### **Peringkat 4: Menulis Objektif Kelakuan**

Peringkat ini adalah untuk mengenalpasti objektif kelakuan (umum dan khusus) yang akan dicapai hasil daripada perlaksanaan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat ini. Penulisan objektif kelakuan adalah berdasarkan isi kandungan pembelajaran MPPKLM seperti di Jadual 5.6. Objektif yang telah dikenalpasti adalah seperti Jadual 5.7.

**Jadual 5.7: Penulisan Objektif Kelakuan**

MLMP	Objektif Kelakuan
1. Mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk	Pada tahap 1 modul, pelajar boleh mengenalpasti keperluan maklumat, definisikan tugas dan fokuskan tajuk kajian dengan cara: <ol style="list-style-type: none"><li>menentukan skop kajian dengan jelas;</li><li>menyatakan isi kandungan kajian dengan jelas;</li><li>menyatakan penghargaan yang betul;</li><li>menulis objektif kajian yang tepat dan</li><li>menyatakan dengan jelas dan menggunakan kaedah kajian yang betul menulis persoalan, kepentingan dan batasan kajian.</li></ol>
2. Menstrategik pencarian maklumat	Pada tahap 2 modul, pelajar boleh menstrategikan pencarian maklumat dengan cara: <ol style="list-style-type: none"><li>menstrategikan pencarian maklumat yang betul dan</li><li>menggunakan pelbagai sumber maklumat yang sesuai.</li></ol>
3. Mengesan, memilih dan menilai maklumat	Pada tahap 3 modul, pelajar boleh mengesan, memilih dan menilai maklumat yang relevan, terkini dan sahih.
4. Mengurus maklumat	Pada tahap 4 modul, pelajar boleh mengurus maklumat dengan cara: <ol style="list-style-type: none"><li>menyusun dan mengkelaskan maklumat mengikut kategori tertentu;</li><li>merekod dan menyimpan maklumat dalam bentuk</li></ol>

	<p>elektronik dan cetak dan</p> <p>iii. menyenaraikan sumber rujukannya.</p>
5. Menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika	<p>Pada tahap 5 modul, pelajar menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika dengan cara:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. menggunakan petikan dalam teks dan</li> <li>ii. mengembangkan idea menggunakan jadual, rajah, peta minda dan ayat sendiri.</li> </ul>
6. Mempersembahkan maklumat secara beretika	<p>Pada tahap 6 modul, pelajar boleh mempersembahkan maklumat secara beretika menerusi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. format pembentangan yang sesuai;</li> <li>ii. menyenaraikan dan menulis sumber rujukan dengan betul dan</li> <li>iii. menyediakan lampiran berdasarkan jadual isi kandungan kandungan.</li> </ul>
7. Membuat penilaian produk dan proses	<p>Pada tahap 7 modul, pelajar boleh menilai produk dan proses dengan cara:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. membuat refleksi terhadap produk dan proses yang dilalui dan</li> <li>ii. memikirkan kaedah penghasilan produk dan proses yang lebih baik pada masa hadapan.</li> </ul>
8. Menghasilkan idea-idea baru	<p>Pada tahap 8 modul, pelajar boleh menghasilkan idea-idea baru menerusi cara:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. merumuskan hasil kajian;</li> <li>ii. mengemukakan cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan dan</li> <li>iii. mempersembahkan idea baru dalam pelbagai format</li> </ul>

### ***Peringkat 5: Membina Item-Item Ujian Rujukan Kriteria***

Peringkat pembinaan item-item Ujian Rujukan Kriteria dalam kajian ini tidak dilaksanakan, namun ia telah diganti kepada penyediaan borang refleksi kendiri (BRK) dan disediakan secara berasingan dengan MPPKLM. BRK berfungsi sebagai bahan bimbingan untuk pelajar-pelajar melaksanakan KKS mengikut peringkat demi peringkat berbanding ujian rujukan kriteria yang hanya berfungsi untuk mengukur tahap kefahaman pelajar semata-mata. Melalui BRK, pelajar dapat dibimbing dalam menentukan keperluan-keperluan dan isi kandungan KKS yang sepatutnya mengikut peringkat demi peringkat atau unit-unit yang telah ditetapkan sebelum pelajar menghasilkan laporan KKS yang sebenarnya. BRK disediakan berdasarkan objektif kelakuan (Jadual 5.7) dan isi kandungan pembelajaran (Jadual 5.6) yang telah dikenal pasti. Sekiranya pelajar masih belum menguasai unit terdahulu, pelajar boleh merujuk MPPKLM semula. BRK yang terhasil adalah seperti lampiran H.

### ***Peringkat 6: Strategi Pengajaran***

Dalam merangka strategi pengajaran ini, 5 komponen asas strategi pengajaran telah diambil kira iaitu: a) aktiviti prapengajaran (set induksi); b) persempahan maklumat; c) penyertaan murid; d) ringkasan dan e) refleksi kendiri (borang berasingan). Aktiviti prapengajaran (set induksi) digunakan bagi memastikan modul ini berjaya menarik perhatian pelajar. Maklumat dipersembahkan secara mudah, santai dan tepat. Arahan-arahan diberikan dengan jelas untuk aktiviti-aktiviti pengayaan dan penglibatan pelajar. Ringkasan akan disediakan di akhir modul untuk tujuan pengukuhan. BRK telah disediakan secara berasingan dengan MPPKLM. Aktiviti-aktiviti dalam BRK adalah berdasarkan tahap-tahap

pembelajaran dalam MPPKLM. Di akhir pembelajaran, pelajar diharap dapat menghasilkan KKS yang bercirikan LM.

### ***Peringkat 7: Mengembang dan Memilih Bahan-Bahan Pengajaran***

Isi kandungan modul akan dibahagikan kepada 8 unit mengikut tahap-tahap dalam MLMP. 8 unit yang dimaksudkan adalah:

- Unit 1: Kenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk;
- Unit 2: Menstrategik pencarian;
- Unit 3: Mengesan, memilih dan menilai maklumat;
- Unit 4: Mengurus maklumat;
- Unit 5: Menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika;
- Unit 6: Mempersembahkan maklumat secara beretika;
- Unit 7: Membuat penilaian produk dan proses dan
- Unit 8: Menghasilkan idea-idea baru.

Setiap unit diterangkan berkaitan perkara-perkara yang patut pelajar kuasai dan lalui ketika melaksanakan KKS (KKS). Selepas menguasai setiap unit, pelajar perlu membuat refleksi kendiri dalam BRK. BRK disediakan untuk membimbing pelajar melaksanakan KKS yang bercirikan LM mengikut peringkat demi peringkat. Pelajar yang masih belum menguasai unit tersebut, perlu merujuk MPPKLM semula.

### ***Peringkat 8: Penilaian Formatif***

Penilaian Formatif dilakukan untuk menilai MPPKLM yang dihasilkan sesuai digunakan untuk membimbing pelajar menghasilkan KKS yang bercirikan LM. MPPKLM ini akan dinilai oleh sekumpulan guru dari kalangan guru matapelajaran Sejarah yang terlibat


dengan Kajian Sejarah Tempatan (KST) menggunakan borang penilaian MPPKLM (lampiran B). Hasil analisis laporan KKS yang menggunakan MPPKLM ini dan BRK pelajar (lampiran E) akan dipilih secara rawak untuk dianalisis bagi menentukan keberkesanannya MPPKLM.

#### **5.3.4 Pembentukan Modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM)**

Modul LM relevan yang dicadang bagi mengatasi masalah dalam kajian ini adalah modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) bagi menghasilkan KKS bercirikan LM. Pembentukan modul ini adalah berdasarkan MLMP ( Jadual 5.4). Objektif dan isi kandungan pembelajaran MPPKLM telah dikenalpasti sebagaimana yang terdapat di Jadual 5.6 dan Jadual 5.7. Reka bentuk pengajaran Dick & Carey (1990) telah digunakan sebagai panduan dalam penghasilan MPPKLM ini (5.3.3). MPPKLM yang terhasil adalah seperti Lampiran G.

### **5.4. PERBANDINGAN MODEL KONSEPTUAL DENGAN DUNIA NYATA**

Model konseptual merupakan satu gambaran alternatif penyelesaian masalah bukannya satu kenyataan. Oleh itu model ini perlu dibandingkan dengan situasi yang berlaku sebenar. Perbandingan ini adalah satu proses untuk menghubungkan tanggapan kepada penyelesaian masalah dengan sistem yang akan dibangunkan. Ia mestilah sesuai digunakan pada situasi sebenar. Rajah 5.4 menunjukkan kesan aktiviti-aktiviti yang dicadangkan melalui model konseptual (Rajah 5.1) terhadap Rich Picture di Rajah 4.1 lepas.



**Rajah 5.4: Perbandingan Model Konseptual dengan Pernyataan Masalah**

Berdasarkan Rajah 5.4 dan Jadual 5.8 jelas menunjukkan bahawa sistem yang dicadangkan boleh menyelesaikan permasalahan sedang berlaku. Kaedah yang dicadangkan untuk menyelesaikan masalah ini adalah dengan menghasilkan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat untuk menghasilkan KKS yang bercirikan LM.

**Jadual 5.8: Perbandingan di antara Situasi yang Sedang Berlaku dengan Sistem yang Dicadangkan**


<b>KLMP</b>	<b>Situasi yang Sedang Berlaku</b>	<b>Sistem yang dicadangkan</b>
<b>LM tahap 1</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Penulisan objektif kajian pelajar tidak jelas.</li> <li>b) Objektif kajian yang tidak dilaporkan dalam teks.</li> <li>c) Pelajar tidak menggunakan kaedah kajian yang betul.</li> <li>d) Terdapat kaedah kajian yang digunakan pelajar tidak bersesuaian.</li> <li>e) Pelajar tidak menyatakan persoalan, kepentingan dan batasan kajian (tidak termasuk dalam format penghasilan bahan LPM).</li> </ul>	<p>Pelajar didedahkan kepada</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) cara menentukan dan menulis objektif kajian;</li> <li>b) cara membina soalan kajian;</li> <li>c) cara pernyataan kepentingan dan batasan kajian dan</li> <li>d) cara pemilihan kaedah kajian.</li> </ul>
<b>LM tahap 2</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sumber rujukan pelajar terhad.</li> <li>b) Kaedah pencarian maklumat tertumpu pada perpustakaan sekolah</li> <li>c) Pelajar salah tafsir sumber maklumat</li> </ul>	<p>Pelajar didedahkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) strategi pencarian maklumat yang betul dan tepat dari sumber cetak dan sumber elektronik;</li> <li>b) kepelbagaiannya sumber maklumat, jenis, kegunaan dan kepentingannya dan</li> <li>c) Kepelbagai saluran (channel) yang boleh digunakan untuk pencarian maklumat.</li> </ul>
<b>LM tahap 3</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelajar tidak dapat menentukan kesahihan, kekinian dan kerelevan maklumat.</li> <li>b) Terdapat sumber maklumat yang tidak berkaitan dengan tajuk dikepaskan bersama.</li> </ul>	<p>Pelajar didedahkan dengan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) kaedah dan cara untuk menilai maklumat termasuk aspek kesahihan, kekinian dan kerelevan.</li> </ul>
<b>LM tahap 4</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Pelajar tidak menyimpan dan merekod sumber maklumat berserta sumber asalnya.</li> </ul>	<p>Pelajar didedahkan kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) cara-cara merekodkan maklumat;</li> </ul>

	<p>b) Pelajar tidak mengkategorikan sumber maklumat yang diperolehi.</p> <p>c) Pelajar tidak mencari sumber maklumat asal.</p> <p>d) Pelajar tidak menyenaraikan sumber maklumat yang diperolehi.</p>	<p>b) cara penyimpanan maklumat dalam bentuk elektronik dan cetak;</p> <p>c) cara-cara penyusunan dan pengklasan maklumat mengikut kategori dan</p> <p>d) cara-cara menyenaraikan rujukan yang berkaitan.</p>
<b>LM tahap 5</b>	<p>a) Pelajar kurang mengkritik dan membetulkan maklumat yang tidak sahih.</p> <p>b) Tidak ramai pelajar yang mencari maklumat untuk memasuki peraduan menulis atau syarahan.</p> <p>c) Pelajar hanya menggunakan garis panduan LPM dalam pengembangan teks masing-masing.</p> <p>d) Terdapat pelajar yang “cut and paste” artikel di Internet untuk dijadikan teks penulisannya.</p> <p>e) Terdapat pelajar yang meniru hasil kajian rakan.</p> <p>f) Pelajar hanya menceduk idea dari sumber maklumat tanpa menggunakan ayat sendiri.</p> <p>g) Terdapat pelajar yang tidak membuat pendahuluan dan penutup dalam penulisan teksnya.</p> <p>h) Pelajar kurang mempersebahankan maklumat dalam pelbagai bentuk grafik seperti graf, carta, jadual atau rajah.</p> <p>i) Pelajar tidak membuat petikan di dalam teks.</p> <p>j) Pelajar tidak merumus hasil penulisannya dengan baik.</p>	<p>Pelajar didedahkan kepada:</p> <p>a) cara membandingbeza, mengolah dan mengulas maklumat menggunakan ayat sendiri;</p> <p>b) cara menggabungjalin maklumat dari sumber yang berbeza melalui petikan dalam teks;</p> <p>c) format persebahaman menggunakan pelbagai bentuk grafik;</p> <p>d) teknik persebahaman yang berkesan dan mengikut format;</p> <p>e) cara membuat rumusan hasil pembelajaran;</p> <p>f) cara membuat refleksi terhadap produk dan proses yang dilalui;</p> <p>g) cara penghasilan idea baru dalam pelbagai format;</p> <p>h) cara penulisan cadangan untuk kajian lanjutan dan</p> <p>i) cara membuat lampiran.</p>

	<p>k) Pelajar tidak menggunakan idea hasil kajiannya ketika mengarang esei.</p> <p>l) Pelajar tidak memberikan cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan (tidak termasuk dalam format penghasilan bahan LPM).</p> <p>m) Banyak kesalahan dalam teks dari segi ejaan dan paparan.</p>	
<b>LM tahap 6</b>	<p>a) Pelajar kurang memasukkan gambar, peta, lambang dalam teks walaupun bahan mencukupi (arahan LPM agar menjadikan gambar, peta, lambang sebagai lampiran sahaja).</p> <p>b) Gambar, lambang dan peta yang di tulis dalam teks tidak mempunyai kapsyen.</p> <p>c) Pelajar tidak menyenaraikan sumber maklumat yang diguna di senarai rujukan kajiannya.</p> <p>d) Terdapat pelajar yang menulis rujukan dengan gaya penulisan rujukan yang pelbagai.</p> <p>e) Terdapat senarai rujukan pelajar yang berbeza dengan sumber maklumat yang disimpan.</p> <p>f) Kebanyakan senarai rujukan pelajar tidak digunakan dalam teks</p>	<p>Pelajar didedahkan kepada:</p> <p>a) cara penulisan petikan dalam teks;</p> <p>b) cara penyenaraian senarai rujukan berdasarkan petikan dalam teks;</p> <p>c) cara penulisan kapsyen dan</p> <p>d) gaya penulisan sumber rujukan yang betul dan kosisten.</p>

## 5.5 RUMUSAN

Bab 5 ini telah mengupas secara jelas penggunaan analisis CATWOE untuk membentuk *root definition* (RD) (tahap 3 SSM). Daripada RD, penyelidik menghasilkan satu model konseptual sebagai alternatif kepada penyelesaian masalah. Model konseptual tersebut adalah pembentukan MPPKLM bagi menghasilkan KKS bercirikan LM (tahap 4 dan 5 SSM). Rajah 5.5 menunjukkan tahap 3, 4 dan 5 SSM yang dimaksudkan. Bab seterusnya akan mengupas lebih lanjut berkaitan fasa 3 kajian iaitu melaksanakan perubahan, maklumbalas pengguna dan penilaian (Fasa SSM peringkat 6 & 7).



**Rajah 5.5: Tahap 3, 4 dan 5 SSM**

## **BAB 6**

### **FASA 3 KAJIAN: MELAKSANAKAN PERUBAHAN, MAKLUMBALAS PENGGUNA DAN PENILAIAN**

#### **6.1 PENDAHULUAN**

Bab 6 ini akan membincangkan fasa 3 kajian iaitu fasa melaksanakan perubahan, maklumbalas pengguna dan penilaian (Fasa SSM peringkat 6 dan 7). Dalam bab ini, MPPKLM yang telah dihasilkan akan dinilai menggunakan borang penilaian MPPKLM (Lampiran B) oleh 5 orang guru pakar yang terdiri daripada 3 orang penyelaras PSS dan 2 orang guru KST yang berpengalaman lebih 10 tahun mengajar. Panel penilai diminta mengulas kelemahan, kelebihan dan cadangan penambahbaikan MPPKLM menggunakan borang penilaian tersebut. Penyelidik juga turut menilai MPPKLM melalui kaedah eksperimen. Penyelidik telah meminta seorang guru Kajian Sejarah Tempatan (KST) (Guru A) menggunakan MPPKLM sebagai bahan bantu mengajar (BBM) ketika mengendalikan satu kelas KST seramai 30 orang pelajar. Borang Penilaian MPPKLM dan keseluruhan laporan KKS pelajar kajian serta borang refleksi kendiri (BRK) kemudiannya dianalisis untuk menentukan sejauhmana kesesuaian MPPKLM yang telah dihasilkan. Modul MPPKLM ini hanya bertujuan untuk menilai tahap kesesuaian perlaksanaan modul dalam membantu menghasilkan KKS bercirikan LM. Penilaian kesahan kandungan tidak dilakukan dan penyelidik meletakkannya di bahagian cadangan kajian lanjutan kerana ia memerlukan proses yang sangat panjang.

## **6.2. PEMBENTUKAN MODUL PANDUAN PEMBELAJARAN KENDIRI LITERASI MAKLUMAT (MPPKLM) BAGI MENGHASILKAN KKS YANG BERCIRIKAN LM**

Merujuk kepada fasa 1 kajian, kaedah SSM telah membantu penyelidik mengenalpasti beberapa permasalahan dari aspek pihak berkepentingan. Pihak-pihak yang berkepentingan yang dimaksudkan termasuklah pelajar, guru mata pelajaran, GPM, KPM, dan badan penggubal KKS. Permasalahan yang timbul telah digambarkan menerusi *rich picture* (RP) di Rajah 4.1. Di fasa 2 kajian pula iaitu mencadangkan satu kaedah penyelesaian untuk mengubah proses sedia ada, analisis CATWOE (Jadual 5.1) telah dilakukan seterusnya membentuk *root definition* (RD) (5.2). RD yang terhasil telah diterjemahkan ke dalam model konseptual (Rajah 5.1) yang mengandungi aktiviti-aktiviti logik sebagai cadangan penyelesaian masalah yang berlaku. Antara aktiviti-aktiviti yang dicadangkan ialah: i) pilih model-model LM yang sesuai dan mudah difahami (5.3.1); ii) tentukan model pengajaran LM yang dianggap sesuai untuk persekitaran masalah (5.3.1); iii) tentukan kehendak dan keperluan pelajar (5.3.2); iv) pilih reka bentuk pengajaran yang sesuai (5.3.3); dan v) bentuk modul LM yang relevan (5.3.4).

Daripada model-model LM yang diperbahaskan di 2.7, penyelidik telah mengadaptasikan model pencarian maklumat *The Big Six* oleh Eisenberg & Berkowitz (1990a, 1990b, 1996, 2001) dan model *Empowering 8* (Wijetunge, 2005) bagi menghasilkan Model Literasi Maklumat Penyelidik (MLMP). Model pencarian maklumat *The Big Six* oleh Eisenberg & Berkowitz (1990a, 1990b, 1996, 2001) di pilih kerana model ini agak mudah digunakan dan dikenali ramai (Woolls, 2006). Manakala model *Empowering 8* (Wijetunge, 2005) pula dipilih kerana ia merupakan model LM terkini yang dibina berdasarkan tahap-tahap kemahiran kognitif dalam Teksonomi Bloom (Permadasa, 2006). MLMP dibentuk hasil

gabung jalin kedua-dua model LM ini dengan menggunakan istilah dan bahasa yang mudah difahami (Jadual 5.2). MLMP yang terhasil adalah bertepatan dengan tahap-tahap LM yang terdapat dalam Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP) (Jadual 5.3).

Sistem yang dicadangkan sebagai penyelesaian kepada masalah yang timbul adalah dengan membentuk satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) bagi menghasilkan KKS bercirikan LM berdasarkan keperluan dan kehendak pelajar. Reka bentuk pengajaran Dick & Carey (1990) telah digunakan sebagai panduan kepada pembentukan MPPKLM ini. Isi kandungan pembelajaran dalam MPPKLM adalah merujuk kepada perincian MLMP (Jadual 5.4) dan kehendak serta keperluan pelajar (Jadual 5.5). Isi kandungan pembelajaran dan objektif MPPKLM adalah seperti di Jadual 5.6 dan Jadual 5.7. Tatacara pembinaan MPPKLM berpandukan kepada rekabentuk Dick & Carey (1990) telah dibahaskan secara terperinci di 5.3.3 yang lalu.

MPPKLM yang dicadangkan ini mengandungi 8 unit pembelajaran. Unit-unit ini adalah berdasarkan tahap-tahap LM yang terdapat dalam MLMP iaitu: 1) Mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk; 2) Menstrategik pencarian; 3) Mengesan, memilih dan menilai maklumat; 4) Mengurus maklumat; 5) Menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika; 6) Mempersesembahkan maklumat secara beretika; 7) Membuat penilaian produk dan proses; dan 8) Menghasilkan idea-idea baru.

Dalam mempersesembahkan MPPKLM pula, 5 komponen asas strategi pengajaran telah diambil kira iaitu: a) aktiviti prapengajaran (set induksi); b) persembahan maklumat; c) penyertaan murid; d) ringkasan dan e) refleksi kendiri (borang berasingan). Aktiviti

prapengajaran (set induksi) digunakan bagi memastikan modul ini berjaya menarik perhatian pelajar. Maklumat dipersembahkan secara mudah, santai dan tepat. Arahan-arahan diberikan dengan jelas untuk aktiviti-aktiviti pengayaan dan penglibatan pelajar. Ringkasan akan disediakan di akhir modul untuk tujuan pengukuhan.

Setiap unit dalam MPPKLM perlu dikuasai oleh pelajar. Selepas menguasai setiap unit, pelajar perlu membuat refleksi kendiri dalam borang refleksi kendiri (BRK). BRK disediakan untuk membimbing pelajar melaksanakan KKS (KKS) yang bercirikan LM. BRK adalah sebahagian daripada MPPKLM namun ia telah disediakan secara berasingan bagi tujuan memudahkan pelajar merujuk MPPKLM sekiranya berlaku keraguan. Aktiviti-aktiviti dalam BRK adalah berdasarkan unit-unit pembelajaran dalam MPPKLM. BRK merupakan ujian rujukan kriteria iaitu peringkat 5 dalam rekabentuk pengajaran kendiri Dick & Carey (1990) yang digunakan dalam panduan pembentukan MPPKLM. BRK akan bertindak sebagai alat untuk membimbing pelajar melaksanakan KKS yang bercirikan LM secara peringkat demi peringkat mengikut unit-unit yang telah ditetapkan dalam MPPKLM. Pelajar yang masih belum menguasai unit terdahulu, perlu merujuk MPPKLM semula sebelum berpindah ke unit yang seterusnya. Di akhir pembelajaran, pelajar diharap dapat menghasilkan KKS yang bercirikan LM.

## **6.3 KESESUAIAN MODUL PANDUAN PEMBELAJARAN KENDIRI LITERASI MAKLUMAT (MPPKLM)**

### **6.3.1 Analisis Borang Penilaian MPPKLM**

Analisis borang penilaian MPPKLM akan dilakukan berdasarkan tema-tema yang merujuk kepada soalan-soalan yang diajukan dalam borang tersebut iaitu a) kesesuaian unit-unit dalam MPPKLM; b) MPPKLM membantu pelajar-pelajar melaksanakan KKS; c) Kelebihan, kekurangan, perbezaan dan persamaan MPPKLM dengan panduan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM); dan d) kelebihan borang refleksi kendiri (BRK).

#### **a. Kesesuaian Unit-Unit dalam MPPKLM**

Bagi menentukan kesesuaian unit-unit dalam MPPKLM, penyelidik telah menganalisis borang penilaian yang telah dijawab oleh kelima-lima ahli panel yang dipilih. 5 ahli panel tersebut terdiri daripada 3 orang penyelaras PSS dan 2 orang guru subjek sejarah dan berpengalaman mengajar KST. Setiap borang penilaian telah dikodkan menggunakan kod G1, G2, G3, G4 dan G5.

G1 merupakan seorang guru Bahasa Melayu yang telah dilantik menjadi penyelaras PSS selama 8 tahun. G2 pula merupakan seorang guru subjek sejarah yang mengajar selama 12 tahun. G3 pula merupakan seorang guru subjek sains yang telah dilantik menjadi penyelaras PSS selama 9 tahun G4 pula merupakan seorang guru Bahasa Melayu yang telah dilantik menjadi penyelaras PSS lebih 10 tahun. Manakala G5 merupakan seorang Ketua Panitia Sejarah dan berpengalaman mengajar subjek sejarah selama lebih 15 tahun

dan telah menjadi penyelaras pemarkahan KST peringkat daerah. Jadual 6.1 menunjukkan data 5 orang panel secara terperinci. Manakala Jadual 6.2 pula merupakan ulasan dan cadangan ahli panel tersebut.

**Jadual 6.1: Perincian 5 Orang Panel Penilai MPPKLM**

GURU	KATEGORI	JANTINA	KELULUSAN	PENGALAMAN
G1	Guru PSS	Perempuan	BA	8 tahun
G2	Guru Sejarah	Lelaki	BA	12 tahun
G3	Guru PSS	Perempuan	BA	9 tahun
G4	Guru PSS	Perempuan	MA	10 tahun
G5	Guru Sejarah	Perempuan	BA	15 tahun

**Jadual 6.2: Ulasan Panel Terhadap Unit-Unit dalam MPPKLM**

MPPKLM	ULASAN	CADANGAN
<b>Unit 1:</b> <b>Mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinasi tugas dan memfokus tajuk</b>	<p>G1: Baik, pelajar akan lebih faham dan fokus skop kajian.</p> <p>G2: Tajuk telah ditetapkan oleh LPM.</p> <p>G3: Pelajar dapat memilih sumber dan maklumat dengan mudah kerana bantuan teknologi masa kini seperti Internet dan sebagainya.</p> <p>G4: Keseluruhan adalah baik, jelas dan murid akan lebih faham dan fokus pada skop kajian.</p> <p>G5: Modul ini memberi langkah-langkah yang terperinci untuk pelajar membuat objektif dan soalan kajian. Ini membantu pelajar dalam menjalankan kajian.</p>	<p>G3: Kekurangan dari aspek kemudahan ICT dan bahan-bahan yang diperlukan di sekolah.</p>
<b>Unit 2:</b> <b>Menstrategik pencarian</b>	G1: Baik, dapat membantu pelajar mengenalpasti bahan yang	G2: Cadangan di mana artikel jurnal, kertas persidangan dll

	<p>diperlukan sebagai rujukan.</p> <p>G2: Pelajar tidak tahu/biasa mencari maklumat daripada artikel jurnal dan di mana ia boleh didapati. Pelajar terlalu bergantung kepada guru untuk mendapatkan maklumat tambahan. Maklumat cara penggunaan sistem pencarian amat berguna kepada pelajar kerana bukan semua pelajar mahir menggunakan Internet.</p> <p>G3: Pelajar dapat memilih bahan dan maklumat kerana hanya 4 sumber sahaja yang diperlukan.</p> <p>G4: Baik. Dapat membantu pelajar mengenalpasti sumber dan bahan yang diperlukan.</p> <p>G5: Panduan untuk pelajar mendapatkan maklumat bagus.</p>	<p>boleh didapati kerana bukan semua pelajar ‘berkemampuan’ untuk mendapatkannya.</p> <p>G3: Perbanyakkan sumber maklumat dan perincian maklumat dengan tepat.</p> <p>G5: Langkah di tahap 2 agak mengelirukan. Permudahkan cara penyampaian agar pelajar di peringkat menengah rendah dapat memahami langkah-langkah tersebut.</p>
<b>Unit 3:</b> <b>Mengesan, memilih dan menilai maklumat</b>	<p>G1: Pada kebiasaananya, pelajar agak lemah dalam mengesan, memilih dan menilai maklumat. Pelajar sukar mengenalpasti bahan yang hendak digunakan.</p> <p>G2: Murid tidak mahir untuk mengesan, memilih dan menilai maklumat yang mereka dapat. Di sekolah, pelajar ambil sahaja apa-apa maklumat yang mereka terima dan buat salinan fotokopi untuk Elemen 1. Untuk PMR, hanya 4 sumber sahaja yang diperlukan untuk mendapatkan markah</p>	<p>G1: Perlu satu senarai rujukan disertakan supaya dapat berigambarkan kepada pelajar untuk memilih bahan.</p> <p>G2: Hadkan pencarian sumber yang sesuai untuk pelajar luar bandar. Wujudkan mekanisma untuk memastikan kesahihan sumber.</p> <p>G3: Perlu ada “role” yang jelas dalam aspek ini.</p> <p>G5: Berikan contoh-contoh bagaimana pelajar boleh membuat penilaian ke atas</p>

	<p>penuh. Tetapi 4 sumber itu mesti ada kesahihannya.</p> <p>G3: Pelajar mengambil maklumat tanpa menapis berdasarkan arahan yang diberi.</p> <p>G4: Panduan ini baik untuk pelajar cemerlang. Bagi pelajar lemah agak sukar untuk mereka menilai bahan.</p> <p>G5: Tahap 3 boleh dimasukkan dalam tahap ke 2.</p>	maklumat.
<b>Unit 4:</b> <b>Mengurus maklumat</b>	<p>G1: Panduan pengurusan maklumat ini baik.</p> <p>G2: Cadangan mewujudkan fail dan mengindekannya bagus. Dengan cara ini pelajar tidak kelam kabut dengan bahan-bahan yang dikumpul. Pelajar perlu dibimbing untuk wujudkan fail sebegini. Masalah timbul di kelas yang majoriti pelajarnya tidak boleh membaca.</p> <p>G3: Pelajar dapat melaksanakan dengan baik kerana menggunakan sistem fail yang memuatkan bahan, maklumat, sumber yang berkaitan.</p> <p>G4: Baik, panduan mengurus maklumat boleh diikuti.</p> <p>G5: Tahap 3 dan 4 boleh digabungkan kerana ianya sama.</p>	<p>G2: Perlu fikirkan alternatif lain untuk kelas yang lemah.</p> <p>G3: Sistem fail yang standard kerana pelajar buat mengikut stail masing-masing.</p>
<b>Unit 5:</b> <b>Menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara</b>	<p>G1: Baik dan amat berguna sebagai panduan kepada pelajar.</p> <p>G2: Cara menganalisis dan mengolah/mengulas maklumat</p>	<p>G2: Bimbang murid tulis isi/fakta peringkat demi peringkat. Fahamkan apa yang diperlukan oleh soalan.</p>

<b>beretika</b>	<p>tidak sesuai untuk murid tingkatan 3- terlalu tinggi arasnya. Pelajar mesti menggunakan ayat mereka sendiri dalam mengarang. Pelajar perlu dimaklumkan peraturan berkaitan tatacara membuat petikan tetapi mereka tidak sepatutnya dihukum jika mereka tidak dapat mengikutinya.</p> <p>G3: Pelajar belum dapat melaksanakan elemen ini dengan baik. Perlu bimbingan dan garis panduan yang betul.</p> <p>G4: Ia amat berguna kepada pelajar.</p> <p>G5: Tahap 5 ini sangat membantu pelajar kerana dalam prosedur kerja kursus KST yang sedia ada tiada komponen ini. Sangat baik!</p>	<p>G3: Perlu menetapkan standard yang sesuai mengikut tahap yang diperlukan.</p>
<b>Unit 6: Mempersembahkan maklumat secara beretika</b>	<p>G1: Baik dan amat berguna.</p> <p>G2: Cadangan pada tahap ini sesuai diaplikasikan kepada murid. Cara penulisan rujukan adalah seperti ditetapkan oleh LPM (x boleh ubah walaupun sedikitpun). Maklumat tentang penulisan senarai rujukan sangat berguna kepada pelajar.</p> <p>G3: Pelajar dapat membuat dan mempersembahkan maklumat dengan baik dengan menggunakan ICT. Mengikut format yang dikehendaki.</p> <p>G4: Satu contoh yang baik dan amat berguna kepada pelajar.</p>	<p>G2: Bimbang murid menulis rujukan satu persatu. Murid sering membuat persepsi sendiri walaupun telah diberi contoh menulis rujukan yang betul.</p> <p>G3: Mewajibkan penggunaan ICT dalam menyediakan tugas agar pelajar lebih celik ICT,</p>

	G5: Sangat baik!	
<b>Unit 7:</b> <b>Membuat penilaian produk dan proses</b>	G1: Panduan ini amat baik untuk membuat semakan. G2: Sesuai. G3: - G4: Baik. G5: Baik.	G1: Pelajar suka menunjukkan hasil kerja di saat akhir menyebabkan semakan tidak dapat dijalankan untuk pembetulan G5: Perlu dimasukkan senarai semak dalam carta penilaian.
<b>Unit 8:</b> <b>Menghasilkan idea-idea baru</b>	G1: Pelajar agak lemah membuat rumusan. G2: sangat sesuai untuk pelajar yang rajin membaca/ bersungguh-sungguh menyelesaikan tugas. G3: - G4: Lazimnya pelajar agak sukar untuk membuat rumusan hasil kajian dengan baik. G5: Tahap 8 ini sama dengan elemen 3 iaitu penerapan unsur-unsur patriotisme bukan elemen 2 seperti tercatat dalam modul.	G1: Perlu ada garis panduan atau contoh ayat untuk rumusan. G5: perjelaskan lagi langkah-langkah di tahap ini.

Berdasarkan Jadual 6.1, didapati bahawa kelima-lima guru pakar telah berpuashati terhadap unit-unit yang terdapat dalam MPPKLM. Dalam unit 1, G5 menyatakan bahawa unit 1 membantu pelajar menjalankan kajian menerusi langkah-langkah yang terperinci. Unit ini juga membimbing pelajar membuat objektif dan soalan kajian. G1 dan G4 pula bersetuju bahawa unit 1 dapat membantu pelajar memfokus skop kajian. Walau bagaimanapun G2 menegaskan bahawa tajuk telah ditetapkan oleh LPM. Bagi G3 bantuan ICT telah memudahkan pelajar melakukan menjalankan kajian.

Dalam unit 2 pula, kesemua panel bersetuju tentang cara penggunaan sistem pencarian maklumat amat berguna kepada pelajar. Ini kerana selama ini pelajar hanya bergantung kepada guru untuk mendapatkan maklumat tambahan (G2). Namun begitu, G5 berpendapat agar kaedah penerangan di unit 2 ini perlu dipermudahkan kerana ia agak mengelirukan. G5 mengingatkan tentang keperluan menggunakan cara penyampaian yang mudah agar pelajar mudah memahami langkah-langkah yang dimaksudkan.

Di unit 3 pula, kebanyakan panel bersetuju bahawa pelajar lemah dalam mengesan, memilih dan menilai maklumat. G2 menegaskan bahawa pada kebiasaan, pelajar akan mengambil apa sahaja maklumat yang mereka terima dan terus membuat salinan fotokopi untuk memenuhi kehendak di elemen 1. G3 pula mengatakan bahawa pelajar mengambil maklumat tanpa menapis terlebih dahulu. Walau bagaimanapun, bagi G2, panduan di unit 3 hanya sesuai untuk pelajar cemerlang sahaja. Bagi memudahkan pemahaman pelajar, beliau mencadangkan agar satu mekanisma untuk memastikan kesahihan maklumat diwujudkan. G5 pula mencadangkan agar contoh penilaian maklumat perlu diberikan di unit 3.

Untuk unit 4 pula, kesemua panel menyatakan bahawa panduan pengurusan maklumat adalah baik. Pelajar dapat menyusun maklumat yang diperolehi. Namun, G2 berpendapat bahawa pelajar harus dibimbing untuk mewujudkan fail seperti yang dimaksudkan terutama terhadap pelajar lemah. G3 juga menyarankan agar perlu diwujudkan sistem fail yang standard agar pelajar tidak menggunakan gaya sendiri.

Seterusnya bagi unit 5, kebanyakan panel juga bersetuju terhadap penggunaan petikan dalam teks. Namun bagi G3, pelajar masih belum boleh mengikutinya. G5 pula menyatakan

bahawa penggunaan petikan dalam teks tidak diberi penekanan oleh LPM walaupun kaedah ini membantu pelajar dalam menghasilkan kajian. Walau bagaimanapun G2 menyatakan bahawa cara menganalisis, mengolah dan mengulas maklumat seperti ini tidak sesuai untuk murid tingkatan 3 kerana terlalu tinggi arasnya. Pelajar perlu menggunakan ayat sendiri dalam mengarang. Penerangan berkaitan penggunaan petikan ini boleh dilakukan tetapi pelajar tidak boleh dihukum sekiranya mereka tidak dapat mengikuti.

Bagi unit 6 pula, kesemua panel juga bersetuju terhadap maklumat tentang penulisan senarai rujukan sangat berguna dan sesuai diaplikasikan kepada pelajar. Ia juga merupakan kehendak LPM. Namun begitu, G2 berpendapat agar pelajar perlu dibimbing untuk menulis rujukan satu persatu kerana mereka sering membuat persepsi sendiri walaupun telah diberi contoh menulis rujukan yang betul. G3 pula mencadangkan agar LPM mewajibkan penggunaan ICT dalam menyediakan tugas agar pelajar lebih celik ICT.

Begitu juga di unit 7, iaitu membuat penilai produk dan proses, kesemua panel bersetuju terhadap panduan yang diberikan. G5 menegaskan bahawa panduan tersebut boleh dijadikan senarai semak oleh pelajar ketika melaksanakan kajian. Walau bagaimanapun menurut G1, pelajar kebiasaan hanya akan menunjukkan hasil kerja kursus di saat akhir menyebabkan semakan untuk pembetulan tidak dapat dijalankan.

Manakala untuk unit 8, kebanyakan ahli panel menyatakan bahawa pelajar agak lemah dalam membuat rumusan. G1 menegaskan tentang perlunya garis panduan atau ayat-ayat contoh untuk membuat rumusan. Bagi G5 pula, penghasilan idea-idea baru boleh dilihat dalam elemen 3 iaitu penerapan nilai-nilai patriotisme dalam penulisan esei buka di elemen 2 bahagian penutup laporan kajian. Kenyataan ini diakui oleh penyelidik namun

penghasilan esei di elemen 3 tidak dapat menggambarkan pelajar menghasilkan idea-idea baru kerana nilai-nilai patriotisme telah ditetapkan oleh LPM. Isu ini telah di ulas di 4.5 (hasil analisis kandungan skima pemarkahan kerja kursus KST yang ke iv, ms 184). Oleh itu untuk penghasilan ide-idea baru, penyelidik akan melihat dari aspek keupayaan pelajar membuat rumusan keseluruhan terhadap kajian yang dilakukan dan cadangan-cadangan yang diberikan untuk kajian lanjutan.

### **B) MPPKLM Membantu Pelajar-Pelajar Melaksanakan KKS**

Kesemua guru bersetuju bahawa MPPKLM membantu pelajar-pelajar dalam melaksanakan kerja kursus KST. G1 dan G4 menyatakan bahawa panduan dalam MPPKLM lebih jelas dan mencadangkan agar modul ini perlu diringkaskan dan disertakan bersama soalan kerja kursus yang diedarkan ke sekolah-sekolah. “*Ia boleh diringkaskan dan disatukan bersama soalan kajian kursus yang diedarkan ke sekolah*”(G1). “*Setiap individu disertakan modul beserta soalan kajian kursus yang ditetapkan*” (G4). G2 pula menyatakan bahawa modul ini berkesan untuk murid pandai. Namun beliau tetap mengatakan bahawa tahap-tahap dalam modul membantu pelajar membuat tugas dengan sedikit bimbingan guru. “*Berkesan untuk kelas yang muridnya dalam kategori pandai, rajin dan berusaha. Cadangan tahap-tahap yang dikemukakan dapat membantu pelajar menyelesaikan tugas secara berkumpulan dengan sedikit bimbingan guru*”(G2).

Manakala G5 menyatakan bahawa modul ini boleh mempermudahkan dan memandu pelajar melaksanakan kerja kursus KST dengan lebih sistematik. “*Modul ini telah memperincikan dan memandu pelajar melaksanakan KST dengan lebih sistematik*” (G5). Walau bagaimanapun G3 menyatakan bahawa modul ini hampir sama dengan panduan

LPM namun agak terperinci bagi pelajar peringkat menengah rendah. “*Modul yang diberikan hampir sama, namun agak terperinci bagi pelajar peringkat menengah rendah*” (G3).

**c) Kelebihan, kekurangan, perbezaan dan persamaan MPPKLM dengan panduan Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM)**

Antara kelebihan MPPKLM menurut G1 dan G4 ialah MPPKLM boleh digunakan sebagai panduan untuk pelajar memahami langkah-langkah menghasilkan kerja kursus. “*Sebagai panduan untuk pelajar memahami langkah menghasilkan tugasan*” (G1) dan “*Sebagai panduan untuk pelajar melaksanakan tugasan*” (G4). MPPKLM boleh merangsang pelajar untuk melaksanakan tugasan secara kreatif dan tidak terikat kepada satu-satu sumber sahaja(G2). “*Merangsang pelajar untuk melaksanakan tugasan secara kreatif dan tidak terikat kepada satu-satu sumber sahaja*” (G2). Manakala G3 menyatakan bahawa MPPKLM ini lengkap dan terperinci dalam mempersemprehankan maklumat terutama berkaitan kes kajian. “*Modul yang lengkap dan terperinci dalam mempersemprehankan maklumat terutama berkaitan kajian kes*” (G3) G5 pula berpendapat bahawa modul ini dapat memandu pelajar untuk menghasilkan kerja kursus KST yang baik di mana setiap langkah telah memperincikan langkah-langkah yang pelajar perlu ikuti. “*Setiap tahap akan memandu pelajar untuk menghasilkan KST yang baik, di mana setiap tahap telah memperincikan langkah-langkah yang pelajar perlu ikuti terutama tahap 5*” (G5).

Antara kekurangannya pula, G2 menyatakan bahawa MPPKLM tidak begitu sesuai untuk kawasan luar bandar yang kurang kemudahan Internet. Guru terpaksa memainkan peranan untuk menyediakan bahan kepada pelajar. “*Modul tidak begitu sesuai untuk kawasan luar bandar yang kurang kemudahan Internet. Dalam hal begini guru terpaksa memainkan*

*peranan untuk menyediakan bahan kepada pelajar”* (G2). Bagi G5 pula, penggunaan bahasa dalam MPPKLM, lebih sesuai untuk pelajar menengah atas dan agak sukar bagi pelajar menengah rendah untuk memahami MPPKLM terutama pelajar lemah. “*Bahasa yang digunakan sesuai untuk pelajar menengah atas. Mungkin pelajar menengah rendah sukar untuk memahaminya terutama pelajar lemah*” (G5). Manakala bagi G3, unit 2 dalam MPPKLM perlu diterangkan dengan lebih jelas lagi kerana pelajar mungkin akan kurang memahami istilah-istilah yang dinyatakan. “*Perlu jelas dari aspek tahap-tahap dalam memilih dan memproses maklumat kerana pelajar kurang memahami istilah-istilah yang dinyatakan*” (G3).

Antara perbezaan yang wujud di antara MPPKLM dengan panduan LPM ialah MPPKLM lebih jelas tentang apa yang perlu dilakukan oleh pelajar manakala panduan LPM agak ringkas dan pelajar tidak memahami terutama pada peringkat untuk menghasilkan hasil kajian (G1 dan G4). “*lebih jelas tentang apa yang perlu dilakukan oleh pelajar*” (G1) Kenyataan ini disokong oleh G3 dengan mengatakan bahawa MPPKLM menampilkan lebih daripada apa yang dikehendaki oleh LPM dalam menghasilkan kerja kursus sejarah terutama dalam memproses maklumat manakala panduan LPM kurang penyediaan maklumat, ringkas dan bersifat umum. “*Menampilkan lebih daripada apa yang dikehendaki oleh panduan daripada kementerian terutama dalam memproses maklumat*” (G3). G5 pula mengatakan terdapat penambahan kepada format yang ditetapkan oleh LPM terutama tahap 4,5,6,7 dan 8. “*Elemen 1,2 dan 3 telah dipecahkan kepada 7 tahap. Sangat baik. Tahap 4, 5, 6 dan 7 adalah penambahan yang dibuat oleh pengkaji untuk memantapkan lagi penghasilan KST pelajar*” (G5). Walau bagaimanapun G2 menyatakan bahawa tajuk kajian telah ditetapkan oleh LPM, objektif kajian perlu ada isi kandungan, tajuk dan iktibar, soalan kepentingan dan batasan kajian tidak ditetapkan oleh LPM dan penutup perlu

menggunakan analisis SWOT. Ini telah dimaklumi oleh penyelidik dan perbahasan tentang perkara ini telah dilakukan di bab 4 lepas.

Manakala persamaan yang ada di antara MPPKLM dengan panduan LPM ialah cara penghasilan kerja kursus masih mengikut format yang sama (G1 dan G4). “*Cara menghasilkan kerja kursus masih ikut format yang sama*” (G1). “*Masih mengikut format*” (G4). Ia sama dari aspek penyusunan maklumat (G3). “*Garis panduan yang sama dengan pihak kementerian terutama dalam penyusunan maklumat*” (G3). Manakala G5 mengatakan bahawa tahap 1,2 dan 3 adalah mengikut format yang sama. “*Tahap 1, 2 dan 3 adalah berdasarkan elemen dalam sukanan KST*” (G5).

#### **d) Kelebihan Borang Refleksi Kendiri (BRK)**

Kesemua ahli panel juga bersetuju tentang penggunaan Borang Refleksi Kendiri (BRK) dapat membantu pelajar melaksanakan tugas KST dan menghasilkan laporan lebih baik. Antara hujah yang diberikan ialah a) “*Penerangan terhadap kehendak tugas lebih jelas*” (G1); b) “*Berdasarkan refleksi kendiri, pelajar dapat mengetahui keseluruhan yang wujud dalam memproses maklumat dan secara tidak langsung pelajar dapat mempelajari sesuatu dan kelemahan tersebut dapat diatasi*” (G3); c) “*Panduan dan penerangan lebih jelas*” (G4) dan d) “*Refleksi kendiri ini seperti senarai semak untuk pelajar*” (G5). Namun G2 menegaskan bahawa pelajar perlu berusaha gigih mencari maklumat supaya mereka faham apa yang dikehendaki soalan. “*Pelajar perlu berusaha gigih mencari maklumat supaya mereka faham apa yang dikehendaki soalan*” (G2).

Antara cadangan-cadangan untuk menambahbaik BRK ialah “*refleksi kendiri ini perlu mengambil kira tahap pelajar menengah rendah (terutama pelajar yang lemah). Perlu ada bahan sokongan untuk membantu pelajar*” (G5); “*Boleh dipermudahkan lagi kerana di sekolah ada beberapa tahap pelajar. Mungkin boleh sediakan modul untuk 3 tahap pelajar dengan skema pemarkahan yang berbeza agar pelajar lemah tidak ketinggalan*” (G2). Seterusnya G3 menegaskan bahawa BRK ini adalah ”*amat baik bagi pelajar mengenalpasti tahap kekuatan pelajar dalam menghasilkan sesuatu tugas/ kajian kes mengikut standard yang telah ditetapkan selain membentuk disiplin pelajar menghasilkan tugas yang berkualiti dan memenuhi piawaian*”.

### **6.3.2. Analisis Kerja Kursus KST Pelajar Kajian**

Selain menggunakan analisis borang penilaian MPPKLM, analisis kerja kursus KST pelajar yang terlibat dalam kaedah eksperiman turut diguna untuk menilai keberkesanan MPPKLM. Kesemua 30 pelajar sempel akan dikodkan kepada P1 hingga P30. Keseluruhan naskhah laporan KST telah dianalisis berdasarkan tema-tema tahap literasi maklumat yang terkandung dalam MPPKLM iaitu: a) mengenalpasti keperluan maklumat, mendefinisi tugas dan memfokus tajuk; b) menstrategik pencarian; c) mengesan, memilih dan menilai maklumat; d) mengurus maklumat; e) menganalisa, mengolah dan mengulas maklumat secara beretika; f) mempersesembahkan maklumat secara beretika; g) membuat penilaian produk dan proses dan h) menghasilkan ide-idea baru. Analisis ini bertujuan untuk menilai sejauhmana MPPKLM dapat membantu pelajar menghasilkan KKS yang bercirikan LM.

### **a) Mengenalpasti Keperluan Maklumat, Mendefinisi Tugasan Dan Memfokus Tajuk**

Daripada analisis yang dilakukan jelas kelihatan isi kandungan dan penghargaan telah dipaparkan oleh pelajar dalam naskah laporan dengan baik. Cara pelajar menskop kajian juga baik. Sebagai contoh: soalan meminta pelajar mengkaji satu bangunan bersejarah di Negara Malaysia. Tajuk yang dapat dipaparkan oleh pelajar ialah “Bangunan Bersejarah di Malaysia: Victoria Institution” (P4) dan “Bangunan Bersejarah Victoria Institution” (P8). Dalam pemilihan kaedah kajian pula, kebanyakan pelajar didapati telah dapat menggunakan kaedah kajian yang betul. Contohnya P24 menyatakan “kaedah kajian saya ialah lawatan dan pemerhatian. Saya telah melawat ke Victoria Institution dan memerhatikan keadaan sekeliling”. P24 telah melampirkan bukti lawatan dalam laporan kajiannya seperti beberapa keping gambar yang diambil semasa lawatannya. Begitu juga P16 menyatakan kaedah kajiannya ialah kaedah temubual. Transkrip temubual telah dikepulkan dalam kajiannya. Seterusnya antara kaedah kajian P20 ialah analisis dokumen. P20 membuktikan dengan melampirkan pelan tapak bangunan dalam kajiannya.

Walau bagaimanapun, kebanyakan pelajar masih lemah dalam menentukan dan menulis objektif kajian. Hanya dua orang pelajar yang dapat mempamerkan objektif kajian yang agak baik iaitu “dapat mengetahui asal usul sesebuah bangunan yang dikaji (P16), “dapat mengetahui maklumat lebih lanjut tentang bangunan bersejarah”, “dapat mengetahui lambang warisan Negara dengan mendalam” (P4). Kebanyakan pelajar masih menulis objektif kajian yang umum dan tidak boleh diukur. Contohnya, “dapat menimbulkan perasaan bangga terhadap tinggalan sejarah Negara” (P4), “untuk memenuhi sukanan mata pelajaran sejarah tingkatan 3/ memenuhi sukanan piawaian PMR” (P8, P12, P16, P20, P24, P28), “belajar berdikari dan mencari maklumat dengan cekap dan pantas” (P20),

“menerapkan unsur-unsur patriotisme dalam diri” (P24, P28), “mempelajari cara memperolehi maklumat dengan tepat dan efektif”, “untuk dijadikan rujukan untuk generasi akan datang” (P4). Kesemua pelajar juga tidak menulis soalan, kepentingan dan batasan kajian dalam laporan kajiannya begitu juga dalam BRK. Keadaan ini memang dapat dijangka oleh penyelidik kerana ia tidak termasuk dalam kehendak soalan LPM.

### **b) Menstrategik Pencarian**

Bukti pelajar menstrategik pencarian tidak dapat dijelaskan melalui analisis kandungan laporan kajian kerana menstrategik pencarian hanya boleh dilihat melalui pemerhatian proses pelajar-pelajar mencari maklumat. Walau bagaimanapun diandaikan bahawa pelajar telah dapat menstrategik pencarain berdasarkan kepelbagaian sumber maklumat yang digunakan dalam laporan kajian mereka termasuk sumber cetak dan elektronik. Kebanyakan pelajar menggunakan buku, akhbar, majalah dan sumber Internet. Terdapat juga pelajar yang menggunakan pamphlet (P16 dan P28) dan orang sumber (P8, P16 dan P24). Kesemua bahan yang dinyatakan oleh pelajar ini ada dikepulkan di Elemen 1 termasuk juga transkrip wawancara dengan orang sumber.

### **c) Mengesan, Memilih dan Menilai Maklumat**

Pelajar juga telah berjaya mengesan, memilih dan menilai maklumat. Sumber-sumber maklumat yang diperolehi oleh pelajar secara keseluruhannya adalah relevan, sahih dan terkini. Bahan rujukan yang digunakan oleh pelajar adalah terkini iaitu sekitar tahun 2008-2010. Pelajar juga tahu untuk mengambil sumber-sumber di Internet yang sahih. Contohnya Pautan daripada [www.mpti.gov.my/learning\\_tower](http://www.mpti.gov.my/learning_tower) (P28). dan [www.en.wikipedia.org/wiki/Victoria\\_Institution](http://www.en.wikipedia.org/wiki/Victoria_Institution) (P12) dan [www.smkvictoria.net](http://www.smkvictoria.net) (P12).

Walau bagaimanapun wujud juga seorang pelajar (P20) yang membuat pautan daripada sumber internet yang kurang dipercayai kesahihannya iaitu membuat pautan daripada <http://khairullafdalharun.tripod.com/my/id14.html> dan [www.angelfire.com/co/MCKK/English.html](http://www.angelfire.com/co/MCKK/English.html)

#### **d) Mengurus Maklumat**

Daripada borang refleksi kendiri (BRK), didapati kesemua pelajar telah dapat menyenaraikan bahan-bahan mengikut kategori kecuali P24. Walaubagaimanapun kesemua pelajar tidak menyediakan senarai sumber rujukan masing-masing. Ini berkemungkinan kerana mereka tidak diminta berbuat demikian. Mereka tidak merasa pentingnya menulis sumber rujukan ini walaupun dalam BRF telah disediakan ruangan untuk mengisi sumber rujukan yang digunakan. Keadaan inilah yang akan menyukarkan pelajar untuk membuat petikan dalam teks kerana mereka akan keliru terhadap sumber maklumat yang mereka telah rujuk.

#### **e) Menganalisa, Mengolah dan Mengulas Maklumat Secara Beretika**

Berpandukan BRK juga, didapati kebanyakan pelajar telah dapat melakarkan idea-idea kajiannya mengikut kategori pendahuluan, isi dan penutup. Pelajar juga didapati telah menyenaraikan senarai rujukan di ruang yang telah ditetapkan. Apabila dibuat analisis di bahagian hasil laporan pelajar dalam naskah laporan pelajar didapati kebanyakan pelajar telah berpandukan idea-idea yang dilakarkan dalam BRK untuk menulis hasil laporan mereka. Walau bagaimanapun hanya kelihatan seorang pelajar sahaja telah menggunakan petikan dalam teks (P20) dan menyenaraikan sumber tersebut sebagai sumber rujukannya. Namun cara penulisannya salah. P20 memasukkan keseluruhan tajuk dan helaian untuk

sumber petikan. Contohnya (sumber: jurnal MALAY COLLEGE 1905-1965, halaman 52-53) dan alamat Internet contohnya (sumber: <http://khairellafdalharun.tripod.com/my/id14.html>). Hal ini berkemungkinan disebabkan pelajar tidak terdedah dengan penggunaan petikan dalam teks sebelum ini. LPM juga tidak memasukkan perkara ini sebagai sebahagian daripada format penghasilan KKS. Bertepatan dengan pandangan ahli panel penilai MPPKLM berkaitan petikan dalam teks: “Pelajar belum dapat melaksanakan elemen ini dengan baik. Perlu bimbingan dan garis panduan yang betul” (G3), “Cara menganalisis dan mengolah/mengulas maklumat tidak sesuai untuk murid tingkatan 3-terlalu tinggi arasnya. Pelajar mesti menggunakan ayat mereka sendiri dalam mengarang. Pelajar perlu dimaklumkan peraturan berkaitan tatacara membuat petikan tetapi mereka tidak sepatutnya dihukum jika mereka tidak dapat mengikutinya”(G2) dan “Tahap 5 ini sangat membantu pelajar kerana dalam prosedur kerja kursus KST yang sedia ada tiada komponen ini (G5). Oleh itu jelas kelihatan bahawa penggunaan petikan dalam teks ini memang masih kurang di kalangan pelajar kerana penggunaannya masih belum ditekankan oleh pihak LPM dalam penghasilan KKS. Malah ada di antara guru-guru turut merasakan penggunaan petikan dalam teks ini belum sesuai diaplikasikan dalam penghasilan KKS. Sedangkan menurut penyelidik penggunaan petikan dalam teks perlu dikuatkuasakan kerana ia melambangkan ciri-ciri celik maklumat seseorang individu.

#### **f) Mempersembahkan Maklumat Secara Beretika**

Daripada 7 orang yang dipilih, 2 pelajar telah menggunakan tulisan tangan untuk menghasilkan laporan kerja kursusnya (P28 dan P24). Keadaan ini menimbulkan kesukaran untuk melihat aspek teknikal dalam laporan kerja kursus tersebut terutama berkaitan penggunaan saiz fon, jenis huruf, susun atur (*justify*), ejaan, pemerengganan dll.

Oleh itu cadangan daripada salah seorang ahli panel (G3) agar mewajibkan pelajar menggunakan ICT dalam penghasilan kerja kursus amat relevan namun ia akan mendatangkan masalah bagi golongan pelajar yang lemah. Walau bagaimanapun aspek teknikal yang dipaparkan dalam hasil laporan 5 pelajar lain yang menggunakan tulisan komputer amat baik. Namun kebanyakan mereka tidak menggunakan format-format grafik dalam mempersempit maklumat. Ini adalah rentetan daripada format LPM yang tidak menekankan bentuk persembahan seperti ini. Walau bagaimanapun, terdapat 2 orang pelajar yang memasukkan plan dan gambar dalam teks contohnya P8 di halaman 9 laporannya terdapat plan bangunan dan ditulis kapsyen di bawahnya. Manakala P20 memasukkan gambar di halaman 8 dan 9 laporannya namun dia tidak membuat kapsyen.

Secara keseluruhannya, pelajar telah dapat menunjukkan peningkatan dalam aspek penulisan gaya rujukan. Namun gaya penulisan rujukan ini tidak merujuk kepada gaya penulisan yang ada dalam modul (gaya rujukan APA). Berkemungkinan mereka mengikuti gaya penulisan rujukan yang ditetapkan oleh LPM. Ini menguatkan cadangan G2 di mana pelajar perlu dibimbing untuk menulis rujukan satu persatu kerana mereka sering membuat persepsi sendiri walaupun telah diberi contoh menulis rujukan yang betul.

Hasil analisis juga telah mendapati bahawa kesemua pelajar telah membuat lampiran dalam kajiannya seperti gambar bangunan (P4, P12, P16,P20, P24,P28) dan plan bangunan (P4,P20), peta (P4,P8, P12, P16,P24, P28), sijil pengiktirafan (P4,P8, P12, P20,), gambar lawatan (P24), dan gambar situasi (P4). Kesemua lampiran ini mempunyai kapsyen.

### **g): Membuat Penilaian Produk dan Proses**

Berdasarkan BRK, pelajar dapat membuat refleksi terhadap produk yang dihasilkan dan proses yang dilalui dengan baik. Contohnya P16 menyatakan bahawa ketika sesi perbincangan bersama guru terdapat kaedah kajian yang tidak sesuai digunakan. Pelajar ini terus memutuskan untuk memilih kaedah kajian yang lebih relevan. Begitu juga P20 menyatakan bahawa ketika sesi perbincangan bersama guru, susunan topik agak tidak teratur, terdapat sedikit ejaan salah dan format penulisan rujukan salah. Pelajar ini telah menyatakan untuk menyusunnya mengikut topik yang sesuai, mengenalpasti ejaan yang salah dan memperbaiki dan membuat rujukan semula dengan format penulisan rujukan yang betul. Ini menguatkan lagi hujah yang dikemukakan oleh ahli panel (G5) yang mengatakan bahawa BRK ini sangat berkesan untuk dijadikan senarai semak pelajar ketika melaksanakan KKS.

### **h) Menghasilkan Idea-Idea Baru**

Berpandukan kepada BRK juga, didapati kebanyakan pelajar telah menuliskan cadangan-cadangan kajian akan datang. Antara contoh cadangan yang dikemukakan oleh pelajar ialah mengadakan beberapa sudut sejarah di kelas serta kawasan sekolah (P16, P12, P8), membuat kajian dengan lebih sistematik dan menambah maklumat dengan banyak pada kajian akan datang (P24), menjalankan kajian mengikut masa yang ditetapkan dan menjalankan kajian dengan mencari maklumat lebih terperinci (P20). Namun apabila dilakukan analisis terhadap laporan kerja kursus mereka didapati bahawa cadangan-cadangan ini tidak ditulis. Ini juga telah dijangka oleh penyelidik kerana cadangan untuk kajian akan datang tidak termasuk dalam format LPM. Penulisan cadangan-cadangan kajian akan datang ini telah menunjukkan pelajar telah berusaha menghasilkan idea-idea

baru. Namun ianya tidak kelihatan dalam laporan kerja kursus yang mereka hasilkan kerana ia tidak diperlukan dalam format penghasilan KST.

Hasil analisis juga mendapati bahawa secara keseluruhannya pelajar dapat merumuskan kajian mereka dengan baik. Contohnya antara rumusan yang dibuat oleh P12 “Saya juga turut merasa bangga mempunyai warisan budaya yang begitu tinggi nilainya. Rakyat Malaysia hidup dengan mengamalkan budaya semangat kekitaan. Pelbagai bangsa di Negara ini saling bekerjasama dan saling bantu membantu antara satu dengan yang lain. Walaupun rakyat Malaysia menganut agama dan menjalani kehidupan yang berbeza, sikap tolak ansur dan toleransi tidak dilupakan”.

### **6.3.3. Analisis MPPKLM Secara Keseluruhan**


Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) yang telah dihasilkan telah dapat membantu pelajar melaksanakan kerja kursus secara sistematik dan berfokus. Borang refleksi kendiri (BRK) yang telah disediakan mampu memandu pelajar melaksanakan tugas secara berperingkat dan bertindak sebagai senarai semak kepada pelajar dalam melaksanakan keseluruhan kajian. Penambah format penghasilan KKS yang terdapat dalam MPPKLM seperti keperluan kepada penghasilan soalan, batasan dan kepentingan kajian, cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan, penggunaan petikan dalam teks, penyataan rujukan berdasarkan petikan dalam teks, kepelbagaian persembahan maklumat berbentuk grafik, dan lain-lain akan membantu pelajar menghasilkan KKS yang bercirikan LM. Sungguhpun demikian, beberapa cadangan untuk penambahbaikan MPPKLM telah dikenalpasti. Antaranya:

- i. cara penyampaian maklumat dalam MPPKLM perlu dipermudahkan mengikut tahap kecerdasan pelajar;
- ii. sediakan makanisma yang sesuai untuk pelajar mudah menilai kesahihan maklumat;
- iii. perlu diwujudkan sistem perfailan yang sesuai untuk pelajar menguruskan maklumat;
- iv. bimbingan terhadap cara penggunaan petikan dalam teks dan gaya penulisan rujukan yang berterusan.

Walau bagaimanapun, kelemahan pelajar yang masih belum dapat di atasi melalui MPPKLM ini seperti pernyataan objektif kajian pelajar, penggunaan petikan dalam teks, dan sebagainya, boleh diperbaiki dari hari ke sehari kerana pelajar baru didedahkan kepada penghasilan KKS (KKS) yang bercirikan LM menggunakan MPPKLM. Sebagai usaha untuk menggalakkan pelajar menghasilkan kerja kursus bercirikan LM, pihak LPM seharusnya menekankan ciri-ciri LM dalam penghasilan KKS pelajar. Penambahan format-format yang dicadangkan dalam MPPKLM dan cadangan-cadangan daripada panel-panel penilai MPPKLM ini perlu diambil perhatian oleh pihak LPM agar mutu KKS dapat dipertingkatkan ke arah yang lebih baik seterusnya dapat mempraktikkan ciri-ciri LM dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah.

## 6.4. RUMUSAN

Bab 6 ini telah mengupas secara jelas tentang fasa 3 kajian iaitu melaksanakan perubahan, maklumbalas pengguna dan penilaian (Fasa SSM peringkat 6 & 7). Pembentukan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) menghasilkan KKS (KKS) bercirikan LM dan penilaiaan keberkesanannya telah diuraikan dan direnagkan dengan jelas. Bab seterusnya akan membincangkan hasil dapatan daripada kajian dalam bab 4, 5 dan 6 seterusnya menjawab setiap persoalan kajian yang dikemukakan dalam kajian ini. Rajah 6.1 adalah gambaran keseluruhan SSM yang dimaksudkan.



**Rajah 6.1: Gambaran SSM Secara Keseluruhan**

## **BAB 7**

### **PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **7.1 PENDAHULUAN**

Bab ini akan mengulas tentang dapatan-dapatan kajian dalam bab 4, 5 dan 6 dan secara ringkas menjawab persoalan-persoalan yang telah di timbulkan dalam kajian ini. Rumusan keseluruhan akan dibuat bagi memperlihatkan implikasi kajian yang boleh diketengahkan oleh penyelidik. Akhir sekali beberapa cadangan penyelidik untuk kajian lanjutan turut dibincangkan.

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:-

- i. Membangunkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar berdasarkan piawaian-piawaian antarabangsa;
- ii. Meninjau tahap LM pelajar dengan memetakan amalan-amalan LM mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS) berdasarkan KLMP yang dibangunkan;
- iii. Membangunkan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) berdasarkan keperluan amalan LM pelajar dalam penghasilan KKS ; dan
- iv. Mengenalpasti kesesuaian MPPKLM dalam penghasilan KKS yang menyepadukan kemahiran LM.

Menerusi objektif di atas, kajian telah dijalankan bagi menjawab persoalan-persoalan berikut:-

- i. Apakah piawaian-piawaian LM antarabangsa yang boleh dirujuk bagi membangunkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar?
- ii. Apakah tahap LM pelajar di sekolah berasrama penuh (SBP) berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS)?
- iii. Apakah keperluan pelajar berdasarkan amalan LM dalam penghasilan KKS kepada pembentukan satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM)?
- iv. Sejauhmanakah kesesuaian MPPKLM dalam membantu menghasilkan KKS bercirikan LM?

Pendekatan Sistem Lembut (*Soft System Methodology (SSM)*) yang digunakan dalam kajian ini telah membantu mengatuir proses penyelidikan ini dari mengenalpasti permasalahan yang berlaku, mencadangkan langkah penyelesaian dan mendapatkan data kajian pada setiap tahap SSM, seterusnya menjawab persoalan-persoalan kajian di atas.

Menerusi SSM, 3 fasa kajian telah dibina iaitu; a) Fasa 1: mengenalpasti masalah; b) Fasa 2: merekabentuk dan menghasilkan model konseptual bagi menentukan perubahan kepada proses sedia ada; dan c) Fasa 3: melaksanakan perubahan, maklumbalas pengguna dan penilaian. Fasa 1 kajian melibatkan peringkat 1 dan 2 SSM iaitu mengenalpasti dan menggambarkan permasalahan yang berlaku melalui lakaran gambaran terperinci (*rich picture*). Fasa 2 kajian pula melibatkan peringkat 3 dan 4 SSM iaitu mendefinisikan aktiviti asas tentang sistem aktiviti yang dianggap relevan dalam modul dan peringkat 5 SSM iaitu membandingkan model dengan proses aktiviti masa kini. manakala fasa 3 kajian

melibatkan peringkat 6SSM iaitu menilai keberkesanannya modul dan peringkat 7 SSM iaitu tindakan lanjutan untuk menambah baik situasi bermasalah.

Fasa 1 kajian ialah mengenalpasti masalah. Dalam mengenalpasti permasalahan yang timbul, kajian tinjauan menggunakan Kaedah Campuran (*mixed method*) telah dilakukan secara triangulasi. Triangulasi merupakan aplikasi dan kombinasi kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi mengkaji fenomena yang sama di mana data yang diperolehi dapat menambah kekuatan dan menyokong dapatan satu sama lain (Creswell 2008; Plano & Creswell 2010). Dalam kajian ini, permasalahan kajian dikenalpasti melalui empat instrumen iaitu sorotan literatur, soal selidik berkaitan cara kebiasaan pelajar dalam menghasilkan kerja kursus sekolah (KKS), analisis kandungan laporan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) dan analisis kandungan skima pemarkahan KST.

Melalui sorotan literatur, penyelidik cuba mengenalpasti piawaian-piawaian LM antarabangsa yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap literasi pelajar menerusi sumber-sumber bercetak mahupun secara talian. Penyelidik juga cuba mengenalpasti modul-modul LM yang sesuai digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran LM.

Melalui kajian tinjauan menggunakan soal selidik pula penyelidik cuba mengenalpasti tahap LM pelajar sekolah berasrama penuh (SBP) melalui amalan-amalan mereka dalam menghasilkan KKS. Penyelidik telah menyediakan satu set soal selidik mengandungi 23 soalan yang dibentuk berdasarkan tahap-tahap LM yang terdapat dalam piawaian LM ANZIIL (*Australian and New Zealand Institute for Information Literacy*, 2004) dan contoh-contoh persoalan yang biasa diajukan oleh pengkaji-pengkaji lampau. Kebanyakan

soalan berbentuk soalan tertutup berasesuaian dengan data yang ingin diperolehi. Namun soalan berbentuk terbuka juga dibentuk bagi mendapatkan pandangan responden. Bagi soalan tertutup, penyelidik telah menyediakan pelbagai pilihan jawapan dan jawapan ‘lain-lain’ untuk memberi peluang kepada responden mengemukakan jawapan yang mewakili pernyataan sebenar dirinya. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Rawang (SBP) untuk dijadikan sekolah kajian. Rasional penyelidik memilih SBP sebagai lokasi kajian kerana:-

- i. penyelidik ingin melihat tahap LM pelajar di sekolah berasrama penuh (SBP) berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS) dan belum ada kajian LM yang dilakukan khusus untuk sekolah jenis ini;
- ii. dapatan kajian adalah untuk menghasilkan satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) bagi menghasilkan KKS yang bercirikan LM. Penyelidik memerlukan sampel yang berkebolehan dan berkemampuan dari segi kognitif untuk menggunakan MPPKLM tersebut untuk tujuan menilai kesesuaianya. Melihat daripada syarat-syarat pengambilan pelajar-pelajar ke SBP, penyelidik mengandaikan bahawa kesemua pelajar di sekolah ini cemerlang dari pelbagai aspek dan berkemampuan untuk memahami dan mengikuti modul yang akan dihasilkan. Malahan mereka juga telah biasa terdedah dengan kaedah pembelajaran sendiri melalui kelas persediaan (preparation class);
- iii. mudah untuk mengenalpasti mana-mana pelajar yang membuat plagiat hasil rakan sebaya kerana mereka adalah dalam kelompok yang sama.

Keseluruhan tingkatan 2 dan tingkatan 3 telah dijadikan sampel kajian dalam menjawab soalselidik ini. Jumlah keseluruhan borang soal selidik yang berjaya dikumpulkan ialah sebanyak 193 naskah iaitu 83 daripada tingkatan 2 dan 110 naskah daripada tingkatan 3.

Bagi memilih 30 naskah laporan KST pelajar tingkatan 3 untuk tujuan analisis kandungan, penyelidik telah menggunakan persempelan bertujuan (*purposive*) dengan mengambil kira

faktor keseragaman tahap keupayaan pelajar di SBP. Persempelan bertujuan ini dipilih kerana ia dipercayai dapat mewakili objektif sesuatu penyelidikan berkaitan sesuatu fenomena yang ingin dikaji (Burn, 1995). Penyelidik telah memilih salah satu kelas daripada tingkatan 3 dengan jumlah pelajarnya seramai 30 orang.

Penumpuan kepada naskah laporan kerja kursus KST tingkatan 3 sahaja kerana wujudnya ciri-ciri LM yang terkandung di dalam matlamat perlaksanaan kerja kursus KST tingkatan 3 iaitu ”Melalui pengkajian ini, kemahiran sejarah seperti mencari, mengumpul, mengelas, menganalisa, mentafsir, mensintesis, merumus dan merekod fakta sejarah dapat dinilai” (Malaysia, 2006b). Analisis secara mendalam dilakukan bagi membongkar fenomena sebenar tahap LM yang terkandung dalam naskah laporan kerja kursus KST yang dihasilkan oleh pelajar seterusnya dapat mengukuh dan menghasilkan dapatan yang lebih bermakna (Creswell 2008; Plano & Creswell 2010).

Begitu juga menerusi analisis dokumen skima pemarkahan KST, analisis dilakukan bagi mengesan sejauhmana tahap LM ditekankan dalam menentukan penskoran markah KKS pelajar. Hasil analisis ini juga dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian seterusnya menghasilkan dapatan yang lebih bermakna (Creswell 2008; Plano & Creswell 2010).

Permasalahan yang timbul hasil daripada analisis data, digambarkan menggunakan gambaran terperinci (*rich picture* (RP) bagi memperlihatkan dengan jelas permasalahan yang timbul dari aspek pihak yang berkepentingan.

Dalam fasa 2 kajian iaitu mencadangkan satu kaedah penyelesaian untuk mengubah proses sedia ada, telah melibatkan analisis CATWOE, penghasilan *root definition* (RD),

pembentukan dan cadangan model konseptual dan seterusnya perbandingan di antara model konseptual dengan permasalahan yang timbul. CATWOE merupakan askara perkataan yang terdiri daripada C: *customers/ pelanggan*; A: *Actors/pelakon*; T: *Transformation Process/proses transformasi*; W: *Weltanschauung/pandangan dunia*; O: *Owners/pemilik*; dan E: *Environmental Constraints/batasan persekitaran*. Pelanggan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pelajar-pelajar sekolah yang terlibat dalam menghasilkan KKS. Pelaku yang telah dikenalpasti pula ialah guru matapelajaran dan guru perpustakaan & media (GPM). Bagi proses transformasi, input yang dikenalpasti ialah pelajar kurang celik maklumat manakala output ialah pelajar celik maklumat. *Weltanschauung* pula dimaksudkan sebagai cara penghasilan KKS yang mempunyai ciri-ciri LM mampu melahirkan pelajar-pelajar yang celik maklumat. Seterusnya pemilik ialah pihak Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi arahan melalui perlaksanaan KKS (KKS) kepada pelajar-pelajar untuk mewujudkan pelajar celik maklumat. Halangan persekitaran pula ialah tahap LM pelajar yang rendah.

RD yang terhasil adalah seperti berikut:

**“Satu Sistem yang dipunyai oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) bagi membantu menghasilkan KKS yang mempunyai ciri-ciri LM dengan penglibatan guru matapelajaran dalam situasi tahap LM pelajar yang rendah ke arah melahirkan pelajar yang celik maklumat”.**

RD yang terhasil ini diterjemahkan pula kepada model konseptual yang mengandungi aktiviti-aktiviti logik bagi mengatasi permasalahan yang berlaku. Aktiviti-aktiviti digambarkan menggunakan kata kerja yang ringkas dan mudah faham. Daripada panelitian

kajian-kajian lampau dan hasil analisis kajian antara aktiviti-aktiviti yang dicadangkan bagi membentuk model konseptual ialah:-

- a) pilih model-model LM yang sesuai dan mudah difahami;
- b) tentukan model pengajaran LM yang dianggap sesuai untuk persekitaran masalah;
- c) tentukan kehendak dan keperluan pelajar;
- d) pilih rekabentuk pengajaran yang sesuai; dan
- e) bentuk modul yang relevan.

Dalam fasa 3 kajian iaitu melaksanakan perubahan, maklumbalas pengguna dan penilaian, satu sistem aktiviti yang dicadangkan (yang mengandungi proses dan produk) telah dihasil, dilaksana dan dinilai. Aktiviti yang dicadangkan ialah pembentukan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) menghasilkan KKS (KKS) yang bercirikan LM. MPPKLM ini telah dihasilkan menggunakan rekabentuk pengajaran Dick & Carey (1990). MPPKLM seterusnya dilaksana dan dinilai. Hasil penilaian mendapati bahawa MPPKLM dapat membantu pelajar menghasilkan KKS bercirikan LM.

## **7.2. MENJAWAB PERSOALAN KAJIAN.**

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti permasalahan yang berlaku dalam persekitaran pencapaian LM di kalangan pelajar menengah rendah di sekolah berasrama penuh (SBP). Laporan diskriptif dalam bab 4, 5 dan 6, telah cuba menjawab semua persoalan kajian satu persatu. Dalam bab 4 secara khusus membincangkan tentang fasa 1 penyelidikan iaitu mengenalpasti masalah. Penyelidik telah menggunakan 4 kaedah pengumpulan data iaitu kajian perpustakaan, pengedaran soal selidik kepada pelajar, analisis kandungan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) pelajar tingkatan 3 dan analisis kandungan skima pemarkahan KST Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Dapatan daripada analisis keempat-empat kaedah ini telah menjawab persoalan kajian 1, 2 dan 3. Manakala dalam bab 5 telah diterangkan bagaimana cara pembinaan MPPKLM. Rupabentuk sebenar MPPKLM dan penilaianya telah diterangkan dalam bab 6 seterusnya menjawab persoalan kajian 4.

### **7.2.1. Persoalan kajian 1:**

**Apakah piawaian-piawaian LM antarabangsa yang boleh dirujuk bagi membangunkan kerangka literasi maklumat penyelidik (KLMP) yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar?**

Bagi menjawab persoalan kajian ini, penyelidik telah membuat kajian perpustakaan. Daripada sorotan literatur, penyelidik mendapati bahawa piawaian LM diperlukan sebagai kayu pengukur tahap LM individu (Edzan & Mohd Sharif, 2005). Ia menggariskan perilaku-perilaku LM yang dikehendaki mengikut acuan yang dikehendaki (Siti, Imilia & Huzaimeh, 2008). Contohnya, menerusi AASL (American Association of School

Librarians, 1998) Amerika telah menggubal piawaian LM peringkat sekolah meliputi tiga kategori iaitu a) LM; b) pembelajaran bebas; dan b) tanggungjawab sosial (Seaman, 2001). Antara pelakuan LM yang dimaksudkan dalam ketiga-tiga kategori ini termasuklah pelajar yang celik maklumat boleh:

- i. Mengakses maklumat secara efisien dan efektif;
- ii. Menilai maklumat secara kritis dan cekap;
- iii. Menggunakan maklumat secara efektif dan kreatif;
- iv. Mencari maklumat yang berkaitan minat sendiri;
- v. Menghargai dan meminati kesusasteraan dan lain-lain;
- vi. Berusaha mencapai kecemerlangan dalam pencarian maklumat dan pembinaan pengetahuan;
- vii. Menyedari kepentingan maklumat dalam masyarakat demokratik;
- viii. Mengamalkan etika yang baik dalam penggunaan maklumat dan teknologi maklumat; dan
- ix. Mengambil bahagian yang efektif dalam kumpulan untuk mencari dan menjana maklumat.

Begitu juga di Australia, melalui CAUL (Council of Australian University Librarians, 2001) piawaian LM mereka juga turut menggariskan perilaku individu yang celik maklumat perlu:

- i. Sedar akan keperluan maklumat dan dapat menentukan lokasi maklumat yang diperlukan;
- ii. Mengakses maklumat yang diperlukan secara efektif dan efisian;
- iii. Menilai maklumat dan sumber-sumbernya secara kritikal dan menyepadukan maklumat yang dipilih dalam pengetahuan asasnya;
- iv. Mengklas, menyimpan, mengguna dan melakar maklumat yang dikumpul;
- v. Memperluaskan, membentuk kembali atau mencipta ilmu baru berdasarkan maklumat sedia ada dengan pemahaman baru secara individu atau dalam kumpulan;

- vi. Memahami isu-isu persekitaran seperti budaya, ekonomi dan undang-undang dalam menggunakan maklumat, mengakses dan menggunakan maklumat secara beretika, sah dan bertanggungjawab; dan
- vii. Sedar bahawa pembelajaran sepanjang hayat dan warganegara yang berperanan diperlukan dalam LM.

Gabungan Australia dan New Zealand pula, melalui ANZIIL (*(Australian and New Zealand Institute for Information Literacy*, 2004) juga telah mengariskan perilaku LM dalam piawaiannya iaitu individu yang celik maklumat seharusnya:

- i. Sedar akan keperluan maklumat dan dapat menentukan keaslian maklumat;
- ii. Boleh mencari maklumat secara efektif dan efisien;
- iii. Boleh menilai maklumat dan proses pencarian maklumat secara kritikal;
- iv. Boleh menguruskan maklumat dan menjana;
- v. Boleh mengaplikasikan maklumat untuk membina konsep dan pemahaman baru; dan
- vi. Boleh menggunakan maklumat tertakluk dengan budaya, etika, ekonomi, undang-undang dan isu-isu sosial.

Piawaian LM yang dibentuk ini adalah mengikut kehendak masyarakat bersesuaian dengan ciri-ciri LM yang sepatutnya dikuasai. Piawaian ini penting sebagai garispanduan menentukan tahap LM warganya dan bagi tujuan penyediaan modul pengajaran LM (Edzan & Mohd Sharif, 2005; Siti, Imilia & Huzaimah, 2008). Menurut penyelidik, kebanyakan perilaku LM yang digariskan oleh pelbagai negara untuk pelbagai peringkat adalah menyamai di antara satu sama lain tetapi diungkapkan menggunakan istilah dan perkataan yang berbeza. Antara perilaku LM yang dimaksudkan ialah:

- i. sedar akan keperluan maklumat;
- ii. mencari maklumat secara efektif, kreatif dan efisien;
- iii. menilai kerelevanan, keesahan dan kekinian maklumat;
- iv. mengurus maklumat yang telah diperolehi;

- v. mengguna dan mempersebahkan maklumat secara beretika; dan
- vi. mengaplikasikan maklumat menjadi ilmu pengetahuan yang baru

Daripada sorotan literatur mendapati bahawa piawaian LM antarabangsa yang sesuai digunakan di peringkat sekolah menengah ialah AASL (1998), CAUL (2001), dan ANZIIL (2004). Disebabkan kandungan antara ketiga-tiga piawaian ini adalah menyamai antara satu sama lain maka menerusi kajian ini, penyelidik telah memilih piawaian LM AASL (1998) dan ANZIIL (2004) untuk membentuk Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP) sebagai penanda aras tahap LM pelajar dalam kajian ini. KLMP telah dijadikan kayu ukur kepada tahap LM pelajar ketika menganalisis soal selidik, kandungan naskah laporan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) pelajar tingkatan 3 dan skima pemarkahan KST Perbahasan ini telah dibincangkan di 2.6 dan 4.2.1 lepas.

Tema-tema yang muncul daripada analisis soal selidik dan analisis naskah laporan kerja kursus KST diselaraskan dengan tahap-tahap LM dalam KLMP bagi menentukan sejauhmana tahap LM pelajar sekolah berasrama penuh (SBP) melalui kefahaman dan cara kebiasaan pelajar dalam menghasilkan KKS. Begitu juga ketika menganalisis kandungan skima pemarkahan KST, KLMP turut digunakan untuk mengesan sejauhmana aspek LM diterapkan oleh LPM dalam pemarkahan kerja kursus KST. KLMP adalah seperti di Jadual 4.2.

### **7.2.2. Persoalan Kajian 2:**

**Apakah tahap LM pelajar di sekolah berasrama penuh (SBP) berdasarkan amalan-amalan mereka dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS)?**

Hasil analisis soal selidik menggunakan KLMP mendapati bahawa kebanyakan pelajar telah mempunyai peralatan asas yang perlu untuk LM iaitu mereka telah memiliki komputer dan pernah menggunakan Internet (Jadual 4.5). Mereka telah menunjukkan perilaku LM tahap 1, 2, 3, 4 dan 5 (seperti yang terkandung dalam KLMP), namun perilaku LM ini adalah di tahap rendah. Berdasarkan cara-cara pengumpulan maklumat pelajar di Jadual 4.9 dan permasalahan yang dikemukakan oleh pelajar di Jadual 4.15 jelas menunjukkan bahawa mereka masih belum mempunyai kemahiran untuk mengesan maklumat yang diperlukan. Ketika membuat penilaian maklumat pula, mereka masih memerlukan pendedahan yang betul berkaitan kaedah penilaian maklumat yang sebenar (Jadual 4.17 dan 4.18). Mereka juga masih belum berkemahiran untuk menyusun, menulis dan mempersebahkan maklumat secara efektif, (Jadual 4.10, 4.11 dan 4.12). Seterusnya kurang menghasilkan idea-idea baru untuk dikongsi bersama (Jadual 4.16). Mereka hanya berupaya menyampaikan semula apa yang telah dinyatakan dalam bahan yang mereka gunakan. Pelajar juga masih belum menguasai perilaku LM tahap 6. Kebanyakan mereka juga kurang mengamalkan etika dalam mengguna dan mempersebahkan maklumat.

Begitu juga dapatan daripada analisis naskah laporan kerja kursus KST, turut memperlihatkan bahawa cara kebiasaan pelajar dalam menghasilkan KKS belum menunjukkan pelajar menguasai tahap LM yang dikehendaki seperti yang terdapat dalam KLMP.

Tahap LM yang mereka kuasai hanya di tahap menentukan topik, menulis isi kandungan dan penghargaan sahaja iaitu tahap LM paling asas.

Manakala dapatan analisis skima pemarkahan KST pula menunjukkan bahawa kelemahan penguasaan tahap literasi pelajar ini mempunyai kaitan dengan skima pemarkahan LPM. Kaedah penskoran markah terhadap bahan maklumat yang dikumpul agak longgar. Skor markah hanya berdasarkan jumlah jenis bahan rujukan bukan melihat kepada kesahihan, kerelevan dan kekinian bahan rujukan. Terdapat juga kekeliruan fakta berkaitan sumber-sumber bahan yang dinyatakan dalam Skor Berdasarkan Elemen (SBE) iaitu melawat tempat kajian yang dianggap oleh penyelidik sebagai kaedah kajian.

Begitu juga skor pemarkahan di elemen 2: merekod fakta sejarah mengikut format yang telah ditetapkan oleh LPM (Jadual 4.30) hanya tertumpu kepada berapa jumlah format yang telah diikuti oleh pelajar bukan berdasarkan kepada perincian setiap format tersebut. Dalam format LPM juga tidak memasukkan persoalan, kepentingan dan batasan kajian, cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan, penggunaan petikan dalam teks dan kepelbagaiannya persembahan maklumat terutama yang melibatkan penggunaan grafik. Malah penghasilan esei di elemen 3 juga tidak menggambarkan kepada penghasilan idea baru. Ini kerana penskoran markah hanya tertumpu kepada berapa nilai-nilai patriotisme yang sudah ditetapkan oleh LPM dan telah dinyatakan oleh pelajar dalam penulisan esei tersebut.

Oleh itu dapatan daripada soal selidik, analisis kandungan laporan kerja kursus KST dan analisis skima pemarkahan LPM telah menjawab persoalan kajian ini iaitu tahap LM pelajar masih di tahap yang rendah sebagaimana hasil kajian yang dijalankan oleh

Saifuddin (2000). Begitu juga dapatan kajian Nor Hashimah (2007) menunjukkan bahawa pelajar sangat lemah dalam mencari dan memilih maklumat. Cara kebiasaan pelajar dalam menghasilkan KKS (KKS) belum menunjukkan mereka menguasai ciri-ciri LM yang sepatutnya. Dapatan ini telah menyokong pendapat Abrizah, (2008) di mana hasil kerja kursus pelajar kurang menampakkan ciri-ciri LM. Mereka seolah-olah melaksanakan kerja kursus hanya untuk memenuhi kehendak LPM semata-mata. Ini jelas sekali disebut oleh beberapa orang pelajar dalam objektif perlaksanaan kerja kursus iaitu “*untuk memenuhi sukatan pelajaran tingkatan tiga/ syarat-syarat keperluan peperiksaan PMR*” (Pelajar L20) dan “*sebagai persediaan menghadapi PMR*” (Pelajar L28). Dapatan ini juga telah menyokong hasil kajian Hart (2002) di sebuah sekolah rendah Galant, Cape Town, Afrika Selatan di mana kerja kursus yang dijalankan hanya sekadar untuk memenuhi sukatan pelajaran semata-mata. Pelajar masih perlu diberikan pendedahan dan bimbingan yang berterusan dan menyeluruh bagi membolehkan mereka menghasilkan KKS yang bercirikan LM. Ini kerana kemahiran maklumat/ LM sangat diperlukan dalam melaksanakan KKS (Avann, 1985; Wray, 1985; Kuhlthau, 1993; Todd, 1995; Abrizah, 2008; Nor Fariza & Azizah, 2009). Malah menurut Smith & Hepworth (2007), pelajar sebenarnya masih kurang jelas tentang elemen-elemen yang terdapat dalam LM. Mereka mencadangkan agar banyak kajian-kajian dilakukan bagi membentuk model pengajaran LM yang boleh digunakan untuk mengajar pelajar dalam melaksanakan kerja kursus (Smith & Hepworth, 2007). Malah, Ungar (2010) telah memperakukan kenyataan ini di mana modul LM yang dibinanya untuk mengajar LM telah membantu pelajar melaksanakan kajian, menghindari plagiat dan menghasilkan pengetahuan baru.

Dapatan daripada soal selidik dan laporan kerja kursus KST menunjukkan bahawa satu strategi lain perlu digunakan untuk mendedahkan pelajar sekolah menengah rendah kepada penulisan yang lebih matang bagi menunjukkan pencapaian LM yang lebih tinggi.

### **7.2.3. Persoalan Kajian 3:**

**Apakah keperluan pelajar berdasarkan amalan LM dalam penghasilan KKS kepada pembentukan satu modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM)?**

Dapatan daripada analisis soal selidik, laporan kerja kursus KST dan skima pemarkahan KST turut menjawab persoalan ini. Permasalahan yang timbul daripada ketiga-tiga instrumen ini akan digunakan untuk membentuk modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) bagi menghasilkan KKS yang bercirikan LM. Permasalahan-permasalahan yang timbul telah diulas dalam bab 4 dan telah digambarkan melalui *rich picture* (Rajah 4.1). Penghasilan MPPKLM merupakan cadangan alternatif kepada penyelesaian masalah yang dikenalpasti menerusi kaedah sistem lembut (*Soft System Methodology* (SSM)). Sistem tersebut telah digambarkan secara keseluruhan menerusi Rajah 6.1 iaitu bermula daripada peringkat 1 SSM: penentuan masalah sehingga kepada pembentukan, pelaksanaan dan penilaian MPPKLM dalam bab 6.

Daripada permasalahan yang timbul, dapat disimpulkan bahawa penghasilan MPPKLM sangat perlu bagi membantu pelajar di sekolah berasrama penuh menghasilkan KKS yang

bercirikan LM. Antara kehendak dan keperluan pelajar kepada pembentukan MPPKLM bagi menghasilkan KKS yang bercirikan LM adalah seperti berikut:

- a) cara memfokus dan menskop tajuk kajian;
- b) cara menulis objektif, persoalan, kaedah, kepentingan dan batasan kajian;
- c) strategi pencarian maklumat yang betul dan tepat dari sumber cetak dan sumber elektronik;
- d) kepelbagaian sumber maklumat, jenis, kegunaan dan kepentingannya;
- e) kepelbagai saluran (channel) yang boleh digunakan untuk pencarian maklumat;
- f) cara-cara menentukan kesahihan, kekinian dan kerelevan maklumat (cara menilai maklumat) dari segi bahan cetak dan bahan elektronik;
- g) cara-cara merekodkan maklumat;
- h) cara penyimpanan maklumat dalam bentuk elektronik dan cetak;
- i) cara-cara penyusunan dan pengklasan maklumat mengikut kategori;
- j) cara-cara menyenaraikan rujukan yang berkaitan;
- k) cara membandingbeza, mengolah dan mengulas maklumat menggunakan ayat sendiri;
- l) cara menggabungjalin maklumat dari sumber yang berbeza melalui petikan dalam teks;
- m) format persembahan menggunakan pelbagai bentuk grafik;
- n) teknik persembahan yang berkesan dan mengikut format;
- o) cara membuat rumusan hasil pembelajaran;
- p) cara membuat refleksi terhadap produk dan proses yang dilalui;
- q) cara penghasilan idea baru dalam pelbagai format;
- r) cara penulisan cadangan untuk kajian lanjutan;
- s) cara membuat lampiran;
- t) cara penulisan petikan dalam teks;
- u) cara penyenaraian senarai rujukan berdasarkan petikan dalam teks;
- v) cara penulisan kapsyen; dan
- w) gaya penulisan sumber rujukan yang betul dan kosisten.

Keperluan kepada pembentukan modul LM juga ditegaskan oleh Smith & Hepworth (2007) dan Ungar (2010) bagi melahirkan pelajar yang celik maklumat. Oleh itu penghasilan MPPKLM dalam kajian ini adalah merupakan satu usaha ke arah mencapai matlamat tersebut.

#### **7.2.4. Persoalan Kajian 4.**

##### **Sejauhmanakah kesesuaian MPPKLM dalam membantu menghasilkan KKS bercirikan LM?**

Bagi membentuk Modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) untuk menghasilkan KKS bercirikan LM, penyelidik terlebih dahulu mengenalpasti modul-modul LM yang sesuai digunakan. Daripada modul-modul yang telah dikenalpasti, penyelidik telah membentuk Model Literasi Maklumat Penyelidik (MLMP) berdasarkan model pencarian maklumat *The Big Six* oleh Eisenberg & Berkowitz (1990a, 1990b, 1996, 2001) dan model Empowering 8 (Pemadasa, 2006). Pemilihan ini berdasarkan kerana model *The Big Six* agak mudah digunakan dan lebih dikenali ramai (Woolls, 2006) manakala model *Empowering 8* pula kerana ia model LM terkini yang dibina berdasarkan tahap-tahap kemahiran kognitif dalam Teksonomi Bloom (Pemadasa, 2006).

MPPKLM ini menggunakan model rekabentuk pengajaran Dick & Carey (1998). Pemilihan rekabentuk pengajaran ini adalah berdasarkan kesesuaian model dalam menganalisis, merekabentuk, mengembangkan, mengimplmentasi serta menilai bahan pembelajaran yang

dihasilkan. Setiap langkah dalam model tersebut akan menerima input daripada langkah-langkah sebelumnya dan memberi output bagi langkah yang seterusnya (Yusup, 1998). Tahap-tahap dalam MLMP telah dijadikan isi kandungan MPPKLM.

Keberkesanan penggunaan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat dalam meningkatkan prestasi pembelajaran telah banyak diperkatakan oleh pengkaji-pengkaji tempatan seperti Koh (1977), Rohana (1988), Kamdi (1990), Rosniza (1999), Goh (2003) dan Chandrika (2003). Namun kajian penggunaan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) dalam menghasilkan KKS yang bercirikan LM merupakan hasil baru yang dilakukan menerusi kajian ini.

Malah menurut Smith & Hepworth (2007) kajian-kajian tentang penggunaan modul pengajaran LM dalam membimbing pelajar melaksanakan KKS masih kurang dilakukan. Mereka turut mendapati bahawa guru tidak menggunakan sebarang model LM untuk mengajar pelajar dalam melaksanakan KKS. Begitu juga kajian Hart (2002) mendapati bahawa kebanyakan guru tidak menerima latihan bagaimana untuk mengendalikan KKS. Breivik (1998) juga sebelum ini turut mendapati bahawa kajian berkaitan mengenalpasti atau menilai kaedah-kaedah terbaik mengajar LM ini amat berkurangan. Demikian juga Bondi (2002) yang mencadangkan agar kajian berkaitan model-model pengajaran LM yang sesuai perlu dilakukan.

Walau bagaimanapun, Ungar (2010) menerusi kajiannya, telah membuktikan bahawa penggunaan modul pengajaran LM telah berjaya membantu pelajar melaksanakan kajian, menghindari plagiat dan menghasilkan pengetahuan baru.

Oleh itu, bagi menjawab persoalan ini, penyelidik telah menyediakan satu borang penilaian MPPKLM (Lampiran B) untuk digunakan oleh sekumpulan panel yang dipilih bagi membincangkan kesesuaian, kelemahan dan kekuatan MPPKLM termasuk borang refleksi kendiri (BRK). Penyelidik juga telah menguji MPPKLM dengan meminta seorang guru KST (Guru A) menggunakan MPPKLM sebagai bahan bantu mengajar ketika mengendalikan kelas KST.

Hasil analisis borang penilaian MPPKLM, naskah laporan kerja kursus KST dan borang refleksi kendiri (BRK) pelajar kajian telah mendapati bahawa modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) yang telah dihasilkan telah dapat membantu pelajar melaksanakan KKS secara sistematik dan berfokus. BRK yang telah disediakan mampu memandu pelajar melaksanakan tugas secara berperingkat dan bertindak sebagai senarai semak kepada pelajar dalam melaksanakan keseluruhan kajian. Penambahbaikan format penghasilan KKS menerusi MPPKLM seperti keperluan kepada penghasilan soalan, batasan dan kepentingan kajian, cadangan-cadangan untuk kajian lanjutan, penggunaan petikan dalam teks, pernyataan rujukan berdasarkan petikan dalam teks, kepelbagaiaan persembahan maklumat berbentuk grafik, dan lain-lain telah membantu pelajar untuk menghasilkan KKS yang bercirikan LM. Sungguhpun demikian, beberapa cadangan penambahbaikan MPPKLM telah dikenalpasti. Antaranya:

- a. cara penyampaian maklumat dalam MPPKLM perlu dipermudahkan mengikut tahap kecerdasan pelajar;
- b. sediakan makanisma yang sesuai untuk pelajar mudah menilai kesahihan maklumat;
- c. perlu diwujudkan sistem perfailan yang sesuai untuk pelajar menguruskan maklumat;

- d. bimbingan terhadap cara penggunaan petikan dalam teks dan gaya penulisan rujukan yang berterusan.

Walau bagaimanapun, kelemahan-kelemahan pelajar yang masih belum diatasi melalui MPPKLM ini seperti pernyataan objektif kajian pelajar, penggunaan petikan dalam teks, dan sebagainya, boleh diperbaiki kerana pelajar ini baru didedahkan kepada penghasilan KKS (KKS) yang bercirikan LM menggunakan MPPKLM.

Keadaan ini menunjukkan bahawa MPPKLM boleh membantu pelajar menghasilkan KKS yang bercirikan LM. Walau bagaimanapun MPPKLM ini hanya terhad penggunaannya kepada kelompok pelajar yang cemerlang yang berada di sekolah berasrama penuh sahaja. Bagi kelompok pelajar yang lemah, MPPKLM perlu dimurnikan semula berpandukan kepada cadangan-cadangan penambahaikan yang diberikan di atas. Melalui MPPKLM ini, adalah diharap agar tahap penguasaan LM pelajar dapat ditingkatkan.

### **7.3. SIGNIFIKAN KAJIAN**

Kajian ini telah memberikan beberapa sumbangan dari aspek: a) penggunaan SSM dalam mengkaji perlaksanaan LM dalam KKS; b) penghuraian masalah perlaksanaan LM berdasarkan pelbagai perspektif pihak yang berkepentingan (*stakeholders*); c) memperkenalkan penggunaan MPPKLM sebagai satu kaedah melaksanakan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) di sekolah berasrama penuh (SBP); dan d) penghasilan KLMP yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar.

### **7.3.1 Penggunaan Kerangka Kaedah Sistem Lembut (SSM) dalam Mengkaji Perlaksanaan LM dalam KKS**

Masalah utama berkaitan isu LM di Malaysia ialah tiada penguatkuasaan atau organisasi yang diberi tanggungjawab untuk menguatkuaskan LM di sekolah-sekolah. Oleh itu wujud situasi di mana isu LM disebut dan panduan dikeluarkan tanpa fahaman yang betul berkaitan konsep LM yang sebenarnya. Menerusi kajian Saifuddin (2000) turut mengenangkan perkara yang sama berkaitan konsep pemahaman LM. Mereka memahami LM sebagai kemahiran maklumat. Panduan yang dibekalkan oleh pihak Kementerian lebih kepada program LM yang berfokus kepada pencarian maklumat di perpustakaan. Disebabkan perkara tersebutlah Yaacob & Samsuri (2003) mendapati bahawa masalah utama murid-murid sekolah ialah penguasaan LM yang rendah.

Disebabkan sukar untuk mendapatkan gambaran yang jelas berkaitan isu LM ini, maka penyelidik melalui kajian ini, telah menggunakan pendekatan kerangka kaedah sistem lembut (SSM) bertujuan untuk menerokai masalah sejauhmana perlaksanaan LM dalam KKS pelajar. SSM dibina untuk memahamkan situasi permasalahan yang kompleks menggunakan kaedah sistem yang dicadangkan menerusi situasi permasalahan sebenar. Ia merupakan satu pendekatan untuk memecahkan situasi permasalahan yang tidak terstruktur berdasarkan analisis holistik (Checkland & Scholes, 1990; Mason & Willcocks, 1994). Oleh itu, menerusi SSM, permasalahan berkaitan isu LM telah dapat dikenalpasti, digambar dan dilihat dengan mudah berdasarkan perspektif pihak yang berkepentingan. Satu kaedah penyelesaian untuk mengubah proses sedia ada telah dicadang, dibanding dan dilaksanakan bagi melihat perubahan, seterusnya dibuat penilaian semula bagi menentukan keberkesanannya. Sebelum ini, keberkesanannya SSM dalam mengenalpasti permasalahan LM

di peringkat pengajian tinggi telah dibuktikan melalui kajian Nor Edzan (2007). Oleh itu sumbangan utama kajian ini ialah penggunaan pendekatan yang belum pernah digunakan untuk mengkaji masalah dan perlaksanaan LM di sekolah, iaitu menfokuskan kajian dengan mengenali masalah terlebih dahulu seperti yang diperlukan dari pendekatan sistem lembut.

### **7.3.2 Penguraian Masalah Perlaksanaan LM Berdasarkan Pelbagai Perspektif Pihak yang Berkepentingan (*Stakeholders*).**

Pendekatan SSM dalam kajian ini telah membantu mengenalpasti permasalahan berkaitan perlaksanaan LM dalam KKS pelajar dari perspektif mereka yang berkepentingan, iaitu pelajar, guru dan proses yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan. Bagi mengenalpasti permasalahan ini, beberapa kaedah pengumpulan data telah digunakan iaitu; a) kajian perpustakaan; b) kajian tinjauan menggunakan soal selidik; c) analisis kandungan laporan kerja kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST); dan d) analisis kandungan skima pemarkahan KST. Daripada tinjauan dan analisis-analisis data yang telah dilakukan terhadap keempat-empat instrumen di atas, permasalahan telah dikenalpasti dan dikelompokkan kepada 3 kumpulan yang berkepentingan iaitu; a) kumpulan pertama: guru mata pelajaran, GPM dan KPM; b) kumpulan kedua: pelajar; dan c) kumpulan ketiga: badan penggubal KKS. Oleh itu, sumbangan kajian ini ia lahir kejayaan memperlihatkan masalah dengan jelas melalui gambaran RP (*rich picture*) yang terdapat di Rajah 4.1.

### **7.3.3 Memperkenalkan penggunaan Modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) sebagai satu kaedah melaksanakan Kerja Kursus Kajian Sejarah Tempatan (KST) di Sekolah Berasrama Penuh (SBP).**

Pengkaji telah mengutarakan penggunaan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat untuk melaksanakan LM di kalangan pelajar yang menjalankan kerja kursus KST di sekolah menengah berasrama penuh (SBP). Pendekatan ini dianggap sesuai kerana (a) pelajar sekolah asrama mempunyai kurang masa untuk mencari maklumat dan menggunakan panduan boleh membantu murid menyelesaikan kerja kursus mereka dalam masa yang ditentukan; (b) pelajar juga adalah mereka yang mempunyai kelayakan dan prestasi akademik yang tinggi dan dijangka boleh berdikari dan menggunakan panduan tanpa banyak pengawasan dari guru mereka; dan (c) panduan berupaya menstrukturkan langkah pencarian maklumat dengan memberikan cara mencari dan contoh-contoh.

MPPKLM yang dibentuk adalah adaptasi daripada modul LM *The Big Six* (Eisenberg & Berkowitz, 1990a, 1990b, 1996, 2001) dan model *Empowering 8* (Pemadasa, 2006) yang telah diterjemahkan ke dalam MLMP (Model Literasi Maklumat Penyelidik) (Jadual 5.2 & Rajah 5.2). MLMP adalah menyamai piawaian LM yang terdapat dalam KLMP (Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik) (Jadual 5.3). Kelemahan dan kekurangan pelajar dalam menghasilkan KKS bercirikan LM telah dijadikan kehendak dan keperluan kepada penghasilan MPPKLM ini. Kelemahan dan kekurangan tersebut turut digunakan sebagai panduan membina objektif dan isi kandungan MPPKLM. Perbandingan situasi yang sedang berlaku dengan sistem yang dicadangkan menerusi MPPKLM digambarkan pada Jadual 5.7. Disebabkan modul yang dibina ini lebih tertumpu kepada pembelajaran secara kendiri, maka penyelidik telah berpandukan rekabentuk pengajaran Dick & Carey (1990) dalam

menghasilkan MPPKLM. Model pengajaran Dick & Carey (1990) lebih memberi penekanan kepada tumpuan sistem iaitu guru hanya bertindak sebagai pemudahcara manakala pelajar akan belajar sendiri melalui bahan yang disediakan. Peringkat-peringkat pengajaran dalam Model pengajaran Dick & Carey (1990) telah diperjelaskan dalam bab 5. Oleh itu MPPKLM yang dihasilkan boleh digunakan oleh pelajar SBP dalam menghasilkan KKS.

#### **7.3.4 Penghasilan KLMP yang boleh digunakan sebagai penanda aras tahap LM pelajar.**

Disebabkan Malaysia masih belum mempunyai piawaian LM kebangsaan (Yaacob & Samsuri, 2003; Edzan & Mohd Sharif, 2005). Penyelidik telah membentuk Kerangka Literasi Maklumat Penyelidik (KLMP) (Jadual 4.2) untuk dijadikan penanda aras tahap LM pelajar. KLMP merupakan adaptasi daripada piawaian LM ASSL (American Association of School Librarian, 1998) dan ANZIIL (*Australian and New Zealand Institute for Information Literacy*, 2004) yang diterjemah dan disampaikan menggunakan bahasa yang mudah difahami. KLMP telah dijadikan pengukur tahap LM ketika menganalisis soal selidik, laporan KST dan skima pemarkahan KST. KLMP turut dirujuk dalam penghasilan MPPKLM.

#### **7.4. CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Berdasarkan kajian ini, terdapat dapatan yang mungkin boleh dilanjutkan dalam kajian lain untuk memberi manfaat yang lebih terhadap penghasilan KKS dan perkembangan bidang LM dalam sistem pendidikan di Malaysia. Berikut adalah cadangan-cadangan kajian lanjutan yang boleh dilakukan:

- a) Kajian ini dijalankan dengan menggunakan Kaedah Campuran kuantitatif dan kualitatif secara triangulasi. Data kuantitatif diperolehi daripada soal selidik dan data kualitatif diperolehi daripada analisis laporan kerja kursus KST dan skima pemarkahan KST. Adalah dicadangkan agar kajian akan datang menggunakan pendekatan kualitatif melibatkan pemerhatian dan temubual pelajar.
- b) Kajian ini hanya berfokus kepada kelompok pelajar yang tinggal di sebuah sekolah berasrama penuh (SBP) dalam penghasilan kerja kursus sekolah (KKS). Bagi kajian lanjutan disaran agar meluaskan sampel kajian melibatkan pelajar-pelajar daripada keseluruhan SBP atau pelajar-pelajar daripada jenis sekolah yang pelbagai; sekolah harian biasa, sekolah menengah kebangsaan agama, dan sekolah menengah teknik. Perbandingan boleh dilakukan antara jenis-jenis sekolah dalam aspek penghasilan KKS.
- c) Kajian ini juga hanya tertumpu kepada KKS Kajian Sejarah Tempatan (KST). Disarankan agar kajian lain dibuat ke atas subjek lain yang memerlukan kepada penghasilan KKS. Perbandingan boleh dilakukan dari segi penghasilan KKS mengikut subjek.

- d) Kajian ini hanya berpandukan kepada KLMP yang telah diadaptasi daripada piawaian LM antarabangsa sebagai penanda aras tahap LM pelajar. Dicadangkan agar dijalankan kajian lain bagi mengenalpasti nilai-nilai LM berdasarkan pandangan pakar-pakar LM kebangsaan untuk dicadangkan sebagai piawaian LM kebangsaan bagi kegunaan pelbagai peringkat umur.
- e) Penghasilan modul panduan pembelajaran kendiri literasi maklumat (MPPKLM) dalam kajian ini juga adalah berdasarkan hasil analisis keperluan pelajar di peringkat SBP. Dicadangkan agar dijalankan kajian lain bagi memurnikan lagi MPPKLM yang sedia ada agar ia sesuai diguna oleh pelbagai peringkat umur.
- f) Penilaian MPPKLM hanya dilihat dari aspek keberkesanannya dalam membantu menghasilkan KKS bercirikan LM. Dicadangkan agar dijalankan kajian lain bagi menguji kesahan kandungan modul ini.

## **7.5. RUMUSAN DAN PENUTUP**

LM merupakan kemahiran untuk mengenalpasti keperluan maklumat, mencari, mengesan, memilih, menilai, mengurus, menyusun, menganalisa, mengolah, mengulas, mengguna, mempersebah dan mengaplikasikan maklumat secara beretika. LM merupakan asas bagi pembelajaran samada berbentuk elektronik mahupun bukan. LM bukan untuk kerja-kerja projek sekolah semata-mata, malah ia menyeluruh kepada kerja-kerja harian, dalam perniagaan, kesihatan, rekreasi dan pelbagai aktiviti lain. LM adalah kemahiran yang perlu dipelajari dan dimiliki oleh setiap individu sebagai prasyarat untuk melangkah ke era globalisasi maklumat. Manusia perlu menguasai maklumat bagi menjamin keselesaan hidup. Setiap individu yang berhadapan dengan maklumat, perlu tahu membeza dan menilai kesahihan maklumat kerana maklumat sentiasa berganda. Setiap individu juga perlu beretika dalam mengguna dan menghasilkan maklumat-maklumat baru bagi menjamin kesinambungan peradaban dunia. Penghayatan, pemahaman dan pengamalan LM perlu diterapkan bermula dari peringkat awal persekolahan lagi agar ia mampu melahirkan generasi penyelidik dan pereka bukan generasi pengguna semata-mata.

Oleh itu pelbagai pihak perlu tampil berperanan dalam mengembangkan LM ini. Di sekolah, Guru Perpustakaan dan Media (GPM) melalui Pusat Sumber Sekolah (PSS) perlu mempromosikan LM semaksimum mungkin. Selain mempunyai kepakaran LM yang mencukupi, GPM perlu lebih berperanan sebagai penggerak kepada perlaksanaan program LM di sekolah-sekolah, sejajar dengan kehendak abad ke 21 dan untuk memenuhi keperluan guru dan pelajar (Williams, 2010). PSS patut berperanan sebagai agensi intelektual yang akan memperkembangkan pengetahuan dan pemahaman (Todd, 2010). Program PSS perlu menjurus kepada mempromosikan LM seperti menekankan tentang

penghargaan kepada penggunaan karya-karya silam melalui petikan dan ulasan menyeluruh (Oberg, 2001) dan menggalakkan kepada pertambahan ilmu-ilmu baru (Yaacob & Samsuri, 2003). LM perlu diajar secara berterusan bagi memastikan kesinambungannya. LM perlu diterapkan dalam kurikulum persekolahan dan tidak dilaksanakan secara berasingan (Willison & O'Regan, 2005) kerana ia lebih menampakkan hasil berbanding pengajaran tradisional (Mokhtar & Majid, 2006b). Guru-guru mata pelajaran perlu dibantu agar mempunyai kemahiran LM. Ini kerana pembentukan LM di sekolah bermula daripada guru yang berliterasi maklumat (Henri, 2001; Merchant & Hepworth, 2002). GPM juga boleh berkerjasama dengan guru-guru mata pelajaran dalam penghasilan KKS pelajar bagi memastikan KKS yang dihasilkan pelajar mampu memperlihatkan ciri-ciri LM yang sepatutnya.